

**Bil. 44**

**Khamis  
29 November 2018**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 7)
<b>PENERANGAN DARIPADA MENTERI DALAM NEGERI DI BAWAH P.M. 14(1)(i):</b> <i>- Insiden Pergaduhan dan Rusuhan Di Kuil Sri Maha Mariamman Seafield, Subang Jaya</i>	(Halaman 26)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 30)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2019 <b><u>Jawatankuasa:-</u></b> <b><u>Jadual:-</u></b> Maksud B.26 Maksud B.27 Maksud B.28	(Halaman 32) (Halaman 77) (Halaman 105)
<b>USUL-USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripad31 Peraturan Mesyuarat	(Halaman 30)
Usul Anggaran Pembangunan 2019 <b><u>Jawatankuasa:-</u></b> Maksud P.26 Maksud P.27 Maksud P.28	(Halaman 32) (Halaman 77) (Halaman 105)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PKR
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] – PPBM
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] – PKR
3. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
4. “ Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
5. “ Menteri Pertahanan, Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] – PPBM
7. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
8. “ Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PKR
9. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PKR
10. “ Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
11. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
12. “ Menteri Sumber Manusia, Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
14. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
15. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] – PPBM
16. “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
17. “ Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar [Kuala Langat] – PKR
18. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim Bandar Baharu] – PKR
19. “ Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian [Selangau] – PKR
20. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PKR
21. “ Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
22. “ Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP

23. Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
24. “ Menteri Wilayah, Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
25. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
26. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Mohamaddin bin Ketapi [Silam] – WARISAN
28. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy – *Senator*

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah, Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading] – PPBM
2. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik [Tanjong Piai] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Eddin Syazlee Shith [Kuala Pilah] – PPBM
5. “ Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
7. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
8. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
10. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
11. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
12. “ Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
14. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
15. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
17. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
18. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH

19. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
20. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
21. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PKR
22. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
23. “ Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
24. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Haji Marzuki bin Yahya – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Liew Chin Tong – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad - *Senator*

#### AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
3. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PKR
6. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
7. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
8. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
9. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] - PKR
10. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
12. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
13. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
14. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
15. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
16. “ Puan Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
17. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
18. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
19. “ Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
20. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasar Gudang] – PKR
21. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
22. “ Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PKR
23. “ Tuan Jugah a/k Muiyang @ Tambat [Lubok Antu] – PKR
24. “ Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai] – PKR

25. Yang Berhormat Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
26. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
27. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
28. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
30. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
31. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
32. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
33. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PKR
34. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
35. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
36. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
37. “ Dato’ Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] – PPBM
38. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
39. “ Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
40. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
41. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
42. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
43. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
44. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
45. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
46. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
47. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
48. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
49. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
50. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
51. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
52. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
53. “ Dato’ Seri Dr. Santhara [Segamat] – PKR
54. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
55. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
56. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
57. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
58. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
59. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
60. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
61. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
62. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
63. “ Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR

- 64 Yang Berhormat Tuan Wong Chen [Subang] – PKR  
 65 “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP  
 66 “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP  
 67 “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] – DAP  
 68 “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP  
 69 “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP  
 70 “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] – DAP

#### AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO
3. “ Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO
4. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
5. “ Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
6. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
7. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
8. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
9. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
12. “ Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
13. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO
14. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
15. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
16. “ Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO
17. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
18. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
19. “ Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
20. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
21. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – UMNO

22. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
23. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
24. “ Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
25. “ Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
26. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
27. “ Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
28. “ Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
29. “ Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
30. “ Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
31. “ Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
32. “ Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
33. “ Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
34. “ Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
35. “ Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
36. “ Dato' Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
37. “ Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
38. “ Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – UMNO
39. “ Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – UMNO
40. “ Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
41. “ Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] - UMNO
42. “ Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
43. “ Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] - UMNO
44. “ Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
45. “ Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands] - MIC
46. “ Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
47. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
48. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
49. “ Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
50. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – UMNO



51. Yang Berhormat Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

#### AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]
3. “ Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]
4. “ Tuan Ahmad Fadhi bin Shaari [Pasir Mas]
5. “ Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]
6. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
7. “ Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]
8. “ Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]
9. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]
10. “ Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]
12. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]
13. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai]
14. “ Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]
15. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
16. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
17. “ Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]
18. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]

#### AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit]
3. “ Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya]
4. “ Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]
5. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
6. “ Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas]
7. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
8. “ Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong]
9. “ Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
10. “ Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
11. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
12. “ Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong]
13. “ Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

**AHLI-AHLI (BEBAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis]
2. “ Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah]
3. “ Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai]
4. “ Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]

**AHLI-AHLI (PRS)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit]
2. “ Dato' Masir anak Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
3. “ Datuk Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

**AHLI-AHLI (WARISAN)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
2. “ Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]
3. “ Datuk Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
4. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan]

**AHLI-AHLI (PDP)**

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

**AHLI-AHLI (PBS)**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu]

**AHLI-AHLI (PBR)**

1. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]

**AHLI-AHLI (UPKO)**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran]

**AHLI-AHLI (SUPP)**

1. Yang Berhormat Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP

**AHLI-AHLI (STAR)**

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]

**DEWAN RAKYAT****Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Amisyahrizan bin Amir Khan

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nor Sakinah binti Samat

Nurammarah binti Md Isa

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KEDUA**

**Khamis, 29 November 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan P. Prabakaran [Batu]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah kementerian mempunyai perancangan untuk memperluaskan Program Mini Terminal Sejahtera (MINTS) ke seluruh PPR dan perumahan awam di Kuala Lumpur .

**Menteri Wilayah [Tuan Khalid bin Abd Samad]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca sepotong doa]* Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu di atas soalan yang ditanyakan. Untuk makluman Yang Berhormat Batu, Terminal Sejahtera mula diperkenalkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB), seperti namanya pada masa itu, pada tahun 2011. Manakala MINTS itu pula yang dikendalikan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan, mula diperkenalkan pada tahun 2017.

Program ini dibangunkan untuk menyediakan kemudahan pembelajaran sendiri di luar waktu sekolah bertujuan mengurangkan jurang pencapaian akademik dan meningkatkan prestasi pelajar dari kalangan isi rumah berpendapatan rendah. Sasaran pengguna adalah pelajar-pelajar dari golongan berpendapatan 40 peratus terendah, iaitu B40, atau pendapatan keluarga di bawah RM3,000 sebulan iaitu yang digelar sebagai miskin bandar. Keutamaan diberikan kepada pelajar yang tidak mempunyai tuisyen persendirian lain di luar.

Pelajar yang terlibat berpeluang mengikuti program-program pendidikan di samping dapat mengakses secara percuma sistem ulang kaji atas talian serta kemudahan-kemudahan pembelajaran yang lain. Pusat ini mempunyai makmal komputer yang membolehkan para pelajar mendapat tuisyen secara atas talian (*online*) dengan akses internet yang baik. Di samping itu, pusat ini juga mempunyai kemudahan-kemudahan lain seperti bilik tutorial untuk kelas dan ruangan menunggu untuk kemudahan pelajar dan ibu bapa.

Sehingga kini, sebanyak lima Terminal Sejahtera dan lapan Mini Terminal Sejahtera (MINTS) telah dibangunkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai ruang yang selesa kepada anak-anak yang menetap di kawasan perumahan awam (PA) dan projek perumahan rakyat (PPR) untuk mengulang kaji pelajaran dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

Tuan Yang di-Pertua, tinggal 30 saat sahaja lagi. Kementerian Wilayah Persekutuan akan meneruskan usaha ini dengan mengkaji konsep pelaksanaannya dengan lebih menyeluruh untuk diintegrasikan dengan inisiatif yang lain seperti Program Perpustakaan Wilayah Persekutuan dan Program Mini Perpustakaan di kawasan PA dan PPR. Konsep program ini akan diperluaskan selaras dengan kedudukan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia pada tahun 2020. Pembangunannya juga akan diintegrasikan dengan pusat-pusat setempat yang lain seperti mana yang digariskan dalam program kebajikan Kementerian Wilayah Persekutuan yang sedang dirancang untuk tahun 2019.

Justeru, premis ini akan dibangunkan dengan ciri-ciri pelbagai guna yang tidak terhad kepada aktiviti pembelajaran sahaja tetapi boleh juga digunakan untuk aktiviti-aktiviti lain.

Apa yang penting, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui DBKL dan Yayasan Wilayah Persekutuan menasaskan melaksanakan sekurang-kurangnya lima program ini setahun dan kawasan Parlimen Batu tidak akan diabaikan, *insya-Allah*. Semua PPR dan PA akan diberikan kemudahan yang seperti ini. Terima kasih.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Terima kasih atas jawapan dan penerangan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya bersyukur kerana pihak kerajaan meneruskan program yang baik ini. Adakah pihak kerajaan dapat memberikan peruntukan tambahan ataupun dana khas untuk program ini supaya dapat dinikmati oleh lebih ramai anak-anak warga kota yang tercicir di kawasan-kawasan yang lain? Tidak semestinya terhad untuk PPR dan perumahan awam sahaja, malah di kawasan-kawasan terutamanya Kampung Warisan ataupun Kampung Baru.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Batu. Apa yang dicadangkan buat masa ini, tumpuan kita hanya untuk kawasan perumahan awam dan perumahan PPR. Akan tetapi, apa yang dicadangkan itu boleh kita pertimbangkan.

Sebenarnya projek ini dijalankan daripada peruntukan daripada beberapa sumber. Di antaranya daripada Yayasan Wilayah Persekutuan yang menentukan jumlah sebanyak RM50,000 bagi setiap satu MINTS setahun.

#### ■1010

Maknanya kalau sekarang ini, dia orang uruskan lapan, sudah 400,000 setahun dan mungkin kita akan anjakkan sehingga ke 15 ataupun 16 MINTS bagi kelolaan Yayasan Wilayah, maknanya dalam 800,000. Pada masa yang sama, DBKL itu sendiri pun ada peruntukannya dan itu pun kita akan tetapkan dalam program kebajikan yang sedang dirangka oleh Kementerian Wilayah.

Pada masa yang sama, oleh kerana kita sudah kaitkan juga dengan Jabatan Perpustakaan dan program perpustakaan mini dan perpustakaan bergerak yang dijalankan, maka ini pun juga akan merupakan salah satu sumber dana untuk mengadakan program-program seperti ini. Cadangan Yang Berhormat Batu untuk mengambil kira kawasan kampung-kampung tradisi akan saya bawa kepada mesyuarat Kementerian Wilayah supaya kita masukkan dalam program kebajikan kementerian. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Siapakah pemegang amanah Yayasan Wilayah dan berapa peruntukan yang ada di Yayasan Wilayah? Adakah projek RUMAWIP akan diteruskan? Berapa banyak sudah projek RUMAWIP ini? Bagaimana program pembangunan komuniti dan pusat jagaan komuniti yang ada di PPR, adakah ia akan diteruskan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Mungkin oleh kerana Yang Berhormat Pontian itu datang daripada Johor pagi tadi. Dia tidak faham soalan yang ditanya, minta maaf ya Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya duduk di Kuala Lumpur lama Yang Berhormat Menteri, sampai sekarang. Setiap minggu balik kawasan-kawasan, jadi saya tahu apa yang berlaku di Wilayah.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Baik, mungkin Yang Berhormat Pontian tahu apa yang berlaku di Kuala Lumpur tetapi soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Pontian tidak kena *line*. Fasal yang ditanya oleh Yang Berhormat, biarlah saya jawab. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tadi Yang Berhormat Menteri sebut Yayasan Wilayah, apa salahnya saya soal tentang Yayasan Wilayah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pontian, biarlah Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Yang ditanya oleh Yang Berhormat Batu ialah mengenai MINTS iaitu satu kemudahan untuk yang dikatakan Mini Terminal Sejahtera untuk menggalakkan budaya membaca, menyediakan suasana yang baik bagi mereka-mereka

yang duduk di kawasan-kawasan PPR dan perumahan awam kerana dia orang ini, budak-budak ini, anak-anak kita ini apabila dia hendak belajar dalam *flat* mereka itu, suasananya kurang mengizinkan, maka kita sediakan apa yang dikatakan Mini Terminal Sejahtera itu.

Untuk memudahkan mereka, mereka boleh turun ke bawah, ada bilik ataupun ada ruang, ada terminal komputer, ada perpustakaan kecil, ada tempat dia boleh buat kerja, yang lebih selesa untuk mereka. Inilah yang dijadikan dalam soalan ini, bukan soalan RUMAWIP. RUMAWIP itu...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri Wilayah mesti boleh jawab apa sahaja soalan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Boleh, *insya-Allah* boleh. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pontian, minta kebenaran dahulu ya.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Dia bukan soal boleh jawab atau tidak boleh jawab Tuan Yang di-Pertua. Ini soal, soalan yang tersasar jauh. Tidak ada kena mengena dengan soalan asal tetapi peruntukan yang ada pada Yayasan Wilayah untuk membuat program MINTS ini memang mencukupi *insya-Allah* untuk tahun hadapan.

Yayasan Wilayah ini adalah merupakan kita punya *welfare arm*, sayap bagi Kementerian Wilayah untuk melakukan kerja-kerja kebajikan, hanya dahulu tidak digunakan dengan baik, seperti mana yang sepatutnya. Banyak buat program untuk ketua bahagian, sekarang ini Kementerian Wilayah buat untuk warga Kuala Lumpur bagi golongan B40. Bukan untuk ketua bahagian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan selepas pengumuman penambahan bilangan penerbangan tambahan untuk laluan Kuala Lumpur – Kuching dan Kuala Lumpur – Sibu baru-baru ini, adakah CAAM dan MAVCOM bersedia untuk meluluskan penerbangan tambahan untuk laluan Johor Bahru – Kuching dan Johor Bahru – Sibu menjelang musim perayaan Krismas dan Tahun Baru Cina memandangkan permintaan yang amat tinggi daripada puluhan ribu anak Sarawak yang bekerja di JB dan harga tiket tambang murah dari JB ke Sarawak sewaktu musim perayaan kini mencecah RM1,500 seorang.

**Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi. Untuk makluman Yang Berhormat Mas Gading, secara prinsipnya, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) akan mempertimbangkan dan meluluskan permohonan penerbangan tambahan ke mana-mana laluan domestik sekiranya menerima permohonan dari syarikat penerbangan bagi menampung peningkatan permintaan di musim-musim perayaan.

Ini adalah termasuk permohonan penerbangan tambahan ke laluan Johor Bahru – Kuching dan Johor Bahru – Sibu bagi musim perayaan Krismas dan Tahun Baru Cina. Dalam hubungan ini, bagi laluan Johor Bahru – Kuching, pihak MAVCOM dan CAAM telah meluluskan sebanyak 13 penerbangan tambahan yang disediakan oleh *AirAsia*. Menjadikan jumlah penerbangan bagi musim perayaan Tahun Baru Cina kepada 75 penerbangan iaitu penambahan penerbangan sebanyak 17.3 peratus.

Selanjutnya bagi laluan Johor Bahru – Sibu, pihak MAVCOM dan CAAM telah meluluskan sebanyak 13 penerbangan tambahan yang disediakan oleh *AirAsia*. Menjadikan jumlah penerbangan bagi musim perayaan Tahun Baru Cina kepada 41 penerbangan iaitu penambahan penerbangan sebanyak 31.7 peratus.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada penambahan 13 penerbangan ini, pihak *AirAsia* jua akan memperkenalkan penerbangan *red-eye flights* iaitu akan menambah satu lagi penerbangan setiap hari untuk tempoh 13 hari, di antara Johor Bahru ke Sibu pada waktu tengah malam dengan harga tetap iaitu RM149 sahaja untuk sektor Johor Bahru – Sibu. Penjualannya akan bermula dalam masa beberapa hari lagi. Jadi, *check out the price*.

Menurut MAVCOM buat masa ini, pihaknya tidak menerima sebarang permohonan penerbangan tambahan dari syarikat penerbangan bagi musim perayaan Krismas. Pada masa ini kekerapan semasa musim perayaan Krismas yang telah diluluskan oleh MAVCOM

dan CAAM untuk perkhidmatan penerbangan bagi laluan Johor Bahru – Kuching adalah sebanyak 31 penerbangan seminggu. Bagi laluan Johor Bahru – Sibul adalah sebanyak 10 penerbangan seminggu. Dalam hubungan ini, kedua-dua laluan tersebut dioperasikan oleh AirAsia Berhad. Untuk makluman Yang Berhormat, saya telah memantau sendiri untuk laluan JB – Kuching dan JB – Sibul untuk musim perayaan Krismas, harganya masih berpatutan, masih terkawal iaitu untuk sehalu dalam lingkungan tidak lebih daripada RM300.

Jadi, tidak benar bahawa ia mencecah RM1,500 dan kita sentiasa memantau supaya harga tiket kapal terbang di antara Semenanjung ke Sabah dan Sarawak akan sentiasa terkawal dan pihak MAVCOM akan terus memantau perkara ini dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, tahniah atas perkembangan yang sangat positif untuk penduduk Sarawak. Jadi, saya ingin bertanya tentang memandangkan kos penerbangan sangat tinggi semasa musim cuti sekolah atau musim perayaan, ini menyebabkan para pelajar terutama pelajar universiti yang hendak balik bercuti, tidak kiralah cuti semester ataupun cuti perayaan agak terbeban.

Jadi, adakah pihak kementerian ada perancangan untuk mengadakan satu sistem atau mekanisme tambang khas untuk pelajar universiti. Mungkin sekali setahun ataupun dua kali dalam tempoh pengajian, terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook:** Untuk makluman Yang Berhormat Mas Gading, memang kita tahu bahawa adalah masalah untuk pelajar-pelajar semasa musim perayaan untuk balik ke Sarawak dengan harga tambang yang tinggi. Itu sebabnya pada tahun ini, kita telah meminta syarikat-syarikat penerbangan menambah banyak penerbangan supaya ia dapat menurunkan harga tiket kapal terbang. Khasnya, untuk *midnight flight* itu ataupun *red-eye flight* ini, harga ditetapkan pada RM149 di antara KL ke Kuching ataupun KL ke Sibul.

Cadangan untuk memperkenalkan diskaun khas kepada pelajar-pelajar, itu perlu kita pertimbangkan dan kita perlu kaji untuk mungkin pelaksanaan tahun hadapan, saya tidak dapat janji sekarang ini tetapi apa yang kita janji, kita telah meminta setiap syarikat penerbangan tambah *flights*. Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada *AirAsia*, saya pada pagi tadi telah dimaklumkan bahawa pihak *Malindo* juga telah pun memohon untuk menambah penerbangan di antara Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu untuk tempoh dua minggu semasa musim perayaan Tahun Baru Cina.

Pertambahan sebanyak 69 laluan ataupun 69 penerbangan dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu dan daripada Kuala Lumpur ke Kuching, pertambahan sebanyak 46 penerbangan menjadikan keseluruhan untuk tempoh dua minggu adalah 124 penerbangan untuk *Malindo*, di antara Kuala Lumpur ke Kuching.

Saya hendak tegaskan bahawa ini bukannya *one-off*, bukannya hanya untuk musim Tahun Baru Cina, saya akan memastikan supaya setiap syarikat penerbangan ini untuk setiap musim perayaan, sama ada Hari Raya, Hari Gawai, Hari Kaamatan juga akan kita letakkan ataupun perkenalkan pertambahan penerbangan-penerbangan ini untuk tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, pastikan *everyone can fly*. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa untuk kemukakan soalan tambahan kedua.

#### ■1020

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah, apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk menambah penerbangan di antara yang lebih spesifik di Kota Bharu ke Kota Kinabalu dan Kota Bharu ke Kuching atau mana-mana destinasi di Borneo? Ini kerana saya melihat daripada setakat ini hanya *AirAsia* sahaja yang ada beroperasi daripada Kota Bharu *direct flight* ke Kuching dan juga ke Kota Kinabalu. Sedangkan setiap kali *flight* itu kita naik kita nampak penuh. Ini saya rasa kerajaan juga perlu pertimbangkan untuk MAS menyediakan penerbangan *direct flight*.

**Tuan Loke Siew Fook:** Untuk makluman Yang Berhormat, kita sentiasa pertimbangkan. Oleh sebab, seperti yang saya katakan tadi secara prinsipnya kita tidak ada masalah untuk mana-mana syarikat penerbangan menambah penerbangan mereka tetapi itu adalah pertimbangan komersial. Jadi, kita kena mendapatkan permohonan daripada syarikat



penerbangan. Kalau MAS hendak tambah daripada Kota Bharu ke Kuching, Kota Bharu ke Kota Kinabalu sudah tentunya tidak ada masalah untuk kita meluluskan permohonan itu. Akan tetapi itu ada pertimbangan komersialnya di peringkat syarikat.

Jadi, saya tahu bahawa umpamanya untuk Kota Bharu ke Kuching ataupun Kota Bharu ke Sabah, maka perlu ada pertambahan kalau ada permintaan yang lebih tinggi pada musim-musim perayaan, kita akan melihat kepada permintaan. Oleh sebab kita akan cuba memastikan supaya ada *matching*. Kalau untuk musim Tahun Baru Cina, sudah tentunya adalah sektor di antara Kuala Lumpur ke Kuching umpamanya, Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu. Akan tetapi untuk musim perayaan Hari Raya umpamanya, sudah tentunya kita akan menambah penerbangan Kuala Lumpur ke Kota Bharu ataupun Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu, Kuala Lumpur ke Alor Setar dan sebagainya kerana ada permintaan pada ketika musim perayaan tersebut. Untuk Pesta Kaamatan sudah tentunya fokus akan diberikan kepada di antara sektor-sektor di Semenanjung ke Sabah, untuk Hari Gawai di antara Kuala Lumpur ataupun Johor Bahru ke Sarawak. Jadi, kita akan melihat bagaimana untuk menambah penerbangan itu, melihat kepada permintaan pada satu-satu musim perayaan.

Jadi, saya mengambil pertimbangan akan cadangan daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Saya akan berbincang dengan pihak MAS supaya mereka juga menambah penerbangan di antara Kota Bharu ke Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**3. Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah murid-murid yang tidak meneruskan sekolah dari Darjah 6 ke Tingkatan 1 dan apakah alasan mereka tidak menyambung persekolahan.

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Putatan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kadar transisi murid di sekolah rendah ke Tingkatan 1 mulai tahun 2014 hingga tahun 2017 telah menunjukkan trend yang meningkat iaitu daripada 95.06 peratus kepada 97.52 peratus. Peratus keciciran murid pada peringkat sekolah rendah juga telah menunjukkan penurunan daripada 0.34 peratus kepada 0.29 peratus. Sasaran daripada tahun 2019, keciciran di sekolah rendah adalah 0.27 peratus. Jadi, kita akan cuba menyasarkan penurunan yang lebih banyak pada tahun 2019 nanti.

Beberapa faktor telah dikenal pasti mengakibatkan murid-murid tercicir daripada sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang berbeza dari satu tempat ke tempat yang lain dan berbeza daripada satu komuniti kepada komuniti yang lain. Antara dikenal pasti ialah faktor kemiskinan, sikap murid yang tidak berminat, sikap ibu bapa yang tidak mengambil berat, sakit, kecacatan ataupun kelainan upaya, masalah sosial, masalah pembelajaran, termasuklah perkahwinan kanak-kanak di bawah umur.

Bagi membendung masalah ini, KPM telah menyediakan pelbagai skim bantuan yang diteruskan semenjak daripada dahulu lagi. Begitu juga KPM menyediakan beberapa biasiswa kepada murid daripada golongan berpendapatan rendah yang cemerlang iaitu Biasiswa Kecil Persekutuan. KPM telah melaksanakan inisiatif peningkatan akses daripada peringkat prasekolah hingga peringkat menengah atas untuk menangani keciciran murid ke sekolah. Di era Malaysia baharu ini, KPM telah mengeluarkan Garis Paduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di sekolah (GPMBC) pada 1 Jun 2018 dengan sasaran penurunan kes keciciran murid.

GPMBC membantu pihak sekolah mengenal pasti murid berisiko cicir, mengurus murid berisiko cicir secara berkesan dan sistematik serta memastikan pemantauan murid berisiko cicir dapat dibuat oleh pihak-pihak berkenaan. Terkini, KPM di bawah kerajaan baharu telah mengambil pendekatan secara mikro bagi menyelesaikan masalah keciciran murid di sekolah. Program Sifar Cicir Murid (PSCM) iaitu inisiatif bagi mengumpul data keciciran secara mikro dimulakan secara rintis di negeri Perlis, Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi, PPD Hulu Langat, PPD Pasir Mas, PPD Kluang dan PPD Kulai.

Program ini melibatkan pelbagai kementerian, agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan dan badan bukan kerajaan demi menangani isu keciciran. JPM dan PPD yang terlibat dalam rintis PSCM ini telah diminta untuk mengenal pasti ikon dalam kalangan pihak istana, industri kerajaan dan wakil rakyat bagi menarik minat komuniti kawasan tersebut untuk bersama-sama menangani isu keciciran murid. Setakat ini, program rintis tersebut telah berjaya mengesan dan menempatkan semula murid cicir ke sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.

Program ini akan diperluaskan kepada semua JPN di seluruh negara bagi mencapai matlamat sifar keciciran di sekolah. Bagi mereka yang berkelainan upaya pula, seperti yang telah saya ulangi banyak kali di Dewan yang mulia ini, *zero reject policy*, dengan izin, ataupun *policy zero reject* akan dikemukakan pada tahun hadapan untuk memastikan tidak ada lagi murid kelainan upaya yang tercicir dalam pelajaran mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu jawapan yang mantap hingga terjawab soalan saya yang kedua sudah. Okey, akan tetapi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulangi permintaan saya agar satu-satunya bangunan untuk pra-U di SMK Putatan di kawasan Parlimen saya, dapat dibina. Setakat ini satu-satunya bangunan yang digunakan cuma menggunakan bangunan sementara, saya pohon. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Putatan di atas keprihatinan terhadap pendidikan di kawasan Parlimen. Tahniah saya ucapkan. Bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, kita mengambil cakna terhadap cadangan yang diberikan iaitu untuk menubuhkan pra-U ataupun Tingkatan 6 di kawasan Parlimen. Saya akan mengarahkan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah untuk mengambil langkah yang sepatutnya. Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan bahawa kerajaan ada skim untuk membantu murid berkelainan upaya. Soalan saya adalah, apakah usaha dan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk memperbanyakkan lagi kelas pendidikan khas untuk membantu golongan murid ini?

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang telah disebutkan sebelum ini bagi Yang Berhormat Ipoh Timur, di dalam penggulungan yang lepas, saya telah memberi tahu bahawa *zero reject policy* ialah salah satu daripadanya. Begitu juga kita menggalakkan program *inclusive* iaitu kehadiran pelajar-pelajar ini untuk bersama dengan pelajar-pelajar arus perdana. Di dalam belanjawan pada tahun 2019 baru-baru ini, buat pertama kalinya bilangan besar RM146 juta telah diberikan untuk pendidikan khas. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk membantu murid-murid berkeperluan khas. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menyudahi ucapan ini dengan sebuah puisi daripada WS. Rendra. Hari ini saya tidak bawa pantun untuk jawab pantun.

*Kesedaran adalah matahari,  
Kesabaran adalah bumi,  
Keberanian menjadi cakerawala,  
Dan perjuangan adalah pelaksanaan kata-kata.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

*Terima kasih daun keladi,  
Kalau ada, bagi lagi.*

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Mohon satu lagi soalan Yang Berhormat, pantun hebat itu, bagi satu tambahan soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini waktu Pertanyaan Menteri, tidak ada soalan tambahan. Sila baca peraturan mesyuarat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan komitmen pemantauan jaminan kualiti air dan mencukupi bagi tujuan domestik di kawasan pedalaman seperti Sabah, Sarawak dan Pantai Timur.

■1030

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kapar. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kapar ada menanyakan soalan berkenaan dengan jaminan kualiti air dan adakah ia mencukupi untuk tujuan domestik di kawasan pedalaman seperti Sabah, Sarawak dan Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, air terawat yang dibekalkan kepada orang ramai perlu mematuhi standard kualiti minimum iaitu garis panduan mutu air minimum kebangsaan yang diterbitkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Garis panduan ini berasaskan kepada penerbitan dengan izin Malaysia standard atau standard Malaysia MS 2320:2010; *Drinking Water Quality Requirement* oleh Jabatan Standard Malaysia yang dijadikan sebagai standard kualiti air minuman kebangsaan.

Kebanyakan nilai parameter yang ditetapkan dalam standard tersebut adalah berdasarkan kepada garis panduan kualiti air yang dikeluarkan oleh WHO. Sebagai badan kawal selia industri bekalan air Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bertanggungjawab memastikan kualiti air sentiasa selamat dan terjamin melalui pelaksanaan inisiatif seperti berikut:

- (i) audit sistem bekalan air;
- (ii) pemantauan kualiti air oleh operator-operator air;
- (iii) pemantauan kualiti air oleh pihak ketiga seperti Kementerian kesihatan Malaysia (KKM) terutamanya bagi Sabah dan Sarawak di mana Sabah dan Sarawak tidak dikawal selia oleh SPAN.

Tuan Yang di-Pertua, SPAN juga telah bekerjasama dengan KKM bagi melaksanakan *water safety plan* iaitu satu kaedah yang diperkenalkan oleh WHO untuk mengenal pasti dan menangani risiko-risiko yang boleh menjejaskan kualiti air dari sumber hingga rumah pengguna. Bagi memastikan kualiti air sentiasa selamat dan terjamin, air dianalisa secara berkala di loji rawatan air serta sistem agihan oleh operator air yang melibatkan parameter fizikal, kimia dan bakteriologi.

KKM turut melakukan pemantauan kualiti air bagi memastikan air yang dibekalkan mematuhi had piawai yang ditetapkan berdasarkan standard kualiti air minuman kebangsaan. Daripada pemantauan secara kerap dan rapi oleh operator air dan KKM, bekalan air yang dibekalkan kepada pengguna negara ini secara amnya mematuhi standard kualiti minuman yang ditetapkan dan adalah bersih dan selamat. Terima kasih.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti jawapan Menteri. Saya menghayati syarat dan iltizam kerajaan. Saya lalui pengalaman negeri-negeri wilayah Sabah, wilayah Sarawak dan Pantai Timur. Kualiti air di Pantai Timur bergantung banyak kepincangannya melalui isu paip. Manakala di Sabah, sasaran untuk masuk ke rumah-rumah itu tidak kelihatan. Mereka bergantung kepada air sungai. Mereka bergantung kepada air telaga. Mereka bergantung kepada air hujan. Selama 55 tahun wilayah dalam Sabah dan Sarawak masuk dalam ke Semenanjung.

Akan tetapi, yang jelas mereka tidak menikmati apa yang Timbalan Menteri bicarakan tadi. Selama 55 tahun berlalu. Sengsara mereka saya rasai, derita mereka saya lalui. Saya tahu tuntutan itu tuntutan keperluan asas yang tidak boleh kita kompromi. Bayangkan kalau itulah keluarga yang kita hadapi di masa ke semasa akan datang, bagaimana generasi akan datang menikmati keperluan asas yang mereka menuntut tidak boleh mereka peroleh.

Maka, soalan saya yang cukup tegas dan saya hendak komited daripada kementerian, bahawa apakah langkah drastik kementerian untuk memastikan wilayah Sabah, wilayah Sarawak dan Pantai Timur dapat menikmati kualiti air yang sebenar dan sampai

kepada sasaran setelah 55 tahun mereka derita. Mohon penjelasan Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya jemput Yang Berhormat Kapar kemukakan soalan tapi dia berpidato dalam Parlimen sedikit. Jika ada pertandingan pidato, Yang Berhormat Kapar mesti dapat juara. Sila Menteri.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih, Yang Berhormat Kapar. Saya ingin memaklumkan sekali lagi kepada Yang Berhormat Kapar. Sabah dan Sarawak tidak dikawal selia oleh SPAN, maksudnya bukan di bawah kementerian. Itu yang kena betulkan suasana.

Apa yang kita maklumkan, Sabah dan Sarawak kita menggalakkan supaya mereka *migrate* ataupun dengan kata lain penstrukturan semula industri perkhidmatan bagi bekalan air dengan Kerajaan Pusat. Maksudnya kena buat itu. Kalau selagi tidak ada *migration*, dengan izin jadi susahlah sebab berbeza kuasa negeri dengan kuasa Pusat.

Masalah berkenaan kawasan Pantai Timur mungkin termasuk Kelantan, Pahang dan juga Terengganu. Apa masalah yang berlaku air bersih ini ia bukan hanya bergantung kepada jabatan kami, ia juga berhubung kait juga dengan kualiti air sungai itu sendiri. Di mana seperti mana yang kita tahu salah satu daripada penyebab air ini tidak boleh diproses kerana kekeruhan air. Kekeruhan air ini mungkin disebabkan oleh pembalakan di *upstream* ataupun perladangan yang besar yang tidak mengikut peraturan. Saya boleh katakan di sini secara umum sahaja. Ada separuh kawasan dalam tinjauan kami, ada kebun-kebun atau kawasan-kawasan perladangan besar, mereka tidak mengikut peraturan di mana dengan izin, *buffer zone* ataupun kawasan *free* untuk sungai turut dicerobohi.

Jadi, sekiranya tidak ada kerjasama daripada pihak kerajaan negeri khususnya, pihak kerajaan negeri ini ia mempunyai kuasa berbeza dengan Kerajaan Pusat. Sebagainya contohnya, kalau berkenaan dengan tanah ataupun pertanian, ia *relate* atau ia banyak berhubung dengan kerajaan negeri. Jadi, Kerajaan Pusat sebenarnya tidak ada kuasa untuk kita mengambil tindakan ataupun *enforcement* apa-apa yang berlaku seperti berlaku kekeruhan air disebabkan oleh lumpur-lumpur masuk dalam sungai, di mana loji-loji yang tidak boleh memproses sungai terpaksa ditutup ataupun mungkin dalam keadaan tertekan, mereka proses juga tapi mungkin air itu tidak— mungkin atas permintaan, mungkin tidak berapa jernih macam begitu.

Jadi, untuk kawasan Pantai Timur, kita daripada Kerajaan Pusat, khususnya KATS akan banyak bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk kita sama-sama mengatasi masalah, contohnya kekeruhan air ini supaya loji-loji yang berhampiran dapat memproses air itu dengan baik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, Lipis...

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Libaran mohon untuk satu soalan dari Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Libaran.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Terima kasih banyak.

Soal air ini saya ambil bahagian kerana tersebut Sabah. Saya juga daripada Sabah bahagian Libaran. Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan sistem penuaian air hujan (SPAH) yang diperkenalkan ketika krisis Lembah Klang pada tahun 1998 turut juga menggunakan secara meluas di negara lain untuk keperluan orang awam seperti Jepun, Korea yang bertujuan untuk mengumpul dan menggunakan bekalan air bersih.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah juga sebagai satu negeri bersama-sama dengan Malaysia. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Kapar yang telah meng*highlight*kan bahawa Sabah memang— di pedalaman Sabah, terutama sekali di kawasan Libaran memang tidak ada air bersih melalui paip dan bergantung harap daripada air hujan.

## ■1040

Soalan saya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang untuk melakukan kajian inovasi terhadap sistem penuaian air atau SPAH yang meningkatkan kualiti tersebut untuk tujuan minuman dan masakan bagi mengatasi air di kawasan pedalaman? Terutama sekali di kawasan saya di Libaran, banyak kawasan kampung-kampung luar bandar ini masih juga mengharapkan supaya air bersih dapat digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah pihak Kementerian mengadakan kerjasama dengan pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk mengoptimumkan penggunaan sumber secara penuh bagi menyediakan akses pembekalan air berkualiti kepada kawasan-kawasan luar bandar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat Libaran. Apa yang Yang Berhormat Libaran maksudkan tadi tentang kajian inovasi, memang pihak Kementerian bukan hanya kajian inovasi sahaja yang kita buat tetapi banyak kajian-kajian lain yang kita buat. Contohnya, air bawah tanah, ORS iaitu *off-river storage* dan macam-macam lagi bagi mengatasi masalah ini.

Cuma, saya hendak *highlight*kan, hendak bagi tahu di sini, kerjasama antara Sabah dan Sarawak ini kekangannya adalah kerana belum dipenstrukturkan semula. Itu sahaja. Kalau Sabah dan Sarawak boleh *migrate, migration*, dengan izin, saya rasa banyak perkara yang kita boleh selesaikan.

Berkenaan dengan masalah luar bandar itu, ia adalah di bawah Kementerian KPKT. Pihak kami daripada Kementerian KATS sentiasa bekerjasama dan juga akan mengadakan kerjasama yang lebih banyak lagi selepas ini untuk menaik tarafkan. Oleh sebab, kita faham sebelum ini, sebelum Kerajaan Pakatan Harapan baharu ini di mana Kementerian antara Kementerian, penyelarasan itu kurang. Jadi, selepas ini kita akan buat lebih baik lagi. Sebagai contohnya, kalau KPKT sebelum ini membuat mungkin bekalan air Sabah dan Sarawak, pihak kami KATS atau sebelum ini NRE ataupun di bawah KeTTHA tidak tahu projek tersebut. Ada yang kita dimaklumkan sehingga kini, ada tangki-tangki air yang dibuat tetapi air tiada.

Jadi, selepas ini kita akan ambil lebih prihatin masalah-masalah yang berlaku supaya ia boleh dibuat kerjasama antara Kementerian dengan Kementerian. Terima kasih.

**2. Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan drastik Kementerian bagi menyelaraskan dan menghapuskan perbezaan gaji di antara pekerja wanita dan lelaki.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar yang menanyakan soalan berkaitan dengan isu perbezaan gaji antara pekerja wanita dan lelaki.

Prinsipnya, tidak ada perbezaan antara lelaki dan wanita dari segi gaji. Gaji Yang Berhormat dengan gaji saya sama sahaja dari segi gaji Ahli Parlimen. Tidak begitu, Tuan Yang di-Pertua? Dia sama walaupun saya lelaki, Yang Berhormat seorang wanita. Tidak ada perbezaan antara gaji Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekarang dengan Yang Berhormat Port Dickson suatu ketika dahulu. Cuma, mungkin skim gaji Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekarang ini agak lebih tinggi daripada Yang Berhormat Port Dickson. Akan tetapi, hakikatnya tidak berlaku perbezaan kerana wanita dan lelaki.

Apa yang berlaku dari segi penetapan gaji ini, ia berasaskan kepada perjawatan itu sendiri dan juga kelayakan akademik yang ditentukan oleh pihak majikan itu sendiri sama ada sektor awam ataupun sektor swasta. Juga, berasaskan kepada kemampuan kepada sektor awam dan juga kemampuan kepada majikan di peringkat sektor-sektor swasta. Ia berdasarkan juga pada pengalaman, khususnya dari segi sektor swasta ini, ia sudah tentu mengambil kira soal-soal pengalaman dan juga kemahiran mereka bekerja untuk diberikan kedudukan tangga gaji dan sebagainya.

Adapun dari segi kerajaannya, kita telah pun cuba untuk membuat penetapan kepada gaji minimum untuk memastikan supaya setiap pekerja tidak boleh mendapat gaji lebih rendah daripada apa yang telah pun ditentukan oleh pihak kerajaan. Jadi, melalui itu, kita telah menubuhkan Akta Majlis Perunding Gaji Negara 2011 untuk memperjelaskan bahawa semua pekerja adalah berhak untuk mendapat gaji minimum.

Perintah terbarunya kita akan kuatkuasakan pada Januari ini iaitu RM1,100 untuk seluruh Malaysia. Dahulu ada perbezaan antara wilayah ini, antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan juga Labuan. Akan tetapi selepas ini kita akan sama ratakan semua di Semenanjung dan juga di sebelah Sabah dan Sarawak dan juga Labuan iaitu kepada kadar RM1,100. Jadi, lelaki atau perempuan, dia akan dapat gaji minimum yang sama.

Kemudian, dalam seksyen 60L Akta Kerja 1955 serta seksyen 118B Ordinan Buruh Sabah dan juga seksyen 119B Ordinan Buruh Sarawak telah membuat penetapan tidak boleh berlaku sebarang diskriminasi terhadap pekerja. Sama ada wanita ataupun lelaki, majikan tidak boleh melakukan apa-apa diskriminasi.

Malaysia, untuk pengetahuan Yang Berhormat, telah pun meratifikasikan Konvensyen ILO No. 100 – *Equal Remuneration* pada tahun 1997. Melalui langkah ini, ia memperjelaskan komitmen Malaysia di peringkat global bahawa sebarang bentuk diskriminasi akan ditentang sehabis-habisan dan tidak sewajarnya berlaku dalam mana-mana sektor.

Di peringkat Kementerian Sumber Manusia, kita cuba membantu pihak majikan dengan menyediakan garis panduan indeks gaji sebagai rujukan majikan dalam hendak menetapkan had gaji permulaan pekerja dalam satu-satu perkhidmatan pekerjaan tetapi tidak boleh bawah daripada gaji minimum.

Jadi, ini yang cuba dilakukan oleh pihak kerajaan dalam memastikan supaya keadilan kepada semua itu akan dapat diperolehi. Terima kasih.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, sememangnya saya bersetuju juga dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi hakikatnya, perkara ini ada yang berlaku, mungkin di sesuatu syarikat atau multinasional. Ia harus dikaji semula. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil inisiatif ini untuk mengkaji semula dan melihat semula keseluruhan negara sekiranya perkara ini masih berlaku dan mungkin akan berlaku.

Saya ada petua untuk Yang Berhormat Menteri. Pada zahirnya berwatak lembut, wanita ini, Yang Berhormat Menteri. Mindanya '*gelisa mengocak alam*'. Saya memberi petua ini, Yang Berhormat Menteri, supaya saya selepas ini dapat menerima satu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang menepati kehendak wanita Malaysia.

Soalan saya. Yang Berhormat Menteri, saya sebenarnya berasa cemas ketika membaca satu kajian bahawa perbezaan ini diramalkan hanya dapat dihapuskan pada tahun 2069, sekiranya sikap dan halangan-halangan sistematik yang ada berterusan. Halangan-halangan sistematik yang sedia ada wujud di tempat-tempat kerja kerana memang pada awalnya ia diguna pakai dan diterima sebagai kebiasaan atau *the norm*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat setuju, satu kaedah *name and shame* berbentuk kaedah ketelusan wajib dilaksanakan oleh setiap syarikat dan firma yang mempunyai bilangan pekerja tertentu iaitu kaedah mempamerkan pendapatan, gaji dan bonus serta imbuhan-imbuhan lain di *website* syarikat tersebut? Ini mesti disahkan oleh pekerja-pekerja di syarikat tersebut supaya data-data ini tidak dimanipulasikan dan diubah. Ini diikuti pula dengan tindakan radikal mengarahkan dan memastikan setiap firma dan syarikat yang mengamalkan diskriminasi ini diarahkan kenaikan gaji untuk pekerja wanita secara serta-merta— pernah dibuat di *United Kingdom*, Yang Berhormat Menteri— untuk wanita yang menerima gaji lebih rendah dari lelaki.

Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1050

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar. Hakikatnya di Malaysia ini memang ada isu-isu yang berkaitan dengan menunjukkan gaji wanita melebihi daripada gaji lelaki. Khususnya kalau saya lihat di sini apa maklumat yang saya ada, *technician* dan *associate professional*. Gaji wanita lebih daripada gaji lelaki, walaupun lebih itu tidaklah begitu banyak dan sebagainya. Itu antara yang berlaku. Jadi dia ikut jenis-jenis pekerjaan dan sebagainya yang diberikan oleh pihak majikan.

Namun bagi saya bahawa kalau ada sebarang bentuk diskriminasi seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat itu, sepatutnya bagi sektor-sektor yang mempunyai *Union* ya, mempunyai kesatuan sekerja jika berlaku diskriminasi itu atas jantina ini saya fikir seharusnya mereka boleh membuat aduan kepada pihak *Union*. *Union* boleh bertindak dan

untuk memaklumkan kepada JTK dan juga kepada JPP di bawah Kementerian Sumber Manusia bahawa itu adalah suatu yang menyalahi kalau itu berlaku kerana jantina, soal kerana dia wanita lalu di diberikan gaji yang lebih rendah. Jadi boleh dibuatkan aduan kepada pihak Kementerian Sumber Manusia.

Jadi saya fikir bahawa ini yang diamalkan di negara kita, tidak berlaku sesuatu diskriminasi. Akan tetapi dalam konteks hendak menentukan gaji minimum seperti yang saya sebut tadi bahawa, berasaskan kepada kemampuan yang ada kepada pihak majikan. Sama ada pada sektor awam, kerajaan itu sendiri mahupun di peringkat swasta. Soal hendak mempamerkan dan sebagainya, itu di luar daripada bidang untuk memaksa mereka untuk mempamerkan gaji, bonus dan sebagainya yang diberikan. Akan tetapi hak pekerja kalau dia merasakan bahawa ada diskriminasi terhadap dia, tidak kita dia lelaki atau dia perempuan, di boleh buat aduan kepada kesatuan dan kesatuan boleh bertindak kepada pihak kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja dan sebagainya, *insya-Allah*.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setiawangsa sebenarnya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Kangsar bahawa sebenarnya memang wujud masalah dari segi perbezaan gaji. Kalau *Salaries and Wages Survey Report 2016* menyebutkan setiap ringgit yang didapati oleh pekerja lelaki di Malaysia, hanya 79 sen diperoleh wanita dalam pekerjaan yang sama. Jadi selain daripada cadangan melaporkan kepada kementerian dan sebagainya, apakah langkah-langkah yang difikirkan sesuai oleh kementerian untuk diambil supaya kita dapat mengatasi masalah ini secara serius dan penyertaan wanita di dalam ekonomi mendapat sumbangan yang sewajarnya, ataupun penghargaan yang sewajarnya.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Mengikut Akta Kerja 1955, peruntukan perlindungan yang sama ke atas semua pekerja yang bekerja di negara kita ini. Maknanya dalam hal ini peruntukan undang-undang yang sama adalah terpakai kepada semua pekerja sama ada dia lelaki atau pun perempuan, sama ada dia pekerja asing ataupun pekerja tempatan. Jadi sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti merupakan satu sistem yang mewujudkan hubungan yang lebih rapat di antara upah yang juga produktiviti atau prestasi pekerja atau syarikat. Ia dapat memastikan sebarang kenaikan upah selaras dengan peningkatan produktiviti prestasi yang lebih tinggi.

Sistem ini juga membolehkan pekerja-pekerja mendapat bahagian ataupun upah yang adil hasil daripada peningkatan produktiviti dan prestasi pekerja. Namun begitu, apa yang saya hendak sebut juga kepada Yang Berhormat Setiawangsa dan juga kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar, pendapatan kalau dari segi pendapatan bagi saya, pendapatan ya, bukan gaji ya, pendapatan. Pendapatan ini memang kadang-kadang akan berlaku. Saya akui, lebih kepada lelaki sebab atas kerana kadang-kadang lelaki itu kalau di sektor swasta ini dia buat *overtime* lebih umpamanya.

Contoh dia buat *overtime* lebih, jadi dia akan dapat pendapatan yang lebih. Wanita ini dengan permasalahan-permasalahan kehidupan dia dan tanggungjawab dia yang lebih di rumah tangga dia dan sebagainya. Jadi, dia mungkin agak kurang untuk buat kerja lebih masa dan sebagainya. Ini menyebabkan mungkin dari sudut pendapatan, pendapatan secara keseluruhannya itu akan berkurangan berbanding dengan pendapatan yang diperoleh oleh pekerja lelaki. Akan tetapi prinsipnya bagi saya, kita tidak berlaku diskriminasi terhadap dari sudut penggajian, perbezaan antara lelaki dan wanita. Jika berlaku, jika wujud secara spesifiknya itu boleh buat aduan seperti mana yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**3. Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah langkah kementerian yang hanya memecahkan monopoli Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dengan memberi lesen kepada beberapa syarikat berkemungkinan juga membentuk oligopoli yang mengawal pasaran beras.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan rombongan daripada Parlimen Bayan Baru daripada Bayan Baru, dan untuk warga Bayan Baru saya ingin kirim salam rindu dan cinta kepada kamu semua. *[Tepuk]*

Okey untuk Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Tangga Batu. Pada ketika ini hak dan kebenaran mengimport beras, beras putih atau beras *specialty* diberi kepada BERNAS dengan tanggungjawab BERNAS melaksanakan lima obligasi sosial. Setelah perjanjian konsesi tamat pada tahun 2021 kerajaan akan membuka peluang kepada

syarikat-syarikat lain melaksanakan pengedaran beras dan mengambil tanggungjawab terhadap lima obligasi sosial tersebut.

Modul baharu ini masih dalam peringkat perbincangan dan perlu diteliti dengan terperinci mengambil kira semua aspek merangkumi sekuriti makanan negara dan kebajikan pemain industri termasuk petani, pengilang serta rakyat keseluruhannya sebagai pengguna terakhir. Perkara ini sedang dikaji secara menyeluruh oleh Jawatankuasa Peringkat Menteri Bagi Kajian Semula Dasar Monopoli yang diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Kerajaan amat mengalu-alukan sebarang pandangan lain untuk diambil kira dan dipertimbangkan. Dalam hal ini kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang prihatin terhadap isu-isu berkaitan sekuriti makanan terutamanya beras yang merupakan makanan ruji negara. Sekian, terima kasih.

**Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Soalan tambahan saya, bagaimanakah dengan memecah monopoli ini iaitu BERNAS daripada mengimport beras daripada luar memberikan daya saing dan masa depan yang lebih baik kepada pesawah-pesawah tempatan.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita tahu bahawa sebarang monopoli secara umumnya, menyebabkan tidak ada persaingan. Disebabkan tiada persaingan maka mereka tidak ada motivasi untuk memajukan industri. Untuk kes dari segi Padiberas, kerana monopoli yang begitu panjang, maka ada pelbagai masalah yang berlaku kepada petani, pesawah, pengilang dan juga *the whole* rantaian ya, *the chain*, rantaian *market* itu. Jadi itu sebab pada kerajaan kita ingin membuka pasaran. Kita ingin hentikan sebarang monopoli, membuka pasaran kepada persaingan. Persaingan itu baik untuk semua dan dia akan memajukan, berlumba-lumba antara satu sama lain dan dia akan membantu dari segi *the whole supply chain* ya.

Saya ingin tegaskan juga di sini bahawa, penamatan monopoli itu bukan *personal*. *It's nothing personal* terhadap BERNAS. Kita ini adalah secara sebagai satu polisi kerana kita tahu ada beberapa lagi monopoli yang akan diberhentikan. Contohnya MyEG, Puspakom dan sebagainya di dalam perbincangan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Jadi itu adalah— kita tahu bahawa kita harus memupuk satu sektor swasta yang lebih dinamik dan lebih *open* supaya— dan monopoli itu harus dihentikan. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat. Apabila BERNAS diberikan monopoli import beras, salah satu tanggungjawab yang diberikan kepada BERNAS adalah untuk menjaga kebajikan pesawah. Salah satunya adalah sebagai pembeli terakhir padi. Iaitu apabila pesawah mengeluarkan padi yang sangat rendah mutunya, yang mana tidak adapun pembeli-pembeli lain yang mahu membeli pada tersebut BERNAS mesti membeli padi tersebut, walaupun tidak ada mutu sekalipun.

Begitu juga dengan pengilang. Kalau tidak ada pengilang yang ingin mengilang padi pesawah kerana mutunya rendah, BERNAS tidak ada pilihan, mesti mengilang padi-padi daripada pesawah tersebut. Walaupun saya bersetuju supaya tidak ada monopoli, tetapi soalan saya adakah tanggungjawab BERNAS tadi akan diambil alih oleh syarikat-syarikat swasta yang diberikan AP ini tadi.

#### ■1100

Kalau kita buka sekarang ini monopoli. Jadi, keuntungannya mungkin boleh digunakan untuk menjaga kebajikan pesawah. Akan tetapi kalau sudah pun di buka, mungkin *volume* yang diberikan kepada syarikat pengimport jadi tidak banyak dan *medium* mereka juga terpaksa bertanggungjawab untuk menjadi pembeli terakhir, misalnya. Jadi, ini mungkin akan menimbulkan masalah. Jadi soalan saya, bagaimana perkara ini dapat diselesaikan?

**Tuan Sim Tze Tzin:** Saya berterima kasih kepada bekas Menteri kerana bersetuju bahawa monopoli itu perlu ditamatkan. Saya hendak memberikan jaminan di sini bahawa lima obligasi sosial yang kita janjikan kepada pesawah dan juga pengilang itu akan dipertahankan. Oleh kerana kita tahu bahawa ada masalah *on the ground* yang perlu kita jaga, membela nasib. Itu kerajaan tidak akan melepaskan tanggungjawab atau kita akan memberikan tanggungjawab tersebut kepada syarikat-syarikat yang baru. Ini kerana kalau mereka ingin mendapatkan keuntungan daripada import beras, mereka perlu melaksanakan tanggungjawab, *it is a social obligation*.



Jadi, mereka jangan hanya memikirkan keuntungan. Itu bukan polisi kerajaan. Kita mahu syarikat itu, kalau ia ingin *participate* dalam sektor ini, mereka boleh mendapatkan keuntungan *fair*, keuntungan yang adil tetapi mereka perlu menjalankan tanggungjawab, barulah satu industri itu sihat. Kalau hanya sekadar hendak mengaut keuntungan berlebihan tetapi hendak melepaskan semua tanggungjawab, itu tidak boleh. Itu kerajaan tidak akan bagi.

Jadi, itu sebabnya kita mahu satu model baharu yang stabil dan juga yang dinamik serta mengambil kira lima obligasi tersebut. Itulah tanggungjawab dan juga hala tuju kerajaan dalam sektor padi, beras. Terima kasih.

**4. Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah sebahagian besar aset-aset TUDM telah hampir menjangkau usia 20 tahun seperti yang dilaporkan pada sesi mesyuarat lalu secara perbelanjaan berhemah di bawah Bajet 2019.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Kementerian Pertahanan amat prihatin terhadap permasalahan sebahagian besar aset-aset Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang hampir dan telah menjangkau usia 20 tahun seperti yang dilaporkan pada sesi mesyuarat yang lalu. Pihak kementerian komited dalam memastikan semua pesawat TUDM senantiasa berada pada tahap yang terbaik untuk dioperasi. Justeru, TUDM telah menubuhkan satu *team* kajian yang terdiri daripada *subject matter experts* bagi penyediaan Pelan Pembangunan Keupayaan TUDM jangka panjang yang dikenali sebagai *Capability Development 2055 (CAP55)*. Perancangan ini meliputi rancangan perolehan aset dan sistem baru serta peningkatan keupayaan aset dan sistem sedia ada.

Rancangan pembangunan keupayaan TUDM ini menggunakan kaedah *cost benefit analysis* dengan mengambil kira faktor perancangan yang realistik, keberkesanan, kadar kemampuan kewangan negara, polisi had jangka hayat pesawat dan mengikut keutamaan masa yang memfokuskan kepada pengurangan jenis pesawat bagi menangani isu keusangan dan peningkatan kos senggara serta menyediakan aset yang mencukupi bagi bertindak atas keperluan pertahanan udara negara. Kajian ini telah selesai dilaksanakan oleh pihak TUDM dan akan dibentangkan kepada kementerian dan selepas itu dibentangkan kepada Jemaah Menteri. Terima kasih.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menarik perhatian soal pengurusan aset Kementerian Pertahanan secara keseluruhan. Walaupun Tentera Udara berdepan dengan risiko besar, banyak kes yang melibatkan kapal terbang yang diselia gagal berfungsi dengan baik kerana tempoh usia yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengok aset strategik negara yang paling mahal dalam pengurusan ialah dua buah kapal selam kita yang menelan kos lebih kurang RM270 juta setahun untuk pengurusan sahaja. Saya bimbang sebab kalau kita tengok bajet pada tahun 2017, sebanyak RM15.1 bilion diperuntukkan. Untuk penyelenggaraan aset sahaja sebanyak RM1.8 bilion diperuntukkan pada tahun 2017. Pada tahun 2018, sebanyak RM280,540,000 diperuntukkan untuk aset.

Apa yang mendukacitakan kita ialah belanjawan pada tahun 2019, hanya sebanyak RM43 juta diperuntukkan dengan kadar pengurusan aset yang merosot sebanyak 84 peratus. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berdasarkan peruntukan yang ada, apakah inisiatif kementerian untuk menguasai teknologi pertahanan yang dibeli agar kos penyelenggaraan dapat dikurangkan dan boleh diurus melalui syarikat-syarikat dalam negeri, tidak lagi bergantung kepada negara yang kita membeli sumber aset pertahanan kita? Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ia ada beberapa faktor, satunya ialah tentang kapal selam. Kes pembelian kapal selam itu tengah disiasat oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ambrin Buang. Dari segi peruntukan untuk kementerian, sebenarnya Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah menjawab dalam Parlimen bahawa ada RM1.4 bilion yang di bawah seliaan Kementerian Kewangan yang akan digunakan untuk selenggaraan aset-aset ATM untuk tahun 2019. Itu telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri pada hari yang lalu.

Isu tentang selenggaraan oleh ATM ataupun oleh kontraktor-kontraktor. Kapal selam memang diselia ataupun digunakan kontraktor luar negeri. Akan tetapi kementerian dalam proses mengkaji balik adakah lebih baik untuk aset-aset lain disenggarakan oleh ATM sendiri ataupun oleh kontraktor ataupun oleh sesiapa yang terlibat dalam proses ini. Dalam proses ini, kementerian sedang menyediakan Kertas Putih Pertahanan.

Kertas Putih Pertahanan atau *Defence White Paper* akan menggariskan hala tuju untuk ATM, untuk Kementerian Pertahanan dan juga untuk dasar pertahanan secara umumnya. Dalam proses ini, kami akan menjemput pandangan daripada rakyat, daripada pemain perindustrian dan juga daripada kalangan Ahli-ahli Parlimen supaya kita boleh menggariskan satu dasar jangka panjang untuk semua perkhidmatan dalam ATM dan juga untuk industri pertahanan secara am. Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara kebetulan saya pun masuk dan saya lihat Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan kepada perkara yang juga bermain di minda saya. Saya juga ingin bertanya tentang kapal selam. Akan tetapi soalan saya berkisar kepada penyiasatan yang sedang dilakukan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Di mana baru-baru ini kita lihat ada pendedahan bahawa RM544 juta telah dibayar oleh kerajaan terdahulu kepada sebuah syarikat yang ada bersangkutan paut dengan Yang Berhormat Pekan. Ini adalah perkara yang begitu serius, *kickbacks* yang kita dengar—saya hendak tanya kepada Menteri, apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan bahawa perkara ini tidak berlaku pada masa yang akan datang supaya tidak ada ketirisan, rasuah dan sebagainya?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Itu Tuan Yang di-Pertua, itu tuduhan. Mana ada Yang Berhormat Pekan terlibat dalam...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bukan tuduhan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** ...syarikat itu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ini adalah perkara yang—soalan yang saya hendak tanya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Pekan tidak ada terlibat dalam syarikat itu. Perimekar itu bukan anak syarikat yang milik...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Itu biar Yang Berhormat Pekan jawab.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** ...Yang Berhormat Pekan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini soal sesi jawab. Sila kemukakan soalan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** So, saya ingin bertanya kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *Straight to the point.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan yang baharu untuk memastikan bahawa perkara-perkara ini tidak akan berlaku seperti di bawah pentadbiran Barisan Nasional, UMNO?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk isu korupsi ataupun rasuah, memang kerajaan bukan sahaja Kementerian Pertahanan tetapi Kerajaan Pakatan Harapan secara keseluruhan komited untuk membanteras rasuah.

■1110

Ini adalah komitmen, bukan sahaja di kementerian tetapi sebagai kerajaan secara keseluruhan. Isu kapal selam seperti saya kata tadi, telah disiasat atau sedang disiasat oleh

jawatankuasa di bawah Tan Sri Ambrin Buang dan juga oleh penguat kuasa-penguat kuasa yang lain.

Untuk jangka panjang, untuk masa depan, Kementerian Pertahanan dan juga kerajaan perlu fikir adakah kita mesti, bukan sahaja membanteras rasuah tetapi juga mengurangkan kontraktor-kontraktor '*postmates*'. Kalau kita hendak wujudkan perindustrian tempatan yang baik, yang memang produktif dan berasas inovasi, maka kita perlu kurangkan kontraktor-kontraktor pertahanan yang hanya jadi *postman* di antara perkhidmatan dengan OEM. Ini adalah salah satu hala tuju yang telah dibincangkan atau sedang dibincangkan di peringkat kementerian dan selepasnya akan dibawa ke Parlimen dalam konteks Kertas Putih Pertahanan. Terima kasih.

**5. Tuan Cha Kee Chin [Rasah]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan status dan penjelasan tentang pembangunan *Malaysia Vision Valley* di kawasan Negeri Sembilan, apakah ada semakan atau pindaan terhadap perancangan asal.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rasah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada dasarnya akan meneruskan mana-mana program atau projek yang boleh memberi manfaat kepada negeri atau rakyat khususnya. Sehubungan itu, projek pembangunan *Malaysia Vision Valley* (MVV) yang telah dirancang beberapa tahun yang lalu juga akan diteruskan dengan mengambil kira impak positif pembangunan ini kepada Negeri Sembilan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sembilan telah memaklumkan bahawa perancangan dan keutamaan projek pembangunan MVV akan diteliti dan disusun semula dengan keutamaan diberikan kepada pembangunan kawasan perindustrian berteknologi tinggi yang akan memberikan impak positif secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara, amnya. Projek pembangunan ini kini dikenali sebagai MVV 2.0.

Pembangunan MVV 2.0 adalah merupakan pembangunan terancang yang akan dilaksanakan di segi tiga Nilai, Seremban dan Port Dickson melalui perkongsian pintar bersama pihak swasta. MVV Holdings yang merupakan sebuah entiti milik penuh Sime Darby Property akan bertindak sebagai pemaju utama manakala syarikat lain akan bekerjasama dan terlibat dalam melengkapkan pembangunan MVV 2.0. Kerajaan Persekutuan akan terus memainkan peranan sebagai pemudah cara atau fasilitator kepada pelaksanaan program dan projek MVV 2.0 ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perancangan semula oleh kerajaan negeri, pembangunan MVV terbahagi kepada beberapa fasa. Fasa pertama menumpukan pembangunan bersepadu di kawasan Nilai, seluas 2,838 ekar dengan fokus utama kepada *high-technology park*. Kerajaan negeri juga sedang melaksanakan kajian kemungkinan dan penyediaan pelan induk bagi pelaksanaan projek yang berteraskan aeroangkasa di kawasan ini. Aktiviti yang dipertimbangkan adalah seperti *maintenance, repair and overhaul* (MRO) and *aero manufacturing* terutamanya dalam penyediaan akhir pesawat atau *final assembly line* (FAL).

Perancangan pembangunan MVV 2.0 ini adalah selari dengan Kajian Separuh Penggal RMKe-11, di mana perancangan pembangunan bagi wilayah tengah yang merangkumi Negeri Sembilan yang memberikan tumpuan kepada kluster ekonomi terpilih termasuklah industri pembuatan aeroangkasa. Pelan pembangunan komprehensif atau *Comprehensive Development Plan* (CDP) MVV 2.0 yang disediakan telah dijangka dengan teras prinsip pembangunan inklusif dan menyeluruh.

Di samping itu, Rancangan Tempatan (RT) MVV 2.0 juga sedang dalam proses penyediaan akhir dengan dokumen CDP MVV 2.0 dijadikan sebagai asas rujukan utama. RT MVV 2.0 akan memperincikan konteks pengezonan dan juga guna tanah kedua-dua daerah Seremban dan Port Dickson. RT MVV 2.0 juga akan dipamerkan untuk publisiti bagi mendapatkan pandangan daripada orang awam dan dibentangkan kepada pihak berkuasa negeri untuk kelulusan sebelum diwartakan. Adalah dijangkakan proses pewartaan RT MVV 2.0 ini akan selesai sepenuhnya pada bulan Julai 2019. Sekian, terima kasih.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang bagi saya agak mantap dan komprehensif tersebut.

Cuma ada sedikit persoalan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa MVV 2.0 dijangka akan diwartakan menjelang bulan Julai tahun depan 2019. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa ia lebih kepada penglibatan yang agresif daripada pihak swasta untuk Daerah Seremban, Daerah PD di bawah MVV 2.0. Tahniah kepada kerajaan yang melibatkan syarikat swasta, khususnya syarikat swasta tempatan.

Jadi, persoalan saya di sini adalah yang pertamanya, bilakah pelaburan daripada pihak swasta yang pertama dijangka akan – sebab diwartakan pada bulan Julai 2019. Bilakah pelaburan yang pertama daripada pihak swasta dijangka akan masuk ke kawasan yang terlibat di dalam wilayah MVV 2.0? Juga apakah ada syarikat antarabangsa yang akan masuk ataupun setakat syarikat tempatan sahaja?

Akan tetapi kalau ada syarikat antarabangsa yang masuk, saya berharap kerajaan baharu – kita boleh memberikan tumpuan kepada tidak kiralah syarikat swasta tempatan ataupun antarabangsa, memberikan peluang pekerjaan ataupun impak ekonomi yang mana untuk rakyat tempatan yang membolehkan rakyat tempatan benar-benar boleh menikmati limpahan ekonomi dan bukannya syarikat mega daripada asing. Di mana kalau hendak buat kilang kah, hendak buat apa-apa infrastruktur kah, sebiji paku kah, sebiji skru pun, dia bawa dari negara asal dia yang tidak memberikan keuntungan kepada rakyat tempatan. Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Pertama, pelaburan yang ditanyakan tentang pelaburan pertama adalah dijangkakan pelaburan pertama akan dibawa masuk pada tahun 2020 dan ini bergantung kepada pelabur itu sendiri. Sekiranya ada keperluan untuk pelabur itu melabur dengan lebih awal daripada tempoh tersebut, kerajaan akan memberi perhatian sewajarnya.

Kedua, adakah syarikat antarabangsa akan masuk? Proses ini pada masa ini masih di peringkat perbincangan untuk mendapatkan pelabur-pelabur yang berminat. Apa yang menarik di kawasan ini adalah jika kita tengok daripada segi geografinya, kawasan ini asalnya adalah kawasan industri biasa dan telah mempunyai sedikit sebanyak kemudahan asas yang akan terus dikembangkan untuk menjadikan *high-tech park* untuk kawasan di segi tiga Port Dickson, Nilai. Jadi saya rasa itu sahaja.

Tentang peluang pekerjaan, adalah dijangkakan selesai fasa pertama ini akan memberi peluang pekerjaan kepada lebih 10,000 orang pekerja dan juga dijangka akan dapat membangunkan industri-industri berkaitan di kawasan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pernah jadi ahli jawatankuasa pada MVV. Jadi saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa *Malaysia Vision Valley* (MVV) ini bukan hanya untuk Negeri Sembilan tetapi juga untuk Malaysia secara keseluruhan kerana keluasannya dua kali ganda lebih besar daripada Singapura, melibatkan 153,000 hektar. Projek sehingga 30 tahun, sehingga tahun 2045, peluang pekerjaan 1.38 juta.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ia adalah projek untuk membantu mengurangkan kesesakan Kuala Lumpur? Ia termasuk dalam *Greater KL*. Satu lagi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kerajaan sudah melabur RM560 juta dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk mengadakan *highway network*? Satu lagi saya ingin tahu, setakat mana MoU yang telah ditandatangani antara Sime Darby Property, Brunnsfield International dan juga Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) akan terlaksana? Setakat mana kesan daripada HSR yang tidak singgah di Labu dan Rasah kerana tidak tahu bila akan diadakan *high speed rail* ini, ia akan menjejaskan projek ini. Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya sedar dengan maklumat-maklumat yang diberikan tadi. Keseluruhan tempoh 30 tahun dan kawasan seluas lebih 153,000 hektar.

## ■1120

Tentang MoU itu, saya akan beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Pontian. Saya tidak mempunyai maklumat tersebut bersama dengan saya.

Tentang HSR, seperti mana kita sebut, bahawa HSR ini ditangguhkan sehingga bulan Mei 2020. Jadi, apakah modelnya? Ia sedang dibincangkan, dirundingkan dan, *insya-Allah*, kita akan dapat maklumat lanjut tentang HSR apabila kita meneruskannya pada tahun 2020 nanti. Sekian, terima kasih.

**6. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah kerajaan bersedia untuk merapatkan jurang perbezaan pemberian pencen veteran ATM yang bersara sebelum tahun 2004 dan selepas tahun 2004 yang sama pangkatnya supaya kebajikan veteran lebih terbela untuk mengharungi kos kehidupan yang lebih mencabar dewasa ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bila hendak pindah tempat duduk?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bila hendak pindah duduk di sebelah Yang Berhormat Jelutong itu?

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Yang Berhormat Bagan Serai ini, rakan barukah?

**Seorang Ahli:** Malam tadi, malam tadi.

**Tuan Liew Chin Tong:** Malam tadi ya? [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai.

Kerajaan sentiasa prihatin tentang jurang perbezaan pencen veteran ATM yang berlaku pada masa ini. Malah, kesan yang sama turut dirasai oleh para pesara kerajaan di sektor awam.

Di bawah Kementerian Pertahanan, sememangnya telah wujud sebuah badan yang dikenali sebagai Majlis Angkatan Tentera (MAT) yang mempunyai bidang kuasa dalam membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan gaji dan pencen ATM seperti yang termaktub dalam Syarat 157 dan 187 Akta Angkatan Tentera 1972. Namun begitu, MAT masih tertakluk kepada peruntukan undang-undang di bawah Perkara 137(2) Perlembagaan Persekutuan serta Perkara 6 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa MAT adalah sebahagian dari jentera kerajaan yang terikat dengan peruntukan Undang-undang Persekutuan yang berkaitan.

Justeru, MAT hanya boleh mengangkat ke agensi pusat sebarang cadangan berkaitan isu pencen veteran ATM, namun ia tiada kuasa mutlak dalam memutuskannya. Sebagai makluman, pihak Kementerian Pertahanan telah mengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran untuk membenteng satu kertas kerja supaya kementerian boleh bawa ke agensi pusat untuk membuat keputusan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ada seramai 296,030 orang veteran ATM sekarang di Malaysia ini termasuk Yang Berhormat Padang Serai. Seramai 121,000 yang berpencen dan 174,733 tidak berpencen. Mereka ini dilindungi oleh Akta Veteran 2012 [Akta 740]. Kebanyakannya sudah tua, sudah uzur dan banyak penyakit. Walaupun mereka yang sudah berpencen ini bekerja hanya 10 tahun, 15 tahun, 18 tahun tetapi Bagan Serai berpendapat kerajaan patutlah memberi sedikit pengiktirafan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya kagum, hiba dan sayu melihat veteran ini. Satu ketika di kawasan, saya mendengar... [*Bernyanyi*]

*Inilah barisan kita,*

*Yang ikhlas berjuang,*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Serai, apakah soalnya?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Seram bulu roma saya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat bagan Serai. Itu lagu sudah silap lah itu. Sebelah sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Serai, apakah soalnya?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini lagu tentera, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya, apalah kiranya kerajaan beri sedikit lagi imbuhan, umpamanya *one-off* imbuhan tetap kepada mereka yang tidak berpencen? Berilah contohnya RM2,000 setahun kepada mereka yang berumur kurang daripada 65 tahun ataupun RM500 setiap bulan kepada mereka yang lebih daripada 65 tahun. Ataupun tingkatkan sedikit elauan kenangan untuk PGB yang menerima RM1,500 setiap bulan tanpa kerja-kerja yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana tentang perumahan kelompok untuk veteran Angkatan Tentera Malaysia? Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Semua ini cadangan yang baik dan akan diambil kira dalam proses menggubal dasar untuk masa depan veteran.

Memang dua isu ini iaitu isu jurang pencen dan juga isu anggota yang tidak berpencen adalah dua isu yang sering dibangkitkan dalam Dewan ini. Saya hanya jadi Timbalan Menteri untuk empat bulan tetapi sudah jawab soalan yang sama lima atau enam kali. Ini memang kementerian akan ambil kira pandangan Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerajaan menjalankan banciaan ke atas veteran ATM terutama Askar Wataniah yang tidak menerima pencen bulanan seperti veteran ATM yang lain? Sedangkan, mereka memberikan sumbangan besar kepada ATM dan negara. Keluarga mereka merana atau susah selepas kematian mereka. Minta penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Memang kalau isu anggota tidak berpencen, ia adalah salah satu isu yang penting yang kerajaan akan kaji untuk dasar masa depan. Isunya, adakah kita bagi kewangan ataupun memberikan sumbangan lain seperti perubatan? Itu saya rasa perlu dikaji. Akan tetapi, wataniah itu tidak dimasukkan dalam kategori anggota tidak berpencen.

Terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, *lighting* di sana di tempat Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tidak terang. Minta dicerahkanlah, Tuan Yang di-Pertua, *lighting* di bawah itu. Kasihan, kita tidak nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri di bawah sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pendang, ini sesi soal jawab.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tidak. Minta cadanglah. Minta Tuan Yang di-Pertua ambil perhatian benda ini.

**7. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah usaha kementerian untuk memastikan setiap kaunselor berdaftar menggunakan kepakaran untuk membantu pelajar, masyarakat dan kakitangan kerajaan yang mengalami masalah kesihatan mental. Berapakah bilangan mereka di kalangan kakitangan kerajaan yang dikesan atau di rekod mengalami masalah kesihatan mental.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan menyasar Malaysia mempunyai 11,000 kaunselor profesional menjelang tahun 2020 bagi memastikan ia mencukupi untuk mendepani masalah sosial yang semakin kompleks. Sasaran itu juga akan mengecilkkan nisbah seorang kaunselor bagi 2,945 orang penduduk berbanding seorang kaunselor bagi setiap 4,030 orang penduduk pada masa ini. Setakat 31 Ogos lalu, terdapat 8,039 orang kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor. Nisbah ini masih terlalu besar untuk mendepani masalah sosial yang semakin kompleks.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang berat masalah kesihatan mental. Oleh yang demikian, kementerian melalui agensi di bawahnya iaitu Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai 192 kaunselor, Unit Kaunseling, Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara mempunyai seramai 18 orang dan Bahagian Bimbingan dan Kaunseling Jabatan Pembangunan Wanita mempunyai dua orang. Jumlah besarnya adalah 212 pegawai psikologi yang mana 202 daripada itu adalah kaunselor berdaftar.

Pegawai psikologi di kementerian kita memberikan khidmat kepakaran mereka dalam bidang kaunseling dengan memfokuskan kepada masyarakat berdasarkan kumpulan sasar. Pegawai psikologi ini ditempatkan di seluruh negeri dan daerah bagi memberikan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat dalam menghadapi masalah kesihatan mental ini. Antara perkhidmatan yang diberikan adalah intervensi kaunseling, intervensi psiko pendidikan yang merangkumi *coping skills*, *anger management*, *stress management*, perundingan dan konsultasi, intervensi psikologi dan intervensi krisis.

Kementerian juga melalui kerjasama strategik dengan kementerian dan agensi kerajaan yang lain, NGO dan pengamal persendirian juga turut memberikan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat dalam menghadapi masalah kesihatan mental ini di mana bilangannya adalah seperti berikut:

Sektor/Bidang	Bil. Kaunselor Berdaftar (orang)
Perkhidmatan Awam	1,459
Perguruan	3,221
Pengajian Tinggi	697
NGO	238
Swasta dan Pengamal Persendirian	2,424
<b>Jumlah</b>	<b>8,039</b>

Izinkan saya memberikan lebih statistik kepada Yang Berhormat iaitu kaunselor berdaftar mengikut kaum seperti berikut:

Kaum	Bil. (orang)
Melayu	6,081
Cina	1,077
India	377
Bumiputera Sabah	246
Bumiputera Sarawak	130
Lain-lain	128

Statistik ini menggambarkan populasi di Malaysia di mana kaunselor berdaftar kita mampu berbahasa dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Mandarin, bahasa Tamil untuk memastikan bahawa kumpulan sasar menerima kaunseling menerusi bahasa masing-masing, bahasa pengantara mereka ya.

### ■1130

Manakala untuk jantina pula, kaunselor lelaki 2,498 orang dan perempuan dua kali ganda, 5,541 orang. Untuk soalan spesifik Yang Berhormat, mengenai pegawai kerajaan. Berdasarkan program penilaian pekerja yang telah dilakukan oleh Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun lepas, tahun 2017 seramai 2,860 kakitangan kerajaan mempunyai simptom masalah kesihatan mental. Apabila kita mengatakan masalah kesihatan mental ini juga merangkumi simptom-simptom kemurungan, *depression* ataupun sekarang yang lebih *common* ialah *loneliness* di antara warga-warga Malaysia.

Berdasarkan maklumat daripada JPA, untuk kes-kes penjawat awam yang mengalami masalah kesihatan mental, JPA akan membantu pegawai untuk mendapatkan rawatan pemulihan melalui prosedur kaunseling. Manakala bagi kes-kes yang kritikal akan dirujuk dan dikendalikan oleh pakar perubatan. Bergantung kepada laporan perubatan juga, pegawai yang mengalami masalah mental akan ditentukan sama ada boleh untuk meneruskan tugas, *fit to work* ataupun tidak. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]:** Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang memberi jawapan yang cukup lengkap. Tahniah kepada Lembaga Kaunselor Malaysia yang hari ini kata jawapan daripada Timbalan Menteri, lebih daripada 8 ribu kaunselor berdaftar yang telah berkhidmat di perkhidmatan awam, perkhidmatan pendidikan, di IPT dan di NGO. Kita tahu kaunselor berdaftar ini di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia, kita tahu mereka terikat dengan Akta 580.

Maksudnya, mereka bekerja secara profesional. Cuma soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kaunselor berdaftar ini kita guna pakai kepakaran mereka untuk membantu rakan-rakan yang mengalami masalah kesihatan mental ataupun *burnout* maksud saya? Adakah kaunselor ini diberi kursus dari segi perkembangan profesionalisme mereka secara berterusan untuk meningkatkan kompetensi? Adakah mereka berterusan terikat dengan Akta 580 ataupun adakah Akta 580 ini perlu diubah daripada semasa ke semasa? Soalan saya. Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk kursus perkembangan secara berterusan, sepanjang tahun 2018, tahun ini sahaja, Lembaga Kaunselor telah menganjurkan lima bengkel berbentuk teori dan amali untuk mempertingkatkan kemahiran kaunselor dan menganjurkan dua seminar tentang kesedaran masalah kesihatan mental di peringkat kebangsaan iaitu di Sabah dan Putrajaya pada September dan Oktober 2018. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama rakan strategik. Antaranya institusi pengajian tinggi awam, jabatan pendidikan negeri dan NGO.

Mengenai soalan spesifik sama ada kita akan *review* keperluan dalam akta untuk kaunselor berdaftar ini terus menjalankan latihan, memang dialog berterusan diadakan bersama kaunselor dengan Lembaga Kaunselor. Saya sendiri pun pernah turun untuk mengikuti sesi dialog tersebut di mana kaunselor berdaftar kita sama ada di Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun di luar terus memberikan *feedback* mereka, maklum balas kepada Lembaga Kaunselor untuk menambah baik perkhidmatan ini supaya kita mencapai matlamat kita untuk memberikan kaunseling kepada warga Malaysia.

Hasrat kita dalam kementerian adalah untuk memastikan bahawa akses kepada kaunseling ini kita mencapai dua objektif. Satu adalah *accessibility* dan yang kedua adalah *affordability*. So kita hendak pastikan seperti yang saya pernah jawab dalam Dewan ini, sekarang ini Lembaga Kaunselor telah turun ke lapan PPR *flat* di mana mereka mempunyai *psychological care centre*. Satu minggu sekali mereka membuka *centre* mereka di lapan kawasan PPR di Tawau; di Kuala Terengganu; di Kedah; di Sungai Petani, Kedah; di Lembah Subang; Pasir Gudang; Kota Setar, Kedah; dan Kangar, Perlis.

Akan tetapi kita lihat memang lokasi-lokasi ini perlu diperkembangkan ke seluruh Malaysia. Tahun hadapan kita akan buat *strategic mapping* di mana kita hendak tengok kawasan di mana densitinya terlalu padat dan mempunyai masalah sosial. Di situ saya rasa kaunseling kena berterusan. Kita ada projek bersama pelajar institut pengajian tinggi di mana mereka adalah *psychology students*. Mereka turut turun untuk membantu memberikan khidmat kaunseling. Bukan memberikan nasihat, tetapi *to offer a listening ear*. Masalah *stress* ini kadang-kadang orang bandar terutamanya, mereka hanya hendak mencari kawan untuk mendengar masalah mereka. Itu adalah rancangan untuk tahun depan. Terima kasih.



**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengucapkan terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Daripada jumlah kaunselor yang mendaftar dengan kementerian yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat, saya hendak bertanya, adakah perkhidmatan dan juga kepakaran sedia ada dalam profesion kaunseling ini benar-benar komprehensif untuk menjadi pemangkin kesejahteraan dan juga kesihatan mental untuk masyarakat Malaysia?

Saya hendak Yang Berhormat Menteri menyatakan di dalam Dewan ini mengenai tindakan jangka panjang kementerian dalam mempromosikan perkhidmatan kaunseling ini di kalangan komuniti Malaysia, sekali gus menghapuskan stigma negatif mengenai kesihatan mental dalam masyarakat Malaysia. Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Jawapan yang bagus sekali. Saya rasa untuk menghilangkan stigma rakyat untuk mendapatkan kaunseling, kita kena mulakan dengan Ahli-ahli Parlimen dahulu. Jadi saya sarankan kerana Ahli-ahli Parlimen merupakan pemimpin masyarakat di tempat masing-masing, jadi apabila kita membuat *social media post*, saya sarankan Ahli Parlimen kalau kita mendapatkan kaunseling, kita beritahu masyarakat bahawa kita pun memerlukan kaunseling kita sendiri.

Oleh sebab itu, apabila kita beritahu masyarakat bahawa mendapatkan kaunseling adalah satu perkara yang normal dan adalah perkara yang bagus, mereka akan turut serta. Saya sendiri masa *anniversary* perkahwinan saya, saya akan beritahu masyarakat bahawa bukan senang untuk tidak bercerai. Jadi untuk memantapkan perkahwinan, kita memang perlukan kaunseling daripada kawan-kawan ataupun daripada kaunselor berdaftar.

Apabila saya mengatakan isu kaunseling ini, ini adalah satu masalah. Kalau saya sarankan kepada Ahli Parlimen tetapi Ahli Parlimen sendiri ketawa dan rasakan kaunseling ini tidak perlu, kita susah untuk keluar memberitahu penduduk bahawa ada stigma. Semasa kita di sekolah, kita selalu diberitahu kalau tidak berdisiplin akan dihantar untuk ke kaunseling.

Jadi, persepsi masyarakat dan murid sekolah, mereka melihat kaunseling ini satu perkara yang negatif. Sebenarnya bukan. Jadi, kita harus memberikan contoh yang baik. Saya sarankan kepada Ahli Parlimen semua, kita punya *stress* sangat tinggi. Masalah protes, masalah bantahan penduduk semua. Kita sendiri perlukan kaunseling. Saya sarankan kita mulakan kesedaran di dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat dahulu. [*Tepuk*] Terima kasih.

**8. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan langkah yang diambil untuk meningkatkan taraf capaian telekomunikasi dan internet terutama di kawasan luar bandar dan juga hospital yang baharu di Kuala Krai.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat, soalan nombor lapan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha untuk menambahbaikkan pencapaian komunikasi melalui jalur lebar talian tetap dan mudah alih terutamanya di kawasan luar bandar di seluruh negara termasuk kawasan Parlimen Kuala Krai. Di bawah inisiatif perluasan liputan selular dan jalur lebar mudah alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi dan menaiktarafkan menara komunikasi sedia ada kepada perkhidmatan sehingga 4G.

Sehingga kini, sebanyak 32 menara komunikasi baharu telah siap dibina dan beroperasi di kawasan Parlimen Kuala Krai di mana termasuk dua menara di sekitar hospital baru Kuala Krai. Manakala sebanyak 10 menara di Parlimen Kuala Krai sedang di dalam peringkat pelaksanaan. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 70 menara sedia ada di Parlimen Kuala Krai di mana termasuk satu menara di sekitar hospital baharu Kuala Krai telah pun dinaiktarafkan kepada perkhidmatan 3G atau 4G, manakala 11 menara sedia ada di Parlimen Kuala Krai masih dalam peringkat penaiktarafan.

■1140

Manakala Tuan Yang di-Pertua, di bawah Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) yang menyediakan perkhidmatan jalur lebar talian tetap dengan kelajuan sehingga 20 megabit, sebanyak satu ibu sawat dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka akan siap sepenuhnya sehingga akhir tahun 2019 di kawasan Parlimen Kuala Krai.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga inisiatif peluasan rangkaian gentian optik bagi membolehkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi dapat disediakan. Sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, sepanjang 119 kilometer jaringan berteraskan gentian optik telah pun siap dilaksanakan di kawasan Parlimen Kuala Krai dan sepanjang 150 kilometer masih dalam peringkat pelaksanaan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang baik. Soalan tambahan saya ialah antara penyebab utama harga yang agak mahal untuk menggunakan perkhidmatan Streamyx ialah kerana saya difahamkan pihak TM terpaksa menanggung kos untuk penyediaan *network* ke kawasan yang kurang kepadatan penduduk. Kenapakah kos ini tidak ditanggung oleh semua pemain-pemain telekomunikasi agar rakyat akhirnya mendapat kos yang lebih murah?

Kedua ialah lesen *apparatus assignment* daripada MCMC diperlukan untuk setiap pemasangan di setiap premis pelanggan. Biasanya ia mengambil masa sehingga tujuh hari ataupun kadang-kadang sehingga 21 hari, malah boleh berlarutan sehingga 60 hari. Soalan saya ialah bolehkah MCMC mempermudah lesen ini agar ia lebih cepat dan mudah? Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Ada dua bahagian kepada soalan itu. Pertama, berkaitan dengan kosnya sama ada boleh atau tidak ia ditanggung oleh *telco*. Yang Berhormat, ia bergantung kepada keadaan kawasan. Kita ada di dalam MCMC apa yang disebut sebagai dana USB dan dana itu boleh digunakan untuk kita menambah baik ataupun membina infrastruktur di kawasan luar bandar. Jadi, dalam keadaan-keadaan tersebut memang ada wujudnya dana bagi tujuan khusus itu, di mana dana itu akan digunakan. Untuk tempat-tempat lain dan sebagainya, memang apa yang dilakukan adalah kita memberikan tanggungjawab kepada *telco* untuk mendirikan infrastruktur yang ingin digunakan dan itu adalah sebahagian daripada pelan nasional yang kita ada.

Berkenaan dengan soalan kedua, saya setuju wujudnya isu berkenaan dengan pengeluaran lesen dan ia perlu di naik taraf. Kita dalam proses melihat semula bukan sahaja lesen tetapi juga ada permohonan-permohonan lain. Di mana kalau kita boleh, kita nak mempercepatkan proses itu melalui proses pendigitalan proses-proses itu. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, ini adalah satu usaha yang dilakukan oleh kerajaan di seluruh dunia.

Di mana dalam era digital ini, kita boleh melakukan permohonan tanpa kertas ataupun *paperless*. Itu adalah satu perkara yang kita dalam MCMC sekarang sedang perhatikan. Saya harap dalam masa terdekat, kita boleh mengumumkan kaedah-kaedah baru yang boleh mengatasi masalah ini dan mempercepatkan proses untuk kita memperoleh lesen-lesen tertentu. Terima kasih Yang Berhormat.

**9. Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan perancangan strategik kementerian bagi menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan industri-industri desa dalam usaha mempertingkatkan lagi pendapatan dan taraf sosioekonomi penduduk-penduduk luar bandar di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Nibong Tebal. Untuk makluman Yang Berhormat Nibong Tebal, dalam usaha mempertingkatkan lagi pendapatan dan taraf sosioekonomi penduduk-penduduk luar bandar di seluruh negara, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah melaksanakan Program Desa Lestari yang merupakan usaha kerajaan untuk mentransformasikan desa melalui pembangunan ekonomi komuniti. Program ini memperkasakan ekonomi masyarakat luar bandar dengan menggerakkan koperasi sebagai ejen pembangunan ekonomi di peringkat kampung.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2013 sehingga tahun 2018, sebanyak 103 buah kampung di bawah Program Desa Lestari telah berjaya menjana pendapatan melalui projek-projek yang dilaksanakan di bawah sektor perkhidmatan, pelancongan, penternakan, pembuatan, pertanian dan peruncitan. Pelaksanaan projek di kawasan luar bandar ini turut memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk kampung, termasuklah warga emas dan ibu tunggal.

Sehingga tahun 2017, sebanyak 869 pekerjaan telah ditawarkan kepada penduduk luar bandar. Pada tahun 2018, pelaksanaan program ini telah diperkemas lagi dengan memperkenalkan konsep baru yang menggalakkan kerjasama strategik antara pihak koperasi kampung dan syarikat-syarikat yang berpengalaman serta berkemahiran dalam sektor yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah di kawasan-kawasan luar bandar, terdapat berbagai-bagai agensi pelaksana di peringkat luar bandar seperti KESEDAR, KETENGAH, PERDA, KEDA dan lain-lain. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian mempunyai perancangan untuk mendesak agensi-agensi pelaksana ini untuk mengkhususkan bagi sesuatu kawasan, sesuatu agensi itu dengan *specialty* tertentu untuk membangunkan industri-industri yang spesifik bagi kawasan-kawasan tersebut di kawasan luar bandar keseluruhannya dalam usaha untuk membandarkan kawasan-kawasan luar bandar bagi meningkatkan lagi pendapatan penduduk-penduduk luar bandar. Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal atas soalan tambahan itu. Memang seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, kita ada lima Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) di lima buah negeri iaitu:

- (i) PERDA di Pulau Pinang;
- (ii) KEDA di Kedah;
- (iii) KESEDAR di Kelantan;
- (iv) KETENGAH di Terengganu; dan
- (v) KEJORA di Johor.

Tanggungjawab atau mandat mereka adalah memang untuk membangunkan kawasan-kawasan yang telah diberi mereka dan strategi- ini secara umum ialah untuk memberi mereka tanah dan modal. Strategi mereka berbeza daripada negeri ke negeri. Akan tetapi secara umum, memang tanggungjawab mereka adalah untuk mempertingkatkan ekonomi di luar bandar.

Sama ada mereka akan tumpu pada satu kawasan khusus untuk satu industri dan sebagainya, itu memang diserahkan kepada mereka. Ini kerana strategi mungkin di Pulau Pinang melalui PERDA akan berlainan daripada KETENGAH, KESEDAR dan sebagainya. Ini diserahkan kepada mereka untuk mengkaji potensi di negeri masing-masing, di kawasan mereka masing-masing dan membuat keputusan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang strategi pembangunan luar bandar ini. Saya kira ada satu program yang dibuat oleh kerajaan dahulu iaitu 1Daerah 1Industri. Adakah kementerian sedar tentang program itu? Ia adalah baik untuk mewujudkan industri yang berbeza di pelbagai daerah di seluruh Malaysia. Yang Amat Berhormat Langkawi pernah menyebut dahulu bagaimana kita perlu membina satu kampung, satu produk.

Bagaimana ia juga boleh mewujudkan industri IKS, PKS di peringkat desa. Satu Kampung Satu Produk yang ada dilakukan di Jepun dan juga di Thailand. Kemungkinan Yang Berhormat juga boleh memikirkan tentang Satu Keluarga Satu Usahawan bagi memastikan kawasan-kawasan, terutama bumiputera di luar bandar boleh terlibat dalam keusahawanan sesuai dengan apa yang dihasratkan. Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih atas soalan itu. Dari segi konsep, saya rasa kita tidak ada masalah dengan konsep 1Daerah 1Industri, Satu Kampung Satu Produk, Satu Keluarga Satu Usahawan dan sebagainya. Akan tetapi akhirnya, yang penting ialah pelaksanaan. Hasilnya mesti konkrit, bukan sahaja secara teori dan konsep. Jadi, kementerian sekarang bercadang untuk menumpu sumber dan tenaga kita pada program yang telah berjalan dan nampak berjaya iaitu Program Desa Lestari, sebab itu menumpu kepada kampung.

■1150

Kita melihat melalui strategi yang digunakan iaitu menggunakan koperasi kampung itu sebagai penggerak, bukan seorang individu atau keluarga. Koperasi di peringkat kampung dan kita sudah letakkan KPI 30 peratus, ketua isi rumah harus menjadi anggota koperasi itu

dan itu kita nampak sebagai satu cara yang berkesan dan itulah kita *of course* kita akan cuba pertingkatkan jumlah kampung-kampung ini. Akhirnya, bila ramai kampung terlibat industri di kawasan itu pun boleh terbentuk daripada aktiviti ini. Jadi, tumpuan kita adalah - tetapi memang kita pun berkongsi hasrat Yang Berhormat Pontian iaitu untuk pertingkatkan ekonomi di setiap kampung dan kita akan bagi tumpuan pada itu melalui program Desa Lestari. Sekian, terima kasih.

**10. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah nisbah (perbandingan) jumlah doktor dan pesakit di klinik dan Hospital Swasta dan Kerajaan. Apakah sektor penyakit yang bilangan doktor atau pembantu perubatan yang amat kurang / tidak mencukupi secara perbandingan.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]:**Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Maran. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Yang Berhormat Maran bertanyakan tentang jumlah doktor dan pesakit di klinik awam dan swasta. Untuk saya menjawab terus nisbah yang digunakan dalam menurunkan nisbah adalah doktor kepada penduduk dan bukan pesakit. Lalu mustahak untuk saya jawab bahawa dalam statistik yang mutakhir dari sudut statistik *Health Facts 2018* dengan izin, doktor di fasiliti-fasiliti kesihatan di Kementerian Kesihatan Malaysia berada pada paras 40,230 sementara yang berada di Universiti Hospital seramai 3,118 berbanding doktor yang berada di hospital swasta seramai 13,684 pada 2016 dan kini 14,483.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, nisbah doktor kepada *population* atau penduduk adalah terkini pada *ratio* ataupun nisbah satu doktor kepada 554 penduduk. Satu peningkatan daripada statistik 2016 di mana satu doktor nisbah 632 dan kalau untuk pengetahuan Yang Berhormat pada tahun 2011 nisbahnya adalah pada *ratio* satu doktor kepada 791.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

Sebagai sebuah negara status ekonomi berpendapatan sederhana tinggi, seharusnya Malaysia punya *ratio* ataupun nisbah pada paras nisbah satu doktor kepada 420 penduduk. Lalu memang Kementerian Kesihatan amat peka akan perkara ini dan dalam rancangan untuk memastikan bahawa kita akan dapat mencapai piawaian yang diperlukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tersebut. Dari sudut pakarnya pula kalau mahu saya lanjutkan sedikit. Nisbah pegawai perubatan pakar pada fasiliti KKM adalah 4,344 sementara di swasta lebih pesat 4,870 meskipun umum sedia maklum bahawa masih lagi rawatan ataupun peratus rawatan di fasiliti-fasiliti KKM adalah lebih tinggi daripada yang dirawat di pihak swasta. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, kalau kita lihat dan perhatikan ramai daripada rakyat Malaysia yang berlatarbelakangkan perubatan dan kesihatan ini bekerja di negara-negara luar kerana mereka dibayar gaji yang cukup baik. Saya pernah menunggu mereka di Arab Saudi dan sebagainya sebagai contoh.

Jadi saya ingin tahu, berapa ramai kah sehingga hari ini jumlah pakar ataupun pegawai perubatan dan juga anggota kesihatan ini rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara dan di negara mana mereka ini bekerja? Saya ingin tahu apakah langkah kerajaan untuk menarik balik ataupun menggalakkan mereka ini, pakar-pakar dan rakyat Malaysia ini dan juga yang terlibat dengan sektor perubatan kesihatan ini balik ke negara kita. Ini kerana *ratio* kita masih lagi belum mencukupi seperti mana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa baru melawat ke luar negara supaya minta pegawai kita yang berada di luar negara kembali ke negara kita untuk berkhidmat bagi perkhidmatan negara. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Maran. Tuan Yang di-Pertua, perkara persoalan dengan istilahnya *brain drain* khususnya di kalangan pakar-pakar perubatan sememangnya menjadi satu yang agak *perennial* dengan izin kronik dan memang menjadi satu harapan KKM untuk kita *reverse brain drain* ini kepada *brain gain insya-Allah* dalam waktu yang munasabah dekatnya.

Saya memerhatikan perkara ini adalah amat perlu kerana justeru itu juga kita telah mengambil langkah-langkah bukan sahaja kalau saya sebutkan peralihan ataupun perpindahan kepada negara-negara di luar. Saya akan dapatkan statistik yang setepatnya untuk Yang Berhormat. Namun dalam negara sendiri pun kita memerhatikan apa yang dikatakan kadar perpindahan ataupun *the attrition rate* dengan izin ke pihak swasta juga adalah suatu yang tinggi. Kalau tidak silap saya dengan nisbah, dengan satu congkaman satu pakar dalam dua hari berpindah ke pihak swasta.

Lalu dengan itu memang kita di KKM memandang serius perkara ini dan keduanya kita mahu pastikan dapat kita tangani. Akan tetapi mungkinlah pendekatan kami sudah tidak lagi mengambil pendekatan seperti lama. Apa yang juga boleh saya lakukan adalah dua. Pertama, jangan melihat mereka yang di luar sana sebagai satu *losses* kepada kita, kerugian. Kita juga boleh mengadakan beberapa cara untuk mereka memberikan satu *training* kepada yang dalam rangka untuk menjadi pakar. Mereka selaku warganegara yang punya semangat patriotisme juga boleh dikenal pasti, lalu kita hantar siswazah-siswazah *postgraduate* kita ini kepada mereka untuk *di-train*.

Itu tidak akhirnya menjadi satu yang rugi ataupun semata-mata, *it's not the loss per se* dengan izin. Lalu itu saya anggap sebagai satu cara yang *out of the box* sedikit *rather than* melihat mereka sebagai satu kerugian. Kita juga boleh sama ada mereka di Eropah, di United Kingdom, di Australia, kita boleh dekati dan telah pun kami mulakan perancangan untuk mereka yang melatih pakar-pakar ataupun yang akan mengambil kursus kepakaran itu di mana mereka sendiri yang mengambil tanggungjawab untuk membantu. Itu satu cara.

Kedua, dari sudut kepakaran yang ada di swasta saya mengunjur ke depan telah pun memulakan kolaborasi, *partnership* dengan izin untuk swasta dapat kita kerjasama menggunakan kepakaran mereka, menggunakan *underutilized facilities* dan *equipments* mereka. Lalu dengan itu, tidaklah dilihat sebagai hanya semata-mata kerugian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri dan memang *ratio* doktor kepada penduduk adalah satu anggaran yang penting. Akan tetapi, *one of the issues* yang kita kena tangani ialah *distribution of doctors* kepada hospital yang memerlukan kekurangan doktor terutamanya di luar bandar sebab doktor kebanyakan ada kelebihan di kawasan bandar. Seperti di Sarawak, hampir 45 peratus daripada hospital kecil atau klinik tidak ada seorang doktor pun cuma dikendalikan oleh jururawat atau MA. Jadi apakah langkah-langkah kerajaan untuk menangani isu ini *distribution*, bukan sahaja *ratio* doktor kepada penduduk. Terima kasih.

■1200

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bandar Kuching, seorang doktor yang sangat peka kerapnya bertanyakan saya hal-hal ehwal urusan kesihatan dan perubatan. Saya ambil ringkas saja ini dalam perangkaan kami untuk memastikan bukan saja dari sudut bekalan ataupun *supply of our health providers* dengan izin tetapi lebih penting juga kita sedang memerhatikan, kita buat *mapping of GIS of all* dengan izin *a good distribution* dan penaburan pakar-pakar itu dan ini adalah memang antara perkara yang *priority* dan utama Yang Berhormat Bandar Kuching untuk saya lakukan dan memang dalam perangkaan kami dan kita akan dapat *roll up planning* ini. Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan itu tamatlah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

**[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**PENERANGAN DARIPADA MENTERI DALAM NEGERI**  
**DI BAWAH P.M. 14(1)(i)**

**INSIDEN PERGADUHAN DAN RUSUHAN DI KUIL SRI MAHA MARIAMMAN, SEAFIELD,  
SUBANG JAYA, SELANGOR**

**12.01 tgh.**

**Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penerangan pada Dewan yang mulia ini di bawah Peraturan Mesyuarat 14(1)(i), tentang satu isu penting yang menarik perhatian rakyat pada masa ini iaitu insiden pergaduhan dan rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman, Seafield, Subang Jaya, Selangor pada 26 dan 27 November 2018 dan terlebih dahulu saya ingin menjelaskan kronologi insiden ini.

Pada 26 November 2018 sekitar jam 2.40 pagi, Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya telah menerima panggilan daripada orang awam mengenai insiden kekecohan di Kuil Sri Maha Mariamman, Seafield. Sejurus selepas menerima laporan, Ketua Polis Daerah Subang Jaya telah pun mengarahkan semua unit yang berada di lapangan menuju ke tempat kejadian. Pada jam 2.50 pagi, empat buah MPV polis tiba di tempat kejadian tetapi telah dihalang masuk oleh sekumpulan lelaki India.

Cermin belakang sebuah MPV telah dipecahkan di samping terdapat sebuah lori treler yang diletak melintang menghalang jalan menuju ke kuil. Pada jam 3.30 pagi, Ketua Polis Daerah Subang Jaya telah menghubungi Pasukan Unit Simpanan Persekutuan (FRU) dan Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang untuk mendapatkan bantuan anggota tambahan dan bantuan IPD Serdang dengan kekuatan seorang pegawai dan 99 anggota tiba di tempat kejadian pada jam 4.00 pagi.

Pada ketika itu, telah berlaku pergaduhan di dalam kuil di antara kumpulan penganut agama Hindu dan kumpulan lelaki Melayu yang menceroob kawasan kuil. Setelah tercetus pergaduhan sebahagian daripada kumpulan lelaki Melayu ini telah melarikan diri daripada kawasan kuil. Sejurus selepas itu, kumpulan penganut agama Hindu telah bertindak membakar beberapa buah kenderaan yang dipercayai milik kumpulan lelaki yang menceroob kawasan kuil. Pasukan bomba telah menerima panggilan bantuan kebakaran pada jam 4.38 pagi dan tiba di tempat kejadian 25 minit kemudian untuk mengawal kebakaran.

Pasukan FRU telah tiba di tempat kejadian pada jam 5.30 pagi dengan kekuatan dua orang pegawai dan 201 orang anggota. Menjelang pagi 26 November 2018, keadaan di sekitar kuil telah berjaya dikawal oleh anggota polis dan keadaan kembali tenang. Ekoran daripada kejadian pergaduhan ini, tiga orang lelaki Melayu dan tiga orang lelaki India telah tercedera, seorang anggota polis turut mengalami kecederaan. Keesokannya iaitu pada awal pagi, 27 November 2018 dianggarkan sejumlah 10,000 orang kaum India berkumpul di kawasan sekitar kuil. Selain menimbulkan kekecohan, beberapa buah kenderaan turut dibakar oleh kumpulan ini.

Anggota bomba yang berada berhampiran kawasan kuil cuba untuk memadamkan kebakaran tetapi gagal ekoran rusuhan terhadap kenderaan milik bomba. Dalam kejadian tersebut, seorang anggota bomba Muhammad Adib bin Mohd Kassim telah dcederakan oleh sekumpulan individu yang tidak dikenali. Beliau mengalami kecederaan serius dan telah dibawa ke Subang Jaya *Medical Centre* oleh orang awam untuk mendapatkan rawatan. Saya mendoakan semoga beliau segera sembuh dan seluruh ahli keluarga beliau diberikan kekuatan oleh Allah SWT [*Dewan tepuk*] untuk menghadapi dugaan ini.

Kumpulan perusuh ini juga bergerak ke pejabat One City Development Sdn. Bhd. Mereka bertindak memecahkan dinding cermin bangunan, merosakkan peralatan di dalam bilik pameran dan membakar beberapa buah kenderaan. Ekoran insiden ini, pihak polis telah pun mengambil langkah-langkah perlu untuk mengawal keadaan. Situasi pada ketika itu adalah terkawal dengan tiada lagi insiden kekecohan ataupun rusuhan berlaku di sekitar kawasan kuil. Memandangkan insiden ini mempunyai unsur jenayah, siasatan telah dimulakan serta-merta untuk mengenal pasti pelaku-pelaku jenayah dan membawa mereka ke muka pengadilan.

Oleh kerana siasatan kes ini agak rumit dan memerlukan tenaga kerja yang ramai, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa sebuah pasukan petugas khas ataupun *task force* untuk siasatan telah pun ditubuhkan. Pasukan ini yang diketuai oleh Datuk Seri Wan Ahmad Najmuddin bin Mohd, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah PDRM menggabungkan personel daripada Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Kontinjen Selangor dan beberapa daerah di Kontinjen Selangor dan operasi ini dikenali sebagai Ops Seafield. Sehingga kini, sebanyak 34 orang telah pun dirakamkan percakapannya. Sejumlah besar keterangan fizikal juga telah berjaya dirampas di tempat kejadian iaitu 21 buah kereta dan enam buah motosikal yang dibakar, satu bilah pisau dan dua bilah parang dan tujuh pasang kasut dan tiga vest.

Pihak polis juga telah menangkap 30 individu yang terdiri daripada 24 orang Melayu, dua orang India Muslim, tiga orang India dan seorang Cina dan semua mereka telah direman dengan tempoh reman yang berlainan sementara lima orang individu yang baru ditangkap semalam di reman pada hari ini. Siasatan polis menjurus kepada isu perpindahan kuil yang menjadi punca rusuhan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak pemaju telah pun mendapat perintah mahkamah untuk mengambil alih pemilikan tanah sejak tahun 2014. Terdapat beberapa kali percubaan oleh pihak pemaju untuk mengambil alih tanah tersebut tetapi gagal kerana terdapat bantahan daripada kumpulan penganut agama Hindu. Siasatan polis mendapati pada hari kejadian, sekumpulan lelaki Melayu yang menceroboh masuk ke dalam kawasan kuil bertindak atas arahan beberapa individu yang bekerja dengan One City Development Sdn. Bhd.

Kumpulan ini telah menerima bayaran tertentu untuk tugas mengosongkan kawasan kuil bagi membolehkan kerja-kerja pengambilalihan dilaksanakan pada pagi tersebut.

#### ■1210

Pihak polis telah menahan reman seorang peguam dalaman syarikat, dengan izin, *in-house lawyer* yang disyaki terbabit dalam mengupah kumpulan lelaki Melayu untuk melakukan pencerobohan ke atas kuil. Siasatan awal polis mendapati kumpulan ini yang berjumlah 50 orang menerima bayaran antara RM150 hingga RM300 seorang.

Pihak polis telah mengenal pasti beberapa individu yang memainkan peranan dalam kejadian ini dan mereka akan dipanggil untuk menjalani proses siasatan selanjutnya. Motif kejadian ini telah pun dikenal pasti dan kertas siasatan masih dalam proses untuk dilengkapkan sepenuhnya.

Siasatan ke atas kes pegawai bomba yang diserang pada malam 27 November 2018 juga telah dibuka di bawah seksyen 307 Kanun Keseksaan iaitu atas kesalahan cubaan membunuh. Beberapa rakaman video telah diperolehi dan sedang dianalisa bagi mengenal pasti individu-individu yang terlibat dalam kejadian tersebut. Pihak polis juga telah mengenal pasti anggota-anggota bomba yang berada di tempat kejadian untuk dirakamkan percakapan mereka.

Selain itu, beberapa kertas siasatan lain telah dibuka. Antara kesalahan-kesalahan yang sedang disiasat ialah kesalahan di bawah:

- (i) seksyen 435 Kanun Keseksaan iaitu khianat dengan api;
- (ii) seksyen 148 Kanun Keseksaan iaitu melakukan rusuhan bersenjata;
- (iii) seksyen 324 Kanun Keseksaan iaitu mendatangkan cedera dengan menggunakan senjata;
- (iv) seksyen 447 Kanun Keseksaan iaitu pencerobohan kawasan;
- (v) seksyen 6(1) Akta Bahan-bahan Hakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 iaitu memiliki senjata berbahaya;
- (vi) seksyen 427 Kanun Keseksaan iaitu mendatangkan khianat; dan
- (vii) seksyen 124G Kanun Keseksaan iaitu membuat kenyataan yang boleh menimbulkan apa-apa pelanggaran keamanan.

Pihak polis sedang pun menjalankan siasatan secara profesional dengan menggunakan kaedah siasatan forensik dan saintifik sepenuhnya. Untuk tujuan ini, satu pasukan khas dari Makmal Forensik Bukit Aman telah pun ditempatkan di Kontinjen Selangor bagi membantu siasatan.

Pihak polis juga amat mengalu-alukan kerjasama daripada orang ramai untuk terus menyalurkan maklumat bagi membantu siasatan dan ini termasuklah siasatan ke atas berita-berita *viral* bagi membantu siasatan kes di samping membuat pengesahan ke atas fakta yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa insiden pergaduhan dan rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman Seafield tiada kaitan langsung dengan isu perkauman. Ia adalah satu kejadian jenayah... [Tepuk] Yang berpunca daripada pertikaian di antara syarikat pemaju One City Development Sdn Bhd dan jawatankuasa kuil berhubung dengan status pemilikan tanah tapak kuil.

Agak malang kerana tindakan pihak tertentu yang mengupah sekumpulan lelaki Melayu untuk menceroboh dan mengosongkan kuil pada malam kejadian telah menimbulkan kemarahan penganut agama Hindu. Ini kerana angkara tindakan tidak bertanggungjawab dan menyalahi undang-undang inilah wujudnya keresahan dan prasangka dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara kita.

Di samping itu, kenyataan-kenyataan yang berbau perkauman yang dikeluarkan oleh pihak-pihak tertentu juga telah mengeruhkan keadaan.

Saya menyeru semua pihak supaya berfikir dan bertindak secara rasional dalam menangani isu ini. Rakyat Malaysia telah mengecapi kehidupan yang aman dan harmoni sejak sekian lama. Janganlah kerana insiden jenayah yang terpencil ini, kita sanggup merosakkan perpaduan dan keharmonian rakyat yang berbilang kaum dan agama. Janganlah kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. [Tepuk]

Bagi pihak Kementerian Dalam Negeri, saya ingin menegaskan bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang sengaja mengganggu gugat keamanan dan ketenteraman awam terutamanya dengan mengapi-apikan sentimen perkauman. Tindakan tegas berlandaskan undang-undang akan diambil oleh pihak berkuasa demi untuk mempertahankan perpaduan kaum, keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat. [Tepuk]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Seterusnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dipersilakan.

**12.16 tgh.**

**Perdana Menteri [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat kesal dengan kejadian rusuhan yang berlaku di tapak Kuil Sri Maha Mariamman Seafield, USJ 25 Subang Jaya pada hari Isnin 26 November serta insiden-insiden rusuhan susulan yang berlaku ekoran daripada kejadian pertama.

Kecederaan serius kepada anggota bomba dan penyelamat serta pasukan polis, kerosakan harta benda awam dan persendirian akibat tindakan perusuh yang tidak bertanggungjawab tidak boleh dipandang ringan. Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, kejadian yang berlaku di kawasan Kuil Sri Maha Mariamman itu adalah perbuatan jenayah oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Tidak timbul sama sekali isu perkauman mahupun pertelingkahan agama.

Di dalam kejadian jenayah, sesiapa juga yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung atau mereka yang didapati menjadi dalang atau cuba mengambil kesempatan akan berhadapan tindakan tegas berdasarkan undang-undang yang sedia ada. [Tepuk] Kerajaan tidak memandang ringan insiden seperti ini yang boleh membawa kepada masalah yang lebih besar melibatkan ketenteraman kaum.

Saya telah diberi penerangan tentang perkembangan terkini siasatan ke atas insiden ini serta tindakan susulan yang diambil pihak berkuasa. Saya berpuas hati dan berterima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia yang telah bertindak untuk mengawal keadaan ini



daripada merebak. [Tepuk] Akan tetapi, apa sahaja tindakan yang diambil terhadap mana-mana pihak haruslah secara adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini sedang diterajui kerajaan yang baru sahaja mengambil alih tampuk pemerintahan. Sudah tentu terdapat kepincangan yang digemari oleh pihak tertentu. Bagaimanapun, ini dapat diatasi jika rakyat faham akan latar belakang kejadian dan tidak berpandu dengan khabar angin.

Amatlah penting supaya kita semua sedar bahawa keselamatan serta kestabilan negara adalah tanggungjawab kita bersama. [Tepuk] Sama-samalah kita berusaha untuk menjaga ketenteraman ini.

Saya menggesa kepada semua agar tidak mengambil apa-apa tindakan ataupun mengeluarkan apa-apa kenyataan provokatif yang boleh menimbulkan ketidakpuasan hati mana-mana pihak. Kita mahu perkara ini diserahkan kepada pihak berkuasa dan saya minta supaya pihak sama ada di dalam Dewan ini mahupun orang ramai supaya berhati-hati apabila mengeluarkan kenyataan ataupun berkongsi apa-apa berita mengenai peristiwa itu. [Tepuk] Ini kerana sekarang ini pun sudah banyak berita palsu dan salah yang diedarkan.

#### ■1220

Kepada ahli politik serta pemimpin-pemimpin badan bukan kerajaan dan yang berkepentingan, janganlah ada pula yang cuba menanggung di air yang keruh. [Tepuk] Kerajaan tidak berniat untuk menyekat kebebasan bersuara. Akan tetapi jika apa yang disuarakan itu tidak benar dan mengancam ketenteraman awam, kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan. [Tepuk] Kerajaan telah berjanji tidak melakukan sebarang halangan untuk pemberitaan dan komunikasi. Akan tetapi kebebasan ini harus digunakan dengan penuh tanggungjawab dan bukan untuk mengapi-apikan keadaan yang boleh membawa kepada perpecahan dan keharmonian perhubungan antara kaum.

Ini juga bukan masanya untuk menuding jari terhadap sesiapa. Pihak polis sudah pun diberi tanggungjawab untuk mengawal ketenteraman serta menjalankan siasatan, yang bersalah akan tetap bersalah dan akan menghadapi tindakan undang-undang yang sewajarnya. Saya ingin tegaskan, bukan niat kerajaan untuk menghukum sesiapa secara buta tuli tetapi demokrasi mempunyai batasannya dan kita semua harus faham akan batas-batas demokrasi ini.

Tidak ada sesiapa yang boleh bertindak sesuka hati melanggar undang-undang dan menimbulkan keresahan di kalangan rakyat dan kekecohan dalam negara. Hak dan kebebasan bersuara bukan bermakna seseorang boleh mengata apa sahaja yang bersifat provokatif terhadap sensitiviti pihak lain. Jika ada pihak yang melanggar undang-undang untuk kepentingan diri mereka sahaja, maka kerajaan yang mendukung prinsip, dengan izin, *the rule of law* juga akan bertindak berdasarkan undang-undang. Kerajaan tidak akan bertolak ansur dan akan bertindak mengikut peruntukan undang-undang yang ada untuk memastikan keharmonian dan keamanan negara tidak diperlekehkan oleh sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tekankan sekali lagi, ini bukan isu perkauman, [Tepuk] atau berkaitan agama. Akan tetapi tindakan jenayah yang tidak harus diberi sebarang ruang untuk merosakkan hubungan di antara kaum di dalam negara kita. Pihak polis telah diberi kuasa untuk menangani keadaan ini dengan tangkas dan untuk meredakan ketegangan serta mengembalikan ketenteraman awam.

Saya juga meminta semua rakyat supaya bertenang dan mengelakkan diri daripada terbabit dalam aktiviti yang boleh menjadikan landasan untuk melakukan *instigation* dan hasutan. Jika ada sebarang usaha provokasi, pihak kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang cuba untuk mencabar undang-undang negara. Saya juga dimaklumkan bahawa pihak polis sedang giat memburu mereka yang terbabit di dalam merusuh dan mencederakan anggota bomba serta anggota keselamatan dalam kejadian tempoh hari. [Tepuk] Mereka ini akan berdepan dengan tindakan tegas undang-undang. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang sedang dilakukan sebagai sebahagian usaha kerajaan ini yang bertanggungjawab terhadap keselamatan rakyat dan negara yang bertuah ini. Kita perlu ingat bahawa negara kita adalah tanggungjawab kita. Sekian, terima kasih. [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Silakan.

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) (NO.2) 2018**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 2018**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Eksais 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 2018**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2018**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.27 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pengangkutan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2019 dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 3 Disember 2018.”

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ada usul di bawah 18(1). Ada dua usul dan pagi ini saya menerima nota balasan daripada Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa usul yang saya kemukakan itu tidak dapat dikemukakan di Dewan kerana ada satu usul dalam perkara yang sama seperti Peraturan Mesyuarat 18(5). Adakah usul yang dikemukakan oleh Ahli yang lain itu akan dikemukakan dalam bahas?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak. Tidak. Mereka pun telah diberitahu. Kedua-dua usul ditolak.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Kedua-dua usul ditolak? Pasal jawapan surat daripada Tuan Yang di-Pertua mengemukakan merujuk Perkara 18(5) tidak melebihi satu usul mengikut peraturan ini boleh dibawa. Maknanya, ada satu usul lain yang akan dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak. Itu bukan ertinya.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Jadi, nota balasan- kenyataan ini tidak tepat Tuan Yang di-Pertua ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi itu maksudnya.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Itu- Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Kalau dikatakan bahawa usul ditolak disebabkan oleh perkara-perkara, saya faham itu tetapi surat ini mengatakan bahawa ada usul lain yang telah dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang juga ditolak. Mungkin patut dinyatakan di dalam...

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Ya, tetapi tidak jelas dalam surat ini. Tidak apa, saya terima kenyataan dan penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita teruskan dengan urusan Mesyuarat. Silakan.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019**

**DAN**

### **USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2019**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Anggaran Pembangunan 2019 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". **[Hari Kelima]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

## ■1230

**Maksud B.26 [Jadual] -  
Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan 2019]**

**Tuan Pengerusi:** Kita teruskan dengan urusan Mesyuarat. Silakan. Kepala Bekalan B.26 dan kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan terbuka untuk dibahas.

**Beberapa Ahli:** [Bangun].

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Parit Sulong, ya silakan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Okey.

**12.30 tgh.**

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, terima kasih. [Ketawa] Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Maksud B.26 Butiran 020100 – Pembangunan Usahawan. Antara langkah penting dalam meningkatkan daya saing dan juga daya tahan seorang usahawan adalah keupayaan untuk memiliki standard global bagi mereka menembusi pasaran dunia. Jadinya ada beberapa soalan yang saya hendak bertanyakan kepada pihak kementerian di peringkat Jawatankuasa ini.

Pertamanya apakah inisiatif yang dijalankan oleh pihak kementerian dalam menyediakan lebih banyak lagi peluang dan ruang seperti jenis aktiviti dan program keusahawanan kepada usahawan-usahawan desa sehingga usahawan desa ini nanti boleh mengembangkan perniagaan mereka sehingga ke peringkat global dan saya kira ini bukanlah sesuatu yang mustahil kerana sekarang kerajaan pun memang memberi galakan kepada perniagaan yang dibuat secara atas talian.

Kedua saya hendak bertanya kepada pihak kementerian apakah pihak kementerian juga ada menyiapkan atau menyediakan sejumlah usahawan kepada usahawan-usahawan desa bagi memohon dana bagi menggalakkan penggunaan teknologi berinovasi dalam kalangan usahawan desa ini. Sekiranya ada saya hendak pihak kementerian untuk memberikan maklumat mengenai jumlah yang diperuntukkan terutamanya di Parlimen kawasan Parit Sulong.

Seterusnya sejauh manakah pihak kementerian akan menyelaras semua program berkaitan pembangunan usahawan ini agar ianya tidak ada pertindihan dalam pelaksanaan program dengan kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan apakah perbezaan pelaksanaan program pembangunan usahawan dalam kedua-ke dua kementerian ini.

Seterusnya bagi Maksud B.26 Butiran 020300 – SME Corp. Saya melihat peranan SME Corp. ini memang sangat-sangat penting Tuan Pengerusi kerana ianya membantu memberi sokongan kepada PKS di negara ini supaya mereka ini mampu untuk bersaing mencipta nama di peringkat global dan banyak *success stories* yang telah dibuat sebelum ini yang di-*train* ataupun dilatih di bawah SME Corp.

Jadinya soalan saya kepada pihak kementerian adalah dia ada satu program iaitu satu program yang dinamakan Program TUBE yang telah dimulakan sejak tahun 2014. Jadinya soalan saya apakah kalau ianya diteruskan apakah penambahbaikan yang dibuat oleh pihak kementerian bagi yang dirancang oleh pihak kementerian untuk membantu lebih ramai lagi peserta di bawah Program TUBE ini. Daripada jumlah mereka yang telah dilatih di bawah Program TUBE ini sejak ianya dikenalkan pada tahun 2014, berapakah jumlah peserta, itu soalan saya. Jumlah peserta yang telah dilatih dan daripada jumlah yang telah dilatih ini berapakah kalangan wanita.

Saya ingin mencadangkan pada pihak kementerian juga untuk mungkin mewujudkan satu lagi program pembangunan usahawan seperti TUBE ataupun TUBE khusus untuk wanita dan saya hendak bertanya juga kepada pihak kementerian sebab saya melihat bahawa untuk tahun ini bajetnya sudah mengecut. Jadinya kerana itu dan mungkin dia hanya akan boleh menampung 500 peserta sahaja. Jadinya saya minta supaya Yang Berhormat Menteri untuk memberi maklumat mengenai perkara ini.

Seterusnya bagi tajuk Butiran 020400 – TEKUN Malaysia. Saya hendak bertanya mengenai bawah tajuk ini apakah perubahan yang telah dibuat oleh kementerian yang akan dibuat dalam melaksanakan semakan semula struktur TEKUN Nasional ini dan sejauh manakah sambutan usahawan Bumiputera wanita khususnya di luar bandar terhadap Skim Pembiayaan Program TemanNita yang telah dilancarkan di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Apakah penambahbaikan yang dilaksanakan untuk menarik lebih ramai lagi usahawan Bumiputera wanita di luar sana menyertai program ini.

Seterusnya bagi Butiran 00514 – Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera. Program ini sebelum ini dilaksanakan di bawah MATRADE. Tujuannya adalah untuk membantu mereka ataupun PKS milik Bumiputera supaya mereka ini boleh mengeksport barangan mereka ke luar negara. Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian sekali lagi mengenai perkara ini komitmen pihak kementerian, pihak kerajaan baru untuk membantu PKS milik Bumiputera tetapi di luar bandar agar mereka boleh melaksanakan aktiviti-aktiviti mempromosi perdagangan antarabangsa dan daripada itu seterusnya soalan saya adalah berapakah jumlah peserta aktif dan pengambilan baru yang terkini khususnya PKS luar bandar ini yang menyertai Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera ini...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Parit Sulong boleh mencelah? Gerik.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Gerik minta pencilahan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Cepat Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Sedikit sahaja hendak menanya. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Parit Sulong bagaimana Kementerian Pembangunan Usahawan sekarang ini dengan TERAJU bagi membantu usahawan yang berskala besar dan juga usahawan berskala kecil bagi dapat dijawab dalam Dewan pada hari ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Saya harap Yang Berhormat Menteri pun dapat juga menjawab soalan itu dan boleh dimasukkan di dalam sebahagian sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Saya hendak tanya kepada pihak kementerian mengenai penambahbaikan yang di cadang oleh kementerian dalam memperkasakan lagi program ini supaya ianya dapat memberikan impak yang lebih holistik terhadap PKS milik Bumiputera di Malaysia.

Pada kali itu bila kita membuat sesuatu program kadang-kadang masalah kita yang paling utama adalah untuk mendapat maklum balas pada mereka mengenai setiap sen yang diperuntukkan oleh pihak kementerian untuk membantu usahawan-usahawan ini berjaya. Jadinya saya hendak bertanya kepada pihak kementerian bagaimana pihak kementerian merancang untuk mendapat makluman semula mengenai kejayaan-kejayaan mereka dari segi berapa pendapatan mereka, *revenue* mereka, minta maaf. Selepas itu yang keduanya pula adakah mereka boleh menyumbang balik dengan menjadi mentor kepada program-program yang dianjurkan oleh pihak kementerian yang lain.

Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian mengenai Butiran 90000 – Skim Latihan Siswazah. Program-program ini saya hendak minta sebab saya tengok ada satu program yang dinamakan *Business Accelerator Programme*. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri untuk menerangkan perincian mengenai program ini, apa sebenarnya perbezaan antara program ini dengan yang dibuat secara kerjasama antara SL1M, INSKEN, apa perbezaannya dengan Program TUBE yang dibuat di bawah SME Corp.

Oleh kerana itu saya juga hendak bertanya kenapa saya lihat mengenai kriteria dan segala-galanya dari segi pengambilan peserta lebih kurang sama dengan TUBE. Jadinya apa perbezaannya, saya khawatir yang menjadi *redundant*, dengan izin dan kemudian tidak akan memberi manfaat yang lebih luas kepada para peserta yang teringin ataupun berminat untuk menyertai apa-apa juga program keusahawanan.

Seterusnya di bawah tajuk INSKEN Butiran 96000. INSKEN ini adakah pihak kementerian hendak menjadikan ianya sebagai satu pusat latihan tunggal di bawah kementerian. Sebelum ini ada soalan yang saya tanya pada pihak Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Menteri sendiri mengatakan bahawa dia akan ada banyak yang akan menganjurkan, akan mengadakan latihan-latihan pembangunan usahawan.

Akan tetapi bila saya tengok apa yang terjadi dalam ini, saya tengok banyak yang INSKEN buat ini dahulunya dilaksanakan di bawah SME Corp. Bila di bawah SME Corp. kita

tahu SME Corp. memang terlatih dari segi pegawai dan segalanya mereka memang terlatih dalam memberi latihan yang cukup kepada usahawan dan hingga membawa mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Jadinya saya hendak bertanya, adakah kalau kita tengok semuanya telah dialihkan, apakah SME Corp. masih lagi memainkan peranan mereka melatih usahawan-usahawan dan adakah Kementerian bila tengok bajet untuk SME Corp. pun diturunkan dan segalanya.

■1240

Adakah Kementerian akhirnya akan menutup SME Corp ini dan semuanya diletak di bawah SKM- *I mean* itu yang saya hendak minta supaya Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan di dalam Dewan ini. Saya khuatir sebab mereka ada kepakaran dan kepakaran mereka telah ada hasilnya, sudah ada *success story* mengenai mereka yang telah dilatih di bawah SME Corp dan sehingga mereka berjaya sampai peringkat antarabangsa. Saya khuatir bila ada program-program yang bertindih, program-program yang sama, cuma dijenamakan semula dan dibuat oleh orang lain. Saya khuatir pegawai-pegawai ini tidak boleh untuk melaksanakan dengan baik sebab dia jadi *confuse* Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini.

Jadinya masa pun sudah habis. Ada beberapa perkara lain yang saya hendak tanya tapi tidak apalah. Saya simpan dulu. Okey terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Di sebelah, ya Yang Berhormat Pasir Gudang, silakan.

12.41 tgh.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Dengan izin, terima kasih Tuan Pengerusi. Pasir Gudang ingin membahaskan satu perkara sahaja iaitu berkenaan dengan koperasi di Malaysia. Perkara ini berhubung dengan Butiran 020600 - Suruhanjaya Koperasi Malaysia kelihatannya anggaran belanjawan itu meningkat daripada RM83 juta lebih kepada RM86 juta lebih. Begitu juga 020700- Maktab Koperasi Malaysia pun anggaran belanjawan yang meningkat. Berkenaan dengan P26, Maksud Pembangunan, Butiran 13001 - Pembangunan Perniagaan, serupa saja belanjawan yang lalu dengan tahun 2019, RM5 juta. Pembangunan Koperasi pun sama saja peruntukan pembangunan, iaitu RM1 juta.

Perkara yang ingin saya sentuh di sini iaitu peranan koperasi yang nampak ada sekarang ini tidak begitu hidup, tidak begitu tumbuh, tidak begitu penting sangat. Walhal kita lihat kalau diurus dengan baik, gerakan koperasi ini boleh membantu menjana ekonomi negara kita, melibatkan rakyat yang kecil-kecil ini pun juga boleh menjadi peserta dalam pembangunan negara. Misalnya kita lihat ada Bank Koperasi atau Bank Rakyat, bila diurus dengan baik, pernah ada skandal, pernah rugi tapi bila diurus dengan baik, profesional, amanah, sekarang menjadi bank yang besar. Tidak jauh daripada Parlimen ini, kita lihat Bank Rakyat itu.

Jadi dalam hal ini bagaimana umpamanya masalah petani, pekebun, harga baja begitu tinggi, kos yang tinggi. Kalau diusahakan di bawah Kementerian ini, kita ada satu cita-cita yang besar untuk buat kilang baja berskala besar yang diuruskan secara koperasi. Mengapa mesti swasta sahaja, mengapa mesti entiti *private* saja yang boleh buat *business* yang besar ini. Jadi kalau kita hendak tolong petani-petani ini, cuba kita usahakan ini.

Begitu juga perkara-perkara, gerakan-gerakan yang lain. Umpamanya gerakan teksis umpamanya yang bersaing sekarang dengan Grab dan sebagainya. Maksudnya peranan koperasi dalam perkhidmatan seperti ini. Di kampung-kampung dulu kita lihat ada kedai-kedai koperasi. Tapi sekarang merosot. Jadi mungkin jika kerajaan dan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan ini mempunyai inisiatif dan azam untuk sama-sama kita kemukakan satu sektor selain daripada awam (*public*) dan swasta iaitu koperasi ini. Kita libatkan rakyat negara kita ini sungguh-sungguh, bukan buat alang kepalang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sila Yang Berhormat Pontian sekarang.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Jempol.

12.45 tgh.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Pontian selalu dapat ini Tuan Pengerusi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, itulah....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pontian yang pertama sekali bangun.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia selalu dapat Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Paya Besar bangun juga Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kita ingin mewujudkan apa yang dipanggil sebagai *interpreneurial nation* dengan izin ataupun *interpreneurial race* atau bangsa usahawan. Saya ada membaca dan mendengar satu ucapan bahawa kajian dalam negara maju Tuan Pengerusi, lagi ramai usahawan di sebuah negara itu, lagi bertambah maju negara itu. Jadi kalau kita ingin memastikan negara kita mencapai kemajuan, jumlah usahawan di dalam negara kita perlu bertambah. Jadi saya ingin merujuk kepada Pelan Induk PKS yang diperuntukkan RM54 juta. Pelan Induk PKS ini telah di mulakan pada 12 Julai 2012 oleh Yang Berhormat Pekan. Pelancaran untuk 2012 hingga 2020 dan Pelan Induk PKS 2.0 saya difahamkan Menteri Pembangunan Usahawan yang baru telah melancarkan. Saya ingin bertanya apa penambahbaikan terhadap Pelan Induk PKS yang dijenamakan jadi 2.0 ini.

Sehubungan dengan itu saya juga ingin mencadangkan supaya Pusat Sehati Keusahawanan perlu ada di setiap daerah. Sekarang ini Pusat Sehati Keusahawanan berkumpul di bandar-bandar besar dan ia tidak dapat dicapai oleh PKS kampung. Oleh kerana itu, ia perlu dibuat di setiap daerah dan IR 4.0 perlu dihebatkan kepada pelbagai peringkat.

Tadi saya ada menyentuh dalam soalan tambahan mengenai 1Kampung 1Produk. Kalau kita pergi melihat di Thailand dipanggil OTOP, *1Tambun 1Product* dan ia diminati oleh Yang Amat Berhormat Langkawi sebelum ini lagi, melihat model Jepun supaya ia boleh disebar luaskan lagi di negara kita. Apa yang ada, kita ada Satu Daerah Satu Industri (SDSI) tetapi ia terlalu sedikit. Kampung di Malaysia ini 20 ribu kampung. Bayangkan kalau setiap kampung itu mengeluarkan produk-produk yang tertentu, maka kita akan dapat banyak produk.

Saya pergi ke kawasan Matunggong di Sabah. Ada satu kampung itu, mereka buat gong daripada muka depan kampung sampailah ke hujung kampung, kampung itu mengeluarkan gong dan kawasan itu dipanggil Matunggong ya. Jadi ia amat menarik apabila saya melihat kepada gong kecil sampailah gong sebesar-besarnya yang dipamerkan dan menjadi tarikan pelancong dan jadi jualan. Itu sebagai satu contoh. *One Tambun, One Product*, konsep Satu Kampung, Satu Produk.

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh ialah tentang Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Ini tidak berapa kedengaran Tuan Pengerusi. INSKEN ini orang tidak berapa tahu pun kewujudannya. Saya sendiri tidak pernah dengar selalu dalam akhbar-akhbar dan sebagainya.

Jadi saya ingin mencadangkan agar INSKEN ini.....

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat minta penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan minta penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, ringkas Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ringkas dan padat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, silakan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Pontian. Mungkin Yang Berhormat Pontian ingin mencadangkan kepada kementerian dan juga Menteri yang duduk serius mendengar ke arah bagaimana kementerian ini memacu usahawan-usahawan sederhana, PKS-PKS kita mungkin dikenal pasti dan kementerian mempunyai *database* berapa ribu usahawan setiap negeri dan mungkin dikenal pasti untuk diberikan mereka anjakan tahun depan, tahun 2020 daripada usahawan yang kecil-kecil sederhana ini, berapa yang dapat diangkat oleh kementerian menjadi usahawan yang betul-betul menjadi usahawan yang besar dan profesional. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. PKS kita ada lebih kurang 900 ribu, ada *database*-nya, 900 ribu PKS, Perusahaan Kecil Sederhana tapi daripada itu hanya 38% bumiputera Yang Berhormat Kinabatangan. Banyak lagi kerja yang patut dilakukan dan INSKEN ini cadangan saya ialah Biro Tatanegara sudah dimansuhkan. Tidak ada lagi BTN tapi kem-kem BTN ini ada di seluruh negara. Mungkin kem BTN itu boleh diambil alih dijadikan INSKEN, Institut Keusahawanan Negara. Begitu juga – apa lagi yang dimansuhkan? Kem PLKN ada berpuluh di seluruh negara, 80 kah apa kah. Kem-kem PLKN itu boleh diguna jadi Institut Keusahawanan Negara.

Perkara ketiga ialah SME Corp. Saya membaca satu tulisan seorang anak muda, Shuib Yusof, graduan UPM baru *graduate* menulis mengenai lima faktor usahawan muda tersungkur.

#### ■1250

Pertama, tiada perancangan jangka masa panjang dalam perniagaan. Kedua, terburu-buru dalam membina jenama produk sendiri. Ketiga, kurang jiwa dan budaya perniagaan dalam diri. Keempat, persaingan yang sengit dalam pasaran. Kelima, tidak fokus dan mencuba semua perniagaan yang dirasakan untung.

Jadi kita lihat bagaimana anak-anak muda berhadapan tentang masalah keusahawanan ini. Saya harap SME Corp akan terus menjalankan tugas dengan baik walaupun diturunkan peruntukan daripada RM168 juta tahun 2018 kepada RM119 juta pada tahun 2019. Saya harap Tunas Usahawan Belia (TUBE) itu, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi, wajar ditambah bilangannya.

Perkara keempat ialah tentang pembangunan vendor. Saya ingin bertanya, berapa syarikat *anchor* dan berapa syarikat vendor yang ada data-data yang terkini? Sehubungan dengan vendor ini, Tuan Pengerusi, usahawan francais perlu ditambah. Saya ingin bertanya, berapa banyak *franchisee*, berapa banyak *franchiser* yang ada dalam negara kita dan setakat mana peranan *Malaysian Franchise Association* (MFA)?

Juga, kos memiliki francais ini mesti dikawal daripada segi finya, daripada segi royaltinya perlu dikawal dan kita perlu menambah francais tempatan. Kalau kita melihat nama-nama seperti Bonia, Marrybrown, PappaRich, kemudian Old Town White Coffee, The Chicken Rice Shop, Rotiboy, Kyros Kebab, Nelson's, Smart Reader Kids, Q-dees, itu adalah antara nama-nama francais tempatan. Kalau francais luar negara itu semua orang tahu, KFC, McDonalds, Pizza Hut, Starbucks. Akan tetapi, francais tempatan ini perlu diperkembangkan.

Satu lagi, sekali lagi saya merujuk kepada Yang Amat Berhormat Langkawi. Dia amat suka francais ini. Pada pandangan dia, inilah cara untuk masyarakat Bumiputera boleh dibantu dalam perniagaan.

Perkara keenam, Butiran 00603 – Program Keusahawanan. Ini sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi, kita yang kecil itu perlu dijadikan sederhana, sederhana jadi besar. Kalau kita melihat dalam negara kita, ada beberapa lokasi projek-projek strategik.

Saya tadi gembira apabila dinyatakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi bahawa *Malaysia Vision Valley* atau Lembah Wawasan akan diteruskan. Saya pernah menjadi ahli jawatankuasanya. Seluas 153,000 hektar, dua kali Singapura, 30 tahun sehingga 2045. RM290 bilion projek, 1.38 juta peluang pekerjaan. Menjadi Greater KL dengan Sime Darby Property. Saya harap perkara-perkara ini tidak hanya dilibatkan oleh usahawan-usahawan besar. Ia perlu dilibatkan dengan koperasi terutama koperasi-koperasi seperti yang Yang Berhormat Pasir Gudang tadi sebut, yang berdaya maju, yang berdaya saing, kita perlu libatkan dalam projek-projek besar ini.



Koperasi kalau kita lihat yang besar sekali ialah Bank Rakyat; kedua, Koperasi Peneroka Felda (KPF); ketiga, Koperasi Angkatan Tentera; keempat, Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah; dan kelima, Koperasi Kakitangan Petronas. Ini nombor satu sampai nombor lima koperasi yang besar-besar ini. Saya harap mereka dilibatkan dalam projek-projek besar kerajaan.

Butiran 13005 – Pembangunan Koperasi. Bagaimana cara untuk menghidupkan koperasi yang tidak aktif? Bantuan-bantuan kepada koperasi ini apa dia? Kita perlu beri projek-projek tertentu dalam negeri-negeri yang tertentu kepada koperasi-koperasi supaya mereka boleh bangkit semula.

Satu lagi ialah tentang SME Bank. Saya ingin bertanya, berapa banyak SME Bank membantu belia? Berapa banyak SME Bank membantu wanita? Berapa banyak SME Bank membantu penduduk-penduduk kaum tertentu seperti kaum Siam, masyarakat Siam, masyarakat Orang Asli, masyarakat di Sabah dan masyarakat di Sarawak? Kita harap SME Bank ini bukan hanya duduk di cawangan tetapi bank turun desa, Yang Berhormat Menteri. BTD, bank turun desa. Sebab, orang-orang kampung ini nak pergi bank itu semacam ada halangan kepada mereka. Sukar untuk mereka mendekati bank. Kita harap bank yang pergi ke desa dan bertemu dengan pelanggan.

Usaha SME Bank mempromosi kejayaan usahawan dalam TV pada zaman saya dan Yang Berhormat Jeli dalam kementerian yang menjaga SME Bank ini, itu adalah usaha yang bagus yang mana PKS-PKS yang berjaya ditonjolkan dan diceritakan dalam rancangan TV.

Perolehan komputer. Ada satu tajuk itu. Saya harap ia digunakan untuk e-dagang dan niaga atas talian. Itu satu lagi perkara amat penting untuk membina usahawan-usahawan masa depan dan usahawan masa kini ialah usahawan e-dagang dan juga niaga atas talian.

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Pembahas di sebelah kanan kalau ada. Ya, silakan Yang Berhormat Subang.

**12.55 tgh.**

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, sebenarnya saya terjumpa Yang Berhormat Lumut di *lounge* semalam dan Yang Berhormat Lumut ini kalau orang kenal dia, dia suka bergurau. Saya pun bergurau balikkah, saya kata saya akan *grill* dia. Bagi *warning*, akan *grill* dia, kementerian dia pada pagi ini. Dia kata, *bring it on*. Tuan Pengerusi, *I am keeping that promise today*. [Ketawa] Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi peluang kepada Yang Berhormat Lumut untuk menjawab dua soalan saya pula, ya? Yang Berhormat Menteri kena *sporting* sikit. Bagi dia *chance* sikit.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada P.26 muka surat 260, Butiran 10200 – Perolehan Komputer dengan dana bajet RM5.9 juta. Akan tetapi, Tuan Pengerusi, apabila kita lihat bilangan jawatan dalam kementerian ini, ia cuma 637. Maknanya ialah RM5.9 juta ini kalau dibahagikan kepada 637 jawatan adalah jumlah RM9,262 seorang. Apakah komputer yang dibeli oleh kementerian? Saya perlukan nama *supplier*, apakah terma dia, *software*, *hardware* dia apa, sebab nampaknya terlalu besar.

Kalau kita lihat, ini adalah sebahagian projek. Projek dia ialah RM32 juta. Kalau dibahagikan kepada 637 jawatan— saya faham ya, Yang Berhormat Menteri, ini bukan projek *you*, ini projek Barisan Nasional dahulu. Kalau dibahagikan bilangan 637, setiap orang jawatan di dalam kementerian ini akan diberi perolehan komputer RM50,235. *Are you buying a super computer? I don't know what are you buying, but please, give us full disclosure.*

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 10300 – SME Bank. Setiap tahun SME Bank akan menerima satu dana daripada kerajaan. Tahun lalu, dia menerima RM70 juta. Tahun ini, *congratulations* lah, *you* dah *cut* RM50 *million*, tahun ini bagi RM20 juta sahaja. Saya nak tanya prestasi bank ini macam mana? *I know this is a DFI* tetapi semestinya kerajaan perlu memastikan SME Bank ini boleh *competitive*, boleh buat kerja dia, boleh untung. Saya nak minta setahu Yang Berhormat Menteri, apakah *result* prestasi bank *third quarter* tahun ini dan beri justifikasi kenapakah perlukan RM20 juta ini?

Itu sahaja ucapan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Subang. Tinggal tiga minit lagi. Saya dah tulis Yang Berhormat Kinabatangan. Tak ada? Baik, saya buat senarai lepas ini ya. Yang Berhormat Kinabatangan pada pukul 2.30 petang.

**Seorang Ahli:** Boleh bahas?

**Tuan Pengerusi:** Tinggal dua minit. Mungkin tak sempat ya. Tak sempat.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Paya Besar.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Kuala Nerus.

**Tuan Pengerusi:** Lepas Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Nibong Tebal.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Paya Besar, Paya Besar.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tuan Pengerusi, Kuala Nerus.

**Tuan Pengerusi:** Lepas itu Yang Berhormat Paya Besar. Saya bagi Yang Berhormat Kuala Nerus dulu ya untuk bersikap adil— PAS. Lepas itu sebelah kanan? Yang Berhormat Tebrau.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Masjid Tanah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Paya Besar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Paya Besar. Yang Berhormat Masjid Tanah. BEBAS ya?

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Wakil BEBAS. Seorang dah tak ada dah.

**Tuan Pengerusi:** Seorang sahaja? *[Ketawa]*

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Seorang dah jadi kerajaan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Dia tak tukar kerusi lagi. Kerusi belum tukar lagi.

**Tuan Pengerusi:** Lepas itu sebelah sini pula. Siapa lagi sebelah kanan? Tidak ada. Sebelah kiri? Yang Berhormat Beaufort. Tak ada sebelah sini ya.

**Seorang Ahli:** Saya belum lagi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya, saya nampak. Yang Berhormat Tanah Merah

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

**Tuan Pengerusi:** Ha, baru bangun. Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ya, petang nanti.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bera. GPS ada? GPS? Tak ada?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jempol bangun tapi Tuan Pengerusi buat tak nampak sahaja.

**Tuan Pengerusi:** PAS?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jempol, Jempol, Jempol.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Buat tak nampak.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jempol duduk di bahagian itu, susah nak nampak dia. Ya, Yang Berhormat Jempol. Itu sahaja ya? Untuk sementara waktu. Baik.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Kita nak pindah sanalah, Tuan Pengerusi, sebab tak nampak. Saya pindah sebelah sana, terang sikit.

**Tuan Pengerusi:** Sebelah sini? *[Ketawa]* Jangan tanya sayalah, tanya orang yang berkaitan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Jemput, jemput, jemput.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Jelutong ketawa kuat nampak. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jelutong kacau selepas pukul 2.30 petang ya?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Jelutong duduk, Yang Berhormat Jelutong duduk.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan semua pihak *mai* belah sini. *No problem.*

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Jelutong datang sini.

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang.

***[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang]***

■1430

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa**]***

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung perbahasan. Saya ingin menjemput walaupun disebut tadi Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan tidak ada, ada sesiapa yang hendak? Sekarang dijemput Yang Berhormat Nibong Tebal.

**2.33 ptg.**

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini. Tuan Pengerusi, Kepala P.26 Kementerian Pembangunan Usahawan. Peruntukan yang secara keseluruhannya diberi ialah RM520.3 juta. Ini merupakan peruntukan di antara yang terendah, yang tercorot di antara kementerian-kementerian yang terdapat kalau dibandingkan dengan kementerian-kementerian yang lain. Kementerian Industri Utama RM506 juta dan Kementerian Pembangunan Usahawan RM520.3 juta.

Saya berasa- apa nak sebut, kecewa kah, terkilan kah, bersimpati dengan kementerian. Oleh kerana kita tahu yang pembangunan usahawan merupakan antara faktor yang cukup penting bagi kita tangani isu kemiskinan, isu kejurangan, kesenjangan pendapatan, *inequality* di kalangan rakyat Malaysia. Pembangunan usahawan merupakan satu-satunya faktor yang boleh membantu tangani isu kemiskinan dan juga mengurangkan kesenjangan pendapatan dan juga sosioekonomi di kalangan rakyat. Justeru itu, kita harap kementerian dapat melakukan sesuatu untuk tambahkan peruntukan yang diberikan ini untuk melaksanakan program pada tahun yang mendatang.

Saya ingin Tuan Pengerusi, teruskan kepada Butiran 020400 – TEKUN Nasional dan juga Butiran 30000 – Tabung Ekonomi Usahawan Niaga (TEKUN) yang diperuntukkan RM100 juta dan TEKUN Nasional RM2 juta. Dalam Kepala 020400 ini iaitu TEKUN Nasional, kod 40000 iaitu untuk tujuan pemberian dan kenaan bayaran tetap. Saya difahamkan kalau

betul, kalau tidak betul, saya harap minta pembetulan, yang peruntukan ini adalah untuk membiayai bayaran sewaan-sewaan pejabat TEKUN Nasional, membeli peralatan dan juga perkakasan dan lain-lain kos pengurusan dan Program TEKUN. Justeru itu Tuan Pengerusi, saya ingin tahu yang setakat ini, berapa jumlah cawangan-cawangan TEKUN di seluruh negara? Berapa jumlah bilangan pegawai-pegawai TEKUN yang diambil bertugas bagi melaksanakan program ini di seluruh negara? Berapa kos pengurusan yang di peringkat ibu pejabat berbanding dengan kos-kos pengurusan di keseluruhan cawangan-cawangan TEKUN di seluruh negara?

Ini saya baca bersama dengan Butiran 30000 iaitu Program TEKUN Tuan Pengerusi, yang diperuntukkan sejumlah RM100 juta. Saya ingin juga penjelasan di sini, RM100 juta ini mungkin sebagai dana pembiayaan ataupun *seed capital* yang diberikan kepada TEKUN untuk melaksanakan program-program ini. Adakah ada juga sebahagian daripada dana *capital* ini ataupun *seed capital* ini yang digunakan untuk membiayai kos-kos pengurusan seperti yang saya sebutkan tadi ataupun adakah *100 percent* digunakan untuk *disbursement* bagi melaksanakan Program TEKUN? Keduanya Tuan Pengerusi, apabila TEKUN Nasional membuat keputusan untuk mengurangkan caj kiriman daripada lapan peratus kepada empat peratus pada suatu ketika dulu, dengan pengurangan itu adakah mencukupi ataupun memadai bagi yang caj empat peratus itu untuk membiayai kos kakitangan? Itu yang ingin saya persoalkan. Oleh sebab di peringkat awal masa TEKUN Nasional ini dilaksanakan program ini, caj perkhidmatan yang dikenakan adalah lapan peratus untuk tangani isu-isu kos pengurusan, termasuk gaji, peralatan, pejabat dan lain-lain.

Sehubungan dengan itu juga Tuan Pengerusi, seorang pegawai TEKUN dapat selia berapa orang usahawan yang di bawahnya dengan pengurangan caj dari lapan peratus ke empat peratus ini? Seterusnya Tuan Pengerusi, apakah kesan-kesan positif ataupun impak positif kepada satu, sistem bayaran balik pinjaman sama ada, ada peningkatan ataupun berlaku *backlash* yang teruk, tunggakan yang lebih lagi hasil daripada pengurangan empat peratus ini. Adakah ada satu perubahan yang cukup besar selepas ia dilaksanakan, itu yang pertama. Kedua, adakah juga ada perubahan dari segi pembiayaan, bertambah ataupun tidak bilangan usahawan? Oleh kerana kita kurang caj empat peratus, mungkin ia tarikan daripada usahawan-usahawan di luar untuk membuat lebih banyak lagi permohonan pada skim ini. Itu yang kedua daripada Tuan Pengerusi.

Begitu juga dengan perubahan dasar ataupun strategi pelaksanaan. Apabila TEKUN membuat keputusan untuk tukar kaedah sistem bayaran balik mingguan kepada bulanan ataupun boleh di kredit terus kepada akaun usahawan-usahawan. Adakah juga ia membawa pulangan positif yang kita sebutkan dua faktor tadi? Dari segi pembiayaan dan juga dari segi sistem pembayaran balik apabila TEKUN membuat keputusan untuk mengubah cara ataupun kaedah kutipan bayaran balik ini.

#### ■1440

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan itu juga, berkaitan dengan Butiran 020100 dan juga Butiran 020200 iaitu tentang perancangan kementerian untuk mengembangkan lagi pembangunan usahawan bagi mereka-mereka yang berjaya ataupun *graduate* dari skim mikro kredit ini.

Sehubungan dengan itu, Tuan Pengerusi, saya ingin minta pencerahan daripada kementerian iaitu peranan yang dimainkan oleh SME Corp ini. Diperuntukkan tidak berapa banyak tetapi ia cukup memenuhi— bolehkah SME Corp sekarang ini dapat mengambil usahawan-usahawan mikro yang baru *graduate* daripada program-program mikro kredit ini yang ingin melonjak pengembangan kegiatan aktiviti mereka tetapi tergantung tidak tahu hendak pergi mana? Masalah utamanya ialah modal. Jadi, kalau boleh SME Corp ambil peranan ini dan sudah tentu dikawal selia oleh pihak kementerian untuk *facilitate* atau memudah cara kan orang-orang yang berjaya ini di peringkat mikro tetapi hendak melonjak ke satu peringkat yang lebih baik sedikit.

Antaranya ialah orang-orang yang memerlukan— tidak banyak— RM1 juta sehingga ke RM5 juta sahaja. Ini usahawan-usahawan yang berjaya di peringkat asas, kemudian mendapat kontrak, mendapat projek untuk mengembangkan lagi aktiviti-aktiviti mereka tetapi tidak cukup modal untuk membeli peralatan, untuk membiayai kos pengurusan. Ramai golongan-golongan ini yang di luar sana.

Saya tahu ramai sebab ada di antara mereka yang berjumpa dengan beberapa agensi untuk selesai masalah mereka ini. Saya harap pihak kementerian boleh bagi perhatian

kepada golongan ini yang tergantung tidak boleh pergi ke mana. Bukan dia perlu modal yang berpuluh berjuta atau beratus juta tetapi yang bawah dari RM5 juta ini. Ramai golongan ini dan mereka ini perlu diberi perhatian.

Tuan Pengerusi, saya ingin terus pergi ke...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Rumuskan sedikit. Ada tinggal beberapa saat lagi.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Sedikit lagi ini. Ini tentang Butiran 020500 – Pembangunan Koperasi. Saya harap pihak kementerian juga dapat memberi penekanan ataupun fokus tentang program-program untuk membudayakan gerakan koperasi di seluruh negara ini. Ini kerana kita tahu yang gerakan koperasi ini memang memainkan peranan penting menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara dan juga membantu meningkat pendapatan rakyat kita di negara ini. Akan tetapi, usaha untuk menggalakkan mereka berkoperasi itu masih lagi tidak begitu agresif. Saya harap pihak kementerian ini yang diberikan peruntukan untuk memainkan peranan ini terutama sekali koperasi keluarga. Bermula daripada keluarga, kemudian boleh merebak kepada masyarakat.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Paya Besar.

#### 2.44 ptg.

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, saya mohon turut serta dalam membahaskan Belanjawan 2019 peringkat Jawatankuasa bagi P/B.26 – Kementerian Pembangunan Usahawan.

Tuan Pengerusi, saya akan terus kepada Butiran yang berkaitan. Butiran 19530 – Program Peningkatan dan Pembangunan PKS.

Yang Berhormat Menteri, sebagaimana yang kita sedia maklum, pada tahun 2017, PKS di Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi iaitu sebanyak 7.2 peratus berbanding tahun 2016 sebanyak 5.2 peratus. Apa yang menjadi permasalahan kepada saya adalah apabila saya melihat sumbangan PKS kepada KDNK negara pada ketika ini adalah 37.1 peratus, tetapi pada tahun akan datang, kerajaan di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri telah menasaskan kepada 40 peratus, yang menghairankan saya, kenapa tidak ada pertambahan bajet? Tahun 2018 sebanyak RM15 juta dan tahun 2019 sebanyak RM15 juta juga. Adakah tanpa penambahan bajet ini, Yang Berhormat Menteri mampu untuk kita mencapai sasaran yang telah diletakkan oleh kerajaan iaitu 40 peratus kepada KDNK negara?

Saya melihat cabaran ekonomi makin hari makin besar dengan wujudnya revolusi perindustrian IR 4.0. Juga apabila Yang Berhormat Menteri MITI telah melancarkan satu polisi *industry forward*, saya kira ini juga akan memberi kesan kepada corak dan paten perniagaan dan keusahawanan pada masa yang akan datang.

Cumanya, saya juga mohon kementerian untuk menyatakan, apakah usaha untuk membantu usahawan-usahawan muda terutamanya di luar bandar dari aspek pemasaran dan usaha sama, dengan izin, *joint venture*? Saya juga mohon bagaimana industri usahawan PKS ini yang diberi tumpuan kepada digital dan bagaimana kementerian Yang Berhormat Menteri dapat bekerjasama dengan MDEC di bawah Kementerian KKMM?

Saya juga mengharapkan supaya perkara usahawan digital ini diberi tumpuan sebagaimana kerap kali saya bangkitkan bila berkaitan dengan kementerian Yang Berhormat Menteri berkaitan usahawan digital. Kita tidak hendak dengan adanya *IR 4.0*, dengan izin, dan dasar *industry forward* yang telah dilancarkan oleh Kementerian MITI yang dahulunya Yang Berhormat Jeli yang merangka dasar ini dan kemudian kerajaan baharu telah melancarkannya, tetapi ia tidak memberi kesan terhadap hala tuju keusahawanan yang kita ingin bawa dalam negara kita ini.

Saya juga ingin pergi kepada Butiran 19900 – Pembangunan Vendor. Saya hendak tahu, adakah kementerian Yang Berhormat Menteri ada bekerjasama dengan MITI supaya dapat membangunkan PKS di bawah Program Pembangunan Kapasiti Vendor (PPKV) dan

geran pengkomersilan penyelidikan? Di bawah MITI, mereka menyasarkan dua vendor bertaraf antarabangsa. Bagaimana pula di bawah Kementerian Yang Berhormat Menteri? Saya memuji PETRONAS Berhad kerana telah *expand* atau *extend*, dengan izin, program vendor mereka kepada program vendor 'X' yang sudah pastinya akan memberi ruang dan peluang yang lebih besar kepada anak muda di dalam negara kita.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 00601 dan Butiran 00603. Saya meneliti soalan semalam dan jawapan dalam *Hansard* soalan lisan nombor satu pada hari semalam. Kementerian Yang Berhormat Menteri mengumumkan sasaran 50,000 usahawan mikro yang baharu. Akan tetapi yang menghairankan saya adalah di bawah dua Butiran yang saya sebutkan tadi, walaupun Kementerian Yang Berhormat Menteri menyasarkan 50,000 usahawan mikro yang baharu tetapi peruntukan juga dikurangkan daripada RM47 juta kepada RM23 juta dan RM36.5 juta kepada RM10 juta. Saya risau perkara ini berlaku dan saya tidak mahu perkara-perkara ini dapat merencatkan kesungguhan Kementerian Yang Berhormat Menteri untuk membantu usahawan sebagaimana teras ketiga dalam belanjawan tempoh hari yang diumumkan oleh Yang Berhormat Bagan.

Saya juga ingin kita menilai laporan prestasi yang telah dibentangkan kepada Ahli Parlimen iaitu Laporan Prestasi PKS 2017-2018. Dalam buku tersebut, salah satu kajian yang menarik perhatian saya ialah kajian menilai tahap pendigitalan terhadap PKS yang dikeluarkan daripada Mei hingga Jun 2018 yang dilakukan oleh SME Corp dan Huawei Technologies Sdn Bhd.

Amat menarik kajian yang dibuat oleh kedua agensi ini kerana ia mengambil kira pada tahun 2033, PKS dan saiznya adalah sederhana kecil dalam perusahaan mikro. Apa yang dinyatakan di bawah kajian tersebut ialah kekurangan pemahaman terhadap penggunaan alat digital, kekurangan maklumat teknologi, kekurangan kesedaran mengenai pilihan pembiayaan dan akses terhadap teknologi. Jadi, apakah pendirian Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini?

Saya amat bersetuju sebentar tadi dengan Yang Berhormat Nibong Tebal yang membangkitkan pembangunan koperasi dan saya harap isu di bawah Butiran 13005 juga diberi perhatian kerana nampaknya *allocation budget* juga tidak ditambah daripada tahun 2018 ke tahun 2019. RM1 juta tahun lepas, tahun ini pula, Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, masih RM1 juta.

#### ■1450

Saya hendak sentuh isu kedua terakhir berkaitan dengan TEKUN di bawah Butiran 30000. Walaupun ada penambahan RM10 juta, tetapi dalam *Hansard* Parlimen soalan semalam juga yang berkaitan dengan TEKUN, TEKUN dikatakan akan menggunakan dana dalaman sebanyak RM250 juta. Saya minta Kementerian boleh atau tidak beri jaminan? Hal ini tidak akan menjejaskan institusi TEKUN itu sendiri.

Kedua, adakah keutamaan permohonan akan diberikan kepada pemohon-pemohon dari luar bandar dan berstatus mikro, khususnya anak muda. Ketiga, adakah syarat kelayakan akan bertambah ketat. Jadi, saya juga harap sangat supaya sistem bayaran balik, walaupun saya meneliti jawapan semalam, MPL itu lebih kurang RM700 juta kalau saya tidak salah dengar. Akan tetapi bagaimana harus dibuat dan contohilah Amanah Ikhtiar Malaysia.

Saya harap sangat Kementerian juga dapat menyatakan idea untuk menggunakan perkhidmatan yang sudah sampai 36 bulan yang sudah tertunggak bayaran ini, kerana apa, apabila tidak ada bayaran dan ia sebenarnya akan merosakkan peluang orang lain atau usahawan lain yang baru hendak mula.

Saya juga hendak sentuh berkaitan Butiran 96000 - Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), saya harap sangat di bawah program pembangunan PKS dan keusahawanan, seperti mana laporan PKS yang saya rujuk tadi di muka surat 74. Ada dinyatakan sehingga April, RM4.1 juta dan Yang Berhormat Menteri juga saya mohon nyatakan berapakah bilangan usahawan yang dapat diberikan latihan melalui INSKEN. Apakah projek dan program terbaru yang akan diperkenalkan di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri sebagai usahawan yang berjaya dan saya harap INSKEN ini juga harus dapat melahirkan anak-anak muda di luar bandar dan anak-anak muda pinggir bandar yang mempunyai keupayaan dalam bidang digital dan *Industrial Revolution (IR 4.0)* dengan izin.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 90000 - Skim Latihan Siswazah, ini juga menghairankan saya apabila bajet dikurangkan daripada RM10 juta pada tahun 2018 kepada

RM5 juta. Dalam memupuk budaya negara keusahawanan, saya harap sangat kerajaan memberi tumpuan jika ada bajet tambahan nanti, tambahkanlah untuk Skim Latihan Siswazah ini. Ini kerana, saya yakin *unemployment* yang disasarkan oleh kementerian adalah kerajaan begitu tinggi pada dua tahun akan datang. Saya rasa untuk jalan keluar, salah satu daripada pengangguran ini adalah kita mesti latih mereka yang minat dalam bidang usahawan.

Terutamanya sebagaimana Yang Berhormat Menteri baru melancarkan atau merasmikan Konvensyen Usahawan Siswa, saya meneliti laporan akhbar dan saya juga dapat bertanya kepada rakan-rakan yang *join* konvensyen tersebut, mereka amat gembira kerana Kolej Universiti Agrosains Malaysia telah memberi satu input dan dapatan kepada mereka. Saya harap peruntukan RM5 juta ini Yang Berhormat Menteri, bagi saya tidak mencukupi dan saya harap Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya, mohonlah kepada Kementerian Kewangan supaya kita dapat melahirkan anak-anak muda yang berada di universiti dan keluar dari universiti mempunyai budaya usahawan, terutamanya berilah penekanan kepada *Industrial Revolution (IR 4.0)* dengan izin, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tebrau.

#### 2.54 ptg.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, perbincangan saya bermula dengan Butiran 020200 - Pembangunan PKS dan Mikro Kredit dan juga Butiran 020300 - Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia). Ini adalah berkaitan dengan pembangunan PKS dan juga Mikro Kredit. Saya berharap peranan SME Corp. perlu dipertingkatkan dengan secepat mungkin kerana saya ternampak negara kita khususnya PKS yang mengalami persaingan yang hebat dari negara-negara di rantau Asia Timur Selatan yang terkini susah untuk mereka untuk berniaga kerana dalam beberapa tahun yang terdekat, banyak syarikat dan pelabur asing sudah meninggalkan negara kita ke tempat lain, seperti Thailand, Vietnam dan juga Cambodia.

Jadi, peranan SME Corp. perlu ambil perhatian, apa masalah yang dialami oleh usahawan-usahawan PKS ini. Dalam segi pembangunan wanita, saya berharap Kerajaan PH juga ambil perhatian supaya kita akan berada lebih banyak usaha-usaha untuk meningkatkan wanita atau peranan wanita dalam perniagaan. Kaedah pendekatan-pendekatan yang berinovasi harus diadakan untuk membantu mereka supaya wanita boleh memainkan satu peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara kita.

Saya ingin tahu dari kerajaan, apakah industri dan di kawasan mana yang akan diberi tumpuan untuk membantu usahawan-usahawan PKS pada masa yang akan datang. Saya minta juga kerajaan memberitahu Dewan yang mulia ini, berapakah usahawan yang telah dibantu oleh kerajaan selama ini, tetapi telah berhenti berniaga? Ini kerana dengan hanya statistik ini, dan tahu punca atau sebab-sebab mereka gagal, barulah kita boleh mengkaji dan mencari penyelesaian atau kaedah yang baru untuk membantu mereka.

Selama ini saya nampak bantuan yang diberi kepada usahawan PKS adalah dalam bentuk pinjaman dan kurang dalam segi lain. Saya berharap, walaupun pinjaman harus dibagi dan diberi kepada usahawan PKS, tetapi saya berharap hanya usahawan-usahawan yang sudah berpengalaman dan terbukti mereka berjaya apa yang sedia ada dan ada menyediakan akaun dan melaporkan akaun mereka kepada LHDN. Hanya golongan usahawan yang sudah berlaku perkara ini harus diberi bantuan pinjaman.

Dalam segi pemasaran juga, saya berpendapat adalah satu kelemahan usahawan PKS. Walaupun mereka tahu mengeluarkan barangan, tetapi mereka kurang pengetahuan dalam *branding* dan juga untuk memasarkan semua pengeluaran mereka. Ini adalah satu sebab saya ternampak mereka tidak boleh berjaya.

#### ■1500

Lagi satu, perkara yang saya nampak akan menjadikan mereka gagal adalah kurang tahu menguruskan dana dan tidak tahu menyediakan akaun atau mengira kos pengilangan. Jadi, bantuan harus diberikan kepada semua usahawan PKS pada masa yang akan datang.

Sekarang, saya terus kepada Butiran 020500 dan Butiran 020600. Ini adalah berkaitan dengan Pembangunan Koperasi dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Saya

difahamkan hampir 43 peratus atau lebih kurang 6,000 buah koperasi merupakan koperasi jenis mikro. Bolehkah kerajaan mengatakan apakah jenis bantuan yang telah diberikan kepada koperasi-koperasi mikro ini? Nyatakan juga, adakah bantuan yang diberikan selama ini berhasil?

Saya juga ingin tahu koperasi berjenis mikro ini masih aktif dalam berniaga atau tidak? Saya ingin kerajaan menyatakan juga sejauh manakah Dasar Koperasi Negara 2011–2020 yang tinggal hanya dua tahun sahaja telah tercapai matlamatnya. Saya tidak nampak dengan jelas Dasar Koperasi Negara 2011–2020 ada membantu koperasi khususnya kepada Ahli-ahli Koperasi. Adakah kerajaan tahu apakah punca atau sebab kegagalan inisiatif yang begitu bagus di dalam kertas? Bolehkah Kerajaan Pakatan Harapan mengemukakan langkah-langkah untuk menambah baik koperasi-koperasi supaya mereka akan berjaya dalam masa terdekat?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Satu minit lagi Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Dengan ini, saya mengakhiri perbincangan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tebrau. Saya ikut senarai yang telah ada di sini. Saya menjemput Yang Berhormat Masjid Tanah.

### 3.03 ptg.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya memulakan perbincangan saya, saya ingin mengalu-alukan kedatangan daripada pelajar Sekolah 'Yap Zher Men' dan juga Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), Kluang. Selamat datang ke Parlimen. Jadi, saya ingin meneruskan perbincangan saya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Butiran 020100, iaitu kita melihat bahawa peruntukan telah pun berkurangan dari segi pembangunan usahawan. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, bolehkah memperincikan apakah bentuk pengurangan ini daripada sudut yang bagaimana? Adakah dari segi sudut penerimanya ataupun dari segi yang mana peruntukan itu lebih bersasar?

Kemudian saya ingin menyentuh pada Butiran 020200 – Pembangunan PKS dan Mikro Kredit. Kita lihat bahawa ianya mempunyai peruntukan yang telah meningkat. Ini adalah satu perkara yang baik, dalam kita meningkatkan lagi pasaran domestik. Ini juga kita boleh memberikan peluang kepada mereka yang lain untuk menerokai bidang-bidang yang baru.

Pak Wan ini, kalau senyum ini ada makna ini, Pak Wan. Saya juga ingin bertanya kepada Menteri, adakah peningkatan peruntukan ini merangkumi latihan keusahawanan dan juga modal perniagaan ataupun dari segi pemantauan, dari segi prestasi para peserta? Saya juga ingin memohon kepada pihak kementerian supaya memberikan juga perhatian kepada perniagaan di atas talian yang perlu kita lihat supaya usahawan PKS ini dapat menyesuaikan diri dengan ekosistem pada hari ini yang bergerak dengan pantas dan yang sentiasa berubah. Pembangunan melalui e-dagang juga kita perlu berikan perhatian.

Ketiga, saya ingin menyentuh tentang TEKUN, di dalam Butiran 020400 – TEKUN Nasional. Sebagaimana yang telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di bawah PUNB, sebanyak RM200 juta dan RM100 juta diberikan kepada TEKUN. Jadi, kalau kita tengok dulu TEKUN tidak silap saya mendapat RM350 juta. Hari ini pula dapat RM100 juta. Saya rasa ianya berkurangan. Adakah ianya kalau berkurang pasti memberikan impak yang besar khususnya untuk para peminjam?

Begitu juga mereka ini yang mana kita lihat peminjam-peminjam TEKUN ini selalunya ramai di kawasan luar bandar. Jadi, 'Pak Wan' datang daripada Alor Gajah, bersebelahan dengan orang Masjid Tanah, tetapi 'Pak Wan' orang Masjid Tanah. Kita mahu tengok ini, orang kampung ini yang banyak peminjam daripada kawasan-kawasan luar bandar ini, bagaimana kita hendak tolong dan bagaimana kita hendak angkat mereka ini supaya mereka ini dapat menjadi usahawan yang berdaya saing agar kita dapat memberikan galakan kepada mereka supaya mereka dapat berdiri dan duduk sama rendah dengan yang lain.



Jadi, saya ingin bertanya, apakah perancangan terbaru pihak TEKUN? Adakah berdasarkan daripada program-program yang lepas? Diharapkan dengan peruntukan yang sedikit ini ia dapat membantu merencanakan lagi industri IKS kita.

Seterusnya, saya juga ingin menyentuh Butiran 020700 – Maktab Koperasi Malaysia (MKM). Ini di mana peruntukan ada naik sedikit. Pada tahun 2018, bajet menawarkan lima sektor latihan iaitu dari segi perladangan asas tani, peruncitan dan pemborongan, harta tanah dan juga asas binaan, perkhidmatan kewangan dan kelimanya adalah kesihatan.

Jadi, saya mahu bertanya pada pihak kementerian bagi tahun 2019 ini, sektor latihan ini, adakah ianya akan dikekalkan atau ia akan ditambah baik atau adanya pengubahsuaian bagi ianya lebih berdaya saing? Kita tengok juga dalam Parlimen saya di Masjid Tanah, banyak koperasi-koperasi yang ditubuhkan. Ada yang '*hidup segan, mati tidak mahu*'. Malah, Yang Berhormat Menteri juga ada merasmikan dan juga berjumpa dengan koperasi-koperasi ini.

Kadang-kadang kita kesian kerana mereka didominasi oleh orang-orang lama. Jadi, bagaimana kita hendak membantu koperasi-koperasi ini supaya mereka boleh membuka minda mereka dan dapat bersaing dengan ekonomi persekitaran serta sekali gus dapat membantu ahli-ahli koperasi yang lain dengan segmen perniagaan yang lain. Saya harap bukan hanya kita memberi nafas kepada koperasi baharu, tetapi yang lama juga harus kita lihat dan juga harus kita bantu.

Seterusnya, saya ingin – bukan seterusnya, sudah habis dah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Jadi, saya harap pada Yang Berhormat Menteri, nama sahaja di sebelah, Alor Gajah. Saya berharap sangat saya tahu Yang Berhormat Menteri cukup berpengalaman. Jadi, saya harap pihak kementerian dapat melahirkan lebih banyak usahawan. Saya mahu tambah lagi satu, saya dengar Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga bercakap tentang INSKEN. Pengalaman saya menjadi Timbalan Menteri di MoTAC, kita pernah berurusan dengan INSKEN dan saya melihat ada pertambahan daripada RM1 juta kepada RM5 juta kalau tidak silap saya.

Jadi, ini adalah satu pertambahan yang baik. Ini kerana, pada yang lepas, kita cuba membuat program bersama dengan INSKEN dan juga pihak MoTAC. Akan tetapi, pihak INSKEN agak terkekang dari segi bantuan yang boleh diberikan. Saya harap, apabila INSKEN ini ada pengalaman dan juga ada yang pakar dalam bidang latihan keusahawanan, dapat membuat satu kolaborasi. Bukan hanya dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, dengan melahirkan pengusaha-pengusaha *homestay* yang lain ataupun dengan kolaborasi dengan kementerian-kementerian yang lain untuk kita melahirkan lebih ramai lagi supaya industri lain dan juga usahawan-usahawan khususnya untuk anak muda di Malaysia ini akan lebih rancak. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Saya lihat Yang Berhormat Kinabatangan tidak ada, Yang Berhormat Tanah Merah tidak ada, Yang Berhormat Lembah Pantai tidak ada, Yang Berhormat Bera tidak ada, Yang Berhormat Jempol tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Beaufort. Kemudian, diikuti oleh Yang Berhormat Jeli, kemudian diikuti Yang Berhormat Arau, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Jasin. Sila, Yang Berhormat Beaufort.

### 3.09 ptg.

**Dato' Hajah Azidah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus sahaja ke Butiran 90000 – Skim Latihan Siswazah.

#### ■1510

Tuan Pengerusi. Pada tahun lalu kita dimaklumkan bahawa 54,103 orang siswazah menganggur enam bulan selepas tamat pengajian dan tahun lalu juga terdapat 238,187 siswazah yang tamat. Pada tahun ini pun kita lihat kalau kita tengok di media-media sosial, ramai ibu bapa yang bergembira sangat dengan anak-anak mereka sudah tamat daripada pengajian. Akan tetapi masalahnya mereka ini nanti akan ramai menjadi penganggur. Jadi, saya rasa... [Disampuk]

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Jam tidak jalan. Tuan Pengerusi, jam tidak jalan.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Saya rasakan bahawa skim latihan... [Disampuk]

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** *Time. Time. Masa.*

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Skim latihan siswazah yang disediakan ini adalah suatu yang baik untuk membantu para siswazah kita yang tidak dapat pekerjaan. Ini kerana tawaran pekerjaan itu kurang daripada bilangan siswazah yang keluar daripada pengajian. Skim ini adalah skim yang baik yang dapat membantu memberi opsyen yang terbaik kepada siswazah-siswazah kita untuk meneruskan kehidupan mereka di dalam bidang usahawan, di dalam bidang perniagaan.

Akan tetapi saya sedih melihat Yang Berhormat Menteri kerana peruntukan diturunkan daripada RM10 juta tinggal RM5 juta sahaja. Jadi, bagaimanakah Yang Berhormat Menteri dalam usaha untuk membantu anak-anak muda kita yang baru keluar daripada universiti ini bagaimana mereka boleh terlibat dalam bidang usahawan ini supaya mereka memilih bidang *entrepreneur* ini sebagai satu bidang yang terbaik untuk mereka. Terutama sekali di kalangan anak-anak bumiputera kita yang ramai ada di luar sana yang mengharapkan daripada kerajaan ini.

Saya ingin menggesa supaya kementerian Yang Berhormat mendapatkan peruntukan tambahan lagi daripada Kementerian Kewangan supaya usaha yang baik ini dapat diteruskan dan memberikan satu suntikan semangat kepada anak-anak muda kita, khususnya para siswazah kita dan juga kepada ibu bapa mereka. Saya ingin tahu juga daripada Yang Berhormat Menteri, berapakah bilangan setakat ini siswazah yang telah dapat dilatih melalui program ini? Saya percaya program ini adalah satu program yang baik. Jangan merasakan bahawa kita hendak menekan kah atau mencari kesalahan.

Akan tetapi apa yang kita minta supaya dapat diperbanyakkan peruntukan. Saya juga ingin mengambil menyentuh sama Butiran 96000 – Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana ini telah dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM5 juta. Sebagai satu badan yang melaksanakan pembangunan kapasiti melalui program yang didorong oleh industri ataupun *industry driven* dan juga *entrepreneur-led*. Ini merupakan satu badan yang baik, satu usaha yang untuk membantu usahawan kita untuk lebih berjaya lagi.

Jadi, saya melihat bahawa ini adalah satu cara mungkin kementerian Yang Berhormat dapat mengambil graduan kita, siswazah kita tadi itu untuk masuk di dalam latihan di bawah INSKEN ini. Saya percaya bahawa untuk kita dapatkan mereka ini bersama-sama untuk membantu mereka ini, program *outreach* dapat dibuat kepada para siswazah kita, termasuk mereka yang berada di luar bandar, Yang Berhormat Menteri. Tahulah anak-anak luar bandar ini dia selalu mengingatkan kerja-kerja dalam jawatan kerajaan sahaja. Dia tidak nampak ini.

Jadi, kalau boleh diadakan program *outreach* supaya mereka dapat tahu tentang program-program yang baik di bawah INSKEN ini dapat diuar-uarkan kepada mereka. Saya juga minta supaya program ini diuar-uarkan di universiti sebelum mereka tamat, dibawa masuk ke universiti supaya anak-anak muda. Kita masih belajar di universiti itu dapat makluman tentang program INSKEN ini dan mereka akan dapat membuat pilihan yang terbaik apabila mereka tamat daripada pengajian nanti.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 00603 – Program Keusahawanan. Di sini juga saya melihat bahawa peruntukan yang diberikan kepada program ini menurun daripada RM36.5 juta kepada hingga RM10 juta sahaja. Mengapakah ini berlaku? Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Mengapakah diturunkan peruntukan ini? Saya percaya program keusahawanan ini adalah baik juga untuk kita dapat membantu lebih ramai lagi rakyat Malaysia ini, khususnya mereka yang berada di luar bandar, anak-anak muda kita, wanita juga supaya mereka akan menjadi usahawan yang berjaya dan kita dapat melahirkan usahawan-usahawan dalam negara kita yang menguasai bidang ekonomi kita, terutama sekali di kalangan kaum bumiputera.

Ini saya hendak tahu, mengapakah program ini diturunkan peruntukannya? Adakah program ini tidak berjaya selama ini? Walaupun ia tidak berjaya, sekiranya benar dan tidak berjaya, sepatutnya ia ditambah baik lagi, bukan dikurangkan peruntukannya. Mungkin ada

pendekatan yang tidak berapa betul, boleh diperbaiki lagi. Maka dengan ini, kita akan dapat menjayakan sesuatu yang baik kerana asasnya baik, niatnya baik, tujuannya baik dan program ini baik.

Jadi, sepatutnyalah ia kita pertahankan lagi Yang Berhormat, saya percaya Yang Berhormat memahami ini. Tentunya Yang Berhormat ingin memastikan ia mencapai kejayaan dan harapan rakyat yang ada di luar sana itu benar-benar dapat kita penuhi. *Insyaa-Allah*. Jadi, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya melihat ini, minta lagi tambahan kepada peruntukan ini.

Ini kerana ia adalah sesuatu yang baik, sebagai Yang Berhormat Menteri yang baharu tentu Yang Berhormat ingin menunjukkan sesuatu yang baik, yang lebih baik daripada dahulu dan kita menyokong. Suatu yang baik kita, sokong. Ini kerana ia adalah untuk rakyat kita. Tidak kiralah kita berada di sini kah, berada di sana kah, tetap yang baik mesti kita sokong. Ini kerana kita semua berjuang untuk rakyat kita yang ada di luar sana. Saya sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Seterusnya, Yang Berhormat Jeli.

### 3.16 ptg.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama, Butiran 010100 – Pengurusan. Saya ingin tahu setakat mana kementerian yang baharu ini, kita ucapkan tahniah kepada kerajaan menubuhkan kementerian baharu. Setakat mana dapat dikurangkan pertindihan? Ada ramai Ahli Yang Berhormat yang bercakap tentang pertindihan. Ini suatu masalah yang, dengan izin, *real*.

Masalah sebenar yang dihadapi dalam kerajaan, bukan sahaja dalam bidang keusahawanan tetapi bidang-bidang lain juga. Jadi, saya ingin tahu dengan peruntukan ini, setakat mana dapat dipastikan bahawa kementerian ini diiktiraf sebenarnya sebagai *the champion*? Tidak ada pihak lain lagi yang selaraskan segala usaha untuk bangunkan usahawan dalam negara kita.

Kedua Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan Butiran 020300 – Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) dan Butiran 19530 – Program Peningkatan dan Pembangunan PKS dan 00607 – Pelan Induk PKS. Ini berkaitan dengan SME Corp ini kita ucap tahniah kerana SME Corp telah menempa nama bukan sahaja di peringkat kebangsaan dalam negara kita tetapi juga peringkat antarabangsa. Kita berbangga dan kita ucap tahniah kepada pegawai-pegawai dan kita harap SME Corp akan terus diberi perhatian sewajarnya untuk meneruskan usaha yang murni ini.

Saya ingin tahu, setakat manakah SME Corp dengan peruntukan ini mampu untuk menerokai bidang-bidang baharu iaitu *new industries, the new economy, digital economy* dan lain-lain, termasuklah perkhidmatan? Kita tahu bahawa sambil kita mengiktiraf industri lama iaitu *the old industry* tetapi ada juga industri baharu. Jadi, kalau kita tidak mampu untuk menerokai bidang-bidang ini, maka PKS kita akan terbelakang. Jadi, saya hendak tahu, setakat manakah SME Corp dan kementerian dapat menumpukan kepada bidang-bidang yang berkualiti tinggi yang mampu melonjakkan usahawan Malaysia, bukan setakat di Malaysia tetapi juga di luar negara?

Ketiga Tuan Pengerusi berkaitan dengan Butiran 19900 – Pembangunan Vendor. Saya tahu bahawa RM18 juta ini sebahagian besarnya untuk membantu vendor yang menjadi gerakan kepada syarikat *anchor*, kebanyakannya GLC dan beberapa syarikat swasta, tidak banyak ya. Jadi, saya kira adalah tiba masanya untuk kementerian ini menerokai bidang-bidang baharu, termasuklah dengan *multinational companies* di Pulau Pinang, di Lembah Klang dan di Johor.

Harus ada program yang mantap untuk menghubungkan PKS kita dengan syarikat-syarikat multinasional yang melabur ratusan juta di Pulau Pinang dan Lembah Klang. Ini penting, kalau tidak, vendor-vendor ini akan terus berada di tahap lama. Sesetengah GLC melaksanakan program ini sebagai sebahagian tanggungjawab sosial ataupun usaha mereka untuk membangunkan usahawan. Saya rasa dengan RM18 juta ini mungkin tidak mencukupi.

Kita mahu juga syarikat-syarikat ini, syarikat swasta ini mengambil tugas untuk memastikan mereka membangunkan PKS yang berwibawa.

Seterusnya, yang keempat Tuan Pengerusi, Butiran 00514 – Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera. Yang Berhormat Parit Sulong ada bangkitkan perkara ini. Beliau juga bertanggungjawab untuk menjayakan program ini suatu masa dahulu— RM30 juta. Kita dapati bahawa sebahagian daripada- walaupun tidak sebahagian besar, usahawan ini merupakan usahawan dalam bidang-bidang tradisional, *food and beverages*. Ini suatu bidang yang amat diminati.

#### ■1520

Kita bukan kata tidak penting, tetapi kita harus keluar daripada kelompok ini, menerokai bidang-bidang baharu. Ini penting dalam konteks bumiputera, harus ada agenda bumiputera yang mantap kerana kita tahu bilangan bumiputera mengeksport ini tidak banyak. Adapun benda-benda yang *very basic*, *very traditional* dan kita harus pastikan bumiputera harus mampu menerokai bidang-bidang baharu. Jadi saya hendak tahu Butiran 00514 ini, adakah peruntukan ini mencukupi untuk membolehkan bumiputera menerokai bidang-bidang baharu ya, bidang baharu, *the new economy* dan termasuklah perkhidmatan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 00607 - Pelan Induk PKS, yang seperti Yang Berhormat Pontian dan lain-lain sebut, memang telah dilancarkan. Apa yang penting ialah kita mengadakan *detailed tracking* dengan izin. Kita pastikan bahawa— saya tahu ini dilakukan, tetapi langkah-langkah menambahbaikan, apabila diketahui ada *gap* dan *gap* ini satu perkara yang sudah pasti ada dari segi penjanaaan peluang pekerjaan, eksport dan lain-lain, dibandingkan dengan perancangan, ada *gap*.

*Gap* ini apabila keadaan ekonomi global mencabar, bila keadaan ekonomi Malaysia juga mencabar, ada *downsizing* kita dengar, beberapa syarikat gergasi tempatan, ada rancangan untuk mengurangkan *business* mereka. Apabila syarikat besar ini mengurangkan *business* mereka, kesanya kepada SME ya, yang terlibat dalam bidang makanan dan lain-lain. Jadi dalam keadaan mencabar ini, adalah penting diadakan *detailed tracking* dan diadakan langkah-langkah penambahbaikan, memastikan apa yang dirancang dalam pelan ini PKS ini tercapai.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 020300 – Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia). RM20 juta secara langsung dan RM30 juta pinjaman. Kita sedia maklum SME ini dia perlu pembiayaan pada kadar yang *concessionary* ya, kadar yang rendah. Kalau enam peratus atau tujuh peratus kadar faedah sudah pasti mereka tidak mampu. Jadi dengan peruntukan yang ada ini, kita harap SME Bank akan mampu untuk mengeluarkan pinjaman pada kadar yang munasabah, dua peratus ataupun tiga peratus.

Jadi kita berharap kerajaan akan terus memberikan peruntukan yang sewajarnya kepada SME Bank khususnya dalam bentuk secara langsung, bukan pinjaman. Kalau pinjaman ini kena bayar balik, apabila dia bayar balik maka dikenakan pinjaman kepada usahawan sudah pasti kadarnya tinggi. Akan tetapi kalau secara langsung ataupun geran kepada SME Bank, maka dengan itu membolehkan bank berikan pinjaman pada kadar yang lebih munasabah. Jadi saya hendak tahu, apakah RM20 juta dan RM30 juta ini mampu untuk membolehkan SME Bank memberikan pinjaman pada kadar yang lebih mudah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Arau.

### 3.22 ptg.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama *intro*, saya mendoakan Tuan Pengerusi dan semua kawan-kawan sentiasa dirahmati Allah. Allah berfirman dalam al-Quran. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Jangan buruk sangka dan juga yang lain-lain lagi, nombor satu. Kedua tahniah, sebab keberanian kerajaan untuk menubuhkan kementerian ini, tahniah. Akan tetapi kalau kita hendak tubuh, kita tidak boleh main guli-guli ataupun main-main. Alang-alang hendak tubuhkan, buat betul Yang Berhormat. Yang Berhormat ada Yang Berhormat Menteri, ada kepakaran yang luar

biasa dan kita tubuh dan kita buat betul-betul sebab dalam keadaan sekarang ini kita sangat-sangat memerlukan kementerian ini.

Jadi saya ucap tahniah dan saya minta supaya beberapa perubahan dibuat. Akan menyokong perubahan yang dibuat iaitu dengan penambahan peruntukan. Kalau tidak kita macam main guli, kita tidak bersungguh-sungguh. Keduanya terdapat beberapa orang yang bercakap, sekejap lagi mereka tiada dalam Dewan. Yang Berhormat Menteri sering kata tiada dalam Dewan tidak perlu jawab. Saya ingat tidak boleh cakap macam itu Yang Berhormat, sesetengah orang pergi sembahyang. Macam semalam saya pergi sembahyang, Yang Berhormat Menteri tidak jawab, Menteri Pembangunan Luar Bandar tidak jawab. Lepas itu ha, Yang Berhormat Arau tidak ada, tidak jawab. Kalau macam itu teruk, kita telah berusaha menyediakan ucapan, kalau ya pun jawablah bertulis. Jangan kata tidak jawab...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bertulis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi tidak jawab saya punya. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri jawab bertulis ya. Baik.

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bertulis? Mana dia? Tidak dapat pun.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dia jawab bertulis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ha! Lagi seminggu okey tidak mengapa. Jawab sudah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: [Ketawa]** Jawab bertulis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey bagus. Ramai Yang Berhormat Menteri di sini saya tanya menteri lain, Yang Berhormat Menteri lain menjawab. Bagus.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: [Ketawa]**

**Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kemudian— *shut up*. Okey, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pertama sekali saya hendak sentuh, Butiran 90000 - Skim Latihan Siswazah. Saya setuju dengan Yang Berhormat Beaufort tadi bahawa skim latihan ini dibagi sebanyak apa itu RM5 juta. Yang Berhormat, Yang Berhormat sebagai— pernah jadi usahawan, Yang Berhormat boleh buat apa dengan RM5 juta? *Then* kita hendak bubuh nama siswazah. Siapa siswazah? Kita hendak dibuat secara terbuka? Kerajaan sekarang ini dia suka buat secara terbuka, okey kita buka. Siswazah yang akan mendapat manfaat ini ialah inilah siswazahnya. Oleh sebab kita tidak mahu hanya siswazah yang mampu pergi jumpa pegawai dia dapat manfaat, yang lain duduk terhuyung hayang di kampung mencari pekerjaan.

Kadang-kadang kerja sebagai kerani dapat RM400, RM300 pun ada kalau macam di negeri Perlis, di negeri lain kaya-kaya. Jadi negeri miskin ini dapat macam itu sahaja. Jadi terhuyung hayang. Saya kata, "*Kenapa tidak masuk skim latihan siswazah?*", dia kata, "*Dato', kami bukan hendak latihan, kami hendak gaji.*". Bagilah orang lain dapat wang tersebut, kami makan gaji cukup. Jadi kita kena ingat, dia baru keluar universiti, hendak mencari pekerjaan, jadi kita menyangka bahawa dia boleh jadi usahawan. Ini agak sukar. Itu sebab kita kena ambil pendekatan yang lebih menyeluruh supaya kalau kita benar-benar hendak latih dia sebagai usahawan, kita kena latih. Macam dahulu...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Arau, boleh mencelah? Gerik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Belakang ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Boleh. Ha! Bolehlah, tetapi Yang Berhormat Gerik enam minit sahaja ya.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Sikit, sikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tinggal enam minit sahaja.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Di universiti-universiti sekarang memfokuskan kepada usahawan, terutama saya tengok UMK Kelantan semasa Tok Pa jadi Yang Berhormat Menteri MITI. Jadi bagaimana fokus universiti sekarang, bolehkah *student* tersebut boleh dilahirkan sebagai usahawan? Minta komen Yang Berhormat Arau. Terima kasih..

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Gerik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sudah pasti cadangan tersebut merupakan sebahagian daripada ucapan saya ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Biar Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya setuju ya, saya setuju. Akan tetapi Yang Berhormat masih ingat tidak tukang-tukang kasut di *Chow Kit road* dahulu ya? Di *Chow Kit road* dahulu. Tiba-tiba tukang kasut ini penuh dengan manusia bertukang kasut. Oleh sebab apa? Mereka yang dapat latihan daripada kalau saya tidak silap MARA, diarahkan pergi ke sana dan membuat latihan. Pensyarah dia tunggu tengok, akhirnya penuh dengan tukang kasut. Sekarang ini tidak berapa laku lah. Akan tetapi dulu, tiba-tiba penuh dengan tukang kasut di sana sebab latihan dibuat secara *in situ*. Di situ dia buat, makna kata dia apa ini, saya tidak tahu di mana dia buat syarahan, tetapi pensyarah tunggu dan dia berniaga di situ.

Jadi, kita hendak siswazah ini jangan ambil dia jadi usahawan kemudian mengharap dia jual burger, boleh untung atau tidak untung ini masalah bagi kita. Kita kena pegang dia, supaya dia betul-betul dilatih dan perkataan siswazah itu mungkin tidak berapa sesuai, sebab siswazah ramai. Mungkin mereka mengharapkan sesuatu, bubuhlah nama sekumpulan siswazah kah dan sebagainya. Akan tetapi saya cadangkan supaya skim latihan siswazah ini dinaikkan kepada RM50 juta Yang Berhormat, daripada RM5 juta. Kalau tidak, Yang Berhormat akan bermain-main dengan perkataan penganiayaan kepada mereka yang menaruh pengharapan yang tinggi.

Saya cadangkan kalau Yang Berhormat hendak jawab kata RM50 juta itu setuju dan saya akan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempertimbangkannya.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Yang Berhormat Arau minta laluan sedikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kemudian nombor dua...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kubang Kerian, Kubang Kerian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, Kubang Kerian kena bagilah.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Ha! Yang Berhormat Kubang Kerian kena bagi. [*Ketawa*] Saya hendak minta respons sedikit berhubung dengan satu program di bawah Skim Petani Siswazah, satu masa dahulu diwujudkan skim tersebut. Di mana mahasiswa yang keluar diberi satu skim untuk mereka terlibat secara langsung dalam pertanian. Apakah pihak kerajaan masih meneruskan skim tersebut? Saya fikir perlu diwujudkan kembali bagi galakan kepada siswazah kita yang masih menganggur. Minta komen.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya rasa ini seperti Yang Berhormat Gerik juga tadi, cadangan yang cukup hebat. Masuk dalam ucapan saya supaya skim siswazah— itu sebab saya kata RM50 juta Yang Berhormat, RM50 juta. Yang Berhormat tanya semua Ahli Parlimen, puak-puak kami. Puak-puak sana pun bersetuju supaya dipertingkatkan RM5 juta kepada RM50 juta. Oleh sebab kita bimbang, Tuan Pengerusi pun bimbang sebab banyak siswazah kawasan dia yang menganggur. Sekarang ini kita— Yang Berhormat pun bimbang ya.

Jadi sekarang ini kita bimbang, bagaimana kita hendak pulihkan mereka ini supaya jadi apa itu, usahawan. Bukanlah usahawan, boleh berniaga pun cukup ya. Okey, keduanya ialah Butiran 030300 - Program Pembangunan Kontraktor. Yang Berhormat RM1.5 juta ini

hendak bangun siapa Yang Berhormat? Saya hendak tanya, saya hendak tanya satu soalan, hendak bangun siapa? Kalau Yang Berhormat ini, kontraktor kelas 'A' berapa orang Yang Berhormat? Puak-puak ini, pegawai tolong tulis *sat* jawapan. Berapa orang kontraktor kelas 'A'? Berapa orang kelas 'B'? Berapa orang kelas 'F'? Ingat hendak bangun ini yang mana? Yang mana satu hendak bangun? Sebab ini sebut nama kontraktor. Kalau RM1.5 juta susah Yang Berhormat kita buat demikian rupa.

Yang Berhormat cadangkanlah kalau boleh juga bagi RM50 juta, sebab kita hendak bangunkan mereka ini dalam bentuk apa? Bagi kursus? Sebab puak-puak ini dia bukan mahu kursus dia hendak mintak kontrak itu. Jadi sekarang ini dia tidak boleh *direct negotiation*, sekarang ini dia kena buat tender terbuka. Ajar dia macam mana hendak dapat tender terbuka. Jadi, itu yang paling tepat.

#### ■1530

Akan tetapi kalau RM1.5 juta, Yang Berhormat bolehlah seronok-seronok sebab tulis di sini tapi kami yang tengok sini tidak seronok. Jadi kalau boleh, Yang Berhormat, dilihat secara khusus bagaimana kita hendak bangunkan kontraktor ini dan ajar mereka bagaimana nak masuk tender dan dapat. Jangan *buh* margin yang tinggi. Sekarang zaman teruk, bagi margin 10 ke 15 *percent* cukup. Jangan bubuh 30 *percent* macam dulu. Tidak boleh. Cukup setakat itu dan kita boleh bertahan sementara kita hendak melepasi zaman Malaysia ini. Jadi saya minta supaya ditambah peruntukan.

Akhir sekali— kita fokus kepada tiga benda cukup. Yang Berhormat, kalau saya tidak ada sekejap lagi, pergi sembahyang kah apa, Yang Berhormat jawablah kalau boleh. Saya akan dengar daripada luar. Tidak ada masalah.

Iaitu berhubung dengan TEKUN. Yang Berhormat, saya di antara orang yang walaupun saya tidak menjaga TEKUN tapi saya seronok hadir di semua program TEKUN. Akan tetapi, saya tengok ada satu perkara yang kita tidak *organizekan* iaitu bagaimana hendak aturkan pasaran. Kalau kita keluarkan satu barang, kita mengharapkan orang datang beli barang tersebut, jadi kita susah. Kita kena wujudkan satu kumpulan atau konsortium kah, di mana TEKUN di Perlis dengan di Melaka, di Johor mengeluarkan barangan yang sama sehingga ia mampu menguasai sesuatu pasaran.

Contohnya— Perlis tidak ada kerepaklah. Contohnya macam pekasam lah kan. 'Pekasam Nasional'. Perlis keluar, Melaka keluar. Jadi semua pengeluaran ini dikumpulkan dengan piawaian yang tertentu, kita boleh pasarkan barang ini. Akan tetapi kalau kedai ini keluar pekasam sikit, yang ini sikit, akhirnya masa orang hendak beli, orang datang beli, bila orang tidak— tetapi kalau ada barang yang dikeluarkan berjenama, macam kita pergi kedai hendak beli berus gigi, kita sebut jenama terus. Saya tidak hendak sebut jenama, nanti orang lain marah kepada saya. Kita hendak pergi kedai, kita terus sebut nama ubat gigi, padahal itu ubat gigi. Kita terus sebut jenama.

Kita hendak TEKUN ada benda ini supaya bila orang datang ke kedai ataupun lain-lain *outlet* perniagaan yang dibuat oleh TEKUN, orang datang orang sebut jenama itu. Jenama itu dapat diselaraskan di seluruh negara. Jadi sekurang-kurangnya orang Melaka hendak beli pekasam, ada pekasam. Kalau tidak cukup, boleh ambil dekat Perlis...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Arau.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah habis sudah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Parit Sulong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa tinggal sikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bagi sikit sahaja. Bagi seminit, Yang Berhormat, orang perempuan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Sikit sahaja. Satu sahaja saya hendak tanya. Tadi saya dengar dengan teliti apa cadangan Yang Berhormat. Dia ada satu lagi bawah Kementerian Pertanian kalau Yang Berhormat bagi contoh tadi. Kalau bahagian produk asas tani dan segala-galanya, ia ada FAMA.

Jadi, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan juga supaya kementerian membuat *collaboration*, dengan izin, dengan agensi dan kementerian lain bagi membantu memasarkan hasil produk seperti Yang Berhormat katakan tadi? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya setuju Yang Berhormat. Sebenarnya banyak kementerian ini yang mempunyai tajuk yang sama. Tapi kalau kita hendak serahkan dekat FAMA, letih FAMA. Peruntukan yang kecil kita mengharap FAMA ada kepakaran. Ia tidak boleh serah kepada seorang.

Jadi kita minta supaya di bahagian pertanian ini— kalau ikut Thailand, Yang Berhormat— Yang Berhormat pernah pergi Thailand kan— ia ada tujuh Timbalan Perdana Menteri. Perdana-perdana Menteri yang bahagian pertanian. Timbalan Perdana Menteri, semua sekali kementerian yang bertajuk pertanian duduk bawahnya, yang keselamatan bawahnya. Jadi kumpulan Menteri-menteri yang terlibat dengan tajuk yang sama ini uruskan supaya kita dapat satu pasaran yang orang datang, orang akan minta jenama itu. Contohnya, 'pekasam nasional'. Pekasam lah, contohnya. Perlis adalah pakar mengeluarkan pekasam. Jadi kita boleh *supply* Sabah, Sarawak dengan piawaian yang sama dan ini juga dibuat oleh TEKUN.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Harumanis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Macam Harumanis tidak bolehlah. Harumanis ialah satu jenama yang hanya Perlis boleh mengeluarkannya sebab dari segi cuaca dan sebagainya.

Akan tetapi, semua Ahli Parlimen, *insya-Allah*, tahun depan saya akan bagi Harumanis seorang sekotak ataupun dua kotak seorang untuk melihat bagaimana... [Disampuk] Saya ada *plantation* tapi bukan untuk berniaga. Ia untuk disedekahkan ya.

Jadi saya minta sudah sampai masa TEKUN turun ke padang untuk mencari jalan supaya pasaran itu dapat menjamin pengusaha-pengusaha TEKUN. Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau yang banyak ucapan yang manis-manis. Selepas ini saya akan menjemput Yang Berhormat Jasin, kemudian diikuti oleh tiga Ahli Yang Berhormat lagi iaitu Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Cameron Highlands dan Yang Berhormat Tanah Merah sebelum saya serahkan kepada sesi penggulungan. Sila Yang Berhormat Jasin.

**3.35 ptg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Pengerusi bagi saya peluang. Sebelum itu, saya ingin mengucapkan dan mengalu-alukan kehadiran bersama daripada Akademi Pengajian Islam, Jabatan Syariah Universiti Malaya. [Tepuk]

Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kesungguhan beliau untuk mewujudkan semula Kementerian Pembangunan Usahawan. Sekurang-kurangnya pihak usahawan dapatlah mengadu masalah mereka dalam satu bumbung.

Tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri. Saya yakin di atas pengalaman yang hebat daripada seorang usahawan yang berjaya akan dapat membangunkan usahawan-usahawan dalam negara kita.

Saya pergi terus kepada Maksud B.26, P.26 Butiran 020200 – Pembangunan PKS dan Mikro Kredit, Butiran 020400 – TEKUN Nasional, Butiran 00606 – Pembangunan Perusahaan Mikro, Butiran 020300 – Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia).

Pertamanya, saya senada dengan Yang Berhormat Arau bahawa saya ingin mengetahui setakat manakah kementerian dapat benar-benar berkesan dengan matlamat utama kita bagi membangunkan dan memajukan dengan berkesan hampir sejuta SME dengan peruntukan yang kedua terkecil dalam semua kementerian iaitu sebanyak RM520 juta sahaja? Apabila ditolak sebanyak RM45 juta untuk tujuan mengurus dan emolument, hanya tinggal RM475 juta sahaja. Ini bermakna setiap SME hanya dapat RM475 sahaja.

Saya sedar bahawa peruntukan untuk tujuan pembangunan kepada kesemua pembangunan usahawan dan PKS adalah sebanyak RM686.5 juta seperti mana yang dijanjikan dalam muka surat sembilan penyata daripada Kementerian Kewangan mengenai anggaran perbelanjaan persekutuan tahun 2019. Manakala peruntukan pembangunan



kementerian hanyalah RM323 juta sahaja. Ini bermakna lebih besar daripada peruntukan iaitu lebih daripada RM362 juta untuk SME diletakkan di merata-rata kementerian di luar daripada KPUM.

Tindakan Kementerian Kewangan ini mengundang banyak persoalan. Pertamanya, tindakan ini yang meletakkan peruntukan tersebut di merata-rata seolah-olah kementerian ini tidak fokus dalam matlamat utama kita bagi membangunkan pihak-pihak usahawan dan menyusahkan pengusaha-pengusaha SME.

Keduanya, mengapakah peruntukan untuk membantu SME Mikro, begitu kecil sekali? Seterusnya, menurut daripada Penyiasatan Peruntukan 2015 yang dikendalikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat 700,000 SME Mikro di negara kita. Kira-kira 300,000 buah daripada jumlah itu ialah SME mikro bumiputera.

Peruntukan yang saya anggap sebagai khusus untuk SME mikro di bawah kementerian seperti yang tercatat dalam muka surat 258, Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, untuk mikro kredit sahaja hanya RM1.8 juta, untuk TEKUN Nasional hanya sebanyak RM2 juta, untuk perusahaan mikro hanya RM2 juta yang semuanya berjumlah sebanyak RM5.8 juta.

Secara purata...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Jaslin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kita diberitahu bahawa usahawan mikro ini, ia bukan kecil, bukan sederhana. Jumlahnya hampir 88 peratus daripada 900,000 usahawan itu adalah usahawan mikro yang mana pekerjaannya lebih kurang lima orang dan pendapatan setahun lebih kurang RM300,000.

Jadi dengan lain-lain perkataan, PKS di Malaysia ini majoriti adalah PKS Mikro bukan tahap kecil dan sederhana. Oleh kerana itu, apa pandangan Yang Berhormat Jaslin yang tentunya ia perlu ditambah peruntukan untuk membantu yang mikro ini?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Apa yang saya ingin sebutkan di sini ialah dengan peruntukan yang begitu kecil sekali, hanya sebanyak RM5.8 juta, secara purata SME mikro hanya boleh dapat RM8.29 sahaja.

#### ■1540

Adakah usaha ini benar-benar kita tunjukkan keseriusan kita, kesungguhan kita untuk membantu golongan-golongan miskin apatah lagi mereka yang dalam golongan B40 ini. Adakah ini usaha yang benar-benar mahu membela nasib mereka untuk merapatkan jurang serta untuk menjayakan tonggak kedua iaitu pembangunan inklusif yang selalu kita laung-laungkan. Justeru, tidak hairanlah sasaran pertumbuhan perniagaan mereka hanyalah dua peratus pada tahun 2019 seperti yang terkandung dalam muka surat 254.

Seterusnya sudahlah peruntukan ini kecil untuk SME mikro, mengapakah peruntukan mengurus di bawah 020300 untuk SME Corp. dipotong sebanyak 31 peratus daripada RM43.5 juta kepada hanya RM30 juta sahaja. Di bawah peruntukan pembangunan pula dipotong pula 30 peratus daripada RM168 juta kepada RM119 juta sahaja. Mengapakah juga dipotong peruntukan untuk pembangunan vendor di bawah 19900 daripada RM22 juta kepada hanya RM18 juta.

Saya sebenarnya agak *confuse*. Kalau saya silap, harap perbetulkan saya. Kita melihat apabila pembentangan perbelanjaan belanjawan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya ada membuat persoalan tetapi tidak dijawab. Sama ada Yang Berhormat Menteri Kewangan memaklumkan perkara ini bukan sahaja kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahkan kepada semua Menteri-menteri kementerian. Sama ada mereka bersetuju dengan peruntukan yang diperuntukkan kepada mereka dan masalah yang dihadapi oleh mereka. Ini kerana apabila saya bertanggapan, saya lihat ada kebenaran.

Apabila selepas dua, tiga hari pembentangan belanjawan dibuat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan akan membentangkan belanjawan tambahan. Sedangkan perbelanjaan kita belum diluluskan lagi hendak bentang perbelanjaan tambahan. Jadi maknanya ada kesilapan di mana-mana dan saya yakin kalau boleh pihak kementerian mengambil perkara ini sebagai satu perkara yang amat penting supaya

sekurang-kurangnya kita dilihat sebagai sebuah kerajaan yang benar-benar dapat memberikan pembelaan kepada semua peringkat masyarakat.

Seterusnya, saya berharap semoga pihak kementerian dapat menyediakan *road map* dan juga KPI yang telah dirangka untuk mengangkat darjat setiap golongan saiz SME yang ada ini daripada saiz mikro ke saiz kecil sekali. Dari saiz kecil ke saiz sederhana. Daripada saiz sederhana ke saiz besar dalam tempoh lima tahun ini serta sumbangan mereka, semua SME kepada GDP, kepada eksport dan pekerjaan serta hasil negara.

Seterusnya Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 dipahatkan ada empat sasaran utama ataupun *outcome* kita. Pertamanya usahawan yang berdaya saing. Keduanya, penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Ketiga, usahawan yang berinovasi dan juga dinamik dan seterusnya kepada sektor koperasi yang lestari. Saya mohon kalau boleh pihak kementerian dapat memperincikan tentang matlamat utama kita ini. Jadi saya rasa setakat itu sahaja saya sampaikan. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sebagaimana saya sebutkan tadi dijemput Yang Berhormat Bera.

**3.44 ptg.**

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Bera bukan *bra* ya. Perbetulkan. Tuan Pengerusi, saya ada dua isu sahaja yang saya hendak bangkitkan iaitu di bawah Kepala 020100 dan juga mengenai koperasi.

Seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan. Apabila Kementerian Pembangunan Usahawan dibubarkan, peranan untuk membangunkan usahawan-usahawan diserahkan kepada berbagai-bagai kementerian. Kementerian luar bandar dengan usahawan desanya, kementerian pertanian dengan usahawan taninya dan berbagai-bagai lagi kementerian yang menjalankan peranan untuk membangunkan usahawan.

Akan tetapi kini sudah ada Kementerian Pembangunan Usahawan. Jadi adakah Kementerian Pembangunan Usahawan akan mengambil alih peranan yang dimainkan oleh kementerian-kementerian lain tadi sebab kalau kita lihat dari segi *core business* kementerian-kementerian itu, mereka mempunyai *core business* yang berbeza dan pembangunan usahawan mungkin sebagai sampingan kepada *core business* mereka yang sebenar.

Jadi saya mencadangkan kepada Yang Berhormat supaya mengambil alih peranan yang dimainkan oleh kementerian-kementerian lain ataupun sekurang-kurangnya diwujudkan satu jawatankuasa ataupun di bawah Kabinet *committee* misalnya untuk menyelaraskan semua kementerian yang melaksanakan program pembangunan usahawan tadi.

Keduanya Yang Berhormat, dari segi membangunkan keusahawanan – saya lihat dari segi bajetnya agak kecil – bajet ini agak kecil. Misalnya dari segi membangunkan produk untuk eksport dan sebagainya, hanya membangunkan 00514 – Program Membangunkan Pengeksporn Bumiputera. Hanya RM30 juta. Pembangunan PKS dan mikro kredit hanya RM1.8 juta dan program keusahawanan telah pun diturunkan daripada RM36.5 juta pada tahun 2018 kepada RM10 juta pada tahun 2019.

Apabila kita bercakap soal pembangunan produk, eksport dan sebagainya, saya percaya ia bukan setakat mengeluarkan produk tetapi lebih daripada itu. *Packaging* misalnya. Kita mesti mempunyai *packaging* yang standard, piawaiannya diterima oleh masyarakat antarabangsa, negara-negara luar misalnya tidak boleh menerima begitu sahaja walaupun kita kata makanan kita sedap tetapi kalau *packaging* tidak mencapai piawai, mereka akan *reject* produk-produk daripada negara kita.

Begitu juga dengan *marketing*. Dari segi *marketing* produk tersebut. Sebenarnya kelemahan usahawan Bumiputera dua, tiga perkara yang paling besar yang dihadapi oleh mereka. Pertama adalah *presentation*, produk mereka tidak berapa *presentable* kerana isu *packaging* dan sebagainya yang mana saya harap kementerian Yang Berhormat memberikan penekanan kepada *packaging* tersebut.

Begitu dengan *marketing*. Kita kadang-kadang tidak mempunyai kewangan yang mencukupi terutamanya di peringkat PKS dan sebagainya, tidak mempunyai kewangan yang mencukupi untuk *marketing*. Jadi ini juga perlu diberikan peranan oleh kementerian Yang Berhormat. Ketiga masalah mereka adalah dari segi *consistency*, dari segi kualiti dan sebagainya. Jadi saya harap kementerian Yang Berhormat dapat menumpukan tiga perkara

ini yang merupakan kelemahan kepada usahawan-usahawan bumiputera di dalam mengeluarkan produk mereka.

Seterusnya dari segi mikro francais. Tadi ada disebutkan oleh Yang Berhormat Pontian. Memang benar *franchiser* biasanya mengenakan yuran yang tinggi untuk *franchisees*. Ada sampai RM500,000, RM1 juta kalau hendak menjadi *franchisee* kepada *international* punya *brand* sampai RM1 juta pun. Maka tidak mampulah usahawan-usahawan Bumiputera untuk terlibat di dalam industri francais ini. Akan tetapi pada zaman kerajaan yang lama Yang Berhormat, kita mempunyai program untuk mewujudkan mikro francais atau *micro franchiser* dan *micro franchisee* ini yang mana *fees* nya serendah RM10,000 sahaja untuk menjadi *franchisee*.

Sup misalnya. Dahulu popular dengan Ani Sup Utara misalnya ataupun Long Burger. Ini sebenarnya merupakan *franchisees* khusus, francais khusus untuk masyarakat Bumiputera yang tidak mempunyai kewangan mencukupi untuk terlibat di dalam francais-francais antarabangsa ataupun francais di dalam negara tetapi dengan *fees* yang tinggi dan sebagainya.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, setakat ini bagaimana program mewujudkan mikro *franchisee* dan *franchiser* ini. Setakat ini, berapakah jumlah *franchiser* dan *franchisee* mikro ini yang telah pun kita wujudkan sehingga kini.

#### ■1550

Akhirnya Yang Berhormat, saya hendak merujuk kepada Butiran 13001 – Pembangunan Perniagaan dan Butiran 13005 – Pembangunan Koperasi, iaitu permohonan perniagaan di bawah koperasi. Untuk permohonan perniagaan di bawah koperasi, peruntukan hanya RM5 juta. Manakala untuk membangunkan koperasi hanya RM1 juta, terlalu sedikit. Koperasi ini penting Yang Berhormat. Masyarakat luar bandar menubuhkan koperasi. Sekolah pun ada koperasi dan sebagainya, koperasi sekolah. Koperasi ini tidak mengutamakan dari segi keuntungan seperti syarikatendirian berhad.

Syarikatendirian berhad, kita tahu *shareholders*-nya terhad tetapi koperasi ini tidak ada had dari segi jumlah. Minimum sahaja yang ada tetapi tidak ada had untuk maksimum. Akan tetapi dari segi kewangannya, dari segi bajetnya agak berkurangan seperti yang saya sebutkan tadi. Kalau dahulu ada untuk membuka koperasi. Ia ada geran sebanyak RM30,000 oleh SKM. Saya hendak tanya, adakah geran penubuhan koperasi itu masih lagi ada atau tidak?

Keduanya, untuk mendapatkan pinjaman. Saya difahamkan agak sukar untuk mendapat pinjaman bagi koperasi-koperasi untuk mengembangkan perniagaan mereka. Malah, saya difahamkan 100 buah koperasi terbaik pun sukar untuk mendapatkan pinjaman. Soalan saya, adakah SKM tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memberikan pinjaman-pinjaman? Soalan saya, berapakah dana yang dipunyai ataupun yang ada pada SKM di dalam memberikan pinjaman-pinjaman kepada koperasi dan sebagainya?

Jadi, saya harap Yang Berhormat tidak sahaja melihat kepada permohonan usahawan, PKS dan sebagainya tetapi juga memberikan tumpuan kepada koperasi. Koperasi ada 7 juta ahli tetapi kebanyakan koperasi adalah koperasi mikro. Bukan koperasi kecil tetapi 90 peratus daripada koperasi adalah koperasi mikro, mungkin lebih daripada itu. Jadi, saya hendak tanya, adakah perancangan daripada Yang Berhormat dari segi sasaran untuk mengubah daripada koperasi mikro menjadi koperasi kecil, berapa setahun?

Daripada koperasi kecil berubah, meningkat menjadi koperasi sederhana. Daripada koperasi sederhana, meningkat menjadi koperasi besar dan sebagainya. Jadi, apakah perancangan yang ada di kementerian Yang Berhormat untuk melahirkan koperasi-koperasi daripada mikro sehinggalah koperasi yang lebih besar dan sebagainya? Jadi, itu sahaja Yang Berhormat. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bera. Seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Cameron Highlands. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Tanah Merah dan akhir, ada tambah satu lagi dari Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kangar satu lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput Yang Berhormat Cameron Highlands dahulu, sila.

**3.53 ptg.**

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas di peringkat Jawatankuasa. Saya percaya Kementerian Pembangunan Usahawan merupakan kementerian yang begitu penting kerana dimulakan semula selepas sekian lama. Salah satu fokus kerajaan adalah untuk mewujudkan apa yang dikatakan belia-belia berminda usahawan. Maka, saya percaya peruntukan yang diberikan iaitu RM 520,333,800 itu agak tidak mencukupi.

Saya harap pada tahun-tahun yang akan datang ini, kementerian ini diberikan lebih banyak peruntukan. Oleh kerana besar tanggungjawabnya dan juga banyak kerja penyelarasan yang harus dibuat dengan kementerian-kementerian lain. Ini kerana saya percaya banyak peruntukan telah dipecah-pecahkan di kalangan kementerian-kementerian, khususnya untuk program-program usahawan.

Dengan itu, saya ingin membahaskan Butiran 00601 – Dana Pembangunan dan Pembiayaan PKS. Seperti mana yang kita tahu daripada peruntukan itu, lebih kurang 50 peratus telah dikurangkan peruntukan. Jadi saya percaya, elemen ini paling penting bagi kita kerana pembangunan PKS itu penting. Oleh kerana PKS telah menyumbang lebih kurang 40 peratus kepada KDNK kita. Di mana negara-negara membangun di seluruh dunia memberi tumpuan yang penting kepada pembangunan PKS. Misalnya Singapura, lebih kurang 99 peratus ekonominya bergantung kepada PKS. Maka, saya harap lebih banyak inisiatif yang boleh – peruntukan dan juga program-program yang boleh diperuntukkan di bawah butiran ini.

Saya juga ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri, butiran ini penting kerana ia akan memberi pendedahan kepada belia-belia kita dengan teknologi-teknologi dan juga industri-industri baharu yang sedang membangun, yang mempunyai pengaruh yang tinggi dalam pembangunan negara pada masa-masa akan datang. Tanpa latihan, tanpa pengaruh, tanpa pendedahan, saya percaya agak sukar bagi mereka untuk menguasai teknologi baru. Pada masa yang sama, mengubah minda mereka untuk menerima usahawan ini sebagai satu karier yang boleh menjamin kehidupan mereka yang baik, pada masa yang sama, menjamin pembangunan negara pada masa-masa akan datang.

Pada masa yang sama, saya ingin menyentuh tentang masyarakat India. Di mana pada tahun-tahun yang lepas kita telah memperuntukkan lebih banyak duit, peruntukan untuk pembangunan usahawan dan juga PKS untuk masyarakat India. Akan tetapi kali ini tidak ada secara spesifiknya diberitahu, dimaklumkan berapa peruntukan untuk masyarakat India. Akan tetapi tidak apa, saya mengambil ia sebagai satu yang positif dan *move forward*. Saya percaya banyak lagi program yang seperti boleh digunakan *framework* yang telah kami gunakan dahulu. Boleh diterima dan digunakan oleh kementerian untuk memperkasakan usahawan masyarakat India pada masa-masa akan datang.

Keduanya, saya ingin menyentuh tentang Butiran 00603 – Program Keusahawanan. Seperti yang saya cakap, bajet ini fokus kepada- salah satu fokus Bajet 2019 ialah untuk memupuk budaya negara usahawan. Jadi, *entrepreneurship* ini harus dijadikan sebagai agenda utama bajet ini. Maka, lebih banyak program-program keusahawanan harus dibuat untuk menyedarkan, untuk mendedahkan belia-belia kita bahawa keusahawanan ini adalah satu elemen yang penting bagi mereka, bagi mengubah nasib mereka. Pada masa yang sama, dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Jadi, bajet ini saya rasa diturunkan RM10 juta, saya rasa tidak cukup. Mungkin pada masa-masa akan datang penambahan peruntukan boleh dibuat. Program-program yang baik, yang boleh memberi pendedahan dan juga anjakan paradigma di kalangan belia untuk menerima keusahawanan ini akan diterima sebagai satu yang positif di kalangan kita dan juga pihak kementerian akan menjadi satu contoh kepada usahawan-usahawan di luar sana. Supaya kita boleh mencungkil banyak bakat yang masih terpendam boleh saya katakan supaya kita boleh membawa mereka dan mendedahkan mereka dengan teknologi-teknologi baharu, *skills* usahawan yang baharu. Supaya kita boleh menjadikan mereka golongan yang produktif dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Seterusnya, Butiran 30000 – Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN). TEKUN ini agak dekat dengan kami. Oleh kerana TEKUN ini penting kerana ini merupakan permulaan,

*start-up* bagi usahawan-usahawan muda, belia yang mempunyai cita-cita dan juga mimpi untuk menjadi usahawan. So, ini merupakan langkah pertama mereka. Jadi, saya rasa TEKUN harus memainkan peranan lebih proaktif dalam memperkasakan dan membantu mereka, mendidik dan memberi tunjuk ajar kepada mereka. Jadi, apa yang saya mohon kepada pihak kementerian, bagus, lebih kurang RM10 juta telah dinaikkan daripada peruntukan lama. Akan tetapi pada masa yang sama, banyak cabaran yang dihadapi oleh pemohon-pemohon TEKUN. Saya sudah maklum ini Yang Berhormat Menteri, saya boleh terus menulis kepada Yang Berhormat Menteri, apakah cabaran yang telah mereka hadapi pada masa-masa yang lalu dari aspek permohonan khususnya.

Jadi, kalau kita boleh mengurangkan birokrasi tersebut, boleh mengurangkan cabaran tersebut, saya percaya banyak duit ini akan boleh disampaikan kepada belia-belia itu secara 100 peratus. Manfaat itu boleh kita lihat dari aspek pembangunan usahawan, pembangunan ekonomi dan juga pembangunan SMEs yang akan datang. Keduanya, saya percaya—sebelum ini saya juga difahamkan bahawa hampir RM473 juta pinjaman telah diberi, tidak dibayar (NPL). Saya percaya pihak kementerian ada mekanismenya untuk mengutip dan mendapatkan balik pinjaman-pinjaman tersebut.

Ini kerana kita harus mendidik anak-anak muda kita supaya kalau mereka pinjam, mereka kena bayar. Jangan beri mereka *mindset* percuma, *free mindset*. Itu saya rasa kita tidak patut galakkan dari semua aspek. Saya rasa kita harus ajak mereka, didik mereka, “kalau *you* pinjam, *you* kena bayar”. Jadi, atas dasar tersebut, saya percaya pihak kementerian akan mengambil tindakan proaktif dan mencari satu mekanisme yang efektif supaya pinjaman-pinjaman yang tidak dibayar ini (NPL), boleh dikutip balik. Supaya duit-duit itu boleh digunakan—peruntukan duit itu boleh digunakan balik kepada pemohon-pemohon baharu.

#### ■1600

Akhirnya Butiran 90000 – Skim Latihan Siswazah bagi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Skim latihan siswazah ini penting kerana sasaran kita kalau kita hendak mewujudkan golongan usahawan yang saya percaya yang boleh kita *immediately* kita boleh memperkasakan atau mewujudkan golongan usahawan ini ialah di peringkat universiti. Jadi, kita harus memperuntukkan lebih banyak usaha dan juga peruntukan di peringkat universiti, khususnya untuk melatih siswazah-siswazah ini.

Skim latihan siswazah ini telah dikurangkan ke RM5 juta. Saya percaya kalau kita boleh mengaktifkan golongan ini, mendedahkan mereka dengan skil-skil usahawan dan peluang-peluang yang ada di luar, bukan sahaja dalam negeri domestik, malah global, saya percaya golongan ini boleh kita bergantung, *we can rely on this group* dengan izin, supaya kita boleh melihat proses pengembangan SME ini berlaku dengan drastik.

Jadi, ini merupakan tempat yang paling penting. Jadi, lebih banyak peruntukan harus diberikan kepada mereka pada peringkat universiti. Dengan ini, kita boleh menyediakan generasi yang berdaya saing, yang mampu berdaya saing di pasaran terbuka. Pada masa yang sama, pengangguran dapat dikurangkan dan kita boleh menyemai atau melatih mereka dengan *industrial need skills* supaya golongan ini apabila keluar, mereka tahu apa peluang yang patut dicari, apakah bidang yang patut mereka lonjakkan. Benda-benda begini akan membantu mereka untuk menyediakan mereka secara *mindset* supaya mereka boleh menghadapi cabaran-cabaran yang saya rasa amat sengit bagi mereka di masa depan mereka. Saya juga berharap peruntukan untuk skim latihan ini dapat dinaikkan pada masa-masa yang akan datang dan pendedahan seperti ini akan membantu mereka untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

Dengan itu, saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Menteri. Pastikan ini kementerian yang penting. Saya percaya Menteri akan melaksanakan tugas dengan jujur dan juga adil kepada semua. Kami masyarakat India, belia-belia India ini amat bergantung kepada keusahawanan untuk mengubah nasib keluarga kami, keluarga mereka. Jadi, saya berharap kementerian ini dapat memainkan peranan yang signifikan untuk membantu kami dalam menaiktarafkan hidup kami. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanah Merah. Silakan Yang Berhormat.

#### 4.02 ptg.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Insyah-Allah*, saya tidak akan lama juga. Saya ingin menyentuh Butiran 19900 – Pembangunan Vendor, Butiran 00603 – Program Keusahawanan, Butiran 010200 – Dasar dan Perancangan Strategik, Skim Latihan Siswazah jika berkesempatan.

Pertama, saya bersyukur apabila diwujudkan kementerian ini kerana kementerian ini saya lihat sangat penting khususnya untuk bumiputera. Apatah lagi pula saya dapati Kementerian Pembangunan Usahawan ini diterajui oleh seorang yang juga usahawan dan ahli perniagaan yang berjaya. Kita tengok pun dalam senarai baru-baru ini antara yang kejayaan beliau kita tumpang bangga, sudah menjadi seorang jutawan.

Jadi, kita semua ini pun kalau boleh hendak jadi macam Yang Berhormat Menteri jugalah. [*Tepuk*] Juga kementerian ini, Timbalannya pun iaitu Ahli Parlimen Lumut, saya lihat juga sama-sama rambutnya sama putih, orangnya baik, mempunyai semangat suka tolong orang. Jadi, gandingan yang cukup mantaplah.

Jadi tentang usahawan ini, memang perkataan '*usaha*', '*wan*'. Bererti nombor satu, kena usaha dulu. Jadi bila hendak menjadi seorang usahawan ini, ia bukannya mudah. Ramai orang, ramai dalam kita semua ini semua hendak terlibat dalam perniagaan. Semua hendak jadi usahawan, semuanya hendak senang, hendak berjaya, hendak terlibat dalam perniagaan. Akan tetapi hendak meniaga ini saya tahu bukannya mudah. Banyak halangan, cabaran, hati kena kental. Jadi apabila wujudnya Kementerian Pembangunan Usahawan ini, memang satu tempat yang ramai usahawan boleh bernaung. Dulu, ramai usahawan tidak tahu dia hendak pergi ke mana dan banyak macam hari ini kita lihat banyak bertindih khususnya kaum bumiputera.

Saya mengharapkan sangat kepada Yang Berhormat Menteri, usahawan kita tahu semua golongan, tidak kiralah bumiputera atau tidak bumiputera, semuanya harus dibantu. Akan tetapi dalam konteks bumiputera, saya berharap sangatlah sebagai Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita dapat – saya tahu mungkin ada KPI kita kena tolong. Akan tetapi dalam membantu ini, jangan kita hanya tolong orang yang orang kata, kita kena tolong juga. Orang yang tidak berjaya pun perlu - Kadang-kadang usahawan ini, ada yang dia berjaya, ada usahawan yang tidak berjaya.

Akan tetapi kalau yang tidak berjaya itu, kita tidak boleh tinggalkan mereka. Kita kena teruskan membantu mereka kerana orang yang tidak berjaya itu sebenarnya bagi saya lebih mudah, dia sudah tahu dah pengalaman. Bila ada pengalaman, sudah tahu bagaimana sakitnya, bagaimana kesusahannya, jadi *insyah-Allah* dengan kita membantu mereka lagi, mereka boleh melalui, boleh berjaya kerana mereka sudah ada pengalaman. Begitu juga yang sudah berjaya itu, kita kena terus bantu dan tingkatkan.

Juga satu Yang Berhormat Menteri, saya hendak tahu juga, adakah kementerian ini terlibat boleh membantu usahawan-usahawan khususnya yang terlibat dalam industri automotif? Kenapa saya tanya begini? Ini sebab kita hendak wujudkan kereta nasional yang ketiga. Ramai antara kita yang ada positif, ada yang negatif tentang hendak wujudnya industri automotif yang ketiga. Jadi, banyakkah usahawan khususnya bumiputera yang ada hari ini disebabkan hasil wujudnya kereta nasional yang pertama, Perodua hari ini.

Tanpa bantuan kerajaan, sebenarnya bumiputera susah untuk terlibat dalam industri automotif. Saya ambil contohlah, dulu apabila kita wujudkan Proton, ramai bumiputera yang terlibat dengan industri Proton. Akan tetapi apabila kerajaan melepaskan pegangan dalam Proton, menyerahkan kepada DRB, sekarang kepada Geely, hingga hari ini Yang Berhormat Menteri, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri, boleh katakan bumiputera apabila tanpa sokongan lagi kerajaan dalam automotif Proton, di Klang Valley ini hampir pupus, mati. Ini pun ada lagi nyawa-nyawa ikan.

Itu pun bernasib baik apabila Yang Berhormat Jeli semasa beliau menjadi Menteri MITI, beliau panggil *sit down*, panggil wakil Proton supaya prihatin. Ini disebabkan Proton ketika itu minta syarat wujudkan 3S, 4S di mana kos pelaburan sahaja bernilai RM3 juta atau RM4 juta. Jadi, di mana bumiputera tidak mampu. Jadi apabila tidak mampu, apa mereka buat? Mereka tutup sahajalah sebab sudah tidak boleh buat. Akan tetapi apabila Yang Berhormat Jeli selaku Menteri MITI hari itu beliau panggil berbincang, berunding, maka barulah syarikat Proton mengurangkan syarat-syarat dan membolehkan bumiputera terus boleh berniaga. Kalau tidak, memang - Itu pun saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri, hari ini di Klang Valley ini, bumiputera hampir pupus, boleh katakan tidak ada sudah.

Oleh sebab itu apabila dalam industri automotif kereta nasional ketiga, saya bimbang selaku bumiputera, saya bimbang jika tanpa bantuan kerajaan, kita bimbang nasib usahawan yang terlibat dalam kereta nasional ketiga juga akan menjadi apa yang berlaku di dalam industri Proton. Jadi, saya hendak juga sentuh tentang bagaimana kadang-kadang bumiputera ini macam contohnya perniagaan kereta import, semua orang fikir peniaga-peniaga kereta import ini mudah. Dia dapat AP, dia jual sebab hendak ambil untung mudah untuk hendak dapat cepat.

Sebenarnya kalau kita tengok, sebenarnya ia ada kena-mengena dengan ekosistem. Kenapa peniaga-peniaga kereta import bumiputera gagal? Ini kerana apabila ada yang *genuine* ini, yang gagal ini, kerana yang tolak AP ini, dia tolak kepada yang khususnya selalunya dia tolak kepada bukan bumiputera dan yang membeli AP ini, dia buat benda bukan-bukan. Dia tipu tahunlah, dia beli kereta yang *accident*-lah, menyebabkan peniaga kereta yang *genuine*, bumiputera yang *genuine*, dia tidak boleh bersaing.

Dia AP, AP sendiri tetapi kereta yang dia beli dengan orang yang beli AP ini, orang yang beli AP ini boleh jual jauh lebih murah. Ini menyebabkan peniaga-peniaga kereta tengok dia tersangkut, dia tersangkut dengan hutang dengan bank dan sebagainya. Mereka akhirnya tiada pilihan, baiklah tolak AP. Ini yang perlu Menteri Pembangunan Keusahawanan perlu juga melihat.

#### ■1610

Kita tidak boleh salahkan. Tidak boleh main mudah sahaja. Kena tengok *the whole* ekosistem. Kadang-kadang kita bagi peluang. Seseorang itu kita bagi peluang apa jua perniagaan. Kadang-kadang masalah *transport*. Masalah *transport* ini juga salah satu faktor yang menyebabkan kos bumiputera tidak mampu hendak bersaing dengan perniagaan-peniaga lain yang mungkin sebab kos mereka lebih rendah. Yang ini saya harap sangat lah kepada pembangunan usahawan untuk melihat faktor ini.

Kemudian dari segi skim latihan siswazah. Hari ini kita lihat banyak siswazah-siswazah yang dahulu kita tahu orang belajar di universiti dia hendak kerja dengan kerajaan. Akan tetapi hari ini *alhamdulillah*, hari ini ramai hendak jadi *businessman* ataupun usahawan. Banyak saya tengok siswazah-siswazah ini terlibat dengan *direct selling*, buat *online business* dan sebagainya. Saya mengharapkan sangatlah kepada kementerian supaya memberi mereka latihan, sebab apa kalau kita beri peruntukkan RM5 juta ini di bawah Butiran 90000 ini saya rasa tidak begitu cukup.

Saya harap sangat, saya mengharapkan kepada Menteri supaya banyak skim latihan siswazah ini yang memberi mereka latihan kerana mereka perlu diberi dedahan dan bimbingan supaya tidak ada mereka ini – sebab saya tahu *online* ini banyak sangat. Kalau macam siswazah ini, dia jual alat-alat mekap, dia jual tudung. Mereka terlibat dengan *direct selling* dan banyak, ada yang berjaya dan ramai yang tidak berjaya. Saya tahu ramai yang tidak berjaya kerana bukannya mudah.

Jadi harap sangatlah. Apa pun saya harap sangat Menteri, *all the best* sebab saya tahu ini bukannya mudah. Bukan perkara mudah hendak melahirkan usahawan ini, bukannya mudah dan memerlukan masa yang amat panjang. Satu penggal pun saya rasa tidak sempat. Akan tetapi saya tengok latar belakang Yang Berhormat Menteri dengan Timbalan Menteri, saya percaya dan saya doakan Yang Berhormat Menteri boleh berjaya dan kita semua boleh tumpang bangga. Terima kasih banyak Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat, dalam usahawan ini kalau tidak berjaya jangan kahwin dua lah. Sebelum berjaya jangan kahwin dua.

#### 4.12 ptg.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera Tuan Pengerusi. Saya tidak mengambil masa yang panjang untuk membahaskan Kementerian Pembangunan Usahawan. Akan tetapi walau macam mana pun kalau Yang Berhormat Jelutong hendak mencelah, saya bagi. Walaupun tiada masa, saya sudah bagi tahu awal kalau Yang Berhormat Jelutong mencelah *insya-Allah* saya bagi.

Okey, baik. Saya hendak merujuk kepada Butiran 010000 – Pengurusan Kementerian dan Butiran 010200 – Dasar dan Perancangan Strategik, yang mana peruntukkan 2018 kita dapati hanya *zero allocation* ataupun peruntukkan kosong tahun 2018. Dibandingkan dengan peruntukkan 2019 iaitu RM2,574,800. Jadi kita ucap tahniah kepada Menteri Pembangunan Usahawan kerana mendapat peruntukkan sebanyak RM2 juta lebih. Jadi kita minta belanja baik-baik lah. Atur elok-elok duit yang diberi dibandingkan dengan 2018, *zero allocation given by the government to* Kementerian Pembangunan Usahawan dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian Pembangunan Usahawan dapat merealisasikan objektif untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK sebanyak 40 peratus berbanding 37.1 peratus pada tahun 2017. Sumbangan PKS perlu juga diperkukuh daripada sektor pertanian supaya ia mampu mencapai sasaran seperti mana yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang lalu.

Saya juga ingin merujuk petikan berita *Bernama* dan *Berita Harian* bertarikh 5 November 2018 yang bertajuk "*Peruntukan Belanjawan Kukuh Nilai PKS*". Berdasarkan berita tersebut dinyatakan sejumlah RM17.94 bilion diperuntukkan untuk pembangunan PKS pada tahun 2019 di bawah fokus ketiga iaitu memupuk ekonomi keusahawanan. Lagi sekali saya ucap tahniah kepada Menteri. Maknanya lobi kuatlah dapat peruntukkan lebih ini. Inilah Menteri-menteri yang kita perlu pilih kerana mereka ada kemampuan untuk memberi keyakinan kepada Menteri Kewangan dan juga Kabinet bahawa mereka boleh melaksanakan apa yang telah digagaskan untuk Malaysia baharu ini.

Seterusnya, peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Usahawan sekitar RM520 juta sahaja iaitu kira-kira 2.9 peratus sahaja daripada keseluruhan peruntukan PKS pada tahun 2019. Ini *very sad* dengan izin. Kenapa begitu? Daripada banyak turun sampai tinggal RM520 juta. Akan tetapi tidak apalah. Aturlah susun lah bagi elok supaya kita boleh membangunkan usahawan Malaysia ini.

Saya ingin mendapat penjelasan apakah pengkhususan kementerian dalam menyelia dan membangunkan para usahawan PKS ini. Itu soalan dia. Bagaimana pengoperasian kementerian untuk membangunkan usahawan PKS? Saya hendak minta tumpukan juga pada *heavy industry*. Yang ini *very lacking in* Malaysia sekarang ini. Dengan izin, *heavy industry* ini besar peranan dia kerana melibatkan *compress machine* dan sebagainya, kita kurang. Jadi kita minta kementerian supaya menumpukan untuk *heavy industry* ini.

Tadi kita sudah di taklimat kan oleh Yang Berhormat Tanah Merah berkenaan dengan usahawan yang membangunkan mekap dan sebagainya serta juga dengan perniagaan *online*. Akan tetapi kita belum lagi ada vendor yang boleh *supply* untuk kereta nasional ketiga ini sekiranya *heavy industry* kita tidak bangunkan. Kita terpaksa kena *import player* daripada negara yang menjadi *joint venture* kepada syarikat nasional ketiga ini.

Jadi saya minta kementerian tolong tengok dalam *loophole* yang kita ada sampai sekarang ini bagi membangunkan usahawan bumiputera dan Malaysia seterusnya. Keduanya, kita merujuk kepada Butiran 020200 – Pembangunan PKS dan Mikro Kredit, yang mana peruntukkan 2018 juga *zero*. Pada 2019 ini telah mendapat peruntukkan RM1,810,200. Tuan Pengerusi, dalam butiran ini saya ingin memfokuskan kepada P2P iaitu *financing*, pembiayaan rakan setara ataupun P2P *lending*, pinjaman rakan setara untuk PKS.

Setakat maklumat yang saya peroleh, P2P *financing* ini diregulasi di bawah *Capital Markets and Services Act* ataupun CMSA. Melihat kepada perkembangan hal ini, adakah kementerian bercadang untuk memperkenalkan akta baharu khusus mengenai P2P *financing*? Itu persoalan dia. Jika tidak ada, jika tidak perlu akta saya cadangkan, ini saya cadangkan juga, kalau tidak ada akta ini saya hendak cadangkan kementerian perincian garis panduan dan *jurisdiction* antara Bank Negara Malaysia dan juga Suruhanjaya Sekuriti.

Ini cadangan daripada Yang Berhormat Pendang. Bagaimana kita hendak – kalau tidak ada aktalah sebab nanti dia akan timbul komplikasi di masa hadapan bila kita *implement* ataupun kita laksanakan P2P ini. Seterusnya daripada maklumat yang saya dapati daripada laman web *Funding Societies*, nilai pembiayaan ataupun pinjaman yang telah diluluskan telah mencecah RM911 juta dan lebih. Kalau tidak betul, minta Menteri tolong perbetulkan sebab saya ambil maklumat daripada *news*, daripada *paper* yang saya sebutkan tadi.

Lebih 39 ribu jumlah pembiayaan atau pinjaman telah diluluskan di bawah *crowdfunding*, jika diukur dari aspek *default rate* dengan izin ia hanya di bawah satu peratus



sahaja. Kes *default* dengan izin, yang pertama berlaku dikatakan pada bulan Ogos yang lalu mencecah 200 ribu. Minta semak balik Menteri apa yang saya bangkitkan ini. Ini penting.

Sekiranya mekanisme P2P *financing* mampu menarik lebih ramai pelabur runcit dengan kenaikan syarat yang lebih mudah, saya percaya ia akan menjadi satu mekanisme baru yang berpengaruh. Saya harap agar pihak Suruhanjaya Sekuriti boleh membuka platform syariah seperti yang terdapat dalam Bursa Malaysia agar ia menjadi lebih kompetitif dan boleh menarik lebih ramai pelabur runcit yang lain.

#### ■1620

Selain itu, adakah P2P *financing* ini terbuka juga untuk pelabur institusi? Itu juga merupakan soalan kepada Yang Berhormat Menteri dalam Butiran 020200 ini. Saya ada lagi satu tajuk. Saya hendak menyentuh tiga perkara.

Ketiganya, saya akan menyentuh Butiran 020400 – TEKUN Nasional. Saya sebut tadi *heavy industry*. Akan tetapi tidak apa. TEKUN Nasional ini Tuan Pengerusi saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai Butiran 020400 iaitu TEKUN Nasional dalam perbelanjaan mengurus dan Butiran 30000 Tabung Ekonomi Usahawan Niaga (TEKUN) dalam perbelanjaan membangun yang diperuntukkan sebanyak RM100 juta. Berapakah jumlah sebenar peruntukan yang disediakan untuk pinjaman baru TEKUN bagi tahun 2019 tidak disebut di situ berapa. Dahulu kita sudah tahu RM100 juta tetapi pada kali ini Bajet 2019 untuk Kementerian Pembangunan Usahawan, berapakah yang telah diperuntukkan oleh kementerian untuk pinjaman baru TEKUN ini?

Saya merujuk kepada kenyataan Pengerusi TEKUN pada 9 November yang lalu. Pengerusi yang baru ini, Pengerusi TEKUN yang baru, kerajaan baru ini 9 November. Baru sangatlah. Lebih kurang dua minggu atau tiga minggu daripada sekarang. Jumlah pinjaman TEKUN tertunggak telah mencecah RM600 juta. Tidak banyak. Jadi kita kena bagi dekat usahawan baru. Mereka tidak bayar.

Jadi kena cari jalan untuk mereka bayar atau bayar balik pinjaman ini. Yang Berhormat Menteri faham tak saya sebut bayar?

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Faham, faham.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya tidak berapa pandai bahasa Kuala Lumpur ini tetapi Tuan Pengerusi faham.

**Tuan Pengerusi:** Saya faham, saya faham.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Melaka kata 'bayau'.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** 'Bayau', 'bayau'. Jadi mencecah RM600 juta. Berdasarkan jumlah tersebut, apakah sifat-sifat hutang tersebut? Pinjaman apa, tempoh tertunggak dan apakah pelan kutipan semula hutang TEKUN ini. Saya ingat setakat itu Tuan Pengerusi. Saya memendekkan masa kali pertama tidak sampai 10 minit. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tiada pencelahan daripada orang lain.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terbaik Yang Berhormat Pendang, terbaik.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kangar. Silakan.

#### 4.22 ptg.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Kata-kata aluan dalam bahasa Arab]* Terima kasih Tuan Pengerusi atas ruang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan perincian belanjawan untuk Kementerian Pembangunan Usahawan.

Saya ada beberapa perkara hendak disebut di sini. Saya cuba habiskan dalam masa 10 minit. Pertama sekali saya bersetuju dengan pandangan ramai Ahli Dewan bahawa peruntukan untuk kementerian kali ini sebenarnya secara relatifnya sangat kecil jika dibandingkan dengan pengumuman dalam belanjawan yang menyasarkan dalam fokus ketiga untuk memupuk budaya negara keusahawanan.

Jadi tidak apalah, mungkin ini tahun pertama selepas sembilan tahun kementerian tidak wujud. Kita berharap pada masa akan datang, ia akan ditambah baik. Namun, pada masa yang sama sebagaimana yang disebut juga oleh sebahagian Ahli Dewan, banyak kementerian sebenarnya mempunyai agensi yang menguruskan keusahawanan. Misalnya kita tahu Cradle Fund di bawah MESTECC, kita tahu Usahawan Desa di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kita tahu misalnya ada PUNB.

Jadi saya berharap nanti Kementerian Pembangunan Usahawan dalam laman web kementerian, walaupun agensi-agensi ini tidak berada secara langsung di bawah kementerian, juga dimasukkan supaya gambaran penuh tentang agensi-agensi yang terlibat dengan keusahawanan ini dapat dilihat oleh orang ramai. Jadi ia tidaklah, dia tahu peluang-peluang sebenarnya ada dalam pelbagai kementerian lain secara khusus.

Cuma saya hendak sentuh dalam Perkara 010200 – Dasar dan Perancangan Strategik. Tadi pun Yang Berhormat Pendang sebut bahawa tahun ini ada RM2 juta. Jadi saya berharap, memandangkan ini tahun pertama, banyak perancangan penting perlu dibuat. Perspektif kita mestilah jelas. Hari ini negara kita mendakwa kemiskinan sudah turun sehingga satu peratus dan kemiskinan tegar berada pada kadar 0.6 peratus.

Akan tetapi pada masa yang sama jangan kita lupa bahawa 84 peratus isi rumah di bandar tidak ada simpanan. Pada masa yang sama pesara kita tidak cukup simpanan selepas pensen dan pengangguran juga tinggi di kalangan graduan. Jadi saya percaya, ini adalah ruang yang perlu diberi perhatian oleh kementerian kerana tanpa kementerian memberi perhatian tentang perkara ini, kita hanya menyelesaikan satu aspek masalah tetapi kita sebenarnya masih mengekalkan masalah-masalah yang lain.

Saya ingin menyentuh tentang apa yang Pendeta Za'ba pernah sebut tentang nasib orang Melayu dulu antara perkara yang ditekankan oleh beliau tentang kemiskinan cita-cita. Saya selepas menang pilihan raya dahulu, ramai kontraktor datang ke rumah kata sudah lama tidak dapat projek. Kerajaan dahulu pun tidak dapat. Jadi mereka berharap kali ini mereka ada peluang.

Jadi dalam erti kata yang lain, kebanyakan orang kita apabila disebut berniaga, mereka terlalu bergantung dengan projek-projek kerajaan. Jadi saya berharap, kementerian pada masa bermula daripada sekaranglah sehingga akan datang, kita akan dapat melatih usahawan kita bukan sahaja melihat peluang perniagaan ini hanya dengan kerajaan. Ini kerana kerajaan ini kalau kita tengok kek KDNK kita, sebenarnya kerajaan tidak besar.

Kita hanya ada lebih kurang RM260 bilion untuk tahun ini. Mungkin kalau kita ambil tahun ini kali dengan belanjawan secara menyeluruh, lebih daripada RM300 bilion sedangkan KDNK lebih trilion. Maksudnya peluang perniagaan itu berada sesama mereka. Jadi mereka ini tidaklah orang kata miskin cita-cita dan hanya melihat peluang yang terhad ini sedangkan kek ekonomi ini lebih besar bukan sahaja di luar kerajaan tetapi juga berada di luar negara.

Kebanyakan, baru semalam saya bawa seorang pelabur berpotensi yang menguruskan pelaburan daripada beberapa negara saya bawa jumpa dengan pihak berkuasa untuk Koridor Utara. Mereka cakap, kata sebenarnya permintaan khususnya dalam industri halal daripada Malaysia ini sebenarnya cukup tinggi di luar negara.

Akan tetapi kebanyakan usahawan-usahawan tani kita ini berusaha secara kecil-kecilan. Jadi mereka tidak dapat memenuhi keperluan pukal yang lebih besar. Jadi ini mungkin aspek yang juga Kementerian Pembangunan Usahawan boleh lihat. Tambah-tambah baru-baru ini daripada lewat September lalu Yang Berhormat Menteri sendiri pernah menyatakan bahawa kerajaan menyasarkan sumbangan IKS meningkat agak tinggi kalau ikut sasaran Yang Berhormat Menteri meningkat lima peratus daripada 37 peratus kepada 40 peratus.

Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri kalau dapat boleh terangkan sedikit, apakah sektor-sektor utama yang akan diberi fokus oleh kementerian untuk mencapai perkara ini. Kemudian, tadi saya sudah sebut tentang usahawan merentas bidang. Saya juga berharap kalau tengok dalam perincian ini ada perkara berkaitan dengan satu tentang perolehan komputer dan juga program pembangunan satu berkaitan dengan perkhidmatan ICT.

Walaupun perkhidmatan ICT ini menjurus kepada belanja mengurus, saya berharap nanti sebab dalam laman web kementerian juga menyentuh tentang Revolusi Industri 4.0 dan juga *blockchain*. Akan tetapi saya ada bangkitkan sebelum ini kita ini prasarana, Revolusi

Industri 3.0 pun belum lagi tersedia dengan baik. Jadi mungkin kementerian dapat menggunakan perolehan komputer ini untuk memastikan sekurang-kurangnya di pusat-pusat *one stop* yang hendak diwujudkan nanti dapat memastikan sekurang-kurangnya kemudahan Revolusi Industri 3.0 ini sudah tersedia.

Saya bukan apa, saya teringat dahulu pengasas Nokia. Nokia dahulu telefon yang ramai orang pakai. Hari ini sudah tidak ramai orang pakai. Dia pun sebut, dia pun tidak sedar bahawa dia sudah tidak relevan. Sebab apa? Oleh sebab dia sudah tidak ikut perkembangan kemajuan teknologi. Jadi hari ini kita duduk latih usahawan dengan memakai cara lama, sedangkan kemudahan teknologi itu kita tidak sedia. Jadi bagi saya sebenarnya kita ini sudah jadi macam *Sisyphus*. Duduk tolak batu pergi atas, batu itu jatuh balik. Tolak batu pergi atas, jatuh balik sebab kita tidak mengenal pasti apakah keperluan untuk masa depan. Kita masih cuba menyelesaikan masalah mengikut cara lama.

Jadi dalam pusat sehati ini, kalau kita tengok dalam peruntukan ini di dalam Butiran 020100 ini – Pembangunan Usahawan disebut tentang *one stop*. Sekarang ini kita ada UBC dan RTC yang telah diwujudkan oleh pentadbiran lalu. Jadi kita boleh manfaatkan. Sekurang-kurangnya kemudahan ini ada tersedia di tempat-tempat ini.

Tentang Skim Latihan Siswazah, Butiran 90000. Saya hendak tahu berapa ramai kah sasaran siswazah yang akan dilatih? Ini kerana setahu saya, dalam pentadbiran lalu juga sebenarnya sudah memasukkan kursus keusahawanan sebagai sebahagian daripada kursus elektif. Jadi saya berpendapat bahawa ini mungkin ada pertindihan. Jadi kenapa kita – dan peruntukan pun tidak banyak RM5 juta. Saya ingat tidak ramai kita boleh bantu.

Akan tetapi oleh kerana kita sudah ada kursus elektif, jadi mungkin sebenarnya keperluan untuk latihan siswazah ini sudah boleh dialihkan untuk perkara lain sebab kursus elektif ini sudah boleh jadi satu sama ada wajib kepada semua mahasiswa ataupun dipilih oleh mahasiswa yang benar-benar berminat. Kursus elektif ini pula sebenarnya saya rasa lebih lama tempohnya daripada apa yang boleh disediakan oleh kementerian sebab sepanjang satu semester ada lebih kurang 16 minggu.

Jadi sebenarnya dari segi *contact hours*, jam untuk mahasiswa mengikuti kursus ini lebih panjang daripada sekadar kursus hujung minggu yang mungkin ditawarkan oleh kementerian. Jadi mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menerangkan, apakah perbezaan yang ada.

#### ■1630

Daripada data terdahulu, kita membelanjakan sebanyak RM15 juta kalau ikut dekat sini tadi yang tentang latihan siswazah. Jadi, saya hendak tengok berapa ramai yang daripada yang terdahulu, berapa ramai dah jadi usahawan? Kalau kita *duk* keluar tiap-tiap tahun, sebenarnya jumlah yang jadi usahawan terlalu rendah. Jadi, mungkin kita dapat menilai semula keberhasilan program dan juga melihat peluang-peluang untuk penambahbaikan program. Supaya perkara ini tidak lah jadi orang kata hanya menghabiskan duit, masa dan tenaga, yang mungkin untung ialah jurulatih yang membuat kursus ini.

Kemudian, saya juga ingin mencadangkan mungkin dalam program-program yang dijalankan. Kalau zaman saya sekolah dulu, saya ingat dulu, kalau tidak silap saya, kita ada seorang pakar reka cipta, Encik Zul dulu. Dia reka banyak robot tetapi zaman sekarang ini dalam kita *duk* kata banyak kemajuan, banyak mahasiswa sekarang makin hebat. Kita tidak pernah dengar apakah produk-produk baru yang dihasilkan. Jadi sebenarnya, benda ini saya percaya ada tetapi tidak begitu dihebahkan.

Baru-baru ini kita tengok, saya ingat selang sehari dua lepas, kita tengok Menteri Perusahaan Utama disindir oleh Yang Berhormat Pontian fasal menoreh getah waktu musim hujan. Akan tetapi bila saya tengok hari ini di media sosial, di Facebook, ramai pula anak muda tunjukkan bahawa Yang Berhormat Pontian ketinggalan zaman. Sekarang ini sudah ada teknologi untuk boleh menoreh di musim.

Jadi sebenarnya, mungkin masalah-masalah yang wujud dalam masyarakat ini lah yang Kementerian Pembangunan Usahawan patut galakkan supaya kita usahawan ni bukan harap pada projek kerajaan tetapi juga kita *invent*, kita reka perkara yang untuk menyelesaikan masalah yang sedia ada. Barulah ada nilai tambah kepada keusahawanan. Jadi, keusahawanan ini kita bukan hanya pergi kepada *ready market* tetapi kita juga mereka satu produk yang kita...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** ...tahu pasaran memerlukan teknologi itu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Teknologi itu lagi belum meluas untuk menoreh getah. Saya tahu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Betul, tidak apa.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya tahu, belum meluas.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Baru sedikit jadi- cubaan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Akan tetapi ada, tetapi ada.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Baru mencuba, cuba.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Akan tetapi ada ya. Baguslah, memang sifat keusahawanan itu dia mesti meneroka, mesti mencuba. Akan tetapi janganlah kita sendiri orang hendak cuba, inilah budaya yang sebenarnya menjatuhkan usahawan. Jadi, kita kena galakkan usahawan ini. Jadi, juga dalam laman web kementerian disebut tentang projek kereta nasional ketiga yang mana dalam Butiran 19900 - Pembangunan Vendor, ada terkait dengan ini.

Saya hendak tahu ke mana graduan automotif kita selama ini? Apakah produk-produk yang pernah direka oleh graduan automotif? Oleh sebab saya tahu, saya dulu pernah dijemput oleh bekas Dekan di Fakulti Ekonomi UPM untuk terlibat dalam satu kajian menggunakan kenaf untuk sebagai bahan automotif.

Saya selalu sebut sebelum ini, kita selalu ajar tentang keusahawanan ini, kita ajar tentang kita bagi pancing, jangan bagi ikan. Akan tetapi saya harap kementerian juga bertindak proaktif berbincang dengan PBT, kita tahu banyak lot-lot kedai kosong. Jadi, macam mana kita boleh memanfaatkan dengan kadar yang munasabah supaya usahawan kita ada tempat berniaga. Oleh sebab kalau kita ajar memancing tetapi tidak ada sungai, dia hendak memancing kat mana? Kalau sungai sempit, tidak ramai orang boleh masuk, dia hendak memancing di mana?

Oleh sebab di Perlis misalnya, usahawan *food truck* mengadu dengan saya. Mereka sudah bayar permit untuk *food truck* tetapi kawasan kalau hendak pakai, hendak kena bayar lagi. Jadi, sudah bayaran berganda. Jadi, ini sebenarnya tidak menggalakkan usahawan-usahawan kecil. Insentif-insentif mesti diwujudkan supaya usahawan-usahawan ini dapat bertahan. Kalau dia dapat berniaga lebih lama, sebenarnya dia lebih berdaya tahanlah dalam persekitaran yang semakin mencabar. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Sekarang Yang Berhormat Kuala Nerus, silakan.

#### 4.33 ptg.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, alhamdulillah wassalatu wassalamu ala Rasulillah.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Pada Butiran 020100 - Pembangunan Usahawan. Pertama kalinya, kita barangkali berhadapan dengan minda rakyat untuk melahirkan masyarakat yang minat pada usahawan. Ini kerana kalau di kampung-kampung, anak-anak akan diajar.

Kata ibu ayah, belajar rajin-rajin, nanti habis belajar, habis universiti, boleh kerja yang baik, dapat duit yang banyak, boleh bantu mak ayah. Mentaliti hanya untuk bekerja dengan orang, bukan untuk menjadi seorang usahawan, menyebabkan anak-anak daripada muda lagi diasuh sebegitu hingga semangat untuk menjadi usahawan itu tidak ada. Sedangkan konsep usaha dan wang itu menggambarkan bagaimana sikap dan sifat seseorang yang ingin maju ke depan.

Maka, saya hendak minta penjelasan daripada kementerian. Oleh sebab kementerian ini baru ditubuhkan dan tentulah mempunyai satu hasrat yang besar, melahirkan ramai usahawan. Maka, apakah inisiatif kementerian dari sudut pendidikan usahawan yang bermula daripada peringkat sekolah lagi, rendah dan juga menengah hingga anak-anak ini

walaupun mereka mungkin tidak berjaya dari segi akademik untuk masuk ke universiti tetapi mereka keluar dengan sijil SPM sahaja pun mereka sudah ada minat untuk berniaga dan masuk di bidang keusahawanan.

Ini kerana bagi saya, keusahawanan ini perkara yang sangat besar dan Islam sendiri pun mengajar kepada kita. Al-Quran sebut konsepnya, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] '*Carilah sebahagian kurniaan Allah*'. Makna kurniaan Allah, maksudnya ialah berniaga itu ditafsirkan oleh para alim ulama.

Menunjukkan bahawa ini bukan perkara kecil. Tanggungjawab kementerian sangat besar sebenarnya untuk memecahkan minda, memberi kesedaran pendidikan. Maka, soalan pertama saya kepada kementerian baharu, khususnya kepada sahabat saya lah daripada Lumut ini yang sangat bersemangat nampaknya. Untuk mendidik masyarakat agar minat bidang keusahawanan ini, itu yang pertama.

Kedua, konsep *mentor mentee*. Walaupun konsep ini telah banyak dilaksanakan, saya hendak minta penjelasan daripada kementerian tentang apa dia skim yang ada yang memfokuskan konsep mentor dan *mentee*? Sejauh mana ia berjaya sebelum ini? Oleh sebab konsep mentor *mentee* ini ada satu halangan iaitu orang yang hendak jadi mentor, hendak beri ilmu ini kadang-kadang dia ada sikap kedekut ilmu.

Oleh sebab apa hendak buka ruang perniagaan pada orang. Tentu dia akan ada masalah. Jadi, bagaimana kita menangani isu ini supaya anak-anak muda ini menjadi pelapis kepada ahli-ahli peniaga yang telah berjaya. Hingga mereka mendapat ruang dan peluang perniagaan yang lagi besar, hasil didikan dan didikan itu pula bukan hanya sekadar didikan biasa, bahkan sampai ke peringkat yang sekecil-kecilnya, dididik anak muda yang baru ini untuk menjadi seorang yang berjaya pada masa akan datang.

Ketiga, tentang- saya disebutkan oleh banyak pihak tentang konsep Satu Kampung, Satu Produk. Saya pun banyak kali sebut isu ini. Jadi, kalau di tempat saya, kawasan penempatan nelayan yang ramai di kampung, hasil laut adalah di antara hasil yang sesuai untuk dijadikan sebagai konsep Satu Kampung Satu Produk.

Adakah kementerian berhasrat untuk bantu kawasan saya, Kuala Nerus? Minta Yang Berhormat Lumut *direct* ini. Kuala Nerus, Yang Berhormat Menteri ada, Timbalan Menteri pun ada. Untuk fokus kepada bantuan untuk melahirkan masyarakat yang fokus di bidang hasil laut ini, Terengganu di Seberang Takir ataupun di Kuala Nerus, ini Parlimen saya, untuk bidang seperti keropok, ikan kering, ikan masin, bilis dan sebagainya.

Kemudian saya hendak pergi kepada 020200 - Pembangunan PKS dan Mikro Kredit. Hari ini kita berhadapan dengan Revolusi Industri 4.0. Saya hendak kementerian jelaskan, apa prospek utama keusahawanan dalam berhadapan dengan revolusi ini untuk lima tahun ke depan? Ini kerana ia akan menentukan hala tuju kita. Bahkan, hala tuju anak-anak muda yang hendak masuk bidang. Oleh kerana kalau tersilap pilih bidang keusahawanan- Dulu saya ambil contoh, dulu kita dipopularkan dengan industri tanam gaharu. Ramailah pakat tanam gaharu, keluar modal yang besar-besar.

Akan tetapi ketika itu gaharu diperlukan. Gaharu akan mendapat selepas lima tahun, masuk tahun kelima sudah tidak ada orang hendak gaharu. Sama juga dulu burung walit lah, kemudian macam-macam lah yang direka oleh kita ini tanpa ada perancangan. Jadi, kalau kementerian boleh gariskan prospek lima tahun ke depan dengan perancangan pada hari ini, saya rasa satu sumbangan yang besar pada alam keusahawanan ini.

Kedua, tentang graduan muda. Walaupun saya tengok dalam PUNB, banyak dicadangkan, PUNB banyak kemukakan pelbagai pelan. Akan tetapi untuk terkininya, insentif yang baik untuk anak muda yang baru sahaja keluar daripada universiti. Di kala mereka juga berhadapan dengan isu tidak boleh hendak bayar PTPTN. Akan tetapi kalau kita bina mereka sekarang, saya rasa isu hendak bayar PTPTN walaupun itu manifesto yang gagal dilaksanakan.

Akan tetapi kita bincang positifnya ialah kalau kita boleh bina graduan ini bermula sekarang, pada tahun tiga, tahun empat mereka di universiti telah ada insentif yang baik untuk mereka berniaga bermula sekarang. Maka, isu pembayaran PTPTN bukan isu lah bagi saya. Akan tetapi bermula dengan daripada keusahawanan anak-anak muda yang menjadi graduan ini.

Kemudian Kursus Latihan Digital dan juga ICT. Hari ini, kalau di bidang keusahawanan, akaun sekarang ini hanya menggunakan *handset* sahaja. Terlalu banyak program yang dibuat. Adakah kementerian menyediakan satu insentif untuk usahawan di bidang teknologi maklumat untuk membanyakkan lagi sistem-sistem perakaunan dan juga apa sistem yang diguna pakai di alam mudah ini untuk berniaga, diberikan insentif untuk mereka bangunkan. Ini kerana anak-anak muda, kalau di kala mereka telah mempunyai akal yang kuat dan gagah.

#### ■1640

Ini masa mereka hendak berkarya kita berikan dana yang baik pada mereka, *insya-Allah* mereka boleh berikan terbaik untuk negara kita. Kemudian yang keempat tentang pembiayaan syariah. Terkini saya hendak tahu apa ia pembiayaan syariah yang disediakan oleh kementerian. Kalau dulu kita diperkenalkan konsep *mudharabah mutanaqisah* ini diamalkan di PUMB dan saya harap ia diperluaskan lagi. Ini konsepnya syariah, *mudharah mutanaqisah* atau mungkin sistem lain lagi yang lebih bagus yang boleh kita kemukakan.

Kedua, Qard al-Hasan. Saya mengharap kalau kita boleh tiru walaupun sudah ada sedikit kita tiru apa yang dibuat di Bangladesh, Grameen Bank oleh Muhammad Yunus yang berjaya mendapat Anugerah Nobel kerana mencipta satu sistem Qard al-Hasan yang membantu jutaan rakyat miskin.

Kalau konsep ini walaupun kita sudah ada pajak gadai Islam, kita sudah ada pelbagai skim pinjaman tetapi kalau diperluaskan lagi konsep Qard al-Hasan, perniagaan kecil-kecilan ini di kampung-kampung, ibu tunggal yang perlukan modal tiga empat ribu saja untuk buat kerepek, buat keropok dan sebagainya. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada kementerian. Kemudian saya hendak pergi yang terakhir pada Butiran 020500 – Pembangunan Koperasi. Koperasi ini banyak pihak yang buat cuma saya hendak tahu data kerana maklumat yang saya dapat banyak koperasi yang tidak berjaya.

Ada wujud pada namanya sahaja tidak ada projek. Kalau ada projek gagal pula. Jadi saya hendak tahu jumlah koperasi yang ada sekarang yang tidak aktif dan berapa yang betul-betul berjaya dan kalau boleh disenaraikan lima koperasi yang paling berjaya sehingga ke hari ini. Begitu juga tawaran terkini yang menyediakan untuk koperasi untuk memberi semangat kepada masyarakat yang mahu membuat koperasi yang baru dari sudut bantuan, pembangunan, modal untuk mereka memulakan apa sahaja perniagaan menerusi koperasi. Saya rasa itu saja daripada saya, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Assalamualaikum.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya ingat itu sahaja. Silakan Menteri untuk menjawab, 30 minit boleh Menteri? Tidak hadir itu jawapan bertulis sahaja, ramai yang tidak hadir.

#### 4.42 ptg.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan yang telah mewujudkan kembali Kementerian Pembangunan Usahawan dan memperuntukkan sejumlah RM520 juta lebih kurang Belanjawan 2019 kepada kementerian ini. Begitu juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan pandangan, cadangan dan soalan yang berkaitan dengan bidang kuasa MED semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 peringkat Jawatankuasa di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, walaupun MED diberikan peruntukan yang kecil tapi kami komited untuk memastikan peruntukan ini diuruskan dengan lebih berkesan dan apa yang lebih penting adalah *outcome* daripada peruntukan yang telah dilaburkan dalam membangunkan usahawan di negara ini. Kalau kita dengar perbahasan hari ini saya lihat ia kebanyakan berkisar dalam topik-topik berkurangnya peruntukan. Akan tapi saya hendak sampaikan di sini sebagai menggulung perbahasan, kita kena lihat dari segi apakah fungsi Kementerian Pembangunan Usahawan yang telah diwujudkan pada 2 Julai 2018, sebelum ini dibubarkan tahun 2009.

Dalam masa tahun 2009 ke tahun 2018, kita lihat yang disebutkan tadi, usahawan-usahawan tidak mempunyai tempat yang boleh mengadu yang boleh memberi maklum balas

tentang apa yang mereka hendak usahakan atau apa sahaja yang mereka telah gagal ataupun apa sahaja kejayaan mereka. Jadi bila tertubuhnya Kementerian Pembangunan Usahawan kita mempunyai visi, kita mempunyai hala tuju untuk melihat kembali, untuk menyelaraskan segala bentuk usahawan, apa sahaja yang telah diletakkan di pelbagai kementerian dalam Kerajaan Pakatan Harapan baharu.

Kalau kita lihat dana yang diwujudkan atau disediakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan baharu adalah RM4.5 bilion diperuntukkan untuk segala aktiviti dalam sektor SME untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Fungsi Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Pengerusi adalah untuk memudah cara, untuk mengawal selia dalam usaha kita untuk mewujudkan usahawan yang berintegriti dan berdaya saing di peringkat global. Kita adalah satu kementerian yang dipanggil *enabler* kepada usaha kerajaan untuk membangunkan *entrepreneurship state* yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat daripada Pontian kalau saya tidak silap.

Jadi dari situ apakah yang kita perlu lakukan sebagai kementerian untuk mendapatkan *outcome* begitu? Peruntukan pengurusan yang disebutkan itu tadi adalah untuk mengurus segala bentuk aktiviti dari segi memudah cara, mengawal selia. Peruntukan untuk yang diperuntukkan untuk pembangunan adalah skim-skim yang melibatkan latihan, adalah skim-skim untuk melibatkan koordinasi dari *various* dengan izin, dari *various* kementerian-kementerian yang sedia ada. Kita umpamanya membuat promosi-promosi dan sedikit adalah untuk melatih usahawan-usahawan dari awal sehingga mereka di'*ijazah*'kan atau *graduate to level* boleh kita panggilkan usahawan yang boleh berdaya saing.

Antara perkara yang kita lakukan setakat ini, kita telah mengadakan satu *National Entrepreneurship Framework* yang telah dilancarkan pada 22 November dan akan mengambil maklum balas dari semua peringkat industri, dari semua peringkat kementerian, dari semua peringkat warga umum untuk memberi maklum balas untuk dibukukan sebagai satu pelan tindakan yang terperinci yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekitar pertengahan tahun depan. Dalam *Framework* yang kita telah terbitkan ini, kita amat jelas, kita memperjelaskan apakah fungsi yang akan kita lakukan.

Umpamanya kita disebutkan tadi oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong yang mengutarakan perkembangan ataupun membawa usahawan ke luar negara dari segi *capacity building*, *capacity enhancement*. Dari situ kita mengukur apakah *outcome* yang kita hendak lihat. Kalau kita lihat pasaran antarabangsa hari ini begitu besar untuk usahawan-usahawan dari dalam negara. Apakah yang patut kita lakukan? adakah usahawan-usahawan di dalam negeri ini memahami apakah kehendak pasaran antarabangsa.

Saya suka nak maklumkan saya baru balik daripada berjumpa dengan Menteri Perdagangan Jepun memeterai satu perjanjian antara usaha kita untuk membuka pasaran yang besar di negeri Jepun sebagai satu titik untuk kita melonjakkan bukan sahaja di Jepun tapi di peringkat antarabangsa di negara-negara lain. Dengan ada kebolehan yang kita latih kepada usahawan-usahawan dalam negeri kita sendiri mereka akan memahami lebih, apakah kehendak.

Contoh dalam perbincangan itu kita menyebutkan kepada Menteri di Jepun, mengatakan kita mahu membawa usahawan dan produk ke negeri Jepun dan mereka membuka ruang pasaran contoh Olimpik 2020 di mana mereka menyatakan menjemput usahawan-usahawan dari Malaysia untuk menjual barang-barangan dari sekecil barangan produk kampung kepada barangan yang lebih diminati oleh orang-orang berpendapatan tinggi.

Pasarannya dijangkakan USD300 juta dalam masa 30 hari dan di situ kita boleh memahami apakah kehendak pasaran di negara itu. Kita melatih usahawan-usahawan tadi dari segi yang disebutkan secara umum, dari segi penjenamaan, dari segi *packaging*, dari segi *branding*, dari segi kehendak pasaran di tempat yang kita hendak pasarkan. Itulah fungsi kita. Jadi belanjawan yang disebutkan tadi cuma melibatkan dari segi latihan.

Saya tidak perlu hendak mengeluarkan dana untuk membantu mereka, apakah bentuk bungkusan yang patut dipasarkan. Itu kenalah datang daripada daya usaha sendiri tetapi dengan adanya tadi RM4.5 bilion untuk SME atau PKS yang telah diadakan, diwujudkan dalam Belanjawan 2018 mereka boleh menggunakan dana itu dari sudut penjenamaan. Sebanyak 70 peratus adalah pinjaman yang diadakan di sektor PKS yang diberi jaminan oleh kerajaan sendiri.

### ■1650

Kita lihat juga RM1 bilion dalam RM4.5 bilion itu adalah untuk pengusaha-pengusaha bumiputera. Jadi tidak timbul isu kita kurang dana untuk melaksanakan *outcome* tadi. Cumanya peruntukan untuk MED, sebutkan sekali lagi, untuk memudah cara. Untuk kita melengkap apa sahaja kehendak usahawan dari segi latihan. Saya juga suka hendak sebut di sini, Ahli Dewan. Tadi disebutkan daripada Beaufort. Disebutkan di mana siswazah 60,000 setahun susah nak mencari kerja dalam masa enam bulan.

Jadi kita lihat di situ, kita telah pun mengenal pasti. Kita telah mengenal pasti program-program di mana selepas mereka menerima ijazah, mereka boleh terus bekerja. Dengan adanya satu sistem yang kita akan wujudkan dalam tahun 2019, mengadakan satu *collaboration* dengan swasta untuk mengadakan satu modul latihan semasa mereka masih lagi di peringkat persekolahan. Maksudnya tidak ada isu mereka nak mencari kerja. *Insyallah* kalau ini berjaya dan telah pun kita nampak *success story* di negara-negara lain di mana apabila mereka menerima ijazah, mereka terus dapat bekerja ataupun melibatkan diri di dalam bidang keusahawanan.

Saya nak sebutkan juga di sini, peluang-peluang usahawan itu begitu besar. Jelas kita tengok merata hari ini tetapi terpulang kepada siswazah ataupun anak-anak muda untuk berkecimpung. Usaha kita adalah untuk membangunkan budaya usahawan. Usaha kita adalah untuk memastikan mereka dapat latihan secukupnya. Contohnya kalau disebut tadi peluang pekerjaan. Hari ini telah wujud. Alhamdulillah. Kerajaan negeri Jepun sedia menerima anak-anak Malaysia untuk dilatih di negara Jepun tetapi kena ada sedikit *investment*.

*Investment* contohnya kita kena belajar tiga bulan atau empat bulan memahami bahasa Jepun. Di situlah kita memberi ruang untuk mereka berlatih. Di situlah tadi MED memainkan peranan untuk mereka mempelajari bahasa Jepun supaya apabila sudah lengkap itu, mereka boleh pergi ke negara Jepun untuk bekerja dalam masa belajar. Dipanggil *Industry Sponsorship Program* (ISP) di mana bukan sahaja mereka dilatih dan diajar, mereka juga menerima gaji. Di Malaysia contohnya, kita ada peluang yang telah diwujudkan oleh ISP tadi. 50,000 tetapi kebanyakan anak muda tidak berminat.

Jadi itulah kita kena bawa minat itu kepada mereka supaya mereka memahami. Mereka kena menjadi usahawan, mereka kena dilatih dan mereka ini diberi peluang secara pendekatan bahawa mereka boleh dilatih dan juga *at the same time*, dalam masa yang sama, boleh mendapat pendapatan yang secukupnya. Ada. Contohnya hari itu saya menghubungi Majlis Agama Islam Perlis menyarankan supaya anak-anak muda yang tiada pekerjaan ini kita latih.

Kita tempatkan di pelbagai industri. Kita tempatkan contohnya di antarabangsa. *Aerospace industry* contohnya. Kita boleh hantar mereka ke situ dan dilatih. Lama-kelamaan, selepas tiga tahun, mereka boleh menjadi seorang yang sama ada bekerja ataupun menjadi usahawan. Jadi dengan pendekatan begitu, kita lihat usahawan ini dari segi ukuran kita, kalau kita boleh bawa cara kita mengurus dengan sedikit peruntukan untuk memudah cara dan mengawal selia apa sahaja bentuk usahawan, *insyallah* peruntukan yang diberi itu adalah cukup.

Kalau boleh, yang disebutkan tadi, kalau boleh lebih itu kita terima tetapi setakat ini sebagai Kementerian yang baru, kita tidak ada *benchmark* untuk mengukur lagi. Yang kita tahu, pendekatan kita adalah untuk melatih anak-anak muda terutamanya untuk melibatkan diri dalam keusahawanan.

Sukacita disebutkan tadi, tambahan lagi anak muda. Dalam peruntukan tidak disebutkan pun anak muda dimasukkan dalam peruntukan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Dalam manifesto Pakatan Harapan contohnya, kita mengadakan dana sebanyak RM1 bilion untuk anak muda. Kalau dilihat, peruntukan tidak ada MED. Betul?

Akan tetapi kita sebagai agensi atau Kementerian yang memudah cara, kita mewujudkan satu jawatankuasa untuk memastikan RM1 bilion diwujudkan untuk anak muda. Alhamdulillah dalam Mesyuarat Jemaah Menteri baru-baru ini, dengan adanya dana yang disebutkan tadi, kita pungut dana itu dari semua Kementerian, disatukan, diperuntukkan kembali untuk anak muda sebanyak RM1 bilion. [Tepuk]



Contoh lagi satu kalau kita nak masukkan dalam peruntukan tadi yang tidak dimasukkan, disebutkan *the new national car project*.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang, Pendang.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Pendang. Disebutkan *the new national car project*. Sukacita dimaklumkan, walaupun tidak ada peruntukan spesifik, kita ini sebagai pemudah cara, sebagai satu disebutkan mungkin diwujudkan jawatankuasa untuk memastikan peruntukan-peruntukan untuk keusahawanan daripada – air tidak ada pula sudah. Dahaga, dahaga. Peruntukan keusahawanan dari berbagai-bagai kementerian seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kah, *primary industry* kah, PBT kah, KKM kah, kita akan menarik dana dari kementerian-kementerian itu. [*Yang Berhormat Jelutong memberikan air kepada Yang Berhormat Menteri*] Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Bagi bajet lebih kepada Yang Berhormat Jelutong nanti. Pandai dia bodek.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Jelutong jampi itu. Baik, baik.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ini Menteri saya. Kita kena jaga ini.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Saya tidak mahu perincian segala perkara yang dibangkitkan. Cuma saya nak memberikan kefahaman dari segi apakah fungsi kita. Saya lanjutkan sedikit dari segi *the new national car project*.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Boleh? Sebelum *national car*, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Tugas kita adalah mewujudkan *environment. Conducive for investment*. *Conducive* untuk dengan izin untuk para usahawan melibatkan diri. Disebutkan hari ini industri kereta sudah nak mati. Nak pupus. Akan tetapi sukacita dimaklumkan di sini, dalam Dewan yang mulia ini. Semalam dalam Mesyuarat Pembangunan Nasional yang mana saya telah diamanahkan sebagai jawatankuasa. Kita tidak ada dana spesifik dalam Kementerian Pembangunan Usahawan tetapi kita ada dana diletakkan di bawah kementerian yang lain. Dari situ kita terbitkan dana itu untuk memulakan *the new national car project* bukan dari dana Kementerian Pembangunan Usahawan.

Di situlah letaknya kita sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan dengan usaha kita untuk meyakinkan yang lainnya supaya segala bentuk keusahawanan hendaklah diselaraskan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. Jadi saya tidak rasa kekurangan dalam hal ini. Saya sebutkan tadi contohnya. RM1 bilion kita dapat dari luar untuk anak muda.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya nak cakap sikit yang ini.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Sedikit dana permulaan untuk *the new national car project*. Itu boleh merangsang segala bentuk keusahawanan terutamanya disebutkan lagi *the new national car project*. Silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Selepas itu Parit Sulong juga nak bertanya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya nak ucapkan terima kasih kerana kerajaan di bawah Pakatan Harapan telah berusaha untuk terbitkan dana RM1 bilion yang saya kira seperti mana Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, diambil oleh di mana-mana kementerian yang berkaitan untuk anak muda. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri bersedia untuk membentangkan di Dewan yang mulia ini ataupun memberi jawapan secara bertulis perincian dan dana RM1 bilion ini datang daripada mana, daripada kementerian mana.

Supaya anak muda di luar sana dapat memahami maknanya mereka bersiap sedia untuk menjadi usahawan. Apa yang berlaku hari ini bukan anak muda tidak mahu menjadi usahawan. Mereka cuba menjadi usahawan. Di kawasan saya sendiri Yang Berhormat Menteri, saya berjaya mewujudkan 110 usahawan di bawah Program *Car Boot Sale* yang berlakunya pada setiap minggu. Sudah empat tahun.

■1700

Saya melihat ada yang okey, ada yang tidak okey kerana mereka tidak ada *capital injection* sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi. Kalau Yang Berhormat Menteri bersiap sedia untuk membentangkan dana RM1 bilion ini dan saya kira ini akan memberi keyakinan kepada usaha murni di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Sekali. Sekali Yang Berhormat. Bersekali.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Parit Sulong.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih. Terima kasih. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat nyatakan tadi mengenai penggunaan ataupun perkongsian lah kiranya modal daripada kementerian-kementerian lain. Cuma saya hendak kepastian adakah – saya bagi contoh, kalau ada program untuk orang muda di Kementerian MITI lah *for example Youth Exporters Development Programme*, adakah itu menjadi sebahagian daripada apa Yang Berhormat nyatakan tadi?

Selain apa Yang Berhormat Paya Besar tadi cakapkan– macam sebagai contoh dekat kawasan saya ada dua program yang saya sentiasa buat dah beberapa tahun yang diberikan nama *Fashionpreneur* dengan *Bumipreneur* yang saya tengok sangat berjaya membantu wanita dan juga belia. Saya tidak ada masalah sebahagian diberikan kepada wanita Yang Berhormat Menteri. Saya sangat sokong.

Akan tetapi *except* kepada belia, apabila perbincangan dengan golongan wanita ini – sebab wanita ini bukan sahaja muda tetapi juga yang berusia tetapi bersemangat. Oleh sebab itulah tadi saya tanyakan dalam soalannya ada spesifik punya program ke untuk wanita? ini kerana wanita ini dia lain dan apabila mereka melakukan sesuatu peratusan mereka berjaya itu hampir 100 peratus. Itu yang saya minta maklumat daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Okey. Izinkan Tuan Pengerusi saya jawab daripada yang disebutkan usahawan muda.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri, sekali gus lah Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Sekali gus eh sekali gus.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Sekali gus. Bolehkah Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Saya.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri sini Beaufort.

**Tuan Pengerusi:** Beaufort. Beaufort.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Oh! Yang Berhormat Beaufort lagi. Allah.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Sekali gus. Saya ucap tahniah lah Yang Berhormat Menteri boleh dapat RM1 bilion dana itu *alhamdulillah*. Satu perkhabaran yang baik. *I'm sure* anak-anak muda yang mendengar di luar sana termasuk para graduan kita bergembira dan bersyukur. Saya pun di kawasan saya kita buat juga program usahawan belia ini secara kecil-kecilan dan tentunya dengan adanya kementerian Yang Berhormat sekarang ini maka ini boleh dilebarluaskan lagi di bawah kementerian Yang Berhormat.

Adakah ini termasuk juga yang RM1 bilion itu untuk para graduan kita? Supaya mereka yang sekarang ini graduan di sana bergembira. Saya tadi pun menerima mesej sudah daripada graduan muda mengatakan *alhamdulillah* terima kasih disuarakan untuk mereka ini *alhamdulillah*.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Berkisahkan graduan muda. Saya hendak sebutkan di sini kita baru sahaja dapat kelulusan ya secara keseluruhan untuk menjawab ataupun untuk memenuhi Manifesto Pakatan Harapan kerajaan baharu. Jadi segala bentuk graduan tadi ataupun anak muda, Kementerian Belia dan Sukan, ini adalah inisiatif bersama.

Kementerian Belia dan Sukan akan menyelaraskan segala bentuk permintaan keusahawanan daripada anak-anak muda atau pun belia. Kita bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dengan adanya data-data begitu kita akan memastikan apakah bentuk bantuan yang perlu disalurkan kepada anak muda yang memohon untuk menjadi usahawan. Contoh anak muda itu disebutkan tadi 100 orang dah diukur kejayaan atau pun kegagalan. Kita hendak ambil maklum.

Itu sebab kita wujudkan Pusat Seheni Keusahawanan. Kita lebih kepada *reaching out*. Kalau kita kenal pasti contoh tadi 100 orang itu tadi, 50 berjaya kita akan bantu jayakan lagi kalau mereka mempunyai kapasiti dan 50 yang gagal itu kita akan tanya kenapakah mereka gagal? Ini lah satu pendekatan Kementerian 'Usahawan' bawa.

Kita akan membuat satu program, melancarkan satu program yang kita katakan di sini *reach out* dengan *adopt*. Kita latih yang ada kekurangan, kita tambah baik yang ada kelebihan ataupun yang ada *success* tadi. Contoh ini sebab saya baru balik. Di Jepun kita ada Halal Eksport, Halal Festival. Kita bawa 40 usahawan kampung yang kita dengar hari ini atau pun usahawan luar bandar kecil-kecilan.

Mereka merasakan satu peluang yang amat besar yang mereka rasakan sendiri boleh mengembangkan usahawan-usahawan di tempat negara asing dengan memahami apakah kehendak pasaran di situ. Sekarang mereka di latih. Kita beri satu latihan kepada mereka di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan yang tidak memerlukan banyak dana untuk mereka melonjakkan usahawan mereka ke luar negara.

Jadi, contoh kalau 50 orang tadi kalau kita ada statistiknya, dimaklum-balaskan kepada pusat seheni, *insya-Allah* dalam program tahun 2019 yang kita akan lancarkan kita panggil *road reaching out* dan *adopt*, maksudnya tadi kita boleh lebih bersasar kepada usahawan yang mahu berjaya lebih daripada apa yang telah dicapai.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri. Kalau yang tadi Yang Berhormat Menteri. Minta maaf.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Okey nanti. Hendak jawab lagi ini. Belum jawab lagi hendak tanya yang kedua.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Itu tadi sikit sebelum ini.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Ini pasal *lady, lady* ini. Saya hendak sebut ini.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Bukan. Sebelum itu. Sebelum jawab ini. Yang dimaklumkan tadi dari segi pemilihan kalau sekiranya berjaya daripada kawasan Parlimen Parit Sulung lah katanya ada dalam 200 orang yang berjaya.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Asyik Parit Sulung sahaja.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Adakah kami boleh memberikan senarai tersebut kepada Yang Berhormat ataupun ada satu tempat khusus di mana kita minta mereka supaya *register*, tunjukkan apa bukti-bukti pada kejayaan yang telah mereka lakukan kepada pihak Yang Berhormat ke macam mana? Oleh sebab kena ada cara yang betul dan sesuai. Kami selaku wakil rakyat boleh memaklumkan juga kepada rakyat di bawah terutamanya kepada usahawan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Kejap. Kejap, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Saya tidak boleh hendak sebutkan secara spesifik.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Apa pendekatan yang kita bawa. Minta maaf.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sekejap, sekejap. 10 saat 'jer'. 10 saat je. Isu saya adalah.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Enam minit lagi itu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tidak apa. Boleh bagi lebih. Yang Berhormat Menteri sebab kementerian ini kementerian yang paling penting, tunggak ketiga, fokus ketiga dalam Belanjawan 2019, tidak akan lah tidak boleh bagi masa yang lebih.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Boleh. Boleh. Terpulang kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ha okey. Cumanya Yang Berhormat Menteri saya harap bentangkan RM1 bilion itu diambil daripada kementerian mana supaya anak muda di luar sana jelas bahawa dia tahun depan ada RM1 bilion. Jadi RM1 bilion ini adalah untuk anak muda dan apabila Yang Berhormat Menteri kata anak muda tidak bersiap sedia, mudah rasa gagal, mudah rasa kecewa. Jadi mungkin kita boleh bagi fakta.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Okey. Boleh saya jawab? Senang 'jer' jawabnya. Saya sebutkan tadi tidak habis. Kita baru dapat kelulusan dari Jemaah Menteri dan Kementerian Pembangunan Usahawan telah diberi amanah untuk mewujudkan satu jawatankuasa mengambil dana-dana yang daripada kementerian-kementerian yang lain untuk usahawan muda untuk melaksanakan janji kita dalam Manifesto Pakatan Harapan kerajaan baharu, ya.

Dalam itu juga kita bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan. Jadi hari ini kita masih, baru seminggu ya? Baru seminggu. Masih hendak mengenal pasti apakah bentuk-bentuk bidang keusahawanan daripada anak-anak muda yang akan disalurkan kepada kami oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Jadi bila sudah ada itu nanti, data begitu maka kita akan umumkan. Itu sebabnya kita masih lagi ini. [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*] Ini masih lagi untuk memperhalus pelan tindakan usahawan kita yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ia akan mengandungi pelan yang komprehensif tetapi '20 orang itu' cuma *framework* dia sahaja supaya orang-orang umum boleh memberi maklum balas. Boleh memberi sumbangan dari segi idea. Apakah penambah baikkan yang boleh kita buat? Kita menerima sahaja tetapi bajet yang disebutkan tadi, perbincangan bajet itu saya rasa mencukupi atas apa yang kita hendak lakukan dalam penggal 2019 ini.

Jadi Yang Berhormat Parit Sulong tadi, Yang Berhormat Parit Sulong kata apa tadi? Sekali lagi. Wanita!

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Macam mana ni, kadang-kadang orang dekat kawasan.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Tidak! Wanita jangan sebut kawasan, secara menyeluruh ya.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Ha! Menyeluruh. Betul, menyeluruh. Contoh, saya bagi contoh kawasan saya.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Kalau dari segi kawasan Parit Sulong, Kementerian Pembangunan Usahawan membawa pendekatan menerima apa sahaja cadangan. Kita hari ini belum satu pun cadangan kita tolak.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Daripada mana?

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Daripada mana-mana sahaja.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Maksudnya mesti ada tempat yang mana usahawan itu sendiri boleh pergi untuk berdaftar kah atau melalui proses *pitching* kah. Ha! Okey, itu yang hendak tanya itu.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Kita dah wujudkan Pusat Sehati Usahawan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bagi nombor telefon Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Di situ kita menerima sebarang bentuk maklum balas dan cadangan, apa sahaja untuk dibawa ke pusat untuk kita memberi perhatian. Tidak cukup di situ, pintu Kementerian Pembangunan Usahawan di Kuala Lumpur dan Putrajaya sentiasa membuka ruang untuk mendengar. Kita juga membawa, kadang-kadang itu idea itu datang kepada kami sendiri untuk memastikan usahawan ini fokus kepada apa yang hendak mereka lakukan yang boleh memberi impak yang tinggi dalam menyumbang pembangunan ekonomi negara secara keseluruhan. Contoh saya hendak bagi contoh.

■1710

Hari ini, adakah kita sedar disebutkan tadi gaharu. Kenapa gaharu tidak boleh dipasarkan, tidak boleh diperluaskan pasarannya tetapi permintaan gaharu seluruh dunia meningkat. Kenaf contohnya, meningkat digunakan untuk komponen automotif dan buluh, contohnya. Kita sedang dengan secara sehari ke sehari kementerian juga memanggil usahawan-usahawan ini mari berkecimpung dalam industri buluh, pasarannya begitu besar, teknologinya ada. Kita juga sarankan kepada usahawan-usahawan ini untuk mengambil peluang dengan disebutkan tadi IR 4.0.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** [Bangun]

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Banyak aktiviti usahawan kita boleh wujudkan. Antaranya, bidang usahawan untuk mempertingkatkan infrastruktur sendiri pun begitu banyak. Ya, Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri, jangan lupa jawab yang wanita itu pula.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Wanita itu, wanita itu...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Wanita itu belum lagi, belum jawab lagi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sedikit sahaja.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Wanita itu kita ada *specific scheme, insya-Allah* Yang Berhormat Parit Sulong. Kalau baru-baru ini disebutkan sekali lagi, kita wujudkan dana khas dipanggil oleh SME Bank untuk- dipanggil MySMELady. Setiap...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Berapa banyak jumlahnya?

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Setiap pinjaman itu ada *limitnya* RM1 juta setiap permohonan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Sedikitnya RM1 juta.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Tidak. Setiap permohonan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, okey.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Okey.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** *Dilimitkan* RM1 juta untuk eksport, untuk kain tudung itu hendak cantik-cantikkan lagi, itu kita bantu. Macam mana kita hendak *brand it up?* Kita bagi dia bantuan *soft interest* ataupun dengan kadar yang kurang.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sedikit. Bajet 2018 tahun sudah memberi perhatian yang cukup besar kepada usaha membangunkan PKS dengan peruntukan melebihi RM20 bilion. Kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, dahululah ya. Beliau berkata, "*Peruntukan itu merupakan satu jumlah yang besar buat julung kalinya*". Ini bererti pada tahun sudah, PKS dapat RM20 bilion, pada tahun depan PKS dapat RM17.94 bilion. Adalah amat sesuai daripada RM17.9 bilion itu dibagi kepada belia RM1 bilion tadi. Sedikit sahaja itu kalau kita hendak kira keseluruhan PKS. Jumlahnya RM1 bilion daripada RM18 bilion itu sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Bunyi macam besar tetapi sebenarnya tidak banyak.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Ya, betul, betul. Yang Berhormat Pontian, terima kasih. Kita lihat hari ini kita tidak ada *marker* untuk menentukan banyak atau lebih. Kita lebih kepada- kalau kita tengok *the National Entrepreneurship Framework* ini yang telah pun dilancarkan, yang ada *publishkan* di *website*, kalau kita lihat kita ada *outcome*, tidak guna

kita sebutkan RM4 bilion dalam penggal 2019 ini. Tidak guna kita sebut RM4 bilion kalau kita tidak boleh *define* ia punya *outcome*. Apa yang mustahak itu, *outcome*. Bukan lebih, bukan kurang.

Kita ada *outcomes* tertentu. Contoh dalam masa lima tahun, kita boleh wujudkan peluang pekerjaan di luar negara sebanyak 50,000. Banyak itu. Adakah kita sanggup memenuhi permintaan di negeri Jepun, di mana membuka peluang kepada rakyat Malaysia bekerja di negeri Jepun dengan gaji yang minima lebih kurang RM5,000? Adakah orang-orang negara ini mahu belajar bahasa Jepun atau membudayakan usahawan mereka di negeri luar?

Mereka boleh kembali ke Malaysia dengan membawa budaya itu untuk menjadi *anchor group* untuk membangunkan daya usahawan yang lebih di negara kita sendiri. Itulah fungsi kita sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan. Kita ini bukannya, saya ada RM1, saya bagi Yang Berhormat Parit Sulong RM1, tidak begitu. Kita gunakan RM1 itu untuk membantu supaya boleh ada *value* RM100 ataupun RM1 juta, contoh.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri, saya bagi contoh. Bukan saya cakap fasal saya punya sahaja.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Ya, saya pun bagi contoh juga. Saya bagi contoh hendak menerangkan tadi fungsi kita tadi itu. Oleh sebab saya tengok tadi kita berkisar dari segi kurang peruntukan, macam mana kita hendak membangunkan usahawan. Jadi, saya terangkan tadi macam mana usaha kita untuk membangunkan usahawan, itu lagi penting. Kita akan ukur *outcomenya* selepas penggal ini. Kalau kita lihat *outcome* yang *immediate* kita sudah lihat. Ya, kita sudah lihat. Kita sudah lihat pun hari ini dengan penghantaran orang dilatih ke luar negara, dengan wujudnya...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, oleh kerana kita kesuntukan masa, saya ingat elok Yang Berhormat Menteri tamatkan di sini sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Macam ini, peruntukan masa pun sudah tidak ada Tuan Pengerusi, jadi banyak soalan saya hendak kena jawab secara butiran...

**Tuan Pengerusi:** Bertulislah.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Saya akan jawab secara terperinci dan dengan butir-butir secara bertulis. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini Tuan Pengerusi, sedikit sahaja.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Ada lagi?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sudah habis sudah. Yang Berhormat Menteri akan menjawab secara bertulis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak. Akan tetapi had saya ini Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, kita ada dua lagi kementerian dan hari ini hari Khamis.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Tuan Pengerusi, bagi dia sedikit sahaja, bagilah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini Yang Berhormat Menteri baik, Yang Berhormat Menteri baik.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sekejap, sekejap Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Menteri baik dan hebat, dia kena jawab ini ya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Boleh sedikit sahaja?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, kita menyebut perkataan siswazah, menyebut usahawan tetapi mari dekat Parlimen ini kita sebutlah jumlah beberapa orang. Bagaimanakah mereka siswazah yang lain yang tidak dapat peluang ini, apakah usaha-usaha yang dibuat untuk membolehkan mereka terlibat dalam peluang? Ini kita lebih meletakkan contohnya mereka ini sebagai contoh supaya orang lain tergalak untuk mengikut mereka. Akan tetapi mereka yang kita bagi galakan ini mendapat modal, mendapat kemudahan latihan tetapi yang lain macam mana? Jadi, saya lebih suka melihat *numbers*. Saya ini Presiden Renang Malaysia...

**Tuan Pengerusi:** [Ketawa]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita bukan kira prestasi tinggi, kita hendak perenang rekreasi. Demikian juga dengan siswazah ini Yang Berhormat, di samping mereka yang telah dibagi peluang, bagaimana mereka yang tidak dibagi peluang?

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Jawab sudah ya.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri, lagi satu. Cara Yang Berhormat Menteri, cara mengukur itu pun boleh kongsi kepada kita, mengukur kejayaan.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Saya hendak cabar Yang Berhormat Arau, hari ini saya mohon kalau ada 2,000 orang yang boleh daftar kepada kementerian untuk menyertai ISP, 2,000 orang...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, saya terima cabaran tersebut. Bagi tempoh seminggu, saya bagi 2,000.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, sedikit, sedikit. *Five seconds, five seconds*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Boleh tidak bagi peluang saya 2,000 Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah tamat.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri, cara pengukuran kejayaan itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Seluruh negara, dengarlah ucapan Yang Berhormat Menteri yang hebat ini bahawa mereka yang ingin mendaftar bagi nama dekat saya, saya akan bagi nama dekat Yang Berhormat Menteri, 2,000 orang.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri, boleh ceritakan sedikit fasal pengukuran kejayaan. Itu sahaja, terima kasih.

[Dewan riuh]

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Sekejap, sekejap. Yang Berhormat Menteri beritahu tadi Tuan Pengerusi, hendak beri...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Malam Jumaat itu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** ...jawapan secara bertulis. Oleh sebab kementerian-kementerian sebelum ini pun janji hendak bagi jawapan secara bertulis, sampai sekarang pun saya tidak dapat lagi jawapan-jawapan bertulis ini. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri beritahu bila hendak bagi jawapan bertulis bagi kita orang ini, Yang Berhormat ini. Minggu depan atau bulan depan? Oleh sebab kementerian-kementerian sebelum ini yang kita bangkitkan, tidak pernah hendak bagi sampai sekarang. Jadi, kita pun tertanya-tanya...

[Dewan riuh]

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Ini banyak ini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ya, bila? Bila?

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Banyak hendak bertulis ini, jadi kita akan bagi jawapan bertulis ini juga...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bila? Bila? Bila Yang Berhormat Menteri? Bila?

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Kita kena perhalusi semua soalan ini. Bagi kita masa...

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bila? Bila? Bila?

**Tuan Pengerusi:** Saya akan teruskan...

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, lanjutan apa yang sahabat saya beritahu, ini sebenarnya memang mudah kita pihak-pihak Yang Berhormat Menteri kata hendak jawapan bertulis. Kita akur, terima. Akan tetapi bukan sahaja jawapan bertulis kepada semua Ahli Parlimen yang bangkitkan, cuma kalau boleh ada *time frame*. Jadi, tidak adalah katakan macam hendak menunggu lama, macam kita ini menunggu mana jawapan, hari-hari tunggu mana jawapan bertulis. Kalau boleh, ada *time frame*.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Okey. Boleh saya jawab?

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi, mungkin sebelum habis Dewan. Sebelum habis Dewan ini dapat jawapan bertulis.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Sebenarnya- sekejap Yang Berhormat Parit Sulong, sekejap, sekejap. Sabar, sabar...

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Tuan Pengerusi, bukan pada Menteri ini, maksud saya semua Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Bagi Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Dia macam ini...

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Macam ini, saya hendak terangkan sedikit. Segala persoalan yang telah dibangkitkan sudah ada jawapan. Masanya tidak mengizinkan untuk saya *go through the list of questions and answers*. Semua sudah ada jawapan, koperasi pun ada, RM250 juta sebenarnya untuk TEKUN, bukan RM100 juta. Kita ada dana dalaman TEKUN RM250 juta campur RM100 juta, RM350 juta, bukannya RM100 juta.

Jadi, kita kena faham, RM100 juta itu untuk kita pemudah cara tetapi pulangan daripada apa yang telah kita keluarkan TEKUN contohnya, RM250 juta itu kita masukkan, kita satukan jadi RM350 juta. Sebenarnya, lebih daripada peruntukan yang diadakan untuk *microentrepreneur* daripada tahun-tahun yang lepas. Akan tetapi itu adalah bentuk jawapan bertulis. Jadi kalau hendak, kita bagi ini semua salinan jawapan ini dalam masa seminggulah.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ini baru Yang Berhormat Menteri yang *gentleman*.

**Tuan Pengerusi:** Sila duduk, sila duduk Yang Berhormat. Kalau tidak, tidak habis. Sekarang saya hendak baca. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM196,408,800 untuk Maksud B.26, di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*



*[Wang sebanyak RM196,408,800 untuk Maksud B.26, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM323,895,000 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM323,895,000 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]*

■1720

**Maksud B.27 [Jadual] -  
Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2019] –**

**Tuan Pengerusi:** Seterusnya, Kementerian Kerja Raya. Kepala Bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P.27 terbuka untuk dibahaskan. Ramainya, kita ambil senarai ya. Yang pertama...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Sini, senarai...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya sudah *booking*.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tidak ada senarai ya. Tidak ada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian dulu?

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ipoh Timur.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Rasah.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tidak payah, Yang Berhormat Rasah sakit hari ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya tengok sebelah sini. Kita balik ke sana. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Selayang, nombor dua.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong.

**Tuan Pengerusi:** Kita balik di sini, Yang Berhormat Arau.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Arau sudah cakap hari-hari.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Arau tidak apa, Yang Berhormat Arau.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Arau sebelah sini.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Rasah.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Arau, malam-malam.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ipoh Timur.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Hulu Langat.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ipoh Timur ya, yang dekat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bagan Serai. Kena adil. *[Disampuk]* Bagi GPS duduk, GPS, Yang Berhormat Petrajaya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** .Yang Berhormat Kota Tinggi, duduklah, tidak payah bahaslah hari ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Parit Sulong ya.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Lepas Yang Berhormat Parit Sulong, Ipoh Timur ya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jeli.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ada *support* Ipoh Timur?

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Ipoh Timur...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ada sokongan. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jelutong.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Parit.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jelutong.

**Tuan Pengerusi:** Sebentar, sebentar, Yang Berhormat Parit ya.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tebrau.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jelutong, Jelutong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pontian sudah ada.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Banyak jalan berlopak-lopak di kawasan saya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Rasah.

**Seorang Ahli:** Habislah Yang Berhormat Kota Tinggi bolot semua.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sibuti ya. *[Dewan riuh]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jelutong, Jelutong.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Rasah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Jelutong, okey. Terima kasih, *steady*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong, jangan lupa.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi terima kasih, Tuan Pengerusi *handsome* hari ini.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Kapar, Tuan Pengerusi yang budiman, Kapar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kapar baru masuk ya? Sebentar, sebentar. Sebelah sini PAS, tidak ada PAS? Tidak ada?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak ada.

**Seorang Ahli:** Habis, sudah habis.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Sini, Rasah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Lanang.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Rasah.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Kuching.

**Tuan Pengerusi:** Nanti dulu.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Rasah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Rasah ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Petrajaya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tebrau.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Banyak hendak cakap ya? Nama aku tidak naik?

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tebrau.

**Tuan Pengerusi:** Ramai ini, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tebrau. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kapar ya. Yang Berhormat Selayang sudah saya masuk tadi Yang Berhormat Selayang.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Dan Yang Berhormat Labuan.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Bandar Kuching.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bandar Kuching sudah saya tulis tadi, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu ya.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bandar Kuching duduk, sudah tulis duduk. Yang Berhormat Arau duduk. Berapa kali lagi hendak...

**Seorang Ahli:** Duduk Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** / hendak cakap dulu.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Duduklah, nanti panggil. Sudah tulis.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Arau, sudah tulis, sudah tulis sudah. Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Arau.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Yang Berhormat Jerai.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Arau dulu. *[Dewan riuh]*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tebrau.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Hulu Selangor.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Merbok.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Merbok. Ada yang tertinggal, tidak? Semua sudah.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apa yang menyibuk ini?

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Taiping.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Taiping.

**Seorang Ahli:** Semua lima minit ya?

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tebrau.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tebrau, belum lagi Yang Berhormat Tebrau. Ada 23 orang. [Dewan riuh]

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Lima minit seorang Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, itu cadangan yang baik. Lima minit seorang. Kalau tidak, tidak habis. Lima minit seorang. [Dewan riuh] Lima minit cukup, mencukupi. Jadi saya menjemput Yang Berhormat Pontian.

#### 5.24 ptg.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara pertama selenggaraan fasiliti bangunan dan juga cerun. Saya ingin bertanya apakah kaedah-kaedah terkini supaya konsep *value for money* dan penggunaan teknologi terkini untuk memastikan cerun dan juga senggaraan bangunan itu dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Kedua, kaedah pemberian perolehan. Saya ingin bertanya supaya tender terbuka yang dikatakan oleh Menteri Kewangan mesti ada syarat taraf bumiputera untuk projek-projek yang tertentu. Saya ingin bertanya berapa peratus kah untuk projek diberikan kepada syarikat-syarikat yang bertaraf bumiputera?

Perkara ketiga, Lebuhraya Pan Borneo, RM2 bilion diperuntukkan. Setakat mana perbincangan sama ada melalui Brunei atau melalui kawasan selain Brunei, Limbang, Lawas itu telah dimuktamadkan? Lebuhraya sepanjang 2,083 kilometer ini tentunya ada banyak R&R Yang Berhormat Menteri dan saya ingin mengetahui berapa banyak R&R dan tentunya ada ramai usahawan-usahawan tempatan yang boleh menggunakan R&R tersebut. Adakah kerajaan mengalami masalah kewangan, adakah Lebuhraya Pan Borneo ini akan diteruskan mengikut jadual ataupun ada bahagian-bahagian yang terpaksa ditangguhkan?

Perkara keempat pembinaan jalan dan jambatan RM187 juta di kawasan Pontian ini, daripada Bandar Pontian ke sempadan Batu Pahat terdapat beberapa jambatan lama yang agak sempit. Ia menjadi *bottleneck* kepada kenderaan kerana jalan sudah besar tetapi jambatan masih sempit. Saya harap dibesarkan tanpa dibuat jambatan baru. Sekarang ini sudah ada dua lorong ya, kalau kita campurkan lorong motosikal jadi tiga lorong. Saya pohonkan antara Pontian ke sempadan Batu Pahat itu dijadikan empat lorong. Begitu juga Benut ke Simpang Renggam ada lorong motosikal. Saya lihat ada jalan-jalan baru, RM327 juta dengan pinjaman RM1 bilion di bawah Butiran 81000.

Kelima pampasan tol. Pada tahun 2018 dalam buku ada RM448 juta tetapi pada tahun 2019, RM0 juta. Sedangkan Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyebut bahawa tiada kenaikan tol. Di mana dapat duit untuk pampasan tol ini jika di dalam buku ini tidak ada dinyatakan. Yang Berhormat Damansara dalam video sebelum PRU-14 membuat kenyataan-kenyataan yang cukup meyakinkan bahawa tol di Malaysia ini boleh dimansuhkan. Akan tetapi apabila Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa untuk ambil alih semuanya memerlukan RM400 bilion. Bila agaknya tol di negara Malaysia ini boleh dihapuskan dan atau dikurangkan?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Jelutong minta laluan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dengan subsidi yang tertentu...

**Tuan Pengerusi:** Lima minit saja ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Jelutong cabar, hendak minta laluan, boleh bagi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Jelutong, ini lima minit. Kalau 10 minit saya bagi.

**Tuan Pengerusi:** Lima minit saja Yang Berhormat Jelutong. Sila duduk, tidak diberi kesempatan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Jadi, oleh kerana itu saya harap kerajaan sekarang mengikuti kerajaan yang dulu. Ada beberapa tol yang kita mansuhkan dan saya harap ada senarai tol-tol yang akan dimansuhkan ataupun dikurangkan dalam masa beberapa ketika yang akan datang ini. Perkara yang akhir penyelenggaraan jalan. Ada empat tajuk dalam buku ini. Adakah ini di bawah MARRIS atau Malaysia Road Registration Information System atau Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia.

Dalam satu mesyuarat kewangan negara yang saya turut bersama di MOF satu ketika dulu, Yang Berhormat Pekan telah membuat satu keputusan di hadapan Menteri-menteri Besar bahawa wang MARRIS ini boleh juga digunakan untuk membaiki jalan kampung, boleh membaiki jalan taman, boleh membaiki jalan-jalan negeri. Bukan hanya jalan JKR persekutuan. Saya harap ianya akan diteruskan sebab keperluan membaiki jalan ini bukan hanya jalan persekutuan tetapi jalan-jalan yang saya sebut termasuklah jalan-jalan yang di luar bandar.

Saya ingin tahu berapa syarikat konsesi yang diberi untuk penyelenggaraan jalan ini dan saya harap konsesi itu hendaklah dipendekkan, bukan sehingga 15 tahun tapi saya harap konsesi itu mungkin lima tahun lepas itu dilanjutkan jika ia *perform*. Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kali pertama saya mengikut waktu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Selayang.

#### 5.28 ptg.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam masa lima minit saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang Butiran 050600 – Penyelenggaraan Bangunan Guna Sama Kerajaan Persekutuan, yang mana kita melihat peruntukan di kurangkan RM83 juta, sebanyak 46.63%, adakah ini atas sebab penjimatan atau ini bermakna bahawa penyelenggaraan bangunan Kerajaan Persekutuan tidak akan mengadakan piawaian seperti yang dulu, kita melihat seperti bangunan di mahkamah. Baru-baru ini hakim hendak bergotong royong untuk bersihkan mahkamah dan tandas dan juga kamar bilik juga tidak ada *air con*. Saya harap ini bukan sebab kurangkan bajet tetapi ini adalah satu cara baru untuk jimatkan kos.

#### ■1730

Sama juga dengan Butiran 050700 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Begitu juga Butiran 050800 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia di mana kita melihat kekurangan berbanding dengan tahun 2018 untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kekurangan RM50 juta sebanyak 71.43 peratus. Manakala untuk Semenanjung Malaysia, kekurangan RM250 juta iaitu 75.6 peratus. Ini adalah satu kekurangan yang besar. Seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat Pontian, adakah ini bermakna jalan Persekutuan tidak akan dapat diselenggarakan dengan turap? Jadi akan ada lebih jalan berlubang atau apa yang kita melihat tentang kekurangan penyelenggaraan.

Saya juga kluatir ialah tentang Butiran 050900 dan juga Butiran 051400. Ini ialah tentang penyelenggaraan cerun. Kita tahu bahawa kalau kita tidak mengadakan selenggaraan untuk cerun, ini akan akibatkan dengan tanah runtuh dan sungguh bahaya. So, saya meminta penjelasan, adakah peruntukan yang sedia ada di dalam bajet ini cukup untuk memberikan penyelenggaraan kepada cerun di jalan raya yang tidak akan membahayakan pengguna.

Di dalam kurang dua minit juga, saya hendak menyentuh tentang Butiran 051700 – Pampasan Tol di mana kita melihat tidak ada peruntukan untuk membayar pampasan. Mengenai kenyataan sebelum ini bahawa kita akan menghalang kenaikan tol dan tidak akan membebankan pengguna jalan raya, adakah ini bermakna ini tidak akan dibuat pada tahun 2019?

Ada satu perkara juga ialah tentang ada satu kapsul masa yang ada di kawasan Rehat dan Rawat Rawang, Lebuhraya PLUS yang telah ada pada 8 September 1994 oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang hendak dibuka pada 31 Mei tahun ini. Mengikut PLUS, belum ada arahan daripada kementerian. Saya meminta penjelasan, adakah kementerian akan memberikan arahan supaya kapsul masa ini dibuka oleh Perdana Menteri yang baru juga.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Akhirnya ialah tentang Butiran 60000 iaitu Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan. Saya telah meminta beberapa kali sebelum ini tentang Jalan Persekutuan FT.3209 untuk peruntukan untuk melebarkan jalan. Saya harap kali ini Yang Berhormat Menteri boleh memberikan peruntukan untuk melebarkan jalan di sana yang telah ditunggu oleh penduduk selama 20 tahun. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Selayang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau, jangan bagi tazkirah ya.

**5.34 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, kurang-kurang Yang Berhormat ingat saya tetapi *intro* kena bagi juga Tuan Pengerusi. MARRIS, Tuan Pengerusi. MARRIS kita tahu bahawa saya dapat maklumat daripada Yang Berhormat Petrajaya, bekas Menteri JKR, peruntukan ini daripada Kementerian Kewangan. Dia bagi kepada negeri kemudian diselenggarakan dan dilaksanakan oleh JKR negeri. Makna kata JKR masih terlibat dengan Yang Berhormat Menteri.

Sekarang ini oleh kerana dibenarkan seperti Yang Berhormat Pontian sebut, dibenarkan untuk selenggaraan jalan kampung. Macam Perlis ini, banyak jalan kampung. Boleh kata hampir seluruh Perlis ialah jalan kampung. Sebagai contoh, saya bagi contoh. Negeri-negeri lain boleh ikut perkara yang sama. Kita minta kalau sekiranya dibenarkan jalan kampung, bererti kelas 'F' boleh bersama. Kelas 'F' ini projek RM20,000 sampai ke yang telah ditentukan.

Jadi kalau sekiranya kelas 'F' itu dilibatkan, dalam keadaan sekarang ini, jangan cakap pasal keadaan masa lain, keadaan sekarang yang tertekan kehidupan di peringkat bawah sana, maka inilah masa untuk kerajaan mengagihkan banyak projek kepada kelas 'F'. Yang Berhormat Menteri, kalau kelas besar ini dia dapat satu projek, dia boleh berehat tetapi kelas 'F', kadang-kadang tunggu setahun tak dapat., nak memperbaharui lesen pun tidak ada duit untuk nak memperbaharui lesen.

Jadi kita wakil-wakil rakyat kena melihat perkara ini kerana kalau mereka dah tak ada, kita kena tolong mereka tetapi kerajaan negeri boleh. Contohnya macam apa yang berlaku di Perlis baru-baru ini, projek MARRIS sebagai contoh RM8 juta. Saya tengok yang telah *diviralkan*, dibagi kepada empat orang. Makna kata empat orang, seorang RM2 juta. Empat kali dua, RM8 juta. Akan tetapi kalau kita bagi kepada kelas 'F', kita boleh bagi kepada 400 orang. Satu orang RM20,000.

Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Menteri berilah nasihat kepada JKR negeri, bagi perhatian kepada kelas 'F'. Oleh sebab di samping kita mementingkan jalan, kita juga penting orang yang menggerakkan ekonomi di peringkat bawah. Kalau kelas 'F' ini mempunyai pendapatan, ekonomi pertengahan ini digerakkan oleh mereka dengan lebih hebat. Pernah masa ekonomi kita merudum dulu, bila pelaburan kerajaan masuk, kerajaan berjaya menyuntik sampai tiga *percent* pertumbuhan kepada sektor ekonomi.

Kalau sekiranya kelas 'F' ini hidup, maka hiduplah perniagaan di peringkat pertengahan, maka adalah rangsangan ekonomi. Saya minta supaya dipertimbangkan kelas 'F' Yang Berhormat Menteri untuk semua projek MARRIS. Kena nasihat kepada kerajaan negeri tidak boleh bagi kepada empat kontraktor tetapi bagilah kepada 400 kontraktor. Kalau kami Ahli Parlimen dipertimbangkan oleh pihak kerajaan kepada kami Ahli Parlimen, sudah pasti kami akan bagi projek-projek RM20,000 supaya kelas 'F' boleh manfaat daripada program tersebut.

Keduanya ialah di bawah Butiran 050900 '500'. Tuan Pengerusi masa itu mungkin masih kecil, belum menjadi Ahli Parlimen. Saya sudah jadi Ahli Parlimen, tahun 1986 dan saya jadi Ahli Jawatankuasa PAC. Bila kita panggil *East-West Highway*, kita tanya, dia terpaksa buat cerun lebih mahal daripada buat jalan. Satu cerun kita terkejut, terpaksa dibelanjakan sehingga RM10 juta ke RM15 juta untuk satu cerun di *East-West Highway*.

So bila kita tanya Ketua Pengarah JKR masa tersebut, saya lupa namanya. Ini sudah lama. Saya tanya kenapa cerun ini sekarang baru nak diperbaiki? Ini kerana masa pembinaan jalan dulu, mereka hanya buka jalan dan terus buat jalan tanpa melihat cerun. Akhirnya berlaku runtuhan, kematian dan sebagainya. Cerun itu terpaksa dibaiki yang berharga tersebut.

Bila kita tanya soalan, kenapakah kamu tidak buat cerun ini? Dia kata inilah kali pertama Kerajaan Malaysia, JKR terlibat dengan *highway*. Sekarang ini sudah pasti pengalamannya yang luas dan luar biasa, cerun ini dapat dibuat dan dimasukkan kepada harga tender. Jadi soalan saya sekarang ini adalah, apakah boleh pihak kerajaan memikirkan dan menetapkan *buffer zone* supaya kerajaan negeri yang tidak membuka tanah di kawasan yang terlibat dengan cerun. Ini macam di Cameron Highlands. Saya percaya kawasan ini cukup bahaya oleh sebab kita melihat cerun dan kita melihat ada pokok. Akan tetapi di belakang pokok itu sudah dibuka untuk ditanam sayur dan sebagainya.

Jadi JKR sendiri meletakkan kawasan *buffer* untuk membolehkan tanah runtuh tidak berlaku dan sebagainya. Tanah runtuh masih berlaku dan ia melibatkan cerun. Jadi kita minta supaya JKR bagi syarat bahawa kalau sekiranya mereka nak buka tanah, mesti mendapat kebenaran daripada JKR sebab ia akan melibatkan cerun. Di cerun ini saya cadangkan Tuan Pengerusi, ditanam pokok-pokok renek, pokok yang boleh menjaga akar dan dalam masa yang sama juga memberi kecantikan yang luar biasa.

Kemudian akhir sekali Tuan Pengerusi, ialah kuarters JKR. Yang Berhormat, kuarters JKR di mana-mana, ada yang kosong, ada yang dibagi kepada NGO dan sebagainya. Saya nak syorkan supaya kuarters JKR ini jangan dibiarkan begitu. Semua kerosakan berlaku, bila dah rosak baru kita nak perbaiki memang mahal. Akan tetapi kalau kita perbaiki tiap-tiap hari sedikit demi sedikit, tidak ada kerosakan boleh berlaku. Jadi ini memang lumrah alam. Kalau kita jaga elok-elok, sedikit demi sedikit dia akan elok. Jadi saya cadangkan kuarters JKR ini bagi sesetengah tempat dijadikan *homestay*.

#### ■1740

Kita bagi kepada pihak yang berminat untuk dijadikan sebagai *homestay* sebab banyak kuarters JKR ini berada dalam kawasan strategik di pekan. Jadi sudah pasti orang susah untuk mendapatkan hotel ataupun terlampau mahal hotel, kenduri berlaku banyak, tidak ada tempat hendak disewa dan sebagainya sebab sekarang ini kenduri semua orang suka buat masa musim cuti. Walaupun saya dah nasihat dulu jangan buat kenduri masa musim cuti sebab orang terlampau ramai nak makan kenduri, akhirnya kenduri kita orang kurang mari. Buat masa musim tak cuti, sudah pasti seekor lembu pun tidak cukup. Akan tetapi musim tak cuti ini, separuh yang datang.

Jadi kita buat *homestay* Tuan Pengerusi dan kita akan jadikan tempat yang menarik supaya semua sekali kuarters JKR nampak bukan tempat didiami oleh orang-orang yang hantu ataupun orang-orang yang menggunakan untuk tujuan benda-benda yang lain.

Jadi Tuan Pengerusi, saya sokong ini, kami semua, puak-puak kami ini menyokong, tidak ada undi-undi lagi peruntukan kepada pihak kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Maka diluluskan sekarang, tidak payah bahas lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi kita hendak supaya dipergunakan dengan sebaiknya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau ini tiap-tiap hari ada cadangan yang luar biasa. Semalam saya duduk sini, dia cadangkan di mana ibu kota bergilir-gilir. Tahun ini Ipoh jadi ibu kota, tahun depan Batu Pahat jadi ibu kota, Teluk Intan jadi ibu kota. Hari ini dia cadangkan kuarters JKR jadi *homestay*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi setuju tak dengan saya?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya tak taulah, ini pandangan luar biasa, *extraordinary*. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Padang Serai, sila.

**5.41 ptg.**

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada Padang Serai. Butiran 020300 – Pengangkutan Jalan dan juga 020400 – Jalan Keselamatan Jalan Raya.

Tuan Pengerusi dan Menteri, mohon memberi perhatian jalan-jalan di kawasan Parlimen Padang Serai terutama sekali Jalan Padang Serai ke Pekan Lunas, masih mempunyai masalah jalan raya yang sempit, tiada lampu jalan, kerap berlaku kemalangan, yang ada hilang nyawa, mohon beri perhatian. Jalan Paya Besar, bukan Paya Besar sini ya, ini Paya Besar di tempat saya. Di kawasan saya didapati jalan sempit, haruslah diberi perhatian dari satu *lane* ke *double lane*. Di kawasan tersebut mempunyai lebih kurang 20 taman sepanjang jalan, penduduk yang padat, kerap kali berlaku kemalangan dan ada yang hilang nyawa. Mohon ambil perhatian dan atasi masalah tersebut.

Seterusnya jalan dari Kulim Hi-Tech Park ke Taman Mutiara, masih memerlukan perhatian yang serius terutama membesarkan sepanjang jalan dan adakan lampu-lampu jalan. Untuk pengetahuan Menteri, penduduk di kawasan adalah pekerja kilang yang ulang-alik siang dan malam. Mohon Menteri memberi perhatian.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Ada orang kerja dekat kilang ya. Dia memberi produk untuk negara. Tuan Pengerusi dan Menteri, lampu-lampu isyarat iaitu *traffic light* dengan izin perlu ditambah di kawasan Parlimen Padang Serai, di simpang Taman Sipulai dan juga Kampung Padang Cina. Seterusnya di kawasan Sungai Karang, perlu adakan lampu isyarat, *traffic light* memandangkan kawasan tersebut terletak dengan taman, sekolah rendah, sekolah menengah, balai polis, masjid, kerap kali berlaku kemalangan. Mohon kementerian ambil perhatian.

Mohon mengambil perhatian kementerian sepanjang jalan raya didapati longkang-longkang tidak dibersihkan atau ditambah. Apabila hujan didapati pengaliran air menjadi masalah. Harap pihak kementerian memberi peluang ataupun memberi kebersihan keliling kiri kanan jalan tersebut supaya tidak ada masalah apabila hujan dan sebagainya.

Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri, ambil perhatian yang serius.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Petrajaya.

**5.44 ptg.**

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang saya untuk berbahas di peringkat Jawatankuasa. Saya akan hanya menyentuh dalam lebih kurang empat perkara berhubung kait dengan 01200 dan juga 020100 iaitu Dasar dan Pengurusan Korporat.

Saya hendak mengetahui di mana arah tuju kita berhubung kait dengan ITS iaitu *Intelligent Transport Systems* di mana Kementerian Kerja Raya menjadi peneraju yang mana kita sudah pun tubuhkan jawatankuasa dan pada saya ini bukan sahaja merupakan satu yang perlu dilaksanakan tetapi pada masa yang sama kita memerlukan komitmen dan penglibatan daripada semua kementerian dan agensi kerajaan lain untuk memastikan bahawa kita dapat melaksanakan khususnya di bandar-bandar utama kalau dapat dimulakan pelaksanaan ITS ini. Oleh sebab masa depan dengan IR 4.0 di mana *autonomous vehicle* dan sebagainya, sudah pasti kalau infrastruktur kita tidak dapat disiapkan, kita akan menghadapi masalah pada masa akan datang.

Kedua, berhubung-kait dengan penggunaan teknologi dalam sektor pembinaan. Sudah pasti waktu saya dulu pun kita menghadapi cabaran untuk meluaskan penggunaan IBS. Begitu juga untuk memastikan BIM disebarluaskan. Dengan adanya *pre-approved plan* yang telah dilaksanakan oleh JKR, satu yang saya kira boleh membantu sektor pembinaan di negara kita.

Saya amat mengharapkan perkara ini akan diteruskan dan kita kena mempercepatkan supaya sektor pembinaan ini akan menggunakan IBS dan seterusnya BIM supaya kita akan bukan sahaja meningkatkan kemahiran pekerja kita tetapi juga kemahiran



dan *knowledge* profesional kita dan akhirnya barulah kita akan dapat bersaing bukan sahaja di peringkat rantau Asia ini tetapi juga dapat bersaing di peringkat dunia. Kesannya sudah pasti sektor pembinaan akan dapat menjadi lebih kompetitif, *sustainable* dan yang lebih penting ialah *cost effective* dan *cost efficient*.

Perkara ketiga Yang Berhormat Menteri, waktu perbahasan di peringkat Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa mulai tahun 2019, semua dasarnya adalah berhubung-kait dengan tender terbuka. Kalau tidak silap apa yang saya dengar dalam rumusan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan bahawa dalam proses tender terbuka nanti, ia akan dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan dan setelah diputuskan barulah akan diserahkan kepada kementerian ataupun agensi-agensi pelaksana.

Saya mohon Menteri dapat menyemak dengan Menteri Kewangan, adakah ini merupakan dasar baru ataupun adakah dasar ini sudah pun diluluskan oleh Kabinet. Amalan yang dulu, tender dilaksanakan oleh agensi pelaksana tidak kiralah sama ada JKR ataupun agensi yang lain di mana mereka akan mengikut segala garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan. Ini penting disebabkan supaya ia ada dari segi *governance*, adanya *check and balance* dan kalau semuanya dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan, ia sudah pasti akan menimbulkan beberapa permasalahan dalam peringkat pelaksanaan projek tersebut. Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri akan dapat menyemak dan melihat kembali perkara ini.

Akhirnya ialah berhubung kait dengan aduan daripada sektor pembinaan itu sendiri. Yang Berhormat Menteri sudah pasti menerima surat daripada Kementerian Kewangan mengatakan bahawa mana-mana projek dulunya di bawah sama ada *selective tender* ataupun *direct negotiation* yang belum mencapai 15 peratus kena dirunding semula kalau hendak diteruskan tetapi dengan syarat kontraktor bersetuju 10 peratus diskaun. Kalau tidak projek itu ditamatkan. Jadi adakah Menteri akan berunding ataupun merayu kepada Kementerian Kewangan supaya memberi fleksibiliti kepada JKR sebab jangan kita andaikan bahawa semua projek itu akan mendapat keuntungan lebih daripada 10 peratus.

Kalau itu andaiannya, maka ia akan memberi risiko kepada projek itu sendiri dan risiko itu akhirnya akan ditanggung oleh kerajaan dan sudah pasti ianya bukan sahaja merugikan negara kita tetapi kita kena melihat sebenarnya kepada keseluruhan impak. Adakah langkah penjimatan hasratnya yang begitu baik, penjimatan dalam perbelanjaan kerajaan dan pulangan kepada kerajaan tetapi risikonya adakah pulangan itu akan memadai untuk melihat kepada keseluruhan sektor pembinaan itu sendiri, dari segi pulangan kepada negara kita.

Jadi kalau dapat saya melihat Menteri dapat berbincang dan melihat supaya ada fleksibiliti sebab lain-lain tempat keuntungannya mungkin berbeza, skop kerjanya berbeza dan ini perlu diperincikan supaya ianya tidak merugikan kerajaan dari segi projek itu sendiri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Petrajaya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Parit Sulong, selepas ini Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Ipoh Timur.

■1750

5.50 ptg.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Maksud B.27, Butiran 040100 – Cawangan Senggara Fasiliti Jalan. Pertanyaan saya terus adalah kepada pihak kementerian adalah sejauh manakah pihak kementerian dapat melaksanakan penyelenggaraan lampu-lampu Jalan Federal di seluruh negara, di luar bandar dan juga terutamanya di kawasan Parlimen saya?

Untuk kawasan Parlimen saya ini, sebelum saya menanyakan soalan lain, saya hendak bertanya mengenai berapa sebenarnya peruntukan yang diberikan untuk kawasan Parlimen saya? Oleh sebab saya melihat ada beberapa perkara bila lampu itu tidak menyala, terutamanya Jalan Federal, dia akan pergi berjumpa dengan wakil rakyat untuk supaya wakil rakyat yang pergi membetulkan sekiranya lampu itu tidak menyala.

Oleh sebab itulah saya minta berapa jumlah penyelenggaraan yang dilakukan kawasan Parlimen Parit Sulong. Keduanya, saya hendak bertanya mengenai status terkini

permohonan. Permohonan pemasangan lampu di jalan-jalan utama ataupun Jalan Federal yang menghadapi kesukaran sekarang ini. Oleh kerana ia telah berlaku banyak sangat kemalangan, terutamanya di kawasan FT005 iaitu daripada Peserai hingga ke Lubok sebab sebelum ini telah dibuat setengah.

Jadi, yang keduanya pula, di Batu 21 Parit Sulong hingga ke Kangkar Merlimau. Apa yang saya nyatakan ini semua adalah Jalan-jalan Federal, Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, Butiran 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan. Saya hendak bertanya pihak Menteri mengenai cara Yang Berhormat Menteri memperuntukkan peruntukan untuk menyelenggarakan struktur jambatan MTB di kawasan-kawasan di bawah JKR di kawasan Parlimen Parit Sulong.

Apakah tindakan pihak kementerian dalam memastikan saiz jambatan ini sesuai sama juga dengan apa Yang Berhormat Pontian nyatakan tadi, supaya ia dapat dinaiktarafkan mengikut keadaan semasa. Oleh sebab kebanyakan daripadanya adalah tidak sesuai lagi daripada dari segi saiz. Apabila jalan itu besar, MTB itu kecil, ada kemalangan hingga menyebabkan kemalangan maut di kawasan Parlimen Parit Sulong.

Seterusnya, kepada Butiran 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri mengenai kawasan-kawasan menaik taraf jalan kawasan saya. Saya hendak bagi contoh di kawasan Parlimen saya, Jalan Simpang Lima Parit Sulong yang dilihat memerlukan pelebaran jalan. Jadi, apakah status daripada pihak kementerian mengenai perkara ini? Seterusnya, bagi Butiran 31000 – Pembinaan Jalan dan Jambatan. Saya pernah membawa isu ini ke peringkat Parlimen dan telah membuat susulan melalui surat.

Ini mengenai isu pembinaan jalan baharu dan juga jambatan baharu ataupun *bypass* Batu Pahat yang terletak di kawasan Parlimen Parit Sulong, yang sekarang ini menimbulkan kesesakan yang amat sangat, terutamanya– ia bukannya hanya terjadi apabila ada cuti perayaan tetapi sentiasanya, terutama *peak hours*. Bila mereka hendak pergi bekerja atau balik bekerja, kesesakan itu lebih daripada– jauh, terlampau jauh sehingga sampai ke kawasan Simpang Lima. Oleh kerana itulah saya ingin bertanya mengenai status daripada permohonan yang telah dibuat sebelum ini untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, ia pernah dijadikan salah satu daripada *priority* pihak kementerian di JKR sampai ke peringkat negeri dan Pusat. Akan tetapi saya tidak tahu apa yang terjadi kerana itulah saya hendak tahu status mengenai perkara ini. Saya harap ia dapat maklum balas daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Saya kira kalau ia dapat dimaklumkan, terutamanya mengenai status-status yang lain, kalau tidak dapat dimaklumkan di dalam Dewan ini saya harap ia dapat diberikan secara bertulis kepada saya untuk makluman kami dan juga masyarakat di kawasan Parlimen Parit Sulong. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong, sekarang saya jemput Yang Berhormat Jeli, Sila.

#### 5.54 ptg.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, tiga perkara. Pertama, Butiran 80000 dan Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baru. Saya hendak tanya kedudukan pembinaan jalan ataupun Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai. Terima kasih Kerajaan Pusat kerana 1B sudah pun siap, 2A - 81 peratus sudah siap, 2B difahamkan lewat sedikit - 27 peratus. Saya hendak tanya fasa 2C dan 3A, untuk meneruskan laluan sehingga ke Kuala Krai, bila tender akan dibuka? Bila agaknya kena buat keputusan? Bila akan dimulakan pembinaan? Ini ialah salah satu *priority* untuk orang Kelantan.

Sehubungan itu juga, yang kedua ialah berkaitan dengan naik taraf jalan-jalan. Tuan Pengerusi, ada beberapa jalan yang telah dinaik taraf, satunya Chabang Tiga-Kemahang, sempadan dari Jeli dengan Tanah Merah. Ini Lebuhraya Timur-Barat, terima kasih kerana RM350,000 telah dibelanjakan untuk memperelokkan Chabang tersebut, Chabang Felda Kemahang. Akan tetapi kerja-kerja belum sempurna sepenuhnya dan saya mohon sama ada, ada lagi peruntukan untuk memperbaiki Chabang tersebut.

Seterusnya, Butiran 050800 - Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Ini adalah berkaitan dengan beberapa jalan selekoh yang berbahaya untuk lalu

lintas. Di kawasan Parlimen saya ada sembilan selekoh yang berbahaya yang memerlukan *pavement* konkrit. Kosnya cuma RM1.3 juta, sembilan kawasan semuanya. Laluan FT004, seksyen 199.800 sehingga seksyen 216.800, sembilan kawasan, peruntukan cuma RM1.3 juta.

Kawasan ini merupakan kawasan Lebuhraya Timur-Barat yang risiko kemalangan yang amat tinggi dan sering kali berlaku kemalangan. Mohon peruntukan untuk membina *pavement* ini, kosnya cuma RM1.3 juta. Seterusnya, juga Lebuhraya Timur-Barat. FT004 seksyen 231.800, 231.900 dan seksyen 850, 234.200, kosnya kira-kira RM1.8 juta. Persimpangan Shell dan juga Petronas. Di kawasan Parlimen saya, sibuk jalan ini dan mohon diperbesarkan. Ini adalah Lebuhraya Timur-Barat.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, ini berkaitan dengan banjir, satu laluan FT066A. Seksyen 37 kalau tidak silap saya, masa banjir bulan 11 dan 12, sering kali air melintasi jalan ini kerana jalan ini rendah dan keperluan cuma RM6.1 juta. Satu kilometer, ini jalan Dabong-Jeli menghubungkan Jeli dengan Kuala Krai. Mohon dipertimbangkan kerana sering kali kawasan dilanda banjir. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Jeli, sekarang saya jemput Yang Berhormat Ipoh Timur, selepas ini Yang Berhormat Parit dan Yang Berhormat Kota Tinggi.

#### 5.58 ptg.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ada dua perkara yang ingin dibangkitkan dalam perbahasan ini. Perkara pertama berkenaan dengan Butiran 051700 – Pampasan Tol. Di mana saya nampak bahawa anggaran pada tahun depan adalah kosong berbanding dengan anggaran pada tahun 2018 sebanyak RM448 juta. Saya ingin membangkitkan bahawa sememangnya kita faham bahawa atas kekangan ekonomi yang kita hadapi pada hari ini, kerajaan tidak mampu untuk menunaikan janji untuk membasmi tol dalam – seperti yang dinyatakan dalam Buku Harapan.

Akan tetapi mungkin kerajaan boleh menyatakan bahawa dalam tahun yang akan datang ini, tahun 2019, tol-tol mana yang akan sampai masa untuk satu peningkatan tol yang sekiranya dalam tahun 2019 ada lebuhraya yang sudah sampai masa untuk satu peningkatan. Sama ada kerajaan mempunyai cadangan untuk memasukkan pampasan dalam anggaran tahun 2019 supaya sekurang-kurangnya kadar tol tidak dinaikkan dalam tahun yang akan datang ini.

Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan adalah di bawah Butiran 02800 – Memperbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan, serta Butiran 71000 – Memperelok dan Membaik Pulih Jalan.

#### ■1800

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan dengan isu spesifik di sini yang mana di kawasan Ipoh, sebelum ini pejabat saya dan pejabat ADUN telah pun membangkitkan aduan hal berkenaan dengan satu masalah kecil sahaja iaitu untuk melukis semula garisan lalu lintas di Jalan Kuala Kangsar, berdekatan dengan Klebang dan juga Jalan Sultan Azlan Shah, Utara berdekatan dengan AEON Kinta City.

Jawapan yang kita dapat daripada pihak JKR daerah adalah bahawa mereka sedang menunggu peruntukan daripada JKR Pusat. Saya percaya bahawa kerja-kerja seperti ini bukan kerja yang amat besar yang memerlukan satu peruntukan yang besar. Saya sememangnya tidak faham, kenapa JKR daerah boleh menghadapi masalah peruntukan dalam satu perkara yang kecil sebegini. Sememangnya isu-isu ini juga ada dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan sebagainya, alasan yang diberikan adalah sama.

Saya ingin menasihatkan bahawa kerajaan ini adalah kerajaan baharu dan alasan bahawa tidak ada peruntukan yang mencukupi ataupun alasan-alasan yang berkaitan tidak harus diberikan. Sememangnya, perkara ini adalah amat *simple* dan senang. Sekiranya aduan diajukan pada bulan September didapati bahawa peruntukan sudah habis. Saya tidak faham apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak JKR Daerah dalam menggunakan peruntukan secara lebih *prudent* dengan izin. Dengan itu, dua perkara yang saya ingin bangkitkan Tuan Pengerusi, sekian daripada saya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Ipoh Timur. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Parit. Sila.

**6.01 ptg.**

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberikan ruang kepada saya untuk membahaskan pada petang yang bahagia ini. Saya akan menumpukan beberapa perkara iaitu Butiran 6000 – Naik Taraf Jalan Raya, Butiran 6100 – Naik Taraf Jalan-jalan dan Butiran 8100 – Membina Jalan Baru.

Sebagai mana Yang Berhormat Menteri tahu bahawa di kawasan Parlimen Parit, memang kita telah lama memperjuangkan melebar lurus jalan antara Parit dan Seputeh sejauh 13 kilometer. Ini merupakan jalan yang menghubungkan baik di peringkat daripada Beruas, Parit, sehinggalah ke Seputih untuk menuju ke Ipoh. Ia sebenarnya telah pun diluluskan oleh kerajaan terdahulu sebanyak RM75 juta. Jadi, saya mahu tahu daripada kementerian, apakah status terkini tentang pelebaran Jalan Parit ke Seputeh yang sebenarnya berliku-liku. Kalau orang Parit kata sampai 40 kilometer di situ dan selalu mendatangkan bahaya ataupun kemalangan apatah lagi ianya begitu sempit.

Jadi, saya mewakili masyarakat rakyat di Parlimen Parit mohon khususnya kepada kerajaan untuk dapat meluluskan atau melaksanakan Projek Lebar Lurus Jalan Seputeh ke Parit ini. Kedua, iaitu mengenai banjir jambatan. Jadi, saya juga minta khususnya kepada pihak kerajaan untuk dapat membina satu kelubung iaitu di Kampung Senin. Ia juga melibatkan apabila berlaku hujan yang begitu lebat, maka ia banjir kerana ia juga merentasi jalan yang sedia ada.

Begitu juga dengan jalan-jalan persekutuan yang berada di dalam kawasan Parlimen Parit yang bermula daripada Kampung Telok Perang sehingga ke Lambor. Jadi, ada jalan-jalan yang sebenarnya telah pun rosak. Ia adalah merupakan Jalan Persekutuan yang perlu diberikan keutamaan. Walaupun kita faham, kekangan-kekangan kewangan dan sebagainya, tetapi atas dasar keselamatan pengguna jalan raya, untuk mengelakkan daripada kemalangan berlaku, maka ia cukup penting.

Ketiga, alhamdulillah Jambatan Lambor Kanan–Lambor Kiri yang telah pun diluluskan, sekarang telah pun diteruskan. Ini juga merupakan satu petanda yang cukup baik untuk menghubungkan kawasan Lambor Kanan–Lambor Kiri kerana jambatan ini sedang dilaksanakan. Seterusnya saya juga ingin bertanya kepada kerajaan mengenai tol. Tol ini sebenarnya, sebagaimana yang telah pun disebut oleh dalam janji kerajaan untuk menghapuskan tol.

Jadi, saya berharap supaya pihak kerajaan dapat memberikan kata putus ataupun bentuk-bentuk perbincangan supaya tol ini dapat dihapuskan walaupun ianya secara berperingkat dan sebagainya. Ini kerana, keperluan jalan raya pada hari ini yang menggunakan tol ini cukup banyak dan saya yakin serta percaya keperluan-keperluan itu perlulah dilaksanakan, sebagaimana yang dijanjikan oleh pihak kerajaan.

Justeru itu, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih jika sekiranya pihak kerajaan khususnya yang saya sebutkan tadi iaitu Jalan Parit ke Seputeh itu diberikan keutamaan kerana ia telah pun diluluskan dan jumlahnya telah pun disebut sebanyak RM75 juta, khususnya untuk kebaikan rakyat ataupun masyarakat yang berada di kawasan Parlimen Parit. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit. Sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Kota Tinggi, selepas ini, Yang Berhormat Lanang dan Yang Berhormat Jelutong.

**6.06 ptg.**

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan Tuan Pengerusi. Pertama, berkaitan dengan Butiran 31000 – Pembinaan Jalan dan Jambatan. Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk bina baru jambatan antara Kampung Simpang dan Kampung Telok ke Kampung Sayak, itu yang pertama. Jambatan satu sahaja saya minta.

Kedua, Tuan Pengerusi, ada dua butiran yang boleh digunakan tetapi saya letakkan kedua-dua, tetapi di atas Yang Berhormat Menteri untuk tentukan permohonan saya ini masuk di bawah butiran yang mana. Pertama, Butiran 02800 – Memperbaiki, Mengganti dan Menaik taraf Jalan dan Jambatan.

Kedua, Butiran 60000 – Naik taraf Jalan Raya dan Laluan. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, terdapat dua kategori yang menjadi punca yang memerlukan pembaikan dan juga naik taraf bagi Jalan-jalan Persekutuan di dalam kawasan Parlimen Kota Tinggi ini, Tuan Pengerusi. Pertama, kerosakan disebabkan banjir dan banjir kilat. Isunya Yang Berhormat Menteri, berlaku kekerapan banjir ini kerana aras jalan yang rendah berbanding dengan keadaan di kiri dan kanan jalan raya yang sedia ada, serta tiada sistem perparitan yang dapat menampung jumlah limpahan air.

Jadi, saya mahu maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri, kalau setiap kali hujan, lebih kurang dalam 40 minit, maka sudah tentu akan berlaku banjir kilat. Tambahan pula, Tuan Pengerusi, jalan ini adalah jalan yang sangat penting, daripada mana-mana, contohnya daripada Johor Bahru dan sebagainya, pintas Kota Tinggi untuk ke Mersing. Jadi, kalau banjir, ketinggian air naik satu kaki hingga 1.5 kaki. Saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, tolong Yang Berhormat Menteri naik tarafkan jalan utama ini Yang Berhormat Menteri.

Satu, meninggikan aras jalan di kiri dan kanan yang menyebabkan akhirnya banjir itu berlaku. Ini kerana jalan rendah kiri dan kanan lebih tinggi. Kedua, untuk bantu saya bina longkang *U-drain* yang mungkin bersaiz tidak kurang daripada satu meter. Ini di mana, lokasinya Yang Berhormat Menteri, 1DFT003, Jalan Johor Bahru, Mersing. Kedua, FT099, Jalan Mawai. Ketiga, FT212, Jalan Tanjung Sedili. Ini semua jalan JKR.

Kedua, Tuan Pengerusi, kerosakan disebabkan kegagalan struktur jalan yang akhirnya menyebabkan kekerapan berlaku kemalangan. Struktur jalan yang dibina ini bebannya adalah untuk tidak melebihi daripada 20 tan. Akan tetapi, kenderaan perdagangan yang lalu di atas jalan yang akan saya sebutkan kepada Yang Berhormat Menteri ini, rata-rata muatannya melebihi 40 tan. Jadi, sudah tentulah kerosakan jalan akan berlaku. Jadi, antara jenis kerosakan yang sentiasa berlaku, dengan izin, *cracks, surface deformation, surface defects, potholes and also, edge defects*. Jadi, ini antara kerosakan-kerosakan yang selalu berlaku dan akhirnya ia menyebabkan banyak kemalangan maut berlaku.

#### ■1810

Contoh, saya mahu maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri, jumlah kemalangan mengikut data yang saya dapat daripada laporan *black spot area* bagi kawasan Parlimen Kota Tinggi.

Tahun	Kemalangan	Maut
2015	16	20
2016	27	31
2017	19	18
2018 hingga Ogos	23	16

Ini tidak masuk lagi kemalangan-kemalangan yang tidak melibatkan kematian.

Jadi, apa yang saya hendak mohon daripada Yang Berhormat Menteri, naik taraf jalan-jalan sedia ada ini, buat penjajaran semula terutama kepada selekoh-selekoh yang berbahaya dan lokasinya di FT003 Jalan Johor Baru-Mersing ; FT212 Jalan Tanjung Sedili; FT099 Jalan Lok Heng; dan itu cadangan yang dikemukakan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 050900 - Pembaikan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, saya ingat esok bila senang Yang Berhormat Menteri, datanglah ke Kota Tinggi, *you can test drive on the road sir and then* Yang Berhormat Menteri akan lebih maklumlah akan masalah yang cuba saya hendak

nyatakan ini. Terdapat banyak cerun di sisi Jalanraya Persekutuan ini terutama dalam kawasan Kota Tinggi. Satu di FT003 Jalan Johor Baru-Mersing; kedua di FT009 Jalan Mawai-Felda Sungai Mas; ketiga di FT092 Jalan Kota Tinggi-Sungai Rengit; keempat FT1402 Felda Air Tawar; dan yang terakhir ialah di FT1410 Felda Lok Heng.

Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri bantu saya kerana musim tengkujuh makin hendak sampai ini. Saya takut apabila berlaku kerosakan, akhirnya berlaku kemalangan dan sebagainya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Lanang.

#### 6.12 ptg.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh isu Butiran 050500 - Emolumen Kakitangan Kontrak.

Peruntukan dari RM620,000 telah dikurangkan sampai kosong ribu. Berapakah bilangan kakitangan kontrak di bawah Kementerian Kerja Raya pada tahun 2018? Memandangkan tiada peruntukan untuk tahun 2019, apakah rancangan untuk kakitangan kontrak yang sedia ada. Memandangkan sebanyak RM620,000 telah diperuntukkan pada tahun 2018, adakah semua kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan kontrak telah siap, jika belum siapa yang mengambil alih kerja-kerja tersebut?.

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 050700 - Penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Peruntukan telah dikurangkan daripada RM70 juta kepada RM20 juta, pengurangan bajet yang agak besar, saya risau akan menjejaskan projek penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Sarawak terutama di Sibu. Jalan Persekutuan di Sibu masih tidak begitu memuaskan dan saya mohon penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Sibu dapat dilaksanakan iaitu jalan tersebut di naik tarafkan, walaupun bajet untuk program ini telah dikurangkan.

Seterusnya, Butiran 09260 - Naik Taraf Jalan-jalan di Sarawak. Dari peruntukan RM190 juta telah dikurangkan kepada RM126 juta.

Pengurangan bajet untuk naik taraf jalan-jalan di Sarawak, saya mohon supaya jalan-jalan di Sibu dapat di naik tarafkan, memandangkan jalan di Sibu termasuk jalan-jalan di kawasan Lanang masih banyak memerlukan kerja naik taraf. Saya mohon lebih banyak MARRIS *fund* dapat diberi kepada Sibu supaya jalan-jalan yang lebih sempurna dan selamat untuk dinikmati semua rakyat Sibu dan Lanang.

Satu lagi, Butiran 82000 - Lebuhraya Pan Borneo. Peruntukan RM2 bilion, berapa kah kos sebenar yang diperlukan untuk pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan juga Sarawak. Saya dimaklumkan bahawa pampasan untuk tanah yang diberikan kepada rakyat Sabah dan Sarawak tidak termasuk dalam anggaran kos ini. Jadi, saya ingin minta penjelasan tentang jumlah pampasan yang telah diperuntukkan dalam projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dan juga Pan Borneo Sabah. Saya juga ingin tahu, berapakah jumlah peruntukan untuk Lebuhraya Pan Boneo Sarawak pada tahun 2019. Jika boleh saya minta satu senarai peruntukan yang diluluskan bagi setiap tahun oleh kerajaan sejak projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo bermula.

Saya juga mencadangkan supaya kontraktor yang tidak mengikut jadual untuk menyiapkan kerja dan tidak memastikan jalan sedia ada dalam keadaan selamat, ditukar supaya kerja pembinaan dapat disiapkan mengikut jadual dan rakyat Sabah dan Sarawak dapat menikmati *one and only highway* di Sarawak pada masa yang terdekat. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong, selepas ini Yang Berhormat Tampin.

**6.15 ptg.**

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tidak akan mengambil masa yang lama. Cuma saya ingin merujuk kepada Butiran 051100 - Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia (Bukan Pavemen).

Saya ingin menyeru pihak Jabatan Kerja Raya dan Yang Berhormat Menteri untuk memberi perhatian kepada jalan-jalan persekutuan di Jelutong. Ini kerana, ada juga banyak jalan yang berlopak dan sentiasa memerlukan penyelenggaraan.

Masalahnya di Pulau Pinang dan di Jelutong adalah khususnya kepada pertindihan kuasa ataupun pertindihan penyelenggaraan. Di mana kadangkala bila dirujuk kepada pihak JKR, sering kali saya mendapat maklum balas bahawa ianya adalah jalan di bawah penyelenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kadangkala Pihak Berkuasa Tempatan pula mengatakan jalan itu adalah Jalan Persekutuan. Jadi, saya cuma ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk kalau boleh membuat lawatan kepada jalan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri juga, Jalan-jalan Persekutuan itu sentiasa digunakan oleh pihak-pihak VIP, dengan izin, seperti Yang Amat Berhormat Langkawi dan juga Yang Berhormat daripada Port Dickson untuk datang bila sahaja ada urusan-urusan. Saya rasa, di samping itu juga, jalan-jalan tersebut sering kali juga digunakan oleh pelancong yang datang ke Pulau Pinang. So kita, ingin mempromosikan Pulau Pinang sebagai satu destinasi pelancongan yang terkenal di dunia. Jadi, pada masa yang sama saya terpanggil untuk memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri untuk memberi perhatian kepada perkara tersebut.

Satu lagi perkara yang merunsingkan saya adalah bangunan-bangunan sekolah. Apabila saya merujuk kepada pihak-pihak sekolah khususnya dua sekolah yang meminta bantuan saya adalah Sekolah Kebangsaan Jelutong Barat dan juga *Penang Free School*. *Penang Free School* ini adalah salah satu sekolah yang terkenal di Malaysia. Di mana bangunan mereka dan juga Dewan Orang Ramai sudah pun rosak dan dalam keadaan teruk, tetapi apabila kita memohon bantuan daripada Kementerian Pendidikan, mereka juga memberikan maklum balas bahawa kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan oleh pihak JKR.

So, saya di sini ingin mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri sama ada di bawah Butiran 030200 - Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur, dan juga Butiran 030700 - Cawangan Kerja Bangunan Am 1, Butiran 030800 - Cawangan Kerja Bangunan Am 2.

Sama ada apa-apa peruntukan akan diberikan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan ini. Saya menarik perhatian Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri bahawa kedua-dua sekolah ini, murid-muridnya ramai dan salah satu sekolah tidak dapat menggunakan dewan orang ramai untuk murid-murid berkumpul semasa sesi sekolah. Ini kerana dewan-dewan tersebut sudah pun mempunyai masalah anai-anai dan bumbungnya dalam keadaan yang hampir runtuh.

So saya di sini memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri untuk memberikan perhatian kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan kalau tidak ada sebarang dana yang akan dihulurkan daripada butiran-butiran ini, sama ada kerja-kerja tersebut boleh dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh. Ini kerana kedua-dua buah sekolah ini sudah pun dalam keadaan yang begitu teruk. Tuan Pengerusi, itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tampin. Selepas itu Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Rasah.

**6.19 ptg.**

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan mengambil beberapa isu sahaja yang akan saya bangkitkan ialah Butiran 040100 - Cawangan Senggara Fasiliti Jalan. Di mana kita dapati banyak jalan-jalan persekutuan yang kurang di dalam urus tadbir dengan baik. Walaupun pembiayaan fasiliti ini berkurangan sedikit.

■1820

Sekali pun banyak jalan-jalan persekutuan kurang diselenggarakan dengan baik, banyak jalan-jalan yang rosak, tepi-tepi jalan yang berlopak-lopak, rumput yang tidak dipotong, walaupun dibaiki ataupun diturap, kita dapati bahawa jalan-jalan itu tidak selesa untuk dilalui.

Perkara yang kedua yang saya hendak sebut ialah Butiran 040200 – Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan. Sekali pun tidak banyak pengurangan pembiayaan, namun banyak bangunan kerajaan yang tidak berkeupayaan untuk dibaik pulih kerana ketidakcukupan biaya bagi memudahkan urusan rakyat untuk menyelesaikan masalah mereka dalam satu bumbung.

Namun apa yang berlaku contohnya di Tampin, Jabatan Kerja Raya ditempatkan secara berasingan dan berselerakan menyukarkan masyarakat untuk menyelesaikan masalah mereka. Saya mencadangkan supaya ada satu bangunan yang khusus supaya pejabat-pejabat ini disatukan. Malah, pejabat-pejabat tersebut buat sekarang ini menyewa bangunan-bangunan yang lain yang menyebabkan aliran kewangan kerajaan itu tidak harmoni untuk diuruskan. Oleh sebab itu, bangunan yang satu untuk menyatukan pejabat-pejabat yang berselerak ini adalah perlu dilakukan khususnya di Tampin.

Perkara yang ketiga yang saya hendak sebut ialah Butiran 051300 – Penyelenggaraan dan Bil Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Jalan Persekutuan. Sekali pun biaya tidak berubah, namun pada umumnya penyelenggara lampu masih terdapat banyak kelemahan yang perlu dibaiki. Malah, terdapat percanggahan bidang tanggungjawab. Misalnya lampu jalan untuk masuk ke FELDA yang jauh, menurut bila kita berbicara dengan FELDA, FELDA kata itu urusan Jabatan Kerja Raya. Akan tetapi apabila kita bertanya dengan Jabatan Kerja Raya, itu urusan FELDA. Jadi, ini suatu percanggahan yang sepatutnya perlu diselesaikan bagi membolehkan urusan masyarakat di kawasan itu dapat kita selesaikan.

Perkara keempat yang saya hendak sebut ialah Butiran 31000, termasuk Butiran 61000, dan Butiran 80000 iaitu pembinaan jalan dan juga jambatan. Saya ingin bangkitkan tentang pembinaan jambatan yang telah disuarakan ataupun yang telah dijanjikan sejak dua kali pilihan raya yang lepas iaitu di Kampung Kurnia Diraja, malahan yang telah diisytiharkan pun oleh bekas Timbalan Perdana Menteri ketika datang melawat ke Tampin.

Saya berharap cadangan ini dapat dilaksanakan demi kepentingan masyarakat yang terlibat. Demikian juga jalan antara Bukit Jalor dan juga Gemas yang telah saya bangkitkan ketika membahaskan belanjawan ataupun Rancangan Malaysia Kesebelas dahulu sebab jalan ini telah dijanjikan oleh pemerintahan yang lepas, malahan pokok-pokok pun telah ditanda untuk dijadikan jalan menghubungkan di antara Bukit Jalor dengan Gemas. Jadi kalau boleh, dapat diselesaikan jalan ini bagi memudahkan ataupun mempercepatkan hubungan masyarakat FELDA untuk mereka pergi ke bandar Gemas itu sendiri. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sibuti.

**6.24 ptg.**

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Maksud B.27, Butiran 050700 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dilihat terdapat banyak penurunan daripada RM70 juta kepada RM20 juta. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan penyelenggaraan jalan protokol yang telah dibangkitkan oleh Datuk Bandar Miri sepanjang 72 kilometer di mana pihak kementerian telah memberi respons bahawa tidak ada lagi peruntukan yang diberi pada tahun ini. Akan tetapi, saya ingin membangkitkan agar pihak kementerian pada tahun hadapan memberi tumpuan kepada penyelenggaraan di jalan-jalan persekutuan di jalan masuk ke Miri dan juga di jalan persekutuan yang berdekatan dengan lapangan terbang agar penyelenggaraan pemotongan rumput agar kelihatan kemas. Ini kerana itu merupakan pintu masuk dan juga kita ingin memberikan imej yang baik kepada pihak kementerian agar jalan persekutuan ini diselenggarakan.



Seterusnya adalah berkaitan tentang bagi Maksud P.27, Butiran 09260 – Naik Taraf Jalan-jalan (II). Ini di mana kita melihat berlakunya penurunan sebanyak RM64 juta daripada Bajet 2018, sebanyak RM150 juta pada tahun 2019 iaitu RM126 juta. Saya ingin mendapatkan perincian dan juga justifikasi mengapa berlakunya penurunan belanjawan bagi tahun 2019.

Begitu juga saya ingin bertanya mengenai Butiran 82000 - Lebuhraya Pan Borneo, diperuntukkan sebanyak RM2 bilion. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah bajet atau belanjawan pada tahun 2019 ini digunakan untuk pembayaran pampasan terutamanya bagi jajaran Pan Borneo yang terletak di kawasan *Miri Bypass*?

Pada ketika ini masih lagi berlakunya *blockade*, dengan izin. Juga saya pernah membawa perkara ini di dalam Dewan dan juga saya berharap agar belanjawan kali ini dapat untuk membayar dan juga memberi pampasan kepada tuntutan masyarakat Kedayan dan juga Jati Miriek Miri. Juga saya tidak mahu melihat jajaran ini terbelengkalai kerana tuntutan mereka agar serius. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi kerjasama. Oleh kerana masalah ini, saya sering melihat beberapa Timbalan Menteri dan juga Menteri-menteri Persekutuan datang ke kawasan Miri Bypass untuk memberi semangat dan juga mungkin berjanji agar dapat menyelesaikan masalah ini.

Seterusnya juga saya ingin menyentuh sedikit berkenaan tentang Butiran 051200 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan (Bukan Pavemen), agar penggunaan pemotongan rumput dan juga mengecat jalan ini dapat dilakukan dengan kemas. Ini kerana sejak kebelakangan ini saya melihat jalan-jalan persekutuan agak kurang dinaiktarafkan atau dicat dengan baik dan juga pemotongan rumput pun agak kurang dilakukan sejak dalam tempoh beberapa bulan yang lepas. Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah. Selepas itu Yang Berhormat Bandar Kuching dan Yang Berhormat Kapar.

#### 6.28 ptg.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya mengambil bahagian pada petang ini. Ada beberapa perkara yang saya hendak kemukakan di bawah Maksud Bekalan dan Pembangunan 27 - Kementerian Kerja Raya.

Satu kementerian yang penting dan kita nampak daripada keseluruhan, peruntukan untuk Kementerian Kerja Raya untuk peruntukan mengurus ada pengurangan berbanding dengan tahun yang lepas. Akan tetapi, peruntukan pembangunan ia ada berlaku peningkatan enam peratus iaitu daripada RM5,760,000,000 pada tahun Belanjawan 2018 kepada RM6,115,000,000 untuk Belanjawan 2019. Tahniah kepada kerajaan sebab saya nampak banyak kementerian trendnya begini di mana peruntukan pembangunan naik walaupun peruntukan untuk mengurus berkurangan. Ini satu trend yang kita alu-alukan yang membolehkan lebih banyak projek pembangunan untuk kesejahteraan, untuk pembangunan dapat dilaksanakan.

Saya nampak di bawah Butiran 60000 - Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan; Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan; Butiran 80000 – Membina Jalan-jalan Baharu; dan Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baharu.

#### ■1830

Peruntukannya semuanya meningkat. Sehingga ke tahap hampir 50 peratus untuk Semenanjung. Satu trend yang bagi saya cukup menarik sebab peruntukan pembangunan sebegini amat dialu-alukan dan diperlukan supaya jalan-jalan tidak kira di bandar, di luar bandar, jalan-jalan Persekutuan di bawah JKR dapat diberikan perhatian yang lebih serius, yang gagal ditangani oleh kerajaan sebelum ini, dapat dilakukan oleh kerajaan baharu.

Jadi, saya hendak tanya di bawah empat butiran tersebut iaitu Butiran 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan; Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan; Butiran 80000; dan Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baharu.

Di bawah empat butiran ini yang jumlah ia lebih daripada RM1 bilion, berapakah peruntukan yang disalurkan kepada JKR di Negeri Sembilan? Saya hendak tahu jumlahnya

untuk setiap satu butiran tersebut. Oleh sebab Negeri Sembilan kita kena tahu kerajaan negerinya tidak mempunyai keadaan kewangan yang agak besar berbanding dengan negeri macam Selangor. Jadi, peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan amat diperlukan dan didahagakan untuk pembangunan infra di Negeri Sembilan.

Selain daripada itu, saya juga memohon perhatian daripada Kementerian Kerja Raya berkenaan dengan beberapa jalan Persekutuan di kawasan saya, di kawasan Parlimen Rasah yang perlu diberikan perhatian.

Pertama Jalan Labu. Jalan Labu sekarang ini masih di setiap arah, setiap laluan satu lorong sahaja. Pernah kedengaran ada cadangan untuk menarik taraf kepada setiap arah, dua lorong tetapi masih belum dilaksanakan. Jalan ini penting sebab jalan ini akan menghubungkan bandar Seremban dengan Nilai dan seterusnya menghubungkan ke arah daerah Sepang di Selangor yang merupakan sebahagian daripada *Malaysia Vision Valley*.

Jalan kedua, yang saya mohon perhatian daripada Kementerian Kerja Raya adalah jalan LBJ sebab Jalan LBJ ini akan menghubungkan Negeri Sembilan dengan Lapangan Terbang KLIA.

Jalan ketiga yang saya mohon perhatian adalah Jalan Sepang Lama yang menghubungkan pekan Nilai terus ke daerah Sepang. Jadi, adakah apa-apa rancangan daripada kerajaan untuk menaik taraf jalan-jalan ini pada tahun 2019?

Selain itu, saya juga mohon perhatian daripada kementerian berkenaan dengan Plaza *Tol Interchange Rasah-PD* yang dikenali sebagai *Exit 219*. Tol ini sentiasa sibuk, sentiasa sesak dengan lalu lintas. Apakah ada perancangan khas pada tahun 2019 untuk menaik taraf, pelebaran simpang dan sebagainya untuk mengurangkan kesesakan? Khususnya pada waktu puncak hujung minggu sebab pelancong ataupun mereka yang ingin ke PD pada hujung minggu kebanyakannya melalui tol ini dan kesesakannya adalah dijangkakan.

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan adalah di bawah Butiran 89000 - Pengambilan Balik Tanah Untuk Projek-projek Jalan/Jambatan.

Saya nampak peruntukannya berkurangan daripada RM26 juta tahun sebelumnya kepada hanya RM8 juta. Saya kaitkan tajuk ini, butiran ini dengan Jalan Lingkaran Tengah Seremban iaitu di bawah JKR Persekutuan. Setakat ini fasa 3B bahagian satu telah siap dan telah dilalui kenderaan sejak tahun lepas. Macam mana dengan fasa-fasa selepas ini? Oleh sebab fasa-fasa selepas ini turut melibatkan pengambilan balik tanah daripada tanah yang telah diberikan milik kepada individu.

Apakah ada pengambilan tanah untuk Projek Lingkaran Tengah Seremban pada tahun 2019? Oleh sebab ia terletak di kawasan saya. Maklumat yang tepat dan *precise* perlu diberikan ataupun dimaklumkan kepada pemilik tanah yang berkenaan. Sekian sahaja daripada saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sila Yang Berhormat Bandar Kuching.

**6.33 ptg.**

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tidak akan mengambil masa yang panjang.

Saya terus ke Butiran 09260 – Naik Taraf Jalan-jalan (II); dan juga Butiran 09280 - Membina Jalan-jalan, di Sarawak.

Saya cuma hendak tanya, untuk butiran tersebut ada peningkatan dalam bajet tersebut. Saya cuma hendak tanya, apakah jalan-jalan yang terlibat? Saya harap lebih kawasan pedalaman dapat dihubungkan kepada jalan-jalan besar dalam butiran ini. Dalam Butiran 09260, dalam butiran ini ada pemotongan dan saya harap pemotongan ini untuk menggalakkan *cost efficiency* atau *value for money* dan tidak mempengaruhi kualiti kerja yang dijalankan.

Saya ingin mengutarakan beberapa Jalanraya Persekutuan di Bandar Kuching yang perlukan penyelenggaraan dan *maintenance*, dengan izin. Pertama, Jalan Tun Jugah iaitu jalan dari *airport* Bandar Kuching ke bandar. Di situ adalah satu laluan VIP, di mana

kebanyakan VIP yang datang mereka akan melaluinya dan juga pelancong. Ini adalah jalan pertama yang akan digunakan oleh pelancong yang datang ke Bandar Kuching.

Kedua, Jalan Tun Razak dari Jalan Simping Tiga ke Jalan Pending. Di jalan-jalan ini banyak lori dan kenderaan berat yang menggunakan jalan tersebut dan ini akan menyebabkan kerosakan pada jalan tersebut termasuk, dengan izin, *depression into the road* dan ia sangat berbahaya kepada kenderaan kecil, terutamanya *motorcycles*.

Saya berharap kementerian dapat melihat kepada perkara ini dan *maintenance* dan kontraktor yang telah di- *that has been contracted* untuk melakukan kerja *maintenance* dengan baik. Saya ingin bertanya, apakah yang boleh dilakukan oleh kementerian terhadap kontraktor jika mereka tidak melakukan *maintenance* yang *up to par* lah, *maintenance up to par* ataupun biasanya kebanyakan mereka hanya tampal. Ada lubang, tampal sedikit dan lepas beberapa minggu masalah akan timbul semula. Jadi, apakah kementerian boleh lakukan untuk *pressure* kontraktor itu untuk melakukan kerja yang lebih baik?

Dalam Butiran 82000 – Lebuhraya Pan Borneo. Saya cuma hendak tanya tentang kontrak yang ada dengan *the main con*-LBU. Berapa yang disalurkan dan diterima oleh *main con*- LBU selepas menolak semua bayaran-bayaran kesemua *subcon* di setiap pakej yang ada di Sarawak?

Saya cuma hendak tanya, jika boleh, bolehkah JKR mengambil alih peranan ini untuk memastikan supaya semua peruntukan yang ada dapat disalurkan terus kepada kontraktor-kontraktor yang melakukan kerja tersebut. Supaya ia digunakan terus untuk rakyat dan tidak hanya untuk memperkayakan sesetengah pihak. Saya hendak tanya sama ada ini adalah satu cadangan yang lebih *cost efficient*? Jika ada kontrak dengan LBU, jika kita *open up this contract*, berapa yang kita kena bayar dan apakah tanggungan yang ada? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekarang silakan Yang Berhormat Kapar.

### 6.37 ptg.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Bekalan 27 dalam menyinggung Butiran 050800 - Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.

Melihat daripada jarak dan juga laluan jalan tanggungjawab Persekutuan ini, ia sekitar 50 lebih kilometer, 53 kilometer, begitulah. Akan tetapi yang menjadi masalahnya ia berangkai dengan jalan negeri. Ia juga memberikan banyak kesukaran kerana ada jalan yang sedikit selesa, ada jalan yang terlalu teruk, ada yang jalannya sederhana teruknya.

Jadi, apa yang saya ingin merungkaikan ialah peranan kedua-dua pihak. Di antara pihak kerajaan negeri dan juga pihak Kerajaan Persekutuan harus digembeng dan diberikan kerjasama untuk menjurus kepada jalan itu dapat dibaiki ataupun ditambah baik atas sifatnya mendapat keselesaan kepada jalan utama, iaitu Jalan Persekutuan. Keseluruhannya dan rangkaian ini juga bersabit dengan jalan-jalan kerajaan negeri. Maka, saya ingin menyarankan kepada kementerian untuk melihat sendiri bagaimana proses ini dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.

Saya juga ingin menyinggung Butiran 051700 - Pampasan Tol. Saya melihat dan saya mendengar pandangan Yang Berhormat Ipoh Timur berkenaan dengan isu pampasan tol ini. Oleh kerana sebelum ini, mengikut Bekalan 27 iaitu tahun 2018 pampasan tol ini jumlahnya hampir setengah bilion, RM448 juta. Apa maksudnya? Apakah dengan tidak langsung mengeluarkan anggaran pada tahun 2019 ini, petanda awal iaitu kerajaan bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah tol yang telah dijanjikan.

Kalau itulah keadaan dan kaedahnya, saya percaya bahawa komitmen Kerajaan Pakatan Harapan ini menampakkan kesungguhan untuk menyelamatkan separuh bilion yang kita belanjakan pada tahun 2018 itu tidak menjadi satu ukuran kepada 2019. Saya ingin penjelasan daripada kementerian, apakah maksud yang jelas supaya rakyat faham bahasa kesungguhan yang kita hendak laksanakan ini adalah iltizam yang kita janjikan dalam manifesto kita.

■1840

Kalau itulah buahnya, saya mengucapkan syabas dan saya nampak bahawa perbelanjaan Bekalan 27 ini hampir separuh setengah bilion wang itu telah dikurangkan. Syabas dan apa yang saya hendak lihat bahawa komitmen yang begitu terbaik yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Tanpa melengah waktu saya juga ingin menyinggung Butiran 08260 – Naik Taraf dan Memulihkan Jalan. Kosnya meningkat luar biasa. Hampir 100 peratus. Maksudnya, Kerajaan Pakatan Harapan ini betul-betul komited dan jalan ini menjadi jalan *facilities* begitu kritikal dan kita faham bahawa kalau bajet itu petunjuk aras mengatakan kesungguhan kerajaan itu benar-benar menyelesaikan masalah yang begitu dipandu aras dan menjadi kegelisahan rakyat keseluruhannya.

Melihat daripada bajet ini, saya tidak berlengah waktu dan segan silu memohon kementerian jalan daripada Klang yang saya sering kali berbicara dari Klang menuju ke Meru dan jalan itu jalan yang sempit, jalan satu laluan perlu di lebar luaskan untuk dapat kemudahan yang sebegitu selesa kepada rakyat Kapar. Laluan itu sebenarnya bukan sahaja rosak teruk tetapi berlubang hampir- semestinya kalau waktu hujan akan mencederakan kenderaan dan juga pemandu itu sendiri.

Kedua-duanya cedera, Tuan Pengerusi. Dua-dua cedera. Kereta cedera, orang pun cedera. Jadi, apa yang saya hendak sarankan ialah JKR Klang...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Kereta tidak cedera, kereta rosak.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Rosak dan tercedera. Kesian dia sebab kita pandu dia. Seolah-olah dia pun meminta dia diselamatkan. Jadi, apa yang saya hendak bandingkan ialah di sini saya minta JKR Klang supaya buat *report* laporan terperinci kepada Yang Berhormat Menteri. Sebab, saya tahu Yang Berhormat Menteri faham bahawa ini adalah keperluan asas yang tidak boleh dikompromikan. Dah habis dah. Jadi, saya tanpa berlengah waktu bagi seminit lagi Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa dah cukup.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Jalan daripada Klang ke Meru dan juga daripada Klang ke Kapar perlu dibuat penambahbaikan dalam keadaan jalan yang cukup kritikal. Kalau tidak percaya Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh pergi tengok sendiri. Kalau hendak *massage*, tidak payah *massage*. Balik sudah *massage*. Jadi, saya minta supaya jalan itu segera tahun 2019 di baiki dengan sebaik mungkin. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar yang cukup bertenaga.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Jangan lupa. Jangan lupa Papar. Papar dan Kapar adik-beradik.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Labuan dan selepas ini, Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sila. Cuba ringkaskan. Tidak semestinya mengguna habis lima minit. Dua minit pun boleh juga. Sila.

6.43 ptg.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 050800 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.

Saya cukup sedih dengan pengurangan yang berlaku daripada RM330 juta pada tahun 2018 kepada RM80 juta iaitu pengurangan sebanyak RM250 juta. Soalan saya ialah kenapakah berlaku pengurangan yang amat ketara dan adakah pengurangan ini nanti bakal menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya dan apakah langkah yang bakal diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah tersebut.

Ini kerana saya kembali kepada isu ini khususnya dalam suasana di Kuala Krai. Setiap kali musim perayaan atau cuti sekolah bandar Kuala Krai atau lebih tepatnya Cabang Tiga Guchil, menjadi kawasan yang paling sesak dan *jammed*. Ia menjadi lebih buruk kepada perantau dan penduduk tempatan. Hampir tiga jam diperlukan untuk melepasi Cabang Tiga ini. Kesesakan dari Jalan Gua Musang ke Kuala Krai sepanjang sekitar 15 kilometer iaitu bermula di Manik Urai. Manakala, dari Jalan Kota Bharu ke Kuala Krai ia bermula dari Machang sejauh lebih kurang 30 kilometer.

Pembinaan lebuh raya CSR yang sedang dalam pembinaan *insya-Allah* bakal mengurangkan sedikit kesesakan ini. Namun begitu, sebelum menantikan siapnya lebuh raya, saya mencadangkan supaya jalan *alternative bypass* di Bandar Guchil ini iaitu dari Batu Jong keluar ke Dusun Damar dapat dilaksanakan. Saya difahamkan sebelum ini sudah ada cadangan dibuat tetapi telah dibatalkan. Saya harap pihak kementerian dapat mengenal pasti dan mengambil perhatian sewajarnya agar isu kesesakan ini dapat diutamakan dan dikurangkan dengan segera.

Dalam butiran yang sama penyelenggaraan garisan putih di sepanjang Jalan Gua Musang ke Kuala Krai banyak yang sudah pudar dan tertanggal. Ini amat menyukarkan kepada pemandu terutama pada waktu malam dan di tambah lagi jika berlaku hujan. Banyak kemalangan maut berlaku dan ini amat membimbangkan penduduk setempat serta perantau yang pulang. Juga, saya ingin menyentuh berkaitan keadaan menampal sementara oleh syarikat konsesi. Juga, tidak lagi sesuai kerana ia adalah jalan utama yang dilalui oleh semua jenis kenderaan. Kaedah menampal ini cepat rosak dan lebih memburukkan keadaan. Ia menjadi lebih teruk apabila ia rosak. Saya mencadangkan keadaan *resurface* dibuat untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Seterusnya, saya ingin senaraikan kawasan-kawasan yang perlu diberi perhatian untuk di naik taraf. Ini kerana kawasan ini merupakan kawasan maut yang mana kemalangan kerap berlaku. Satu, simpang Kampung Gatal ataupun Kolej Vokasional Kuala Krai. Jalannya terlalu sempit perlu kepada susur simpang yang lebih selamat.

Dua, simpang depan Pantai Timur, iaitu Pasaraya Pantai Timur termasuk ke Sekolah Kebangsaan Bandar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar serta kawasan perumahan Daskoh, laluan keluar masuk yang bercelaru. Saya mencadangkan satu penyelesaian secara holistik perlu difikirkan sama ada dengan mengadakan lampu isyarat atau laluan perlu dilebarkan atau membina *divider*, dengan izin.

Ketiga, simpang Kampung Laloh/Lata Rek. Saya cadangkan sebuah jejantas untuk motosikal dan pejalan kaki termasuk juga kawasan lintasan pelajar-pelajar sekolah di sekitar laluan utama.

Keempat menaik taraf jambatan Sungai Durian termasuk simpang ke Sungai Durian. Saya juga mengambil perhatian tentang masalah *bottleneck* di atas jalan utama Kuala Krai ke Machang seperti di Batu Jong dan Sungai Durian berdekatan dengan Perumahan Polis Kuala Krai. Permasalahan ini kerana kedua-dua kawasan ini masih mempunyai jambatan yang sangat lama dan kecil.

Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 051300 – Penyelenggaraan dan Bil Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Jalan Persekutuan yang berjumlah RM30 juta. Setiap kali seperti kita sedia maklum Jalan Gua Musang – Kuala Krai FT008 merupakan laluan utama untuk ke Kelantan.

Maka, saya mencadangkan faktor keselamatan perlu ditingkatkan terutama pada waktu malam. Saya mencadangkan JKR memasang lampu di sepanjang Jalan Kuala Krai ke Gua Musang dan dari simpang Sungai Sam ke Dabong. Jika bajet menjadi halangan, saya cadangkan langkah awal lampu-lampu di kawasan persimpangan dapat dipasang.

Cadangan saya dipasang sejauh sekitar 100 meter di setiap simpang utama. Pencahayaan lampu jalan juga amat penting terutama kepada penunggang motosikal, masyarakat setempat yang menggunakan laluan yang sama. Banyak kemalangan yang berlaku sebelum ini dan melibatkan penunggang motosikal kerana penunggang motosikal tidak dapat dilihat dengan jelas oleh pemandu kenderaan.

Tuan Pengerusi yang terakhir ialah Butiran 050900 – Pembaikan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Perlu pembaikan jalan dan cerun yang rosak teruk di sepanjang laluan simpang Sungai Sam ke Dabong

seterusnya ke Jeli. Di sini kerap terjadi runtuh cerun dan jalan yang rosak. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. *Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Kuala Krai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Labuan.

**6.48 ptg.**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 19180 – Pembinaan Jalan Raya dan Jambatan Labuan.

Kalau kita lihat daripada muka surat 278 ini jumlah anggaran harga projek ada RM38 juta lebih dibelanjakan RM2 juta dekat RM3 juta 2017. Lepas itu, anggaran dipinda RM1.5 juta. Saya tidak faham apa erti dia. Di mana anggaran 2019 cuma RM200. Jadi, saya mohon penjelasan mengenai status projek ini yang saya rasakan projek ini adalah projek Jalan Kubong lebih kurang di mana ada juga sekali dengan projek ini satu jejantas perlu dibuat berhadapan dengan SMK Pantai. Di mana ia adalah satu permohonan yang sudah lama dibuat yang sangat diperlukan sebab ia membahayakan pelajar-pelajar yang *crossing* jalan utama tersebut.

Selain daripada itu, Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baru. Saya ingin bertanya banyak permohonan jalan-jalan baru dari Labuan apakah status permohonan-permohonan tersebut. Selain daripada itu, Butiran 82000 – Lebuhraya Pan Borneo.

■1850

Sebelum saya pergi ini, saya ingin menyatakan kerisauan saya juga mengenai Butiran 050700 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan Di mana penurunan bajet yang begitu mendadak daripada RM70 juta kepada RM20 juta. Saya berharap penyelenggaraan jalan di Pulau Labuan, *Labuan International* – Pusat Kewangan Antarabangsa yang mana ia sepatutnya mempunyai keadaan jalan raya yang baik seperti di Putrajaya juga. Saya berharap peruntukan ke Labuan tidak diturunkan.

Untuk Butiran 82000 – Lebuhraya Pan Borneo. Sebelum PRU Ke-14, Kabinet yang lepas telah pun bersetuju untuk membuat kajian pelaksanaan Jambatan Labuan sekali gus melengkapkan Pan Borneo supaya ada jajaran daripada Beaufort ke Menumbok. Jadi Labuan adalah sebahagian besar daripada Borneo, satu bandar penting di Borneo. Ia tidak lengkap Pan Borneo sekiranya ia tidak menyambung ke Labuan. Jadi saya ingin tahu, apakah status pemanjangan Lebuhraya Pan Borneo untuk jajaran daripada Beaufort ke Menumbok. Itu sahaja daripada Labuan, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu. Selepas ini Yang Berhormat Jerai dan Yang Berhormat Hulu Langat.

**6.52 ptg.**

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 82000 – Lebuhraya Pan Borneo. Lebuhraya Pan Borneo yang dibina dengan cara *project delivery partner* yang dikendalikan oleh Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Berhad yang selalu dikritik ada ketirisan dalam pengendalian projek ini dan sering kali dikatakan lewat dalam *delivery*. Selalu pun kita dengar ada satu cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah bahawa sepatutnya projek ini harus dikaji semula dan diambil alih oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) bersama EPU Negeri Sabah dan bersama Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pembangunan Infrastruktur Negeri Sabah, Peter Anthony, beliau mengatakan dengan cara mengambil alih ini akan dapat menjimatkan RM1.5 bilion ke RM2 bilion. Saya ingin mendapat maklum daripada pihak kementerian atas cadangan ini dan apakah pendirian Kerajaan Persekutuan dalam menyemak semula dan penstrukturan semula pengendalian Lebuhraya Pan Borneo di bahagian Sabah ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang saya jemput- inilah contoh yang baik. Saya jemput Yang Berhormat Jerai. Selepas itu Yang Berhormat Hulu Langat.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** [Bangun]

**6.53 ptg.**

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya dengan ini merujuk kepada B.27 Program Khusus, Butiran 050800 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Berlaku pemotongan drastik daripada RM330 juta kepada RM80 juta sahaja pada 2019, kenapa?

Seterusnya dalam ucapan bahas Titah Diraja dan juga bahas Kajian Separuh Penggal RMKe-11, saya sudah membangkitkan isu ketiadaan lampu isyarat di persimpangan Ulu Sedaka ke Pulau Bunting yang pernah berlaku kemalangan maut di persimpangan ini. Justeru, saya sekali lagi mendesak agar peruntukan tahun 2019 dapatlah pihak kementerian memasang lampu ini dengan segera.

Seterusnya saya menyentuh P.27, Butiran 31000 – Pembinaan Jalan dan Jambatan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk menaik taraf jalan dan jambatan laluan masuk ke Gunung Jerai? Hal ini seiring dengan pemasyhuran *Geopark Jerai* sebagai *geopark* kebangsaan oleh Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin ibni al-Marhum Sultan Badlishah, Sabtu lepas. Projek menaik taraf jalan ini amat penting bagi menampung kemasukan pelancong yang semakin ramai dan kesesakan yang berlaku pada saban minggu.

Akhir sekali, saya merujuk kepada B.27 Program Khusus Butiran 051700 – Pampasan Tol. Saya memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, mengapa dalam peruntukan tersebut ditulis RM0? Ia bercanggah dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika ucapan Pembentangan Belanjawan 2019. Dalam muka surat 42 dan 43, Yang Berhormat Bagan menyebut, *“Kerajaan akan membekukan kenaikan bayaran tol di semua lebuhraya dalam bandar pada tahun 2019 yang melibatkan implikasi kewangan yang dianggarkan sebanyak RM700 juta. Selain itu kerajaan juga akan memansuhkan tol motosikal di Jambatan Pertama dan Kedua di Pulau Pinang serta Lebuhraya Laluan Kedua di Johor dengan implikasi kewangan dianggarkan sebanyak RM20 juta setahun melalui 1 Januari 2019.”* Ini bermakna pampasan tol kepada syarikat konsesi sebanyak RM720 juta terpaksa dibelanjakan oleh kerajaan pada 2019. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hulu Langat, sila.

**6.56 ptg.**

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi perbahasan. Saya merujuk kepada Butiran 040100 – Cawangan Senggara Fasilitas Jalan, Butiran 020200 – Cawangan Jalan dan Butiran 050800 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan.

Mengambil kesempatan ini untuk memohon pihak kementerian untuk memperkasakan jentera pemantauan terutama jalan-jalan utama. Kita bercakap fasal *rahmatan lil alamin*- kasih sayang kepada pengguna, *maqasid syariah*- kepentingan awam, tata urus dan tata kelola yang baik- *good governance*, tetapi banyak aduan yang kita terima daripada pengguna jalan raya tentang bagaimana penyelenggaraan yang berlaku pada hari ini? Berlakunya kekeliruan sebagai contoh pada orang ramai, tugas penyelenggaraan sama ada tugas JKR atau PBT kerana sesetengah jalan tidak ada had sempadan jalan sehingga tidak dapat dikesan jalan ini diurus oleh JKR, PBT ataupun jalan kampung.

Isu banjir kilat. Oleh kerana tiada seliaan dan seliaan yang kurang berkesan pada saluran-saluran jalan Persekutuan yang diuruskan oleh JKR menyebabkan berlakunya banjir kilat yang sangat menyusahkan orang ramai. Berbanding dengan jalan-jalan di Singapura sebagai contoh, jalan kita tiga lorong tiba-tiba mengecut jadi satu lorong dan disambut pula dengan lampu syarat di hujungnya menyebabkan terdedah kepada kemalangan dan boleh

membawa kepada kehilangan nyawa. Sebagai contoh, di Bandar Tasik Kesuma hingga ke Beranang di Hulu Langat terdapat contoh jalan yang seumpama itu.

Rumput panjang di jalan-jalan seliaan JKR semakin nampak semakin tidak cantik dan saya mendapat aduan daripada pengundi saya yang naik berang dan marah. Imam Haji Ismail pengundi saya, dia mengatakan bahawa kalau ada anak gajah di sebalik rumput-rumput itu pun tidak nampak gajah tersebut. Kami di Hulu Langat bersedia untuk mengadakan gotong-royong. Maknanya bekerjasama dengan penduduk sekiranya JKR benar-benar sudah tidak ada duit untuk potong rumput sementara menunggu bajet ataupun menunggu Januari akan datang.

Akhir sekali di Batu 9 sehingga Batu 14, di arah Jalan Dusun Tua, jalan sempit dan *jammed* semakin teruk dan ia sangat menyusahkan pengguna-pengguna dan pelancong pada waktu pagi dan petang. Kami mengharapkan agar- berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan itu, kami mengharapkan agar dapat penyelenggaraan dan juga pembaikan jalan itu dapat dilakukan secepat mungkin. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Tebrau.

**6.59 ptg.**

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Jangan lupa Papar ya.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Okey, saya terus kepada Butiran 050500 - Emolumen Kakitangan Kontrak. Saya ingin bertanyakan, kenapa ketiadaan bajet di situ?

■1900

Kemudian seterusnya, pada Butiran 20000 – Membina Persimpangan Bertingkat dan Jejambat dan juga Butiran 21000 – Membina Persimpangan Bertingkat. Melihatkan dua butiran tersebut juga berlaku penurunan yang mendadak.

Kemudian, saya juga melihat berlaku penurunan mendadak bagi Butiran 41000 – Kajian Kemungkinan Jalan daripada RM2,800,000 menjadi hanya RM700,000.

Seterusnya untuk Butiran 80000 dan Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baru. Saya ingin bertanya, dalam kita mencuba hendak menaikkan harga getah dan membantu petani, adakah pihak kementerian telah meletakkan iaitu *Cuplump Modified Asphalt* (CMA). Maksudnya, menggunakan turapan jalan getah beku itu dimasukkan dalam bajet ini.

Kemudian seterusnya yang akhir sekali, berkenaan sedikit kawasan saya iaitu membaiki jalan lencongan Timur dan Barat yang jaraknya lebih kurang 20 kilometer yang digunakan sebahagian besar oleh warga kawasan Parlimen Merbok dan juga Sungai Petani. Ia merupakan masalah lama yang masih tidak selesai dan kami difahamkan memang faktor peruntukan.

Seterusnya juga adalah pelebaran dan naik taraf Jambatan Semeling. Itu juga merupakan isu lama dan juga akhir sekali adalah Jalan Sungai Lalang ke Bukit Selambau. Jadi mohon perhatian Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Yang Berhormat Taiping.

**7.01 mlm.**

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah Maksud Pembangunan 27 dengan Butiran 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan, Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan dan Butiran 71000 – Memperelok dan Membaiki Pulih Jalan, dengan jumlah peruntukan RM1,373 juta.

Saya terpanggil untuk menarik perhatian kementerian untuk membaiki dan menaik taraf dua jalan raya utama memasuki Bandar Taiping iaitu jalan pertama dari Tol Taiping



Utara melalui Kamunting ke Taiping dan jalan kedua ialah dari Tol Changkat Jering melalui Simpang ke Taiping yang berada dalam keadaan yang agak teruk dan berbahaya. Masalah ini perlu usaha JKR dengan segera.

Seterusnya di bawah B.27, Butiran 051300 – Penyelenggaraan dan Bil Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Jalan Persekutuan dengan peruntukan sebanyak RM30 juta. Di bawah kerajaan baharu, saya berharap pihak JKR mengambil sikap lebih prihatin dan proaktif terhadap aduan-aduan yang diterima daripada orang awam.

Akhir sekali, seperti Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Kapar, saya juga ingin menarik perhatian kementerian kepada Butiran 051700 – Pampasan Tol yang melibatkan RM448 juta pada tahun 2018. Saya memohon satu penjelasan yang terperinci kepada tol mana satu ia dibayar dan apakah kaedah baharu yang akan diambil untuk mengelakkan pampasan yang sedemikian pada masa yang akan datang?

Dengan itu, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Yang Berhormat Tebrau, selepas ini Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Tanjong Karang.

### 7.03 mlm.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya punya perbincangan ringkas sahaja. Hanya satu butiran adalah Butiran 050800 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Banyak perkara masalah sudah disentuh oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain, jadi saya kemungkinan akan mengulang tetapi ini adalah satu masalah yang penyelarasan di seluruh negara.

Jadi harus diingatkan Menteri Kerja Raya terdapat banyak lebuhraya atau jalan utama. Di kawasan saya adalah jalan utama dari JB ke Kota Tinggi, Lebuhraya Pasir Gudang, setiap minggu terima aduan. Aduan adalah mengenai tiada garisan untuk membantu pengguna jalan raya pada waktu malam. Jadi tidak tahu mereka adalah dalam garis yang betul atau tidak, tidak ada lampu jalan, jadi terlalu gelap. Tidak ada lampu di simpang keluar atau *exit point*, dengan izin, dan papan tanda biasanya dipasang di tempat yang salah atau terlalu dekat pada *exit point*, dengan izin.

Saya pun bercadang kerana kurang nampak di tempat di luar daripada Kuala Lumpur. Saya bercadang bahawa setiap jalan utama dan juga lebuhraya, kalau 100 meter sebelum keluar ke jalan lain atau *exit point*, jalan setiap laluan kena ada tulisan laluan itu menghala ke mana. Itu akan membantu pengguna jalan jika papan tanda tidak jelas.

Lagi, terdapat banyak terowong jalan utama dan juga lebuhraya gelap, lampu tidak menyala, rosak tidak dibaiki. Juga terdapat satu petanda yang tidak baik, dalam dua tahun atau tiga tahun yang terkini, terdapat ramai pengguna motosikal menggunakan lebuhraya.

**Seorang Ahli:** Banyak bukan ramai.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Banyak-banyak, *sorry*. Menggunakan lebuhraya. Jadi ini adalah masalah kepada pemandu kereta. Jadi saya bercadang ini harus dihalang.

Terdapat juga pejalan kaki melintas lebuhraya. Ini juga satu perkara yang harus diambil perhatian.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** *Last* punya adalah untuk mengatasi pejalan kaki melintas lebuhraya, saya bercadang kepada Menteri untuk membina jejantas di tempat-tempat yang memerlukan untuk mengatasi masalah ini supaya tidak ada nyawa akan hilang kerana pejalan kaki ambil jalan yang mudah, tidak menggunakan tempat yang sesuai untuk melintas jalan. Dengan ini adalah perbincangan saya dari Tebrau. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat yang seterusnya, setakat ini 23 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Saya perhatikan berkenaan dengan masalah seperti papan tanda, lubang jalan, lampu jalan, saya cadangkan Ahli-ahli Yang Berhormat

khususnya pihak kerajaan, bangkitkan di Peringkat Jawatankuasa Tindakan Daerah, dan bukannya di bawah perkara sedemikian di Parlimen ini.

Perkara-perkara spesifik seperti lampu jalan, lubang jalan, saya cadangkan kepada Menteri berikan jawapan bertulis secara spesifik kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Tidak payah bazir masa dalam penggulungan. Saya cadangkan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Gerik, selepas itu Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Papar akan menutup tirai. Silakan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai, Lembah Pantai.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak ada lagi.

**7.09 mlm.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam B.27 Butiran 050800 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.

Saya hendak bangkitkan semula iaitu jalan daripada Jalan Timur-Barat dari Kelantan ke Baling di mana sehingga hari ini, jalan masih teruk. Di mana cuaca yang berubah-ubah yang akhirnya kemalangan sepanjang masa. Saya cuma tidak dapat perangkaan tetapi kemalangan di Jalan Timur-Barat ini cukup tinggi. Saya amat berharap supaya pihak kementerian mempertimbangkan jalan dari Kelantan ke Gerik, Gerik ke Kedah.

■1910

Dahulu saya sudah bangkitkan fasal kalau tidak boleh perbaiki jalan, perbetulkan *line*. Walaupun *line* ini- kualiti cat putih di atas jalan ini kurang memuaskan. Buat dalam masa sebulan, cat putih sudah hilang. Dalam masa yang sama, daripada Kelantan ke Gerik ini ialah kawasan gajah. *Signboard* pihak JKR kena fikirkan semula. Jangan ada yang *reflect* kerana gajah cukup marah pada *signboard reflect*.

Oleh sebab itu, JKR boleh *study* bahawa jalan daripada Kelantan pergi ke Kedah ini sering kali *signboard* nya rosak daripada Kelantan sampai ke Gerik. Kemudian saya hendak membuat perbandingan. Jalan daripada Jeli, kalau kita daripada Jeli sampai ke *border* Perak, cukup cantik. Paling akhir pun saya lalu dalam tempoh seminggu yang lalu, turapannya kerap kali tetapi jalan daripada Kelantan ke Gerik, tumpang-tumpang sahaja. Jadi, ini saya minta Yang Berhormat Menteri tolong lihat.

Seterusnya, saya hendak tengok Butiran 050900 – Pembaikan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Di Gerik sehingga ke Baling, Kedah banyak kerosakan cerun, cumanya bukan JKR tidak buat, saya memohon pihak kementerian supaya memantau, supaya kerja-kerja tersebut dapat disiapkan dengan segera. Akhir sekali ialah dalam kawasan Parlimen saya, soal lampu isyarat. Walaupun kita melihat perancangan— saya hendak minta tolong pihak kementerian, saya sudah selalu syorkan semasa kita menjadi kerajaan dahulu dalam tindakan daerah, buat satu kajian. Apakah perlu tempat-tempat tertentu kita pasang *traffic lights*? Ini apabila berlaku kemalangan yang mengakibatkan maut, maka kita cadangkan simpang tadi buat *traffic lights*.

Kalau kita boleh membuat satu kajian menyeluruh, bukan sekadar soal *traffic lights*, mungkin kita ada pusingan macam mana, sekali sahaja kita belanja, maka kawasan tersebut boleh kita elakkan berlakunya kemalangan yang boleh mengorbankan nyawa. Mohon pertolongan kementerian supaya *study* betul-betul dan jangan terlampau banyak *traffic lights*. Akhirnya, orang langgar lampu *traffic lights*, waktu malam tidak ada siapa hendak berhenti, tambah kawasan Gerik, orang takut juga. Jadi, tiga perkara yang saya hendak sebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, saya baru nasihatkan, sekarang ulang sekali lagi. Tidak apa. Yang Berhormat Tanjong Karang. Sila.

**7.12 mlm.**

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baru. Satu jalan yang kita sedang maklum iaitu Projek Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) yang mana kita

sedia maklum bahawa Lebu Raya WCE ini melibatkan dua bahagian. Satu pihak swasta pemegang konsesi iaitu jajaran baru sepanjang 233 kilometer dan kerja menaik taraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) sedia ada sepanjang 81 kilometer. Apa yang saya hendak sentuh ini mengenai naik taraf Jalan Persekutuan (FR5) kerana ia melalui dalam Parlimen Tanjung Karang. Untuk ini, dua soalan sahaja.

Pertama, saya hendak tanya fasa 7B iaitu fasa yang terakhir, 10 kilometer terakhir yang patutnya *highway* ini melalui Tanjung Karang, jajaran asalnya yang fasa 7B ini ia sepatutnya masuk jalan kampung. Akan tetapi apabila rakyat bangun membantah, maka dicadangkan jajaran yang kedua iaitu melalui FR5 dan melalui dalam pekan Tanjung Karang.

Soalan saya hari ini, jalan ini sekarang ini akan mengikut jajaran yang mana? Adakah jajaran asal *bypass* pekan Tanjung Karang ataupun jajaran yang cadangan yang kedua, melalui pekan Tanjung Karang melalui FR5? Itu soalan yang pertama, yang mana satu? Ini sebab orang kampung tertunggu-tunggu, sama ada masuk kampung ataupun masuk dalam pekan.

Kedua, saya tengok projek ini agak nampak *slow*. Selepas PRU Ke-14 ini, saya tengok begitu perlahan naik taraf ini. Kita tahu *accident* banyak berlaku dan jalan pun semakin sesak. Jadi, seolah-olah projek ini macam terbantut. Jadi, adakah projek naik taraf ini sedang diteruskan? Apabila saya tanya kepada pihak yang berkenaan, mengapa lambat buat? Dia kata, bayaran kontraktor hampir tujuh bulan tidak dapat bayaran. Jadi, sebab itu kerja ini katanya tidak berapa laju. Jadi, saya hendak mendapatkan kepastian berkenaan ini.

Akhir sekali, mengenai tol. Ini saya kena kongsi dengan Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, dahulu pada 18 April 2018, 20 April 2018 Tuan Pengerusi di Teluk Intan pernah berjanji bahawa kalau Kerajaan Pakatan Harapan menang, Yang Berhormat sudah janji supaya tol ini akan dihapuskan, WCE ini. Ini saya baca surat khabar Tuan Pengerusi, jangan marah saya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Tanjung Karang, lantik saya menjadi Menteri ya [*Ketawa*]

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang]:** Jadi, sama ada Tuan Pengerusi yang hendak jawab kah atau Yang Berhormat Menteri yang hendak menjawab. Jadi, ini petikan surat khabar, saya baca Tuan Pengerusi. Saya sokong, yang ini saya sokong Tuan Pengerusi. Batalkan tol. Jadi, senang. Teluk Intan pergi Tanjung Karang, kita tidak payah bayar tol selepas ini. Terima kasih banyak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Karang. Yang Berhormat Batu Kawan dan selepas itu Yang Berhormat Papar, sila.

#### 7.16 mlm.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang untuk Batu Kawan membahaskan belanjawan peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Kerja Raya. Saya mulakan dengan Butiran 02800 – Memperbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan.

Saya mengucapkan syabas kepada kementerian di atas kenaikan daripada RM47 juta kepada RM80 juta. Namun demikian, saya ingin tahu apakah status pelebaran jalan dan juga memperbaiki Jalan Bukit Tambun, Jalan Paboi? Memandangkan kedua-dua jalan ini termasuk dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sehingga hari ini, Rancangan Malaysia Kesebelas, masih belum lagi dilebarkan dan diperbaiki. Ini mengikut butiran P149 daripada Jalan Bukit Tambun 2.2 kilometer, tahun 2015 sehingga 2017 diperlukan RM4 juta. Namun, kerajaan sebelum ini hanya memberikan RM220,000, di mana 400 meter sahaja jalan tersebut diperbaiki. Jadi, saya ingin tahu adakah penyelenggaraan dan kos-kos pembaikan ini termasuk juga dalam bajet ini dan juga P158 daripada Autocity ke Tok Kangar di bawah DUN Bukit Tengah?

Kedua adalah Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan. Saya juga menyambut baik kenaikan daripada RM693 juta kepada RM804 juta. Namun, saya ingin tahu apakah status memperbaiki jalan di kawasan DUN Perai iaitu jalan baru depan stesen minyak *Caltex*? Jalan tersebut daripada Tol BORR, di mana jalan tersebut cekung tengah-tengah, betul-betul berdepan dengan stesen *Caltex*.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Sudah banyak kali laporan telah dibuat. Apa yang saya faham adalah JKR tidak ada bajet. Jadi, saya mohon lawatan tapak kalau boleh oleh pihak kementerian. Memandangkan apabila jalan yang cekung itu apabila hujan, air bertakung, maka ia menjadi sangat berbahaya, terutama sekali kepada penunggang motosikal.

Ketiga adalah di bawah Butiran 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan. Saya juga menyambut baik peningkatan daripada RM305 juta sehingga RM469 juta. Ini adalah berhubung dengan keadaan jalan *flyover* dari Bukit Tengah, daripada jalan baru masuk ke Bukit Tengah. Di *flyover* tersebut banyak kali telah berlaku kemalangan di atas jalan tersebut. Aduan telah pun dibuat tetapi daripada apa yang saya terima, JKR Seberang Perai Tengah menyatakan JKR Malaysia masih lagi menunggu kelulusan bajet daripada tahun lepas dan tahun sebelumnya.

Apa yang saya difahamkan adalah pemasangan *roller barrier* di kawasan tersebut dianggarkan kosnya hanyalah RM600,000 sahaja. Jadi, daripada RM469 juta itu, bolehlah cubit sedikit untuk meluluskan dan memperuntukkan wang ini supaya kita dapat memperbaiki jalan tersebut. Harap pada masa depan tiada lagi kemalangan yang akan berlaku di sana. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Seterusnya, saya jemput pembahas yang ke-27, Yang Berhormat Papar.

**7.19 mim.**

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kementerian Kerja Raya telah diberikan belanjawan untuk pembangunan sebanyak RM6.1 bilion, di mana RM2 bilion adalah untuk Lebuhraya Pan Borneo. Amaun ini sangat banyak. Saya ingin bertanya, berapakah daripada jumlah ini yang diberikan kepada Sabah selain yang sudah tertulis dalam belanjawan ini?

**■1920**

Sebagaimana yang kita tahu, Sabah adalah merupakan negeri yang mundur dari segi infrastruktur seperti jalan raya dan jambatan untuk menghubungkan kampung-kampung ke seluruh negeri Sabah. Saya tahu banyak projek jalan raya dan jambatan untuk kampung-kampung yang sudah dipohon. Akan tetapi masih lagi tidak tahu secara jelas akan status permohonan ini.

Tuan Pengerusi, menaiktarafkan jalan raya di Pekan Papar akan dapat memberi satu harapan kepada pengguna jalan raya di daerah ini dan pengguna jalan-jalan raya yang lain. Dengan penaikan taraf jalan raya ini akan dapat merangsang pertumbuhan ekonomi di sepanjang laluan yang terlibat.

Saya berharap dalam Bajet 2019 satu pelan ekonomi yang mantap dan berorientasikan kesejahteraan rakyat di semua peringkat dapat dilaksanakan demi rakyat dan untuk rakyat. Kami rakyat P175 bertanyakan bilakah kerajaan akan menaik taraf jalan raya yang ada sekarang kepada dua lorong demi melancarkan perjalanan pengguna jalan raya. Saya juga ingin bertanya bilakah jalan dari Papar ke Bulatan Binoni akan diteruskan yang mana masih ada lagi dalam lingkungan 1.5 kilometer yang belum disiapkan.

Tuan Pengerusi, kerajaan di bawah Kementerian Kerja Raya telah meluluskan pembangunan untuk Sabah dalam Butiran 05100, 08230, 08250, 08260, 08270, 08280, 08600 yang berjumlah RM385 juta. Saya ingin Kementerian Kerja Raya menyenaraikan secara terperinci kesemua projek yang terkandung di dalam peruntukkan ini dan di mana ia akan dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, sebagai wakil rakyat, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kerja Raya adakah permohonan Jambatan Kedua Pekan Papar yang berharga kira-kira RM45 juta sudah diluluskan. Demi melancarkan aliran pengguna jalan raya dan demi untuk mengelakkan pembaziran wang dan masa pengguna jalan raya. Kalau sudah, bilakah ia akan dilaksanakan. Saya juga ingin bertanyakan adakah Jambatan Kayu Dua yang berharga

RM25 juta sudah diluluskan. Kalau ya, bilakah proses pelaksanaannya akan dimulakan. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Papar. Maka tamat perbahasan sebanyak 27 orang Ahli Yang Berhormat dan sekarang saya jemput Menteri Kerja Raya untuk menjawab. Silakan menteri.

■1920

7.20 mlm.

**Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam membahaskan Bajet 2019 peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Kerja Raya. Dalam kiraan saya Tuan Pengerusi, seramai 29 bukan 27 yang telah terlibat dalam perbahasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Tuan Baru Bian:** Saya ingin mencadangkan Tuan Pengerusi supaya – kerana keadaan masa yang singkat dan juga mungkin memberi jawapan yang lengkap dan terperinci. Saya mencadangkan saya akan menjawab semua soalan isu yang dibangkitkan pada petang ini secara bertulis dalam dua minggu dari hari ini. Setuju dengan saya? Kalau setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Macam mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain?

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Yang Berhormat Papar setuju.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada yang hendak minta jawapan *on the spot*, dengan izin?

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Setuju, setuju. Yang Berhormat Jerai setuju.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Setuju demi mengurangkan masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Tuan Baru Bian [Selangau]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,048,874,800 untuk Maksud B.27, di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM1,048,874,800 untuk Maksud B.27, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM6,115,842,800 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM6,115,842,800 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]*

**Maksud B.28 [Jadual] -  
Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan 2019] -**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berpindah kepada kementerian yang ke-13, Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kepala Bekalan B.28 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk di bahas sekarang. Saya hendak tengok berapa ramai yang hendak berbahas. Yang Berhormat Ipoh Timur, lagi? Yang Berhormat Bandar Kuching, Lembah Pantai.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Tuan Pengerusi, sini lah Tuan Pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Labis, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Gerik. Ada 12. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Ipoh Timur, lima minit.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu butiran sahaja. Iaitu butiran di bawah tajuk Projek Pengangkutan Udara 09900, 13000, 30000, 40000 yang mana jumlah Projek Pengangkutan Udara yang dianggarkan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM307,350,100.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan tajuk ini, saya ingin memaklumkan kepada-membawa perhatian Dewan yang mulia ini, jawatankuasa ini berkenaan dengan keperluan untuk menaiktarafkan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di Ipoh yang mana Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh mempunyai penumpang setiap tahun lebih kurang 276 ribu orang. Satu angka yang bukan besar sangat. Akan tetapi adalah disebabkan oleh kekangan *the flight road*, dan sebagainya. Kita pernah mempunyai satu kerja menaiktarafkan pada tahun 2012 berjumlah RM42 juta yang mana pada tahun tersebut landasan telah pun dipanjangkan daripada 1.7 kilometer ke 2 kilometer.

#### ■1930

Namun demikian, memandangkan terdapat permintaan yang pesat daripada warga Ipoh, landasan sepanjang dua kilometer tersebut sudah tidak cukup untuk menampung keperluan yang sedia ada. Landasan yang sedia ada hanya mampu untuk menampung pendaratan Airbus A320-600, dan juga ATR 72 sahaja. Saya difahamkan bahawa Airbus A320-800 tidak dapat mendarat dengan satu *full capacity*, dengan izin.

Tuan Pengerusi, sememangnya Ipoh mempunyai satu potensi yang besar untuk projek pengangkutan udara yang mana industri pelancongan telah pun berkembang dengan begitu pesat. Pada dua tahun lepas, Ipoh pernah disenaraikan pada peringkat keenam *Lonely Planet* di belakang Hokkaido, Shanghai dan juga *Jeju Island*.

Saya percaya bahawa kerajaan negeri telah pun membuat pengumuman dalam beberapa bulan yang lepas untuk menambah perjalanan kapal terbang 'dari' dan 'ke' Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah ini termasuk satu perjalanan yang baharu akan dibuka pada bulan Januari iaitu perjalanan ke Bangkok dan juga diumumkan bahawa perjalanan yang baharu akan dibuka untuk perjalanan ke Guangzhou pada tahun yang akan datang.

Saya percaya bahawa Ipoh sememangnya mempunyai satu potensi yang amat besar dari segi ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk membawa perkara ini dan memohon supaya peruntukan boleh diberikan kepada kerajaan negeri untuk membangunkan dan menaik taraf khasnya landasan pendaratan yang sekarang panjangnya hanya dua kilometer sahaja. Ini merupakan satu-satunya perkara yang ingin saya sampaikan pada petang ini. Sekian daripada saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bandar Kuching.

#### 7.32 m.m.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang. Saya cuma nak menyentuh dua butiran.

Pertamanya Butiran 30000 – Pembesaran dan Menaiktaraf Lapangan Terbang Kuching, Miri, Sibu, Mukah, Padang Terbang Bario.

Pertama sekali saya ingin berterima kasih atas peningkatan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk butiran ini. Jadi saya ingin meminta agar peruntukan tersebut jika boleh digunakan juga di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dengan pertama sekali, menaik taraf lampu di lapangan terbang tersebut kerana sekarang agak gelap dan juga menyebabkan *atmosphere* di lapangan terbang tersebut agak *not warm and welcoming* untuk pelancong yang datang. Di sesetengah tempat seperti kawasan tempat letak kereta agak gelap dan ini mungkin berbahaya untuk pemandu kereta di sana. Saya juga ingin meminta kementerian menyatakan secara terperinci kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Adakah ia mencukupi sekarang? Apakah status cadangan membina LCCT di Kuching yang pernah dikemukakan oleh Syarikat AirAsia dan juga kementerian? Ini memang selari dengan aspirasi negeri Sarawak untuk menjadi satu transit *to international countries*.

Perkara kedua, Butiran 60000 – Pengangkutan Awam Bandar. Saya melihat terdapat pemotongan dalam bajet ini walaupun masalah lalu lintas dan juga kekurangan pengangkutan awam di bandar-bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak. Di Kuching adalah satu masalah yang besar. Sekarang di Kuching, *public transportation is almost non-existent*, dengan izin.

Saya difahamkan bahawa implementasi *Stage Bus Service Transformation (SBST)* di Kuching yang sepatutnya bermula pada Januari tahun depan, namun telah ditangguhkan dan *under review* kerana perbezaan jumlah kontrak disebabkan permintaan kerajaan negeri untuk menukarkan bas-bas diesel yang telah dipersetujui kepada bas-bas elektrik.

Namun begitu, saya berharap kementerian akan memberikan *priority* dan fokus kepada perbincangan dengan kerajaan negeri. Jika boleh, kerajaan tempatan seperti yang ada di Putrajaya boleh berkongsi atau satu persetujuan dapat dilakukan untuk meneruskan implementasi program tersebut kerana memang ada keperluan yang sangat mustahak di Bandar Kuching, sama ada satu hibrid campuran bas diesel dengan bas elektrik. Saya harap perkara ini dapat dilihat. Ini kerana bas elektrik juga bagi saya dalam jangka masa panjang adalah lebih *cost efficient* dan juga *environmental friendly*. Dengan itu, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Lembah Pantai.

### 7.35 mlm.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada butiran dalam Maksud Bekalan 28 bagi Butiran 031200 – Pampasan AES ataupun AwAS.

Saya ingin memohon Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penjelasan, apakah yang akan berlaku kepada sistem ini kepada aset-aset? Bagi jumlah RM200 juta pampasan yang akan dibayar memandangkan kita lihat memang ada struktur-struktur, aset-aset dalam sistem AES ini, adakah ia akan dibawa turun ataupun dijual ataupun apa yang akan berlaku kepada aset-aset ini?

Berkenaan dengan Butiran 030600 – *Maintenance, Repair dan Overhaul (KTMB)* yang bernilai RM66.72 juta. Saya ingin bertanya, daripada *rolling stock* yang ada dalam KTMB pada waktu ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan berapa banyak yang mungkin telah terlalu uzur yang ada sekarang?

Berapakah jumlah yang masih boleh diteruskan penggunaannya? Memandangkan kalau kita baca dengan butiran bawah Pembangunan 28, Butiran 01600 – Pembelian *Rolling Stock* KTMB, yang bernilai RM210,000,200 bagi tahun 2019. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan berapa banyak *rolling stock* yang dimaksudkan? Apakah tujuan ataupun mengikut kawasan mana ia akan digunakan, sama ada di Semenanjung ataupun di Sabah atau Sarawak?

Berkenaan dengan Butiran 00800 – Projek Membaikpulih dan Mengukuhkan Landasan, yang bernilai RM256 juta. Saya ingin memohon bagi kawasan khusus di kawasan Lembah Pantai, adakah ada apa-apa masalah bagi landasan-landasan di kawasan Lembah Pantai? Kalau kita panjangkan ke kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, berapakah kilometer landasan yang perlu dibaik pulih ataupun dikukuhkan untuk mengelakkan insiden

seperti yang pernah berlaku sebelum ini di mana terdapat sama ada kegelinciran ataupun *rolling stock* yang berlaku sebarang kemalangan?

Berkenaan dengan Butiran 00900 – Meningkatkan Keupayaan KTM, yang bernilai hampir RM3 bilion. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan sedikit penjelasan apakah yang dimaksudkan dengan tajuk ini? Adakah ini melibatkan dari segi infrastruktur? Apakah yang akan diusahakan? Apakah yang akan dibeli ataupun diusahakan? Setakat itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Lanang.

**7.38 mlm.**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030300 – Subsidi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS), dari RM190 juta dinaikkan kepada RM230 juta iaitu kenaikan sebanyak RM40 juta.

Saya ingin tanya sama ada bajet ini termasuk subsidi bagi penerbangan laluan Sibu ke Kota Kinabalu dan Bintulu ke Kota Kinabalu memandangkan dua laluan ini akan dibuka kepada AirAsia? Adakah MASwings akan terus mengendalikan dua laluan ini? Kalau tidak, bagaimanakah dengan mereka yang telah membeli tiket penerbangan MASwings dari Sibu ke Kota Kinabalu atau Bintulu ke Kota Kinabalu untuk tahun depan?

Saya ingin tahu sama ada lebih banyak laluan dapat dibuka kepada syarikat penerbangan lain *if there is taker* seperti laluan Sibu-Bintulu, Sibu-Miri dan sebagainya? Ini kerana saya rasa kawasan seperti Sibu, Bintulu, Miri, Kota Kinabalu dan Kuching tidak dapat dikategorikan sebagai perkhidmatan luar bandar.

Selain itu, saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas pengumuman penambahan bilangan penerbangan tambahan untuk laluan Kuala Lumpur-Kuching, Kuala Lumpur-Sibu, Johor-Sibu, Johor-Kuching, dan sebagainya baru-baru ini bagi mengurangkan harga tambang penerbangan pada musim perayaan iaitu Tahun Baru Cina tahun depan. Akan tetapi, harga tiket penerbangan MASwings juga perlu diteliti kerana saya juga menerima banyak aduan dan permintaan supaya harga tambang untuk laluan Sibu-Kuching, Sibu-Bintulu, dan Sibu-Miri juga dapat dikurangkan pada musim perayaan terutamanya Sibu-Bintulu, dan Sibu-Miri yang hanya dikendalikan oleh MASwings.

■1940

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 031000 – Penyelenggaraan Bangunan JPJ. Tahun 2019 kita ada peruntukan RM5.17 juta dan sebelum ini adalah kosong. Saya ingin mohon supaya penyelenggaraan bangunan JPJ di Sibu dijalankan. Saya telah membawa isu penghawa dingin yang selalu rosak di Pejabat JPJ Sibu sejak beberapa tahun yang lalu. Walaupun ada pemberian bajet untuk kerja pembaikan tetapi ia tidak menyelesaikan masalah tersebut. Kerusi yang sering rosak di Pejabat JPJ sudah selalu berlaku. Jadi saya mohon supaya dengan adanya peruntukan ini, Pejabat JPJ Sibu dapat dibekalkan kemudahan yang lebih sempurna dan penghawa dingin dapat diganti baru dan bukan selalunya kos *repair higher than air con* baru.

Seterusnya Butiran 30000 – Pembesaran dan Menaiktarafkan Lapangan Terbang Kuching, Miri, Sibu, Mukah, Padang Terbang Bario, dari RM30 juta kepada RM50 juta. Saya ingin tahu berapakah peruntukan yang akan diberi kepada kerja naik taraf di Lapangan Terbang Sibu. Saya minta supaya *water dispenser* yang telah rosak, dapat diganti baru secepat mungkin dan lebih *water dispenser* disediakan untuk kegunaan orang ramai. Sebelum ini memang ada satu *water dispenser* tetapi ia sudah rosak pada bulan September. Sampai hari ini tiada *water dispenser* baru disediakan. Saya mohon tindakan segera diambil kerana saya rasa air paip di Malaysia tidak selamat diminum. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah.



**7.41 mlm.**

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan untuk Kementerian Pengangkutan. Tahniah kepada Kementerian Pengangkutan, terdapat penambahan untuk peruntukan pembangunan lebih RM1 bilion.

Saya nampak kebanyakan penambahan tersebut diberikan di bawah Butiran 00900 iaitu Meningkatkan Keupayaan KTM. Kalau tahun lepas dapat RM1.8 bilion, sekarang ini dapat RM2.9 bilion. Akan tetapi yang saya hendak tarik perhatian Yang Berhormat Menteri adalah berkenaan dengan Butiran 00800 iaitu di bawah Projek Membaik Pulih dan Mengukuhkan Landasan dan juga Butiran 20000 – Peningkatan Infrastruktur Rel. Sebab di kawasan saya terdapat jejantas pejalan kaki yang telah rosak dan tidak boleh digunakan sejak tiga tahun setengah, pertengahan tahun 2015 sehingga hari ini belum diperbaiki oleh pihak Perbadanan Aset Keretapi.

Ini sebab jejantas itu penting khasnya untuk pejalan kaki daripada kawasan Bukit Tembok ke pusat bandar Seremban. Jadi saya mohon perhatian daripada kementerian untuk arahan Perbadanan Aset Keretapi supaya melakukannya.

Perkara seterusnya yang saya hendak bangkitkan adalah berkenaan dengan peruntukan di bawah Butiran 031200 iaitu Pampasan AES ataupun AwAS sebanyak RM200 juta. Saya difahamkan oleh pengumuman Yang Berhormat Menteri sebelum ini bahawa kontrak dengan syarikat konsesi sebelum ini untuk AES telah lupus pada Ogos. Mulai 1 September tahun ini, kutipannya dilakukan oleh agensi. Jadi, kenapakah ada peruntukan RM200 juta di bawah butiran ini? Mohon pencerahan daripada kementerian. Seterusnya di bawah Butiran 89700 iaitu di bawah SPAD. Kenapa ada satu peruntukan RM2.5 juta seperti mana pada tahun sebelumnya?

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan di sini adalah berkenaan dengan di muka surat 282, iaitu berkenaan dengan prestasi *outcome* program di mana kadar pematuhan had laju di kawasan *hotspot*. Kalau kita tengok tahun 2017, dia mencapai 98.6 peratus. Tahun ini 2018 anggarannya 70 peratus dan untuk tahun 2019 anggaran dia ataupun sasaran dia juga 70 peratus. Jadi saya hendak tanya, kenapa kita tidak letakkan sasaran yang lebih tinggi daripada tahun sebelumnya memandangkan banyak usaha telah dilakukan oleh kementerian, oleh agensi yang terbabit untuk meningkatkan kesedaran dan juga penguatkuasaan dan sebagainya supaya lebih ramai pemandu dapat mematuhi had laju yang ditetapkan khasnya di kawasan *hotspot*. Itu saja daripada saya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Saya jemput Yang Berhormat Batu Kawan.

**7.44 mlm.**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang untuk Batu Kawan berbahas peringkat Jawatankuasa Kementerian Pengangkutan. Saya mulakan dengan Butiran 13000 – Pembinaan dan Menaiktaraf Infrastruktur Lapangan Terbang. Saya menyambut baik peningkatan daripada – maaf, saya ingin tahu apakah justifikasi penurunan RM17.7 juta tahun ini kepada RM2.3 juta tahun hadapan memandangkan Lapangan Terbang Pulau Pinang betul-betul memerlukan dana untuk penyelenggaraan dan juga menambah baik.

Contohnya, kawasan *parking* meletak kereta di kawasan Lapangan Terbang Pulau Pinang memang sangat teruk dan mengambil masa begitu lama. Jalan-jalan yang berlopak, jalan-jalan yang tidak rata dan kawasan untuk meletak kereta itu amat kecil sekali. Jadi saya ingin tahu, adakah rancangan in termasuk dalam projek-projek menaik taraf infrastruktur lapangan terbang?

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Mohon izin Yang Berhormat Batu Kawan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Batu Kawan, ada celahan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Ya, sila.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Atas isu yang sama, terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Saya ingin minta kepada Menteri, berkenaan dengan butiran yang sama iaitu Butiran 13000 berkenaan menaik taraf Lapangan Terbang Pulau Pinang. Dukacita, kita perlu membangkitkan isu banjir yang sering berlaku di Pulau Pinang di mana apabila ia berlaku, kawasan *arrival* ataupun tempat sampai di Lapangan Terbang Pulau Pinang itu selalunya kena tutup sebab selalunya dilanda banjir.

Baru-baru ini, saya ingat *just* sebulan lepas di mana hujan lebat telah pun berlaku. Keseluruhan *arrival hall* di kawasan *ground floor* telah pun tutup di mana kebanyakan *passenger* terpaksa di *divert* ke tempat lain. Ini juga perlu di naik tarafkan dan saya berharap pihak kementerian dapat memberi penjelasan berkenaan isu ini. Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan Kasthuraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Mohon dimasukkan dalam ucapan perbincangan saya. Saya juga ingin membangkitkan Butiran 00900 – Meningkatkan Keupayaan KTM yang berjumlah RM2.9 bilion. Ini berhubung dengan Railway Asset Corporation, di mana di kawasan DUN Perai ada satu kampung, Kampung Manis yang terletak di atas tanah Railway Asset Corporation.

Jadi saya ingin tahu dalam beberapa tahun ini, memandangkan ia masih di atas tanah Railway Asset Corporation, tidak boleh dijalankan apa-apa kerja-kerja menaik taraf longkang atau parit dan apabila hujan, rumah-rumah setinggan tersebut banjir. Sekiranya ada pokok yang menghempap rumah ataupun bencana, maka susah untuk kita masuk dan memberi bantuan memandangkan penghuni-penghuni tersebut menduduki atas tanah itu tanpa lesen. Jadi saya ingin tahu apakah langkah jangka panjang untuk menyelesaikan masalah keluarga-keluarga ini, setinggan ini yang duduk atas tanah Railway Asset Corporation di Kampung Manis Perai.

Ketiga, adalah di bawah Butiran 030800 – Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) dengan peruntukan RM16.2 juta. Saya berharap bahawa rakyat Malaysia mendapat satu dasar atau rancangan apakah penambahbaikan yang boleh atau yang diterajui oleh kementerian untuk memastikan kita dapat bersama-sama mengurangkan bilangan kemalangan di atas jalan raya. Daripada *road safety research* juga ini saya juga ingin tahu apakah pendekatan kementerian di atas – contohnya, apabila kemalangan yang berlaku di atas Lebuhraya Utara Selatan sebelum Terowong Menora, dua bulan yang lepas, satu laluan ataupun hampir kedua-dua laluan ditutup apabila sebuah terbakar dan lima orang meninggal dunia dalam kemalangan tersebut.

Apakah KPI kita, *what is our time frame* untuk kita mengalihkan kenderaan untuk membenarkan kenderaan lain menggunakan jalan yang sedia ada ataupun laluan kecemasan? Apakah pandangan kementerian untuk kita bersama-sama menyelesaikan masalah *long-standing* ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, saya baca semula. Tengok aturan ya, selepas ini adalah Yang Berhormat Labis iaitu yang ketujuh, yang kelapan Yang Berhormat Kota Kinabalu, sembilan Yang Berhormat Kota Melaka, ke-10 Yang Berhormat Labuan, ke-11 Yang Berhormat Dungun, ke-12 Yang Berhormat Gerik, ke-13 Yang Berhormat Kuala Kangsar dan ke-14 Yang Berhormat Jeli. Jadi sekarang saya jemput Yang Berhormat Labis.

**7.49 min.**

**Tuan Pang Hok Liang [Labis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh Maksud Bekalan 28 Butiran 020100 dan juga Butiran 40000 yang melibatkan peruntukan berjumlah RM219 juta dan RM235 juta masing-masing.

■1950

Tuan Pengerusi kehilangan pesawat MH370 pada 8 Mac 2014 telah menjadi salah satu misteri kehilangan terbesar di dunia. Malangnya sehingga ke hari ini tiada khabar gembira diperoleh. Beberapa hari yang lalu *Voice 370* iaitu kumpulan waris mangsa pesawat hilang MH370 telah mengatakan bahawa mereka telah memiliki beberapa serpihan yang dipercayai daripada kapal terbang MH370.

Difahami bahawa mereka akan menyerahkan serpihan tersebut kepada Kementerian Pengangkutan pada esok hari. Saya berpendapat bahawa usaha pencarian

semula perlu dibuat untuk menyelesaikan misteri kehilangan MH370. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada kementerian akan membuat pencarian semula MH370 bagi menyelesaikan misteri kehilangan yang sekian lama tiada terjawab.

Jadi kementerian juga boleh menjimatkan perbelanjaan untuk melantik semula *Ocean Infinity* untuk membuat carian semula di mana mereka tidak akan menerima bayaran sehingga pesawat ditemui. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Labis. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Kinabalu.

#### 7.51 mlm.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020500 – Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah (LPKP). Pertama, saya ingin menyatakan bahawa Pengerusi LPKP Sabah belum diisikan dan saya harap kementerian boleh mempercepatkan *appointment* untuk jawatan ini dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah ini akan memainkan peranan yang penting dalam perancangan dan untuk pengangkutan awam di Sabah. Saya harap ia dapat beroperasi secara efisien.

Kedua, saya merujuk kepada Butiran 030300 – Subsidi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS). Setahu saya ada beberapa penerbangan yang dibawa *Rural Air Service* ini akan dihentikan seperti dari Kota Kinabalu ke Tawau dan Kota Kinabalu ke Sandakan. Manakala untuk MAS Wing itu subsidi akan dimansuhkan dan MAS Wing ini kemungkinan akan diganti oleh penerbangan yang lain.

Akan tetapi saya nampak dari segi peruntukan pada tahun depan ia meningkat daripada RM190 juta kepada RM230 juta. Saya minta penjelasan untuk peningkatan subsidi perkhidmatan udara luar bandar ini walaupun kita tahu ada penerbangan untuk di bawah perkhidmatan udara luar bandar ini akan dihentikan.

Lepas ini saya ingin merujuk kepada Butiran 09900 – Pembangunan Lapangan Kapal Terbang Labuan/Kota Kinabalu. Pada tahun ini bajet ini akan diturunkan daripada RM30 juta daripada tahun ini kepada RM20 juta untuk tahun depan. Untuk maklumat selepas Kota Kinabalu, lapangan kapal terbang yang kedua tersibuk di Sabah merupakan Lapangan Terbang Tawau dengan satu tahun ada 1.3 juta penumpang yang akan menggunakan lapangan terbang ini dan diikuti oleh Sandakan, 896,000 penumpang. Untuk meminta supaya Menteri boleh menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan untuk mengekalkan servis yang seperti dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu dengan *fixed price ticket* untuk Tahun Baru Cina. Kalau tidak kerana kampung saya dari Tawau walaupun sekarang saya wakil Kota Kinabalu tapi orang di kampung saya dia akan marah saya kalau saya tidak utarakan isu ini di sini.

Untuk Butiran 60000 – NKRA 4 - Pengangkutan Awam Bandar (UPT). Saya nampak ada penurunan bajet daripada RM21.8 juta kepada RM9.5 juta untuk tahun depan. Untuk pembangunan ini Bas Rapid sistem di Kota Kinabalu, kalau saya nampak peruntukan yang macam ini, ini seolah-olah untuk kemajuan *BRT System* di Kota Kinabalu macam susahlah kerana yang bajet ini pun dikurangkan. Saya harap Menteri boleh memberikan pencerahan macam mana kita boleh memajukan pengangkutan awam di Kota Kinabalu sedangkan peruntukan sudah dikurangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Kota Melaka.

#### 7.55 mlm.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin ambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa yang mana saya merujuk kepada maksud Bekalan 28 bagi Butiran 020400 – Jabatan Keselamatan Jalan Raya. Di mana saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada pihak kementerian akan menggunakan peruntukan untuk menyiasat tentang kes lesen haram yang telah dibangkitkan sebelum ini. Apakah status terkini? Begitu juga adakah pihak kementerian akan juga menjalankan polisi di mana semua kenderaan dikenakan pemasangan CCTV seperti yang telah dilaksanakan di beberapa negara termasuk di Taiwan? Ini kerana saya percaya dengan pemasangan CCTV

ini ia dapat membantu terutamanya kepada pihak polis apabila berlakunya kemalangan semua segala apa yang berlaku kita boleh dapat daripada rakaman CCTV tersebut.

Begitu juga saya ingin merujuk kepada Butiran 00900 – Meningkatkan Keupayaan KTM. Di mana saya ingin tanya sama ada rancangan untuk integrasi antara perkhidmatan KTM dengan pengangkutan darat yang lain supaya ia dapat menggalakkan kegunaan orang ramai. Begitu juga memandangkan landasan KTM hanya sampai ke Tampin tidak ada sebarang landasan ke dalam negeri Melaka. Adakah pihak kerajaan kementerian boleh mengkaji supaya mendapat satu landasan baru di mana boleh menyambungkan daripada Tampin ke dalam bandar Melaka.

Selanjutnya saya merujuk kepada Butiran 12100 – Pejabat/Bangunan Baru, Peralatan dan Pengkomputeran JPJ. Di mana sekarang ini di setiap pejabat JPJ kita ada *kiosk* untuk memperbaharui *license, renew the road tax* dengan izin. Saya merujuk kepada contoh di Melaka hanya satu *kiosk* sahaja negeri Melaka hanya satu. Di sini saya melihat *kiosk* ini memang bagus sesuatu yang harus diperbanyakkan bukannya satu *kiosk* mungkin kita harus letak tiga atau empat *kiosk* supaya kita boleh mengurangkan masa menunggu bagi pelanggan dan juga ini dapat menjimatkan masa semua pihak dan kos kepada JPJ. Sering kali oleh kerana saya mengambil contoh di negeri Melaka hanya ada satu *kiosk* dan ramai yang menggunakan sehinggakan ia tidak dapat menampung dan sering kali ia rosak dan tidak boleh digunakan.

Selain daripada itu saya ingin merujuk kepada Butiran 13000 – Pembinaan dan Menaiktaraf Infrastruktur Lapangan Terbang dan juga Butiran 40000 – Menaiktaraf dan Pembangunan Sistem Kawalan/Pengurusan Trafik Udara/Komunikasi/Radar.

Saya ingin tanya sama ada kementerian akan memberi peruntukan kepada lapangan terbang negeri Melaka. Di mana memandangkan buat masa kini sampai hari ini tiada sambutan. Lapangan terbang tidak ada sambutan dan syarikat penerbangan juga tidak ingin mendarat di sana. Barangkali kita perlukan menaik taraf lapangan terbang tersebut.

Akhirnya bagi Butiran 60000 – Pengangkutan Awam Bandar. Memandangkan sekarang kerajaan negeri Melaka mereka mula menawarkan perkhidmatan bas percuma, jadi bolehkah kementerian memberikan peruntukan kepada kerajaan negeri Melaka supaya kita boleh membeli lebih banyak bas supaya kita dapat menyediakan perkhidmatan bas percuma kepada penduduk di negeri Melaka. Dengan itu saja terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Labuan.

■2000

8.00 mlm.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk Maksud Pembangunan 28, Butiran 09900 – Pembangunan Lapangan Terbang Labuan/Kota Kinabalu. Di Labuan, bangunan terminal itu mengalami kerosakan apabila berlakunya ribut, saya ingat awal tahun ini ataupun hujung tahun lepas dan sebahagian daripada atapnya telah terbuka. Ini menyebabkan kawasan *departure* untuk domestik itu ditutup tetapi sudah sekian lama ia masih ditutup sehingga sekarang dan *domestic flight* pun guna yang *international* punya ruang. Jadi saya ingin penjelasan, apakah statusnya dan bilakah ia akan diperbaiki.

Selain daripada itu, terminal kargo juga diperlukan di Labuan. Sudah diminta sekian lama. Labuan adalah satu kawasan hab logistik minyak dan gas di mana banyak barang-barang, *tools* minyak dan gas dihantar dari luar negara ke Labuan juga menggunakan kapal terbang di mana banyak kapal besar daripada *Europe* dan kawasan lain di dunia ini datang ke Labuan tetapi kita tidak mempunyai terminal kargo. Jadi apakah status permintaan untuk satu terminal kargo ataupun satu bangunan yang lebih sesuai di kawasan Lapangan Terbang Labuan itu pada masa ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin memohon supaya *flight* daripada KK ke Labuan dan Labuan ke KK diadakan semula *flight* yang menggunakan kapal terbang ataupun *aircraft* yang lebih besar iaitu 737-800 seperti sebelum ini. Sekarang ini cuma *flight* ATR sahaja. Untuk *tourism* Labuan dapat dibangunkan yang mana sekarang Labuan berusaha keras untuk membangunkan *tourism* memandangkan industri minyak dan gas dalam keadaan agak parah, ia susah diadakan disebabkan pelancong-pelancong yang berpotensi untuk datang ke

Labuan terutamanya datang daripada China akan turun ke Kota Kinabalu dengan selalunya *charter flight size 737-800* tetapi mereka untuk terbang ke Labuan terpaksa naik ATR. Ini membuatkan mereka terpaksa berpecah-pecah. Jadi ini sangat diperlukan supaya ia dapat dikembalikan seperti dulu.

Ia juga penting untuk kes-kes *emergency*. Kadang-kadang apabila pesakit dari Labuan terpaksa diterbangkan ke Kota Kinabalu di mana penggunaan kapal yang lebih besar adalah lebih sesuai.

Selain daripada itu, satu lagi yang saya ingin Labuan diberikan perhatian untuk Butiran 12100 – Pejabat/Bangunan Baru, Peralatan dan Pengkomputeran JPJ di mana bangunan JPJ Labuan memang perlukan *refurbishment* ataupun *upgrading* supaya *entrance* itu dapat diubah di hadapan jalan raya yang mana sekarang ini *entrance* utamanya berada di sebelah belakang dan bangunan itu pun memang sudah lama dan begitu uzur. Saya berharap kementerian dapat memberikan peruntukan untuk tujuan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Dungun.

#### 8.04 mlm.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** [*Kata-kata aluan dalam bahasa Arab*] *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada Butiran 010500 – Perancangan Strategik dan Antarabangsa dengan fokus mengenai aspek menyelaraskan dan memantau inisiatif pembangunan, *facility* dan *regulatory industry* yakni pembangunan yang menjurus kepada hak-hak orang kurang upaya atau orang kelainan upaya yakni OKU.

Kerajaan seharusnya mengambil berat mengenai inisiatif yang dilaksanakan bagi memastikan keselesaan golongan istimewa ini berkait dengan sektor pengangkutan. Saya meneliti usaha pihak kementerian memastikan perancangan reka bentuk mesra OKU yang melibatkan pengangkutan. Jadi saya ingin bertanya dan mendapat penjelasan.

Pertama, adakah kementerian merancang supaya mewujudkan satu perkhidmatan pengangkutan secara percuma kepada golongan OKU di mana cadangan ini pernah dilaksanakan oleh beberapa NGO yang mengambil inisiatif menyediakan perkhidmatan pengangkutan pergi dan balik kepada golongan OKU yang perlu ke hospital dan juga ke tempat-tempat yang lain. Mungkin kerajaan perlu mencari jalan bagaimana mungkin satu kerjasama dengan mana-mana syarikat ada bagi mempermudah urusan golongan OKU mendapatkan perkhidmatan tersebut.

Kedua ialah sebanyak 1,573 buah bas yang dirangka bercirikan reka bentuk sejagat. Soalan saya, berapakah perhentian bas yang direka dengan bentuk sejagat yang ada di negara ini? Ketiga, saya juga ingin mendapatkan penjelasan pihak kementerian mengenai tahap *facility* mesra OKU di lapangan terbang-lapangan terbang utama negara yang ada ketika ini.

Seterusnya juga saya ingin untuk menyentuh Butiran 020400 – Jabatan Keselamatan Jalan Raya mengenai isu yang melibatkan had laju yang melibatkan di antaranya ialah isu AES yang telah diletakkan di bawah penyenggaraan Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian Pengangkutan dengan nama AWAS.

Jadi kalau boleh dilihat kepada fungsi asal ketika mana AES dilaksanakan iaitu memastikan tidak berlakunya kemalangan-kemalangan jalan raya dan juga kemalangan-kemalangan maut bagi kawasan-kawasan yang menjadi *hotspot* kemalangan dengan izin yang juga membawa kepada kadar kematian yang sangat besar dalam kemalangan jalan raya. Jadi pohon supaya dibuat satu kajian supaya benar-benar diletakkan kalau ada penambahan-penambahan perlu kepada sistem ini mestilah diletakkan pada kawasan-kawasan yang benar-benar perlu untuk kita mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Kedua, saya juga pohon supaya dibuat kajian secara menyeluruh bagi seluruh negara kita iaitu kadar had laju minimum kerana ada kawasan yang diletakkan dalam 60 kilometer sejam atau 70 kilometer sejam di kawasan-kawasan yang melibatkan kawasan kampung dan kawasan bandar-bandar kecil. Padahal struktur jalan dan juga kenderaan hari ini sudah berubah dan sebahagian daripada pembaharuan yang berlaku itu, kampung tersebut sudah tidak ada dan juga kawasan-kawasan yang melibatkan kawasan bandar kecil

ini juga sudah dinaik taraf jalan-jalannya. Jadi saya pohon dibuat satu kajian menyeluruh, kemudian diberikan perhatian mana yang patut dikekalkan dan mana yang patut ditingkatkan kadar minimum had laju bagi kawasan-kawasan bandar kecil dan juga kampung. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Gerik.

■2010

**8.10 mlm.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 89700 - Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Pertama saya hendak menyentuh pengangkutan awam yang paling disukai oleh kebanyakan daripada penduduk Malaysia ialah bas iaitu satu bas yang berhenti-henti, satu lagi bas ekspres.

Dua permasalahan yang kita lihat bukan semua tetapi saya anggap sebahagian kecil iaitu pengangkutan awam sama ada berhenti-henti dan juga ekspres ini yang menghadapi masalah operasi tidak mengikut masa yang menyebabkan orang ramai susah hendak buat jadual perjalanan. Begitu juga bas - selalunya yang berhenti-henti ini agak tua dan uzur. Kadang-kadang rosak tengah jalan. Oleh sebab itu saya ingin minta kementerian bagaimana perkara tersebut boleh dibantu dan dipantau untuk membantu orang ramai untuk mengguna pengangkutan tersebut.

Perkara kedua Butiran 020300 - Pengangkutan Jalan. Satu program yang amat baik dibuat oleh pihak Kementerian Pengangkutan ialah myLESEN. Kalau dulu kita beri lesen motor untuk umur 45 tahun tetapi saya difahamkan sekarang kerajaan telah membuat satu myLESEN yang bagi memudahkan mereka yang berumur 16 tahun dan ke atas.

Saya mencadangkan supaya disediakan peruntukan, mungkin boleh lebih murah daripada anak-anak muda mengambil melalui *driving school* kerana ini boleh membantu kita mendidik mereka golongan muda ini untuk mendapat lesen dan berhati-hati memandu di jalan raya bagi mengurangkan kemalangan yang berlaku.

Dalam masa yang sama saya ingin mencadangkan kepada kerajaan juga supaya yang macam myLESEN ini dibuat juga untuk mereka yang mengambil kelas D, maksudnya lesen kereta. Ini kerana yang ada kita buat sekarang ini ialah untuk pemandu B2. Kalau kita boleh bantu yang untuk kelas D kereta biasa mungkin kementerian boleh fikir kaedah yang macam mana. Sekurang-kurangnya bukanlah kita hendak menutup sekolah memandu, tetapi kita hendak membantu rakyat yang mungkin kurang upaya tetapi masih mampu untuk memakai kereta biasa.

Seterusnya dalam isu ini juga saya ingin minta pandangan daripada pihak kerajaan berkenaan pengangkutan iaitu berkaitan dengan lori-lori yang masuk ke *highway* dan juga jalan-jalan utama yang membawa pasir, batu atau muatan yang hanya mengambil sikap menutup tidak cukup baik pada lori yang akhirnya kadang-kadang kereta yang di belakang terpelanting batu menyebabkan pecah. Kita melihat ada lagi - bukan masalah tuan punya lori tapi saya rasa sikap pemandu lori yang tidak mahu berdisiplin, sepatutnya kerajaan dah ada undang-undang boleh tutup lori dengan baik tetapi masih ada yang tidak bertanggungjawab.

Kedua saya hendak bertanya pandangan kerajaan juga berkenaan dengan lori hantu yang kadang-kadang lalu di kawasan taman dan di mana boleh ada berlaku kemalangan. Bagaimana pihak kerajaan boleh mengambil tindakan kepada lori-lori hantu?

Seterusnya saya hendak bertanya pada kerajaan, berapakah saman yang dikenakan kepada warga asing yang sehinggakan saman kesalahan memandu ini mereka tidak boleh membayar kepada pihak Jabatan Pengangkutan yang akhirnya merugikan pihak jabatan juga. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya ada dua pembahas terakhir iaitu pertama Yang Berhormat Kuala Kangsar kemudian diikuti Yang Berhormat Jeli. Silakan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**8.14 mlm.**

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut membahaskan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Pengangkutan. Pertama, Butiran 020400 - Jabatan Keselamatan Jalan Raya. Ada beberapa perkara di bawah butiran ini Yang Berhormat Menteri. Saya mohon Yang Berhormat Menteri melakukan arahan yang drastik kepada Lebuhraya Utara dari Ipoh ke Kuala Kangsar, saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Batu Kawan mengenai perkara ini yang saya anggap antara jarak yang paling berbahaya di Malaysia.

Kawasan saya, kawasan Parlimen berada di dalam kawasan di mana lebuhraya ini lalu supaya jangan terlalu kerap berlakunya kemalangan-kemalangan. Carilah Yang Berhormat Menteri kaedah-kaedah dan sistem-sistem supaya lebuhraya ini lebih selamat. Kemalangan maut sentiasa berlaku di lebuhraya ini.

Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan apakah penambahbaikan visi dan objektif kementerian? Kematian sifar akibat kemalangan jalan raya sekarang terletak pada dua kematian setiap 10,000 kenderaan berdaftar. Apakah penambahbaikan terkini kepada sasaran ini?

Seterusnya Yang Berhormat Menteri, berapakah peruntukan Yang Berhormat Menteri akan peruntukkan untuk program-program advokasi keselamatan jalan raya bagi tahun 2019? Mohon juga pada Yang Berhormat Menteri maklumkan kadar kematian di Malaysia adalah kedua tertinggi selepas Thailand di kalangan negara-negara ASEAN. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan keberhasilan dan rumusan bersama Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun. Adakah pengalaman Jepun menjadi ukuran bagi mengatasi permasalahan ini?

Saya mencadangkan pada Yang Berhormat Menteri untuk mencari lagi kejayaan-kejayaan negara lain yang telah terbukti mengurangkan peratusan kemalangan jalan raya dalam jangka masa yang tersingkat.

Yang Berhormat Menteri antara pengguna jalan raya yang saya anggap paling tinggi risikonya adalah penunggang dan pembonceng motosikal. Kita tahu Yang Berhormat Menteri kebanyakan pengguna adalah di kalangan remaja yang menjadi masa depan negara. Apakah langkah-langkah Yang Berhormat Menteri untuk mewujudkan usaha yang lebih berkesan untuk kumpulan ini? Mungkin meminta bantuan di kalangan ikon-ikon dari sukan pemotoran negara bagi memberi bimbingan dan galakan kepada mereka.

Saya juga mohon bertanya Yang Berhormat Menteri situasi dan SOP ketika berlakunya apa sahaja kemalangan jalan raya di lebuhraya-lebuhraya dan jalan-jalan Persekutuan dan bandar-bandar. Kesyakan akan berlaku berjam-jam lamanya yang memungkinkan kehilangan pendapatan dan kerosakan yang berganda kepada kenderaan-kenderaan yang perlu menunggu begitu lama untuk meneruskan perjalanan hanya kerana disebabkan pengurusan kemalangan yang tidak efisien. Sepatutnya ada jangka masa yang standard dan alatan-alatan yang terbaik bertaraf dunia yang terbukti berjaya sebab ini soal mengatasi kehilangan nyawa dan penyelenggaraan yang optimum mobiliti rakyat.

Poin yang terakhir di bawah butiran ini Yang Berhormat Menteri. Rakyat Kuala Kangsar melalui mantan Ahli Parlimen Allahyarham Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad telah lama memperjuangkan supaya satu jalan susur tol di perhentian Menora Kuala Kangsar di Lebuhraya PLUS dan kini saya juga diminta oleh rakyat Kuala Kangsar untuk meneruskan perjuangan ini. Ini kerana ia akan membantu perkembangan dan pertumbuhan kawasan baharu untuk penduduk Kuala Kangsar serta ia akan membantu kesesakan jarak di kawasan Menora yang sentiasa sesak dan berisiko tinggi. Ianya amat dinanti-nantikan oleh rakyat Kuala Kangsar, mohon Yang Berhormat Menteri mempertimbangkannya.

Seterusnya Butiran 00900 - Meningkatkan Keupayaan KTM dan Butiran 20000 - Peningkatan Infrastruktur Rel. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan sama ada Perbadanan Aset Keretapi (RAC) sudah melaksanakan *charge* parkir di seluruh stesen kereta api? Adakah kerajaan ini mahu mengkaji semula agar dimansuhkan pelaksanaan *charge* parkir ini dari menjadi bebanan rakyat atau saya mohon Yang Berhormat Menteri kalau tidak boleh dimansuhkan pengenaan *charge* parkir seharusnya ditetapkan pada kadar paling minimum setelah mengambil kira pembiayaan kos penyelenggaraan, kawasan keselamatan, liputan kamera litar tertutup, perlindungan insurans dan juga bil utiliti.

Akhir sekali Butiran 13000 - Pembinaan dan Menaiktaraf Infrastruktur Lapangan Terbang. Saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Ipoh Timur mengenai butiran ini. Yang Berhormat Menteri saya mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan apakah penambahbaikan yang akan diusahakan bagi menaik taraf Lapangan Terbang Ipoh? Sekarang keadaannya tersangat *simple* dan tidak menggambarkan *gateway* to Perak. Biarlah nanti ubahsuai dan naik taraf dapat menjadi *showcase* kepada pengguna yang akan merasai satu pengalaman dan boleh membawa pulang berganda kepada negeri Perak. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar dan yang terakhir yang keempat belas Yang Berhormat Jeli.

#### 8.19 mlm.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat hendak balik kawasan dan saya pun tidak mahu dimarahi oleh Ahli Yang Berhormat, saya satu perkara sahaja iaitu Butiran 09900 – Pembangunan Lapangan Terbang Labuan/Kota Kinabalu dan juga Butiran 13000 – Pembinaan dan Menaik taraf Lapangan Terbang. Ini berkaitan dengan pembinaan dan naik taraf lapangan terbang.

#### ■ 2020

Yang Berhormat Menteri sedia maklum bahawa Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu sudah lama melebihi kapasiti oleh kerana peningkatan yang mendadak dalam bilangan penumpang dan juga dengan izin, *aircraft movement*. Mengikut perancangan asal, pembesaran lapangan terbang ini patut bermula pada bulan Julai tahun ini. Akan tetapi oleh sebab-sebab yang kita semua tahu, ia tidak dapat dimulakan. Maka, soalan saya satu sahaja iaitu bilakah agaknya pembesaran lapangan terbang ini akan bermula? Kita difahamkan akan dilaksanakan melalui tender terbuka, jadi bila akan dibuka tender ini dan bila tutup? Akhir sekali, bila akan dimulakan pembinaan dan bila akan siap pembinaan untuk pembesaran lapangan terbang ini yang patutnya bermula bulan Julai lalu? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk menjawab, 30 minit lagi.

#### 8.21 malam.

**Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan cuba menjawab soalan-soalan spesifik yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Namun begitu, mungkin kalau ada saya yang tertinggal, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya itu mungkin boleh mencelah. Akan tetapi kalau tidak sempat untuk menjawab, saya berjanji untuk memberikan jawapan bertulis secara spesifik kepada mana-mana Ahli Yang Berhormat yang telah bertanya.

Saya juga hendak mengingatkan kalau mana-mana Ahli Yang Berhormat yang membahaskan Belanjawan Kementerian Pengangkutan di peringkat dasar yang kalau belum menerima jawapan bertulis itu, sila nyatakan kepada saya. Saya akan pastikan pegawai untuk memberikan jawapan bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Janji untuk memberikan jawapan bertulis itu akan ditunaikan sebab dahulu pun saya duduk di sebelah sana, kebanyakan kali kalau ada Yang Berhormat Menteri yang memberikan komitmen untuk memberikan jawapan bertulis, kadang-kadang tidak sampai. Jadi, saya faham perasaan itu. Jadi kalau mana-mana yang tidak mendapat jawapan, sila beritahu kepada saya. Saya akan pastikan pegawai memberikan jawapan bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, apabila setiap kali kita membahaskan Kementerian Pengangkutan, salah satu isu yang paling banyak dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah penambahbaikan ataupun pembesaran, naik taraf lapangan terbang. Ini merupakan satu topik yang paling popular, satu isu yang paling kerap dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Di negara kita ada 13 negeri, hanya dua negeri sahaja tidak ada lapangan terbang iaitu negeri saya, Negeri Sembilan dan juga Perlis.

Setiap negeri ada lapangan terbang. Ada negeri yang ada tiga hingga empat lapangan terbang. Sarawak paling banyaklah, banyak lapangan terbang. Jadi saya faham



memang ada keperluan yang mendesak, ada permintaan daripada setiap Ahli Parlimen untuk mendapatkan projek pembangunan lapangan terbang di kawasan masing-masing. Memang saya faham perkara ini, sentimen itu memang setiap negeri mahukan supaya lapangan terbang mereka ditambah baik, dijadikan sebagai *getaway* untuk menarik lebih ramai pelancong dan sebagainya. Memang itu *across the board, general expectation* memang kita faham. Akan tetapi kita kena faham bahawa model pembangunan lapangan terbang selama ini ia tidak *sustainable*. Ini sebab apa yang kita ada sekarang ini ataupun selama ini, pengurusan dan pembangunan lapangan terbang. Saya hendak bagi jawapan secara umum dahulu sebelum saya pergi ke spesifik ialah model yang kita ada sekarang ini ialah semua lapangan terbang dikendalikan kecuali Senai, dikendalikan oleh MAHB ataupun Malaysia Airports Holdings Berhad. Mereka bertindak sebagai pengendali ataupun pengurus kepada lapangan terbang.

Akan tetapi perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan pihak MAHB ialah mereka mengendalikan, mereka mengutip *Passenger Service Charge (PSC)* dan mereka memberikan sebahagian daripada itu kepada kerajaan melalui *user fee* kepada kerajaan. Akan tetapi apa-apa dana pembangunan datang daripada kerajaan kecuali ada satu atau dua kes macam KLIA2, mereka memberikan dana pembangunan tersebut. Akan tetapi kebanyakan ataupun hampir keseluruhan, semua pembangunan lapangan-lapangan terbang datangnya daripada *development expenditure (DE)*. Saya yakin Yang Berhormat Jeli itu cukup faham perkara ini. Memang tidak *sustainable*. Setiap tahun apa yang kita minta, kementerian minta bajet diperuntukkan itu ataupun apabila kita luluskan di peringkat Rancangan Malaysia, peruntukan memang tidak mencukupi untuk kita memastikan pembangunan lapangan terbang itu dapat dipenuhi.

Jadi kita menghadapi satu dilema. Kita tahu setiap negeri, setiap lapangan terbang hendak naik taraf. Bagaimana kita memberikan *priority* dan memang perkara ini kita telah fikirkan. Di peringkat Kementerian Pengangkutan sekarang ini kita telah mengambil satu pendekatan baharu bersama-sama dengan pihak Kementerian Kewangan, kita telah kaji perkara ini. Kita sedang berunding semula dengan pihak MAHB untuk kita menandatangani satu *operating agreement* yang baharu, satu perjanjian pengendalian yang baharu, OA yang baharu yang kita hendak muktamadkan rundingan itu mungkin dalam bulan Disember. Saya harap kita dapat menandatangani satu *framework* perjanjian *operating agreement* yang baharu dengan MAHB menjelang bulan Januari.

Dalam *framework* OA yang baharu ini kita akan pecahkan kepada beberapa perjanjian, kita akan pecahkan kepada beberapa zon. Sekarang ini kita ada dua *operating agreement*. Satu *operating agreement* ialah MAHB mengendalikan untuk KLIA iaitu KLIA1 dan KLIA2. *Operating agreement* adalah untuk semua lapangan terbang yang lain. Jadi *framework* itu adalah dana pembangunan yang datang daripada kerajaan tetapi apa yang kita hendak dalam *operating agreement* yang baharu, kita pecahkan kepada beberapa zon. Satu ialah KLIA, satu mungkin zon utara, satu zon lapangan-lapangan terbang yang lain, satu zon untuk Sabah, satu zon untuk Sarawak.

Dalam *operating agreement* yang baharu ini kita hendak memberikan kelonggaran kepada MAHB supaya mencari *partner* baharu supaya ada suntikan dana ataupun dalam erti kata lain, MAHB boleh mencari *stakeholders* yang baharu supaya mereka boleh menjana ataupun menyuntik dana ke dalam *joint venture* bersama dengan MAHB. Umpamanya kalau mana-mana lapangan terbang di Sabah, mungkin MAHB boleh buat satu *joint venture* dengan syarikat GLC ataupun syarikat GLC Sabah ataupun syarikat-syarikat swasta yang berpangkalan di Sabah, mungkin mereka lebih tahu keadaan di Sabah. Sama juga di Sarawak dan sebagainya. Jadi ini memberikan ruang kepada MAHB untuk mencari *partners* yang baharu untuk kita bersama-sama membangunkan lapangan-lapangan terbang. Kalau katakan Kerajaan Negeri Perak mungkin ada minat hendak meningkatkan Lapangan Terbang Ipoh, kita boleh berbincang. Bagaimana mungkin ada *stakes* ataupun dana disuntikkan kepada *joint venture* yang baharu ini. Itu satu opsyen.

Opsyen yang kedua ialah kita hendak memberikan kelonggaran supaya kalau kerajaan hendak *fund* ataupun kerajaan hendak memberikan dana pembangunan itu, kita juga ada satu opsyen yang lain kerana seperti yang telah dibentangkan dalam bajet baru-baru ini, kita hendak memperkenalkan REIT untuk lapangan terbang. Apabila REIT ini diperkenalkan, kita menganggarkan kalau kita menjual 30 peratus *stakes* kita dalam REIT ini, maka kita dapat menjana RM4 bilion. Kalau RM4 bilion itu kita dapat jana dalam masa beberapa bulan yang akan datang, maka kita boleh menyelesaikan kebanyakan isu-isu ataupun permintaan-permintaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuklah di Kota

Bharu, di Kota Kinabalu, di Tawau, di Sandakan, di mana-mana tempat, Alor Setar dan sebagainya. Di mana-mana tempat yang hendak naik taraf, kita mungkin ada dana yang mencukupi untuk membantu kita membangunkan lapangan-lapangan terbang ini.

Memang ada dua atau tiga lapangan terbang yang telah pun kita kenal pasti yang memang telah pun proses untuk kita menganugerahkan tender sebelum ini telah pun dilaksanakan, tetapi kita tarik balik kerana ia tidak dibuat melalui tender terbuka. Kita mengambil kira model pembangunan baharu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jeli untuk Lapangan Terbang Kota Bharu. Selepas kita mendapat dana daripada REIT itu, maka projek-projek itu akan dihidupkan semula termasuklah Lapangan Terbang Kota Bharu, Sandakan. Kalau ada keperluan, kita akan kaji keperluannya di Ipoh. Kita akan memberikan *priority* kepada beberapa lapangan terbang yang dibangkitkan ini.

Jadi ini sepintas lalu untuk makluman Ahli Yang Berhormat untuk lapangan-lapangan terbang. Berikan kita sedikit masa supaya kita muktamadkan *operating agreement* yang baharu, *framework* yang baharu itu. Saya akan membuat pengumuman yang lebih terperinci menjelang bulan Januari. Kita harap selepas itu kita ada REIT, kita dapat mencari dana yang lebih banyak supaya kita dapat menampung keperluan untuk semua lapangan terbang yang ada itu. Jadi itu sepintas lalu supaya kita dapat memberikan satu pemahaman kepada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat. Cuma saya hendak katakan bahawa pembangunan lapangan terbang ini adalah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan pihak kerajaan negeri sebenarnya tidak ada bidang kuasa terhadap perkara ini. Apa-apa keputusan perlu melalui pihak Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Pengangkutan adalah merupakan *lead agency* ataupun *lead ministry* kepada pembangunan lapangan terbang. Jadi perkara-perkara spesifik seperti penambahbaikan di Kuching, lampu dan sebagainya, itu saya akan bagikan secara jawapan bertulis.

Perkara yang kedua yang saya hendak lihat yang saya ada buat nota di sini berkenaan dengan AES.

#### ■2030

Yang Berhormat Lembah Pantai ada membangkitkan isu berkenaan dengan AES. Milik siapa aset-aset itu? Jawapannya ialah milik kerajaan, milik JPJ. Semua aset-aset yang diambil alih itu, termasuk kamera-kamera itu akan merupakan milik JPJ. Oleh kerana selepas kita mengambil alih, kita akan melaksanakan. Apa-apa hasil saman yang diterima daripada AES itu akan masuk ke dalam tabung kerajaan, dalam akaun hasil yang dan disatukan dan semua itu adalah milik kerajaan dan aset-asetnya milik kerajaan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Pohon mencelah, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin bertanya, kalau aset-aset ini milik sekarang milik JPJ, milik kerajaan, adakah pihak kerajaan bercadang nanti untuk memperluaskan lagi ataupun menambah jumlah aset-aset seperti ini untuk memastikan tidak berlaku pelanggaran dari segi undang-undang? Maksudnya, menambahkan lagi aset-aset seperti ini. Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook:** Maksud Yang Berhormat Lembah Pantai, hendak menambah lagi banyak kamera?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ya.

**Tuan Loke Siew Fook:** Kalau itu cadangan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai, saya bersetuju. Akan tetapi dalam rekod, ini cadangan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai. Kalau ada lebih ramai orang kena saman, itu adalah cadangan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Bukan cadangan, tanya. [Ketawa] Soalan, soalan.

**Seorang Ahli:** Ini saman banyak.

**Tuan Loke Siew Fook:** Akan tetapi saya menerima baik cadangan itu dan memang kita sedang meneliti dan ada cadangan daripada pihak lebuhraya...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Soalan, soalan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ada cadangan daripada pihak pengendali lebuhraya untuk mereka menjalankan CSR. Mereka akan pasang video itu untuk pihak kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Memang kita sedang berunding dan berbincang dengan pihak PLUS. PLUS ada menawarkan untuk membantu kita memasang kamera-kamera di kawasan-kawasan *hotspots*. Oleh kerana kalau mereka membelanjakan mungkin beberapa juta untuk pasang kamera, itu bukan saja dapat membantu kita mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Untuk pengendali lebuhraya, itu juga adalah *win-win situation* kepada mereka. Oleh kerana setiap kali berlakunya kemalangan, kos kepada pengendali lebuhraya juga meningkat kerana mereka perlu memperbaiki kawasan itu dan ada kesesakan yang teruk dan sebagainya.

Jadi, memang kita sedang meneliti perkara ini dan saya mengalu-alukan, semua-mana-mana pihak pengendali lebuhraya ataupun syarikat konsesi lebuhraya yang ingin membuat CSR, membantu kerajaan mengurangkan kos, hendak menambah kamera seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, saya alu-alukan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalan, bukan cadangan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Kita boleh dapatlah lebih banyak saman-saman AES kalau siapa-siapa yang melanggar kelajuan itu.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tarik balik Yang Berhormat Menteri, tarik balik.

**Tuan Loke Siew Fook:** Saya bukan tarik balik, jangan bimbang Yang Berhormat. Kita hendak tambah kamera AES itu bukan hendak menyaman. Kita hendak mengingatkan supaya orang ramai mengurangkan kadar had laju untuk memberikan satu keadaan yang lebih selamat kepada pihak orang ramai dan pengguna jalan raya. Bukan niat kita untuk menyaman orang dan bukan niat kita untuk mengutip saman. Kalau tidak mahu bayar saman, jangan *speed*, jangan terlalu laju. Itu mesej yang saya selalu sampaikan kepada pihak orang ramai.

Berkenaan dengan AES juga, Yang Berhormat Rasah tadi ada bertanya, mengapa perlu ada RM200 juta pampasan? Apa yang berlaku Tuan Pengerusi, apabila saya membuat keputusan untuk kita batalkan, membawa ke Kabinet untuk batalkan semua saman-saman AES dan juga kita mengambil alih ialah kerajaan terdahulu mereka telah menggunakan dana ataupun meminta LTAT, Lembaga Tabung Angkatan Tentera untuk mengambil alih operasi AES ini daripada dua syarikat konsesi iaitu Beta Tegap dan ETES. Jumlah yang telah dibayar kepada dua *companies* ini ialah RM555 juta daripada tabung LTAT, Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Jadi, sekarang ini apabila kita ambil alih, memang dari segi kontraknya telah tamat pada 31 Ogos. Kalau kerajaan tidak membayar apa-apa pampasan kepada LTAT, maka yang rugi ialah anggota ataupun ahli-ahli LTAT.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tabung.

**Tuan Loke Siew Fook:** Yang terdiri daripada anggota tentera. Jadi, kerajaan telah memberikan peruntukan untuk membayar balik kos yang mereka yang telah gunakan untuk mengambil alih kedua-dua syarikat ini, Beta Tegap dan ETES untuk kita ambil alih AES ini. Dua-dua *companies* asal memang mereka telah ambil RM555 juta dan mereka telah cabutlah. Mereka tidak ada apa-apa kerugian, ambil RM555 juta dan mereka lepas tangan. LTAT yang bayar. Kalau kerajaan tidak bayar pampasan apa-apa sekarang ini, yang rugi LTAT. Akan tetapi perkara ini masih dalam pertimbangan Peguam Negara sama ada pihak kerajaan perlu bayar atau tidak, itu dalam pertimbangan dan kita masih dalam perbincangan. Itu ada peruntukan dan kalau kita bayar pun tidak sekali gus, ia secara berfasa-fasa, secara berperingkat.

Jadi, peruntukan telah pun disediakan RM200 juta untuk tahun depan tetapi perundingan pampasan ini masih akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kewangan dan atas nasihat daripada pihak Peguam Negara. Jadi, ini hanya satu peruntukan. Tidak bermaksud kita akan bayar terus seperti apa yang telah diperuntukkan itu. Jadi, saya harap ini dapat memberikan sedikit pencerahan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan AES ini.

Okey seterusnya, Yang Berhormat Lanang bertanya mengenai subsidi *rural air service* (RAS). Mengapa RM150 juta meningkat kepada RM230 juta? Ini juga menjawab

persoalan daripada Yang Berhormat Kota Kinabalu. Kita perlu menambah untuk RAS ini disebabkan cadangan untuk kita membuka laluan Kota Kinabalu ke Sibu dan ke Bintulu. Apabila kita membuka dua-dua laluan ini, kerana perjanjian RAS ini sebenarnya sepatutnya sampai ke tahun 2024. Kapal terbang ATR ini telah pun di *commit-kan*. Kita perlu membayar sewa. Ada kontrak, MASwings ada kontrak dengan syarikat tuan punya kapal terbang itu. Jadi, apabila kita mengambil keluar dua sektor ini dan bukannya sebagai satu sektor komersial, maka MASwings menghadapi masalah *overcapacity* kerana kalau kita *maintain* kedua-dua pesawat itu, ia tidak ekonomik. Jadi, kita perlu membayar pampasan untuk menamatkan kontrak itu dan kerajaan perlu menanggung perkara itu.

Akan tetapi dalam jangka masa panjang, kita akan dapat mengurangkan subsidi kita untuk *rural air service*. Saya hendak mengatakan di sini bahawa apabila kita membuka sesuatu laluan itu kepada laluan komersial, maka kerajaan tidak akan memberikan apa-apa subsidi kepada mana-mana syarikat penerbangan yang mengendalikan laluan komersial tersebut, termasuklah KK - Sibu, KK - Bintulu, KK - Sandakan, KK - Tawau dan sebagainya. Jadi, semua itu tidak akan mendapat subsidi. Kalau MASwings hendak mengendalikan laluan-laluan itu, kita tidak ada masalah. Cuma MASwings tidak akan mendapat subsidi daripada kerajaan melalui RAS. Itu ialah jawapan saya kepada pihak Yang Berhormat Sibu dengan Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Lanang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Lanang.

**Tuan Loke Siew Fook:** Yang Berhormat Lanang, maaf. Akan tetapi dia selalu mengungkit berkenaan dengan Lapangan Terbang Sibu. Akan tetapi *Sibu Airport* juga termasuklah dalam kawasan Yang Berhormat Lanang. Yang Berhormat Lanang juga membangkitkan berkenaan *water dispenser*. *Water dispenser* itu saya rasa tidak ada masalahlah. Saya akan terus hubungi MAHB, kita akan pasang *water dispenser* itu secepat mungkin. Yang Berhormat Rasah juga membangkitkan berkenaan dengan isu ataupun masalah jejantas. Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, jejantas itu telah pun diluluskan oleh pihak RAC dan tender akan dipanggil dalam bulan Disember ini. Kita akan dapat menyiapkan jejantas yang telah pun beberapa tahun yang tidak diperbaiki itu dalam masa terdekat. Mungkin dalam masa beberapa bulan.

RAC ini kita akan mengambil satu pendekatan yang lebih proaktif dan memang RAC ini kita mempunyai pendapatan dalam RAC. Kita akan belanjakan pendapatan-pendapatan RAC ini untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan di stesen-stesen KTM Komuter di seluruh negara.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Nampak gayanya penantian tiga tahun setengah Menteri Pengangkutan yang dulu gagal berbuat demikian, Menteri Pengangkutan daripada Negeri Sembilan berjaya melakukannya. Tahniah, terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook:** Okey, terima kasih. Cuma saya hendak katakan walaupun saya daripada Negeri Sembilan, saya tidak hanya akan melihat kepada Negeri Sembilan saja. Saya Menteri Pengangkutan Malaysia, maka mana-mana stesen-stesen komuter di seluruh negara, termasuklah ada permintaan daripada Tanjung Malim untuk buat lif baru di stesen komuter. Juga telah diluluskan, kita akan panggil tender tidak lama lagi, kita akan bantu. Saya hendak juga menyentuh apabila RAC ini tadi sebab Yang Berhormat Kuala Kangsar ada menyebut tentang RAC. Memang saya sedar bahawa ada parkir-parkir, tempat-tempat parkir ini yang mengenakan bayaran, memang ada menyebabkan ramai yang tidak puas hati sebab bayaran itu mungkin agak tinggi dan sebagainya.

Saya telah meminta RAC supaya dapat menyeragamkan kadar tambang itu, memastikan kadar tambang yang paling murah dapat ditawarkan kepada pengguna-pengguna KTM Komuter dan kita juga hendak berunding dengan pihak PBT. Kalau ada pihak PBT yang sanggup membantu kita, sebab kita telah— tanah itu, tapak tanah itu adalah RAC. Kita boleh memberikan, menyerahkan penyelenggaraan itu kepada PBT. Kalau PBT sanggup menyediakan sedikit peruntukan untuk elektrik, bil elektrik dan untuk mungkin menyelenggarakan kawasan itu, kita boleh serahkan, boleh ada satu MOU ataupun satu perjanjian dengan pihak PBT, serahkan tapak itu kepada PBT, kalau PBT hendak bagi percuma kepada pengguna di sana, saya tidak ada masalah.

Jadi, kita harap pihak PBT juga dapat memberikan kerjasama kepada pihak RAC dan pihak RAC ini kita fleksibel. Kita boleh mencari pelbagai pendekatan, kita kena *think out of the box*.

#### ■2040

Kadang-kadang kita tak bolehlah terlalu *rigid* dan kita perlu *flexible* dalam perkara ini untuk kebaikan rakyat dan untuk kebaikan pengguna yang dapat meningkatkan ataupun dapat menarik lebih ramai pengguna-pengguna menggunakan perkhidmatan kita. Dalam perkara-perkara seperti ini, kita sanggup untuk berunding dan kita mencari satu penyelesaian yang terbaik. Saya mengalu-alukan pihak kerajaan negeri ataupun pihak PBT bersama-sama dengan perkara ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, daripada Yang Berhormat Batu Kawan. Lapangan terbang. Saya telah katakan lapangan terbang di semua kawasan, di semua negeri termasuklah di Pulau Pinang, selepas kita memuktamadkan perjanjian OA yang baharu, kita memperkenalkan REIT, dalam masa beberapa bulan kita akan memuktamadkan projek-projek yang kita akan ada. Memang di Lapangan Terbang Pulau Pinang adalah antara lapangan terbang yang paling memerlukan *upgrade* sebab kapasitinya memang sudah *overcapacity* sekarang. Kita akan memberikan keutamaan kepada beberapa projek seperti di Pulau Pinang, di Kota Bharu, di Sandakan dan di Ipoh mungkin. Ini semua dalam pertimbangan kita dan kita harap akan dapat memulakan pelaksanaannya menjelang tahun depan.

Satu topik lagi tadi yang berkenaan dengan MIROS iaitu berkenaan dengan *road safety* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan dan juga Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi, berkenaan dengan Menora Tunnel. Memang kita sedar bahawa kawasan itu memang banyak kemalangan. Apabila berlaku kemalangan tersebut, saya telah mengambil satu keputusan yang drastik, kita telah memberikan satu mesej yang cukup kuat kepada semua syarikat pengendali pengangkutan awam ini ataupun syarikat *commercial vehicles* ini, syarikat-syarikat lori, kita menggantung operasi mereka selama 14 hari dan mereka kita bagi surat tunjuk sebab. Kalau mereka tak dapat memberikan satu alasan yang baik ataupun tidak menunjukkan satu peningkatan daripada segi tahap keselamatan, lesen mereka akan dibatalkan. Kita telah berikan surat tunjuk sebab kepada syarikat itu.

Salah satu cadangan yang saya telah lontarkan ialah kita lihat adalah kita melarang kenderaan berat untuk menggunakan Menora Tunnel. Akan tetapi cadangan itu saya tak dapat laksanakan kerana kalau kita melaksanakan cadangan itu, maka Yang Berhormat Kuala Kangsar akan membuat aduan. Ini kerana kalau kita tidak membenarkan kenderaan berat menggunakan Menora Tunnel, menggunakan jajaran itu, maka ia perlu memasuki kawasan Kuala Kangsar, memasuki bandar Kuala Kangsar. Kalau kenderaan-kenderaan berat ini, lori-lori besar ini masuk ke bandar Kuala Kangsar, itu akan menimbulkan masalah yang lain pula.

Jadi kita tak dapat menimbang cadangan itu. Akan tetapi apa pun, kita ada alternatif yang akan dapat kita guna tak lama lagi iaitu kita ada *west coast highway* yang baharu. Jadi kita akan cuba menggalakkan kenderaan-kenderaan berat itu mengelakkan Menora Tunnel dan apabila *west coast highway* itu telah siap, kenderaan-kenderaan berat ini cuba kita alihkan ke arah *west coast highway*. Itu yang kita dapat laksanakan.

Akan tetapi untuk jangka masa pendek, saya telah meminta supaya penguat kuasa JPJ berada di kedua-dua laluan itu atau di permulaan Menora Tunnel dan selepas turun bukit dekat dengan kawasan Kuala Kangsar, kita ada penguat kuasa sepanjang masa sekarang ini. Jadi ada pegawai-pegawai JPJ yang berada di sana dan itu mungkin dapat mengurangkan sedikit kelajuan dan sebagainya. Kita hendak memberikan mesej bahawa sentiasa ada pihak penguat kuasa di sana. Ini harap dapat kita memberikan satu peringatan kepada pemandu-pemandu supaya lebih berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut yang memang kita tahu adalah satu kawasan yang cukup bahaya, yang ada banyak kemalangan dan sebagainya.

Berkenaan dengan peruntukan untuk kesedaran jalan raya dan sebagainya. Sekali lagi kita tak boleh bergantung hanya kata kalau tak ada peruntukan, kita tak buat. Kita kena cari jalan yang lain. Saya telah minta pihak JKJR dan semua agensi yang terlibat, kita perlu cari pendekatan yang lain. Kalau kerajaan tak ada cukup peruntukan, kita cari pihak swasta, kita cari pihak Persatuan Insurans Am Malaysia. Ada banyak pihak yang sama-sama melaksanakan kempen kesedaran ini. Baru-baru ini saya dengan Yang Berhormat Bandar

Tun Razak, Timbalan Menteri Pengangkutan, kedua-dua kita akan mengambil bahagian dalam filem pendek ataupun iklan berkenaan dengan kempen kesedaran jalan raya yang ditawarkan ataupun yang di-*sponsor* oleh pihak PIAM (Persatuan Insurans Am Malaysia).

Jadi, ini antara perkara-perkara yang kita laksanakan. Mungkin kita tak dapat sediakan banyak peruntukan, tetapi apa yang kita boleh bantu ataupun apa yang kita boleh sokong ialah penyertaan daripada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan semua yang terbabit dalam kementerian. Kita sama-sama dengan pihak persatuan, dengan pihak swasta untuk sama-sama kita melaksanakan kempen kesedaran jalan raya.

Untuk makluman, ada beberapa perkara yang kita hendak buat tahun ini dan tahun depan iaitu kempen kesedaran besar-besaran berkenaan dengan *child seat*. Kita hendak memperkenalkan tahun 2020 supaya setiap kereta mesti ada *child seat* dan di belakang, di kawasan penumpang atau di tempat duduk penumpang, kita akan mensyaratkan supaya tali pinggang itu mesti dipakai. Jadi, itu antara perkara-perkara yang kita akan laksanakan mulai tahun 2020.

Yang Berhormat Labis ada bertanya berkenaan dengan MH370. Memang benar bahawa esok *next of kin* (NOK), mereka akan datang ke Kementerian Pengangkutan untuk menyerahkan beberapa serpihan-serpihan MH370. Kita akan menerima serpihan-serpihan itu dan saya akan serahkan kepada pihak *investigator* untuk meneruskan siasatan berkenaan dengan serpihan tersebut. Memang ini pernah juga kita temui beberapa serpihan tetapi apa-apa *lead* baharu ini kita terima.

Berkenaan dengan pencarian semula ini, kerajaan telah mengatakan bahawa kalau ada mana-mana *lead* ataupun ada bukti-bukti yang kukuh, ada penemuan-penemuan yang dapat meyakinkan bahawa kita dapat mencari pesawat itu, kerajaan akan mempertimbangkan semula. Kita tidak menutup sepenuhnya ataupun ruang untuk kita mengadakan misi pencarian, tetapi kerajaan tidak boleh meneruskan sepanjang masa. Kalau tanpa *leads*, tanpa bukti yang kukuh di mana lokasi pesawat itu, kita tak dapat melaksanakan misi pencarian. Akan tetapi kalau ada penemuan, ada bukti yang kukuh, saya akan membawa semula ke Kabinet dan kita harap Kabinet akan dapat meluluskan apa-apa misi untuk pencarian semula. Memang kita tahu bahawa sehinggalah MH370 ini ditemui, memang perkara ini belum lagi muktamad. Tidak ada *closure* untuk pihak *next of kin* ataupun keluarga yang terlibat.

Yang Berhormat Kota Kinabalu tadi bertanya berkenaan dengan LPKP Sabah, pengerusi belum dilantik. Kita akan lantik pengerusi sementara terlebih dahulu untuk menguruskan hal-hal pentadbiran di LPKP Sabah. Kita sedang mengenal pasti calon yang sesuai untuk Pengerusi LPKP Sabah dan nama yang sesuai itu akan diangkat untuk kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Untuk KK-Tawau, mencadangkan *fixed price*. Ini belum dapat kita laksanakan tahun ini kerana saya telah berbincang dengan pihak AirAsia yang telah menawarkan kadar tambang tetap ini kepada banyak laluan dan memang mereka *overstretch* sebab *flight* tambahan ini bukan senang untuk dilaksanakan, dia *overstretched* sebab bukan sahaja kapal terbang tetapi krew perlu dipanjangkan masa bertugas mereka dan itu pun musim Tahun Baru Cina. Kena juga faham bahawa ada juga krew yang akan menyambut Tahun Baru Cina. Jadi kita kena faham bahawa penerbangan ini memang kalau pergi untuk sebelum Tahun Baru Cina nak pergi memang akan penuh, tetapi balik itu boleh bayangkanlah. Pukul 2.00 pagi, pukul 3.00 pagi dari KK ataupun dari Kuching nak balik ke Kuala Lumpur, mungkin penerbangan itu tak banyak, tak ramai orang akan menggunakan penerbangan untuk musim sebelum Tahun Baru Cina.

Memang lepas Tahun Baru Cina ataupun lepas perayaan, terbalik pula. *On the way* pergi tak ramai, *on the way* balik ramai. Jadi, ini bukan mudah untuk syarikat penerbangan *commit* untuk terlalu banyak penerbangan seperti ini. Akan tetapi apa pun, mereka telah adakan penerbangan-penerbangan ini yang saya galakkan dan kita akan harap dapat membantu untuk merendahkan kadar tambang tiket kapal terbang. Bukan sahaja untuk Tahun Baru Cina, malah untuk perayaan-perayaan lain, kita harap dapat juga kita laksanakan untuk Hari Raya dan sebagainya.

Yang Berhormat Kota Melaka tadi ada bertanya berkenaan dengan adakah lesen haram akan terus disiasat. Memang akan terus disiasat lesen terbang. Saya akan bagi jawapan yang lebih terperinci melalui jawapan bertulis. Cuma sepintas lalu, kes ini masih

hidup, masih *ongoing* di SPRM. Kita sentiasa memberikan kerjasama kepada pihak SPRM untuk meneruskan siasatan terhadap isu lesen terbang ini.

Pemasangan CCTV untuk semua kereta. Sekali lagi ini adalah satu cadangan, tetapi nak laksanakan itu bukannya sesuatu yang mudah untuk kita terus melaksanakan kerana kalau nak mewajibkan setiap kereta memasang CCTV, *pushback*-nya ialah kos. So memang kita tahu ada kebaikannya kerana ia akan mendapat bukti kalau ada apa-apa berlaku di depan kereta kita, tetapi *pushback*-nya ialah kos. Sentiasa kalau kita hendak menambah kos kepada rakyat Malaysia, maka ada juga tentangan dan ada juga yang tidak bersetuju. Akan tetapi apa pun, kita akan melihat sejauh mana ini dapat dilaksanakan. Akan tetapi pemasangan CCTV untuk bas ekspres, kita akan wajibkan dan juga kita akan wajibkan untuk bas berhenti-henti untuk pemasangan CCTV ini.

#### ■2050

Ada juga cadangan hari itu untuk memasang CCTV untuk lori juga, itu juga akan kita pertimbangkan dan mungkin kita akan melaksanakan perkara ini secara berperingkat.

Berkenaan dengan *line* di antara Tampin dengan Melaka, setakat ini belum ada cadangan itulah. Saya mohon maaf, kalau Negeri Sembilan tidak ada *airport*, mungkin Melaka tidak ada landasan kereta api tetapi Melaka itu banyak *gateway*. Kalau tidak ada landasan kereta api pun, ramai yang pergi Melaka. Ia ada lebuhraya, ada jalan, ada lapangan terbang, ada feri. Jadi mungkin setakat ini belum dapat kita pertimbangkan untuk landasan kereta api untuk Melaka.

Kiosk untuk JPJ memang kita akan tambah, memang saya setuju sebab kiosk yang ada sekarang ini di pejabat JPJ. Saya juga berbincang dengan JPJ, saya kata kiosk di JPJ itu tidak memberikan kemudahan yang besar kepada pihak orang ramai. Saya difahamkan kiosk di pejabat JPJ itu banyak digunakan oleh *runner*, bukannya digunakan oleh orang ramai. Jadi sekarang ini saya telah berbincang dengan pihak pembekal kiosk itu, kita hendak lihat bagaimana membekalkan kiosk itu bukannya di pejabat JPJ tetapi meletakkan kiosk itu di tempat-tempat orang ramai macam ATM mesin, ini akan memudahkan. Jadi pelaksanaannya tidak lama lagi, kita akan menambah kiosk ini di seluruh negara, di tempat-tempat orang awam supaya memudahkan orang awam berurusan dengan JPJ, nak bayar *road tax* ke, nak bayar lesen ke. Semua itu boleh dibuat melalui kiosk dan mungkin tidak perlu lagi ke pejabat JPJ dan sebagainya.

Saya mengambil sedikit masa lagi Tuan Pengerusi kalau boleh sebab masa masih awal sebelum pukul 9, walaupun semua dah balik. Saya mengambil sedikit masa lagi. Yang Berhormat Labuan ada beberapa cadangan berkenaan dengan KK - Labuan menggunakan pesawat yang lebih besar. Itu saya akan bincang dengan pihak MAS sebab sekarang ini memang di antara KK ke Labuan dikendalikan oleh MAS Wing. Itu pun kalau tidak silap saya ia dalam kerangka *rural air service*. Sama ada ini boleh dibuka untuk laluan komersial, kita akan lihat.

Berkenaan dengan terminal kargo, itu perkara yang baru dibangkitkan. Saya belum mendapat maklumat berkenaan dengan perkara ini. Saya akan berikan jawapan bertulis.

Saya lihat Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi juga ada membangkitkan berkenaan dengan masalah banjir ataupun masalah di Lapangan Terbang Pulau Pinang. Memang kita sedar perkara itu, ada tindakan yang telah pun diambil untuk memastikan supaya masalah banjir tidak berulang di Lapangan Terbang Pulau Pinang. Akan tetapi apa pun saya ada jawapan yang lebih padat akan kita serahkan melalui jawapan bertulis.

Tadi Yang Berhormat Dungun ada membangkitkan berkenaan dengan OKU *friendly* di lapangan terbang dan sebagainya. Memang kita tahu bahawa ada pelbagai cadangan dan permintaan daripada pihak ataupun golongan OKU. Kita sentiasa bekerjasama dengan NGO-NGO ini untuk menambah baik. Kita akan pastikan supaya semua prasarana kita, semua kemudahan-kemudahan pengangkutan kita mesti mengambil kira keperluan dan kemudahan untuk golongan OKU kerana kita tidak boleh memikirkan mereka. Apa-apa syarat-syarat pembangunan sekarang ini memang antara fasiliti yang kita akan perketatkan dan kita akan pastikan supaya mesti ditawarkan ataupun dilaksanakan antaranya ialah kemudahan untuk pihak OKU. Memang kalau ada apa-apa kekurangan, kita sedia menerima apa-apa cadangan dan teguran daripada pelbagai pihak. Kalau di mana-mana tempat yang tidak ada ataupun tak cukup OKU *friendly* ataupun tidak cukup OKU sensitif, tolong beritahu kepada pihak kementerian, kita akan tambah baik dari semasa ke semasa.

Had laju. Memang ada kawasan yang mungkin tidak sesuai lagi untuk kita letakkan had laju 60, 70 dan sebagainya. Untuk AES, saya telah minta supaya kamera-kamera AES ini hanya dipasang di kawasan di mana had lajunya 110 kilometer sejam. Oleh sebab ini perkara yang kita tahu bahawa ada kadang-kadang ada kawasan-kawasan yang tidak sesuai dari segi meletak kamera AES itu.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** Mohon penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Isunya ialah kerana apabila kita melihat kepada kepentingan semasa, ianya dilihat lebih oleh rakyat seolah-olah kawasan had laju minimum ini merupakan tempat di mana pencarian hasil kerajaan apabila berlakunya pengoperasian had laju itu. Jadi oleh kerana sebenarnya ia untuk kepentingan yang melibatkan pengguna, maka saya sampaikan hasrat mereka. Jadi saya harap diberi perhatian khusus tentang perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, kita akan mengambil kira cadangan daripada Yang Berhormat. Memang ada tempat-tempat yang kita akan lihat semula. Akan tetapi kalau ada mana-mana kawasan spesifik yang rasa had laju itu tidak sesuai, Yang Berhormat dan Ahli-ahli Parlimen bolehlah beri cadangan bertulis kepada kita, kita akan minta pihak MIROS untuk melihat kembali dan memang pemasangan AES itu akan diletakkan di kawasan-kawasan *hotspot*. Memang apabila kita memasang satu-satu kamera AES itu, kita akan pastikan bahawa ia akan dipasang di kawasan-kawasan yang memang *accident prone* ataupun di kawasan yang di mana ada berlaku banyak kemalangan dan kita akan berikan perhatian dan keutamaan kepada kawasan-kawasan tersebut.

Yang Berhormat Gerik ada membangkitkan isu bas berhenti-henti. Memang itu kita akan lihat secara keseluruhannya untuk tahun depan sebab selama ini kerajaan ada memberikan subsidi kepada bas berhenti-henti di seluruh negara melalui *Inter-State Bus Support Fund* (ISBSF). Kita lihat bahawa kadang-kadang mungkin dari segi pemberian subsidi itu mungkin tidak mencapai sasarannya, tidak sampai ke golongan sasar, kita akan lihat secara keseluruhan bagaimana kita menambah baik. Kita akan menggunakan sebaik-baiknya subsidi itu untuk memastikan bas berhenti-henti yang lebih efisien, yang lebih selamat, yang lebih kerap untuk penggunaan di seluruh negara.

Berkenaan dengan cadangan MyLesen itu untuk anak-anak muda. Memang kita ada program seperti itu tetapi apa yang saya telah minta JPJ untuk hentikan ialah sebelum ini ada program di mana mereka kumpulkan sekumpulan anak muda, lepas beberapa jam lesen diberikan. Mereka ada hanya kursus mungkin dalam masa beberapa jam. Saya rasa dalam isu pemberian lesen ataupun proses pemberian lesen ini, kita perlu lebih serius. Kalau mereka tidak melalui latihan yang mencukupi, saya rasa tidak sepatutnya diberikan lesen. Kita hendak anak-anak muda kita yang memandu motosikal benar-benar terlatih, benar-benar mendapat pengetahuan memandu dan sentiasa menjaga keselamatan mereka sendiri. Bukannya kita hendak popular terus bagi lesen, kalau mereka tidak ada pendedahan, tidak ada latihan yang mencukupi. Kita bagi lesen, mereka seronok tetapi akhirnya kita akan membahayakan penunggang-penunggang motosikal ini.

Jadi dari segi keselamatan tidak ada kompromi. Kita tidak akan memberikan lesen secara sembarangan. Saya harap pihak Ahli-ahli Yang Berhormat semua dapat bersetuju dan menyokong tindakan daripada pihak JPJ ini walaupun tidak popular. Kita tahu dulu kalau ada program di luar bandar, dia buat satu program setengah hari, lepas beberapa jam kursus boleh diberikan lesen, mungkin *sponsor* pun. Akan tetapi saya rasa program ini tidak sesuai lagi, kita menghentikan program itu. Akan tetapi kita hendak lihat bagaimana membantu kalau betul anak-anak muda yang tidak mampu di kawasan luar bandar boleh cadangkan apa cadangan spesifik untuk membantu mereka.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** Yang Berhormat Menteri, isu yang melibatkan anak muda itu suatu yang bagus dan tegas yang perlu dilaksanakan. Akan tetapi ada juga orang-orang tua ini, orang dewasa yang juga tidak mempunyai lesen tetapi dalam program yang dilaksanakan oleh JPJ itulah diberikan lesen dalam masa tertentu. Jadi adakah program ini akan terus dilangsungkan?

**Tuan Loke Siew Fook:** Saya katakan Yang Berhormat kita tidak kira dia tua atau muda, yang penting dia mesti ada kemahiran memandu sebelum diberikan lesen. Kalau dah berumur, kalau dia ada kemahiran tidak apa tetapi kita hendak pastikan latihan yang mencukupi. Kalau dia tak melalui satu latihan yang mencukupi, satu ujian yang tidak mencukupi maka diberikan lesen, itu membahayakan pemandu tersebut. Jadi dalam soal pemberian lesen ini, saya harap semua Ahli Yang Berhormat boleh bersetuju dalam perkara



ini bahawa apabila kita memberikan lesen, kita hendak pastikan orang itu benar-benar ada kemahiran memandu. Kalau dia tidak ada kemahiran, *sorry*. Kita ada banyak mode lain sekarang ini, ada banyak alternatif lain untuk kita gunakan pengangkutan, bukannya setiap orang perlu memandu.

Kalau mereka benar-benar tidak ada kemampuan atau keupayaan untuk memandu, lebih baik kita menggalakkan mereka menggunakan pengangkutan awam. Itu mesej saya, bukannya kita hendak menyekat mana-mana orang mendapatkan lesen. Mereka boleh melalui proses pembelajaran melalui institut memandu yang telah dikhususkan. Kalau mereka mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan, tidak ada masalah kita berikan lesen kepada mereka. Akan tetapi kalau dah popular, kita buat kursus jangka pendek beberapa jam, lepas itu bagi lesen, itu saya rasa akan membahayakan pemandu-pemandu dan penunggang-penunggang. Itu yang kita tak nak supaya kita sama-sama memastikan setiap orang itu mempunyai kemahiran yang lebih baik sebelum kita mendapat lesen.

Jadi jam pun hampir sampai pukul 9.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Tuan Pengerusi, satu sahaja mengenai susur tol di Menora yang saya ada minta Yang Berhormat Menteri pertimbangkan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Apa cadangan daripada Yang Berhormat Kuala Kangsar?

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Saya mohon tadi satu perkara di mana Allahyarham Datuk Wan, dia telah memperjuangkan perkara ini begitu lama tiga tahun sebelum saya menjadi Ahli Parlimen mengenai susur tol di kawasan Menora supaya tidak lagi, *there is a bottleneck there* supaya juga pertumbuhan baru boleh diadakan di kawasan itu.

**Tuan Loke Siew Fook:** Okey terima kasih. Kita akan panjangkan cadangan ini kepada pihak Kementerian Kerja Raya sebab berkenaan dengan pembukaan susur tol baru atau mana-mana simpang baru, itu bukan di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan, itu adalah di bawah Lembaga Lebuh Raya Malaysia.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Saya setuju Yang Berhormat Menteri tetapi sebelum ini semua di dalam *Hansard*, Kementerian Pengangkutan yang menjawab soalan kepada mantan Allahyarham.

**Tuan Loke Siew Fook:** Okey saya akan minta supaya kementerian akan kita panjangkan kepada pihak Kementerian Kerja Raya. Bagi kita, tidak ada masalah untuk menyokong cadangan tersebut tetapi itu bukannya bidang tugas di bawah Kementerian Pengangkutan. Kita akan panjangkan.

Apa pun saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Mana-mana soalan yang saya tidak sempat menjawab secara spesifik, saya mohon maaf. Akan tetapi apa yang saya janjikan tadi, semua jawapan-jawapan ini telah pun ada tetapi di peringkat Jawatankuasa ini Tuan Pengerusi pun tahu bahawa di peringkat Jawatankuasa ini kadang-kadang maklumat-maklumat itu disediakan oleh pihak pegawai di belakang, saya pun tidak sempat baca maklumat-maklumat ini.

Jadi kalau mana-mana jawapan yang spesifik kita akan tapiskan dulu dan kita akan membuat jawapan yang lebih spesifik. Kita akan edarkan dan berikan jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan persoalan-persoalan ini dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan Kementerian Pengangkutan di peringkat Jawatankuasa sampailah ke jam 9 ini. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan semua cadangan itu kita terima secara baik dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Menteri Pengangkutan yang telah menjawab perbahasan yang telah dibangkitkan. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,749,943,300 untuk Maksud B.28, di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM1,749,943,300 untuk Maksud B.28, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,982,113,400 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM3,982,113,400 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]*

**[Majlis mesyuarat bersidang semula]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi hari Isnin, 3 Disember 2018. Terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.03 malam]***